

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 54

Selasa

25 November 2014

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):	
■ Laporan Dokumentari Terbitan Al-Jazeera – Isu Hak Asasi Manusia Pelarian	
- <i>YB. Tuan Lim Lip Eng (Segambut)</i>	(Halaman 24 & 84)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 25)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2015	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B.13	(Halaman 27)
Maksud B.62	(Halaman 65)
Maksud B.63 dan B.64	(Halaman 163)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 26)
Usul Anggaran Pembangunan 2015	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.13	(Halaman 27)
Maksud P.62	(Halaman 65)
Maksud P.63 dan P.64	(Halaman 163)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Selasa, 25 November 2014
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dan membesarkan landasannya menjadi Lapangan Terbang Antarabangsa.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan belum mempunyai perancangan untuk menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu sebagai lapangan terbang antarabangsa.

Keperluan memanjangkan landasan tidak diperlukan bagi operasi semasa di lapangan terbang tersebut. Walau bagaimanapun, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra boleh mengendalikan penerbangan antarabangsa sekiranya ada permintaan seperti mana yang telah dilaksanakan awal tahun ini yang mana syarikat AirAsia membuat penerbangan Kota Bharu – Singapura dengan menggunakan pesawat Airbus 320.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengikut statistik yang ada, jumlah penumpang untuk Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu, bagi tahun 2013, jumlah penumpang yang naik dan turun ialah sejumlah 1,563,407 orang.

Penerbangan sehari ialah 36 penerbangan. Bererti untuk setahun Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu mengendalikan sebanyak 13,140 penerbangan dan dianggap sebagai lapangan terbang antara yang paling sibuk di dalam negara ini. Jika nak dibandingkan dengan beberapa lapangan terbang yang lain, sudah tentulah Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra lebih berkepentingan untuk diwujudkan sebagai lapangan terbang antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan sudah pun membuat pengambilan tanah bagi tujuan pembesaran Lapangan Terbang Pengkalan Chepa ataupun Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu. Kalau sudah dibuat pengambilan, ini bererti kerajaan sudah mempunyai niat untuk memperbesarkan lapangan terbang tersebut sebagaimana

soalan saya. Sekiranya kerajaan mempunyai niat, bilakah lagi kerajaan nak merealisasikan niat yang sudah dicetuskan puluhan tahun yang lepas?

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Lapangan Terbang Kota Bharu boleh diperluaskan dan diperbesarkan, ianya sudah tentulah akan membolehkan kapal terbang-kapal terbang yang besar yang boleh membawa jemaah-jemaah haji yang begitu ramai daripada Kelantan untuk membuat penerbangan terus ke Saudi. Maka, soalan saya adakah kerajaan akan bercadang untuk memasukkan perancangan ini di dalam Rancangan Malaysia Ke-11? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, di sini ada dua perkara iaitu satu pembesaran dan satu lagi untuk taraf antarabangsa. Jadi saya menjawab mengenai pembesaran. Memang kita akui Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra ini memang agak sibuk dan telah pada dasarnya mencapai tahap yang tinggi. Maka, sebab itu kementerian mengambil tindakan untuk mengemukakan satu projek itu dimasukkan dalam projek RMKe-11 untuk membesarkan lapangan terbang ini untuk menampung sehingga 2.5 juta penumpang.

Sekarang ini baru 1.5 juta. Jadi kementerian telah membuat perancangan yang dianggarkan berjumlah RM172 juta dan ini kita telah pohon di bawah RMKe-11.

■1010

Dalam projek ini, kita juga mahu membesarkan bangunan terminal bagi menampung 2.5 juta penumpang setahun. Maka, secara tidak langsung, terminal lapangan terbang ini akan dibesarkan bagi peruntukan RMKe-11 sekiranya diluluskan.

Seterusnya mengenai taraf antarabangsa, sehingga kini tiada permintaan daripada mana-mana syarikat penerbangan antarabangsa untuk mengadakan penerbangan berjadual dari mana-mana destinasi di dunia ini untuk ke Kota Bharu. Malah untuk makluman, penerbangan yang kita telah luluskan untuk AirAsia dari Kota Bharu ke Singapura pun telah ditamatkan pada bulan lepas kerana tidak mempunyai cukup *load*. Jadi, syarikat-syarikat penerbangan ini akan membuat keputusan komersial sekiranya ia tidak mempunyai *load* yang mencukupi, maka syarikat penerbangan ini tidak akan meneruskan. Jadi, apa yang saya dapat maklumat, penerbangan Kota Bharu-Singapura hanya setakat 40%. Maka sebab itu ia tidak *viable* dan ia telah diberhentikan pada bulan Oktober. Terima kasih.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa belum ada perancangan untuk menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sebagai lapangan terbang antarabangsa dan juga dijawab bahawa sekiranya ada syarikat-syarikat yang ingin menggunakan lapangan terbang untuk antarabangsa. Cuma kita lihat daripada sudut prasarana lapangan itu sendiri dengan *parking bay*, dengan izin hanya ada tiga dengan lapangan pendek, bagaimana kita hendak menjemput syarikat-syarikat untuk mengadakan penerbangan antarabangsa, sedangkan saya rasa menjadikan lapangan terbang antarabangsa di Pengkalan Chepa itu sendiri akan menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi negeri Kelantan itu sendiri daripada sudut penerbangan ke Indo-China dan sebagainya.

Jadi, soalan saya ialah apakah kerajaan tidak dapat memikirkan semula untuk memenuhi hasrat menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sebagai lapangan terbang antarabangsa? Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai lapangan terbang Kota Bharu, ia boleh menampung pesawat-pesawat dari destinasi antarabangsa dan landasan 2.4 kilometer ini boleh menampung pesawat yang boleh terbang menjangkau selama enam jam. Jadi, mana-mana destinasi dalam radius enam jam penerbangan, ia boleh sampai atau boleh menggunakan lapangan terbang Kota Bharu kerana landasannya mencukupi untuk pesawat-pesawat seperti Boeing 737 dan juga Airbus 320.

Sekarang pun lapangan terbang ini memang boleh menampung penerbangan yang besar, antarabangsa dan seperti yang saya sebutkan tadi, walaupun kita telah beri kelulusan untuk penerbangan Singapura ke Kota Bharu tetapi ia diberhentikan, mengambil kira keputusan komersial. Jadi sekiranya ada syarikat-syarikat penerbangan untuk dari Indo-China ke Kota Bharu, kita sedia meluluskannya. Akan tetapi keputusan ini adalah keputusan komersial yang akan diambil oleh syarikat-syarikat penerbangan. Terima kasih.

2. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah aset dan liabiliti bagi kesemua syarikat berkait kerajaan (GLC) termasuk Sarawak Economic Development Corporation (SEDC); dan
- (b) jumlah pendapatan (ROI) termasuk bayaran cukai pendapatan daripada syarikat-syarikat ini daripada tahun 2000 hingga 2013.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan rombongan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Komuniti 1Malaysia Kampung Danau, Bekenu, Sibuti diketuai oleh Kaunselor Ali Yusof Sua'al dari Parlimen Sibuti, Sarawak. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah aset dan liabiliti syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) khususnya GLC utama yang terlibat dalam Program Transformasi GLC (G20) pada tahun kewangan 2013 adalah seperti berikut; jumlah aset kasar adalah RM1,382.3 bilion; jumlah liabiliti kasar adalah sebanyak RM946.8 bilion; dan aset bersih adalah sebanyak RM435.6 bilion.

Jumlah pulangan atas ekuiti – ROE, keuntungan bersih dan cukai yang dibayar oleh anggota G20 dari tahun kewangan 2004 hingga tahun 2013 pula adalah seperti berikut:

- (i) pulangan atas ekuiti atau *Return of Equity*;

Tahun	Pulangan atas Ekuiti (%)
2004	10
2005	7
2006	10
2007	16
2008	11

2009	8
2010	11
2011	12
2012	13
2013	12

(ii) keuntungan bersih;

Tahun	Ringgit Malaysia (bilion)
2004	9.9
2005	7
2006	10.5
2007	19.2
2008	14.5
2009	11.8
2010	17.1
2011	20.6
2012	26.1
2013	25.6

(ii) cukai yang dibayar;

Tahun	Ringgit Malaysia (bilion)
2004	2.8
2005	3.6
2006	4.2
2007	5
2008	5.4
2009	5.4
2010	6.8
2011	7.1
2012	8.2
2013	8.1

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Sarawak Economic Development Corporation tidak tergolong di dalam senarai takrifan GLC. Sekian, terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menyedari program untuk G20 ataupun GLC yang 20 ini di bawah program sepuluh tahun yang dilaksanakan oleh kerajaan sejak tahun 2004 sehingga 31 Oktober lepas. Saya hanya pinta peratusan yang lebih spesifik daripada segi peratusan dividen dan cukai yang disumbangkan oleh GLC selain daripada Petronas kalau boleh diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga minta kementerian memberi perincian gaji median yang diterima oleh Ketua Pengarah Eksekutif GLC berbanding dengan gaji median bagi pekerja mereka. Saya beri contoh bagi Syarikat Microsoft, *the CEO* atau Ketua Pengarah Eksekutif, nisbah gaji beliau dengan pekerja adalah 11:1.

Justeru, saya pohon perincian dan saya tahu mungkin melibatkan masa tetapi *to the best of your availability*, dengan izin. Yang Berhormat boleh maklumkan supaya kita tahu peratusan penglibatan dan juga dividen yang diberikan oleh syarikat GLC lain, bukan sahaja Petronas. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat. Sebenarnya dalam G20 ini tidak termasuk daripada segi syarikat Petronas. Ia sebenarnya terlibat— kalau boleh saya bacakan syarikat-syarikat yang terlibat:

- (i) Affin Holdings;
- (ii) Axiata;
- (iii) BIMB Holdings;
- (iv) Boustead;
- (v) CCM Malaysia atau Chemical Company of Malaysia;
- (vi) CIMB Group Holdings;
- (vii) Malaysia Airport;
- (viii) Malaysia Airlines;
- (ix) Malayan Banking;
- (x) Malaysian Buildings Society Berhad;
- (xi) Malaysian Resource Corps. Berhad;
- (xii) Sime Darby Berhad;
- (xiii) TH Plantations;

■1020

- (xiv) Telekom Malaysia Berhad;
- (xv) Tenaga Nasional Berhad;
- (xvi) UEM Group Berhad; dan
- (xvii) UMW Holdings Berhad.

Sebenarnya dahulu dia ada G20, tetapi senarai dikurangkan kerana terdapat pelupusan. Sebagai contoh dari segi pelupusan, terdapat syarikat yang dilupuskan seperti Proton Holdings Berhad dan Pos Malaysia. Terdapat juga syarikat-syarikat yang telah digabungkan menjadi Sime Darby Berhad seperti Sime Darby Holdings, Golden Hope Plantations Berhad dan Guthrie Group. Dari segi dividen yang telah dibayar sebenarnya oleh G20, yang ini memang tidak termasuk dari segi Petronas seperti senarai yang telah saya umumkan tadi. Dividen yang telah dibayar adalah sebanyak RM93 bilion dari tahun 2004 hingga tahun 2013.

Dari segi jumlah cukai yang dibayar adalah sebanyak RM57 bilion. Dari segi medium gaji, ini saya ingat saya perlu masa untuk mendapatkan jawapan tersebut kerana ini adalah di luar lingkungan soalan ini. Akan tetapi kita akan cuba sedaya upaya kerana memang dari segi inisiatif kerajaan, kita harus mengimbangkan keperluan kita juga untuk mencari pengarah-pengarah, CEO yang boleh memimpin syarikat-syarikat ini supaya mereka boleh menjana pendapatan yang lebih tinggi untuk manfaat rakyat melalui dividen dan cukai pendapatan yang dibayar. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. SEDC ditubuhkan pada bulan Mac 1972 di bawah Ordinan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak sebagai sebuah badan berkanun untuk industri pelancongan dan pembangunan sosioekonomi Sarawak. GLC merangkumi dan berkaitan dengan beberapa sektor seperti

ekonomi, pengangkutan darat, infrastruktur sektor teknologi dan infrastruktur sektor sosial. Saya ingin tahu, apakah sumbangan syarikat-syarikat GLC dan SEDC ini kepada pembangunan ekonomi, berapakah jumlah peluang-peluang pekerjaan yang diciptakan dan adakah syarikat-syarikat ini menjadi pemangkin utama kepada ekonomi negara. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan yang telah diberi. Sebenarnya dari segi syarikat-syarikat GLC ini, kebanyakannya mereka adalah berteraskan untuk mengekalkan kepentingan kerajaan dalam sektor strategik. Mereka juga menyediakan khidmat sosial kepada rakyat kepada rakyat seperti perkhidmatan pengangkutan dan utiliti. Juga terdapat inisiatif untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan teknologi. Sebagai contoh, KTMB menyediakan pengangkutan, tetapi dari segi keuntungan kita tahu bahawa mereka menghadapi masalah. Akan tetapi ini adalah kerana khidmat sosial. Maka dari segi jumlah peluang pekerjaan yang dicipta atau dengan adanya GLC-GLC ini, kita tidak ada jawapan pada masa ini.

Akan tetapi saya yakin kebanyakan GLC-GLC yang telah diwujudkan ini sudah memainkan peranan dalam menjana ekonomi kita untuk memastikan sama ada dari segi perkhidmatan sosial atau untuk memberikan lebih banyak peluang pekerjaan, Sebagai contoh, kalau kita melihat dari segi GLC tadi, G20 yang telah saya katakan, syarikat seperti CIMB telah boleh dikatakan membangun sehingga dia telah melabur di luar negara. Ini tentu memberi peluang untuk rakyat kita juga bekerja di tempat yang lain kerana mereka sentiasa memastikan dari segi *consolidated* ini dapat menolong dari segi pembangunan negara kita. Sekian, terima kasih.

3. Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum [Kubang Pasu] minta Perdana Menteri menyatakan GTP (2009) apakah telah membantu kerajaan di dalam memperkemas dan memperkukuhkan sektor perkhidmatan awam terutamanya dalam mengenal pasti pelantikan KSU-KSU di pelbagai kementerian yang benar-benar mampu menerajui tanpa melibatkan campur tangan politik menteri-menteri di kementerian-kementerian berkaitan. Selain itu, apakah kerajaan telah mewujudkan pemantau untuk kementerian-kementerian berkenaan di kalangan mereka yang berkemahiran bagi memberikan *rating* prestasi kementerian-kementerian. Jika ya, sebutkan nama-nama mereka yang terlibat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan calon untuk dilantik sebagai Ketua Setiausaha dibuat berdasarkan kepada kriteria-kriteria tertentu. Kriteria tersebut adalah prestasi, keupayaan memimpin, pemikiran strategik, keberkesanan komunikasi, keupayaan kepantasan bertindak, pengalaman dan potensi pegawai untuk menerajui kementerian. Di samping itu, penerimaan *stakeholders* turut diambil kira dalam pelantikan KSU. Saya tambah, termasuk juga ataupun tidak ketinggalan, mempunyai sifat tawaduk dan juga ikhlas.

Prestasi KSU kementerian dinilai melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2008. Pemantauan KPI KSU dilaksanakan oleh Jawatankuasa Khas Panel Pemantauan dan Penilaian Prestasi Perjawatan Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan

Awam yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara. Sekian, terima kasih.

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, saya ingin memohon penjelasan daripada Menteri iaitu kaedah ataupun cara bagi memastikan badan-badan berkanun mempunyai pemantauan dalam urus tadbir korporat dan pengauditan. Ini kerana organisasi ini, mereka boleh membuat keputusan tanpa merujuk kepada kementerian. Ini bermakna, ahli jemaah, lembaga pengarah boleh membuat keputusan. Jadi, saya ingat apakah kaedah untuk kita memantau badan-badan berkanun ini?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan bagus. Jawapannya bagus. Kalau mengikut Tuan Yang di-Pertua, saya cuma jawab sepatah sahaja. Akan tetapi yang ini, rakyat sedang memerhati. Saya hendak beritahu bahawa kaedah untuk sesuatu badan berkanun, sebab Yang Berhormat tanya badan berkanun ataupun *statutory body*. Sekarang ini setiap badan berkanun, dia mempunyai perundangannya sendiri. Sering kali dalam badan berkanun mengikut pengalaman saya sebagai Menteri Besar dahulu, bahawa dia ada sebut perkataan 'Menteri'. Setiap benda itu dia ada rujuk perkataan 'Menteri'. Jadi, badan berkanun itu bertanggungjawab kepada kementerian atau badan yang menubuhkannya.

Tuan Yang di-Pertua, orang bertanya kepada saya, apakah beza di antara GLC dan badan berkanun. Badan berkanun ini, anggotanya adalah pegawai kerajaan yang mempunyai hak dan juga kelayakan berpencen dan sebagainya. Akan tetapi ada juga pegawai yang bukan termasuk dalam kumpulan berpencen. Jadi makna kata, kuasa bagi sesuatu badan berkanun itu di samping terletak kepada lembaga pengarahnya, dia ada sebut perkataan 'Menteri' untuk kes-kes yang melibatkan polisi dan sebagainya.

Jadi memendekkan cerita Yang Berhormat, Menteri yang menjadi Menteri kepada sesuatu kementerian dan di bawahnya ada badan berkanun, haruslah bertanggungjawab untuk memantau supaya perjalanan badan ini terutamanya dari segi urus tadbir dan juga pengauditan berjalan dengan sebaiknya. Malah, pelantikan bagi pengerusi-pengerusi badan berkanun dibuat berdasarkan kriteria seperti juga KSU, tetapi akhirnya dirujuk kepada *stakeholder*. Jadi, *stakeholder* memainkan peranan yang penting untuk memastikan perjalanan sesebuah badan berkanun.

Jadi Yang Berhormat, kalau sekiranya terdapat badan-badan berkanun yang cuba menguruskan sesuatu perkara tanpa merujuk kepada *stakeholder*, maka *stakeholder* yang bertanggungjawab. Ini kerana *stakeholder* di akhirnya akan bertanggungjawab di Parlimen dan menjawab kepada rakyat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar, "*Tali jangan putus, kait jangan serkah*"? Berapakah bilangan wanita di dalam kalangan KSU ini? Kalau ada kekurangan wanita, mengapa?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Untuk membolehkan seseorang dilantik menjadi KSU, dia mestilah berdasarkan kriteria yang telah saya sebutkan. Semua mereka ini akan melalui proses jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.

■1030

Jadi pada masa sekarang, mereka menunggu giliran untuk sampai ke tahap menjadi KSU, tetapi jangan lupa bahawa di akhirnya, *stakeholder* juga mempunyai peranan untuk pelantikan KSU.

Jumlah wanita, saya tidak pasti, tetapi kalau dibandingkan dengan zaman saya dahulu, tidak ada wanita yang menjadi KSU, semasa saya menjadi pegawai PTD. Sekarang saya tengok ramai wanita yang menjadi KSU. Kalau mengikut proses yang ada sekarang ini, menunjukkan bahawa ramai wanita akan menjadi KSU. Malah, akan tiba satu zaman di mana mungkin hampir semua KSU adalah wanita kerana kedudukan pendidikan sekarang bagi sesuatu universiti.

Saya bagi contoh sebuah universiti, kedudukannya dulu masa kita ada jawab di Parlimen, bukan dulu, baru ni, penggal ini, kita ada jawab bahawa kedudukannya 70:30. Akan tetapi, telah berlaku keadaan di mana sampai 80:20. Wanita ramai yang berjaya di dalam pendidikan dan mereka ramai yang masuk ke dalam PTD. Malah, tiap-tiap kali *intake* PTD, kita tengok ramai wanita yang menjadi pegawai dan mereka ini bakal KSU.

Pada masa sekarang, kita ada tujuh orang KSU wanita. Boleh berlaku pertambahan kalau sekiranya mereka melalui syarat-syarat. Malah, Setiausaha Dewan Rakyat kita ialah wanita. Ini sebagai contoh hendak tunjukkan bahawa betapa wanita yang kita sangat-sangat hormati dan sayangi itu sudah pun berada di pasaran kepimpinan negara sekarang.

4. **Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bagaimana kementerian ini boleh berlaku adil kepada 85,000 lepasan siswazah yang telah memohon pekerjaan melalui *on-line* pada 6 September 2014 berbanding dengan keperluan kepada jawatan kosong yang ada.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh.

Portal *JobsMalaysia* adalah merupakan suatu sistem penjodohan pekerjaan atas talian yang disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia. Sistem ini membolehkan pencari pekerja membuat carian dan memohon pekerjaan, manakala majikan boleh menawarkan kekosongan jawatan yang ada di syarikat mereka. Sistem ini berupaya membuat padanan secara automatik antara kelayakan calon dengan kriteria kekosongan yang ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, portal *JobsMalaysia* beroperasi secara layan diri di mana pengguna sendiri perlu membuat carian permohonan dan menawarkan pekerjaan. Pihak pentadbir iaitu Kementerian Sumber Manusia, tidak terlibat dalam menentukan penjodohan, pemilihan untuk temu duga dan seterusnya penempatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, keberkesanan portal ini bergantung kepada sejauh mana pencari kerja membuat carian dan memohon jawatan yang sepadan serta pihak majikan pula yang mengambil tindakan untuk memilih pemohon yang layak untuk ditemu duga.

Pemilihan untuk mengisi kekosongan jawatan adalah dalam bidang kuasa pihak majikan sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasar Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan kepada soalan saya.

Sebagaimana yang kita tahu, pekerjaan ini sepatutnya tidak menjadi masalah bagi mahasiswa-mahasiswa kita atau pelajar-pelajar yang keluar daripada universiti kerana mereka ini dipilih daripada kalangan yang agak bijak, berkebolehan dan berketerampilan. Akan tetapi masalah yang kita tahu ialah, apabila mereka keluar daripada universiti, masih ramai yang tidak mempunyai kerja.

Soalan saya ialah, adakah di sana kesilapan di pihak kerajaan atau pihak kita dalam mengatur pelajar-pelajar ini, membahagikan mereka kepada kursus-kursus yang ada, atau kita memberikan penerangan kepada mereka supaya memilih kerja-kerja yang tertentu dan apabila mereka telah keluar daripada universiti, didapati jawatan-jawatan itu tidak ada. Jawatan itu tidak mencukupi untuk mereka atau lambakan kepada sesuatu kursus yang telah dirancang oleh kerajaan. Adakah ini berlaku dan inilah yang menyebabkan lambakan mahasiswa yang berlaku sekarang? Adakah ini yang berlaku? Kalau ini yang berlaku, apakah jalan keluar atau perancangan yang dilakukan oleh kerajaan untuk membolehkan mereka-mereka ini mendapat jawatan-jawatan mereka, mendapatkan pekerjaan-pekerjaan untuk mereka? Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk membetulkan keadaan ini supaya mereka ini, *insya-Allah*, boleh mendapatkan pekerjaan?

Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Pasar Puteh. Kita mengakui memang ada lambakan dalam sesetengah-sesetengah bidang atau kursus-kursus yang ditawarkan di universiti dan sebagainya, terlalu ramai pelajar yang mengambil kursus tersebut. Maka oleh itu, pihak kerajaan – dan sepatutnya soalan ini lebih diajukan atau ditujukan kepada pihak JPA. Akan tetapi, bila seseorang memasuki sesebuah universiti, mereka haruslah secara bijak memilih kursus-kursus atau bidang-bidang yang lebih *employability*, dengan izin, yang lebih dapat pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian kerana Karnival Azam Kerja 1Malaysia begitu berjaya, kerana saya beri contoh, dua minggu yang lalu di Parlimen Baling di mana kita telah adakan program seumpama ini, hampir 2,100 anak-anak muda datang untuk temu duga dan akhirnya pada hari tersebut, penghujungnya, 913 orang telah mendapat pekerjaan. Syabas dan tahniah, terima kasih saya hendak ucapkan.

Akan tetapi saya juga ingin bertanyakan soalan kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana kaedah ini dapat diperluaskan di seluruh negara? Sudah semestinya tanpa mengira sempadan politik. Semua Parlimen dapat dilakukan dan bagaimana kaedah, cara Yang

Berhormat Menteri dapat memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini dan seluruh rakyat jelata? Ini satu lagi kaedah yang mana hari ini setahu saya, 225,337 orang pencari kerja di seluruh Malaysia berjaya mendapatkan pekerjaan hasil pelbagai program dianjurkan Kementerian. Jadi, ini perlu. Soalan saya, bagaimana kaedah yang Kementerian hendak buat statistik ini dan menguar-uarkan kepada seluruh rakyat jelata dalam negara ini?

Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kita mempunyai dua jenis karnival. Satu, Karnival Azam Kerja iaitu bagi mereka yang di bawah golongan eKasih, dan satu lagi jenis karnival yang kita adakan adalah Karnival Pekerjaan.

■1040

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia akan terus dengan usahanya untuk mengadakan karnival-karnival seperti karnival eKasih dan karnival penempatan dalam masa mendatang. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini sebenarnya pada tahun ini dari segi karnival pekerjaan kita telah menganjurkan sejumlah 100 program iaitu di seluruh negara. Karnival penempatan pekerjaan yang terdekat akan diadakan di Kuala Terengganu pada 11 dan 12 Disember ini yang bakal melibatkan 40 majikan dan bakal menawarkan 1,000 pekerjaan. Sekian terima kasih.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, dengan kekosongan yang agak terhad, dengan usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan melalui Program Karnival AZAM Kerja dan pelbagai usaha lagi ia masih tidak dapat memenuhi peluang-peluang pekerjaan kepada golongan siswazah ini. Jadi apakah usaha yang dilakukan seterusnya bagi memastikan pelajar-pelajar ini lepasan siswazah ini mendapat peluang pekerjaan. Jika mereka memohon di swasta pun Menteri mereka tidak dapat tempat kerana pihak swasta akan melihat kepada kesesuaian kelulusan mereka untuk kerja-kerja kosong yang ditawarkan. Sekian terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Jadi cara-cara kita Kementerian Sumber Manusia untuk membantu para lepasan siswazah yang belum mendapat pekerjaan selain daripada mengadakan karnival sama ada Karnival AZAM Kerja atau eKasih atau Karnival Penempatan Kerja. Kita juga mempunyai program yang dipanggil sebagai penempatan dengan kerjasama APH, temu duga terbuka, *night career fair*, *holiday placement*, penempatan melalui *client account*, penempatan melalui program kerjasama agensi lain, *employability* program, penempatan kerja separa masa, program khas dan integrasi Jobs Malaysia sektor awam, SPA dan SPP.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini tahun ini melalui program-program tersebut kita telah berjaya menempatkan 45,904 pekerjaan kepada para siswazah. Sekian terima kasih.

[Soalan No. 5 – Y.B. Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) tidak hadir]

6. **Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan sama ada kajian telah dibuat mengenai penggunaan kaedah uji upaya atau *means-testing* bagi subsidi petrol, dan jika ya, apakah perincian kajian tersebut, termasuk kos dan jururunding yang dilantik.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dalam pembentangan Belanjawan 2015 pada 10 Oktober 2014 telah menyatakan komitmen untuk melaksanakan rasionalisasi subsidi. Terutamanya subsidi petroleum di bawah strategi memantap tadbir urus fiskal dan pelaksanaan rasionalisasi subsidi ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan kemampunan kedudukan kewangan negara dan juga menjamin kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Ia adalah bagi memastikan pemberian subsidi adalah lebih bersasar di samping mengurangkan ketirisan dan penyeludupan. Langkah ini khususnya dilihat dapat membantu mengukuhkan kedudukan kewangan dan memastikan sasaran defisit fiskal pada paras 3.5% daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada tahun 2014 dan 3% pada tahun 2015 tercapai.

Pada masa kini Kementerian Kewangan dan juga Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta agensi dan jabatan kerajaan berkaitan sedang mengkaji secara menyeluruh spesifikasi terbaik mekanisme baru subsidi bersasar. Di antara faktor-faktor yang akan diambil kira adalah seperti kumpulan sasar yang layak, kenaikan kos sara hidup, impak terhadap kedudukan fiskal negara dan juga trend harga pasaran dunia petroleum. Ini adalah penting bagi memastikan pelaksanaan mekanisme baru subsidi bersasar hanya memberi kesan yang minimum dan tidak membebankan rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah serta tidak menjejaskan kedudukan kewangan dan pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan akan mengumumkan kriteria terperinci mekanisme ini setelah kajian selesai dan dimuktamadkan. Terima kasih.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan penggantian subsidi petrol dengan sistem apungan terkawal ataupun *manage float*. Saya agak keliru kerana itu atas jawapan Timbalan Menteri kerana tidak menyebut perkara ini. Akan tetapi apa pun saya rasa pengumuman kerajaan bagi menggantikan subsidi petrol ini adalah pengakuan pada saranan Pakatan Rakyat sejak akhir bulan Oktober bahawa rakyat Malaysia sedang membayar cukai minyak akibat harga minyak mentah sedunia yang sudah jatuh ke bawah harga pam sebenar.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sistem apungan terkawal ini mungkin memanfaatkan rakyat di waktu harga minyak sedunia berada di tahap yang rendah. Namun begitu apakah rancangan kerajaan untuk mengurangkan beban rakyat sekiranya harga minyak naik lagi. Adakah apungan terkawal atau *manage float* ini akan diteruskan atau adakah subsidi akan dikembalikan? Jadi saya pohon agar Yang Berhormat Timbalan Menteri

menjelaskan perkara ini dan juga formula ataupun mekanisme bagi apungan terkawal agar ia lebih telus dan tidak disalahgunakan. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat. Jawapan yang saya beri ini berlandaskan soalan yang Yang Berhormat kemukakan pada Dewan ini sebelum daripada pengumuman pengapungan yang diumumkan pada 21 November yang lalu. Itu soalan Yang Berhormat jadi jawapan saya beri mengikut soalan Yang Berhormat sebelum pengumuman ini.

Untuk makluman Yang Berhormat pengapungan terkawal atau *manage float* RON95 dan juga diesel ini merupakan satu kaedah penetapan harga runcit RON95 dan juga diesel berdasarkan perubahan kos petroleum di pasaran seperti Yang Berhormat sebut tadilah. Perubahan kos produk petroleum ini dipengaruhi oleh kadar penukaran mata wang dan juga harga minyak mentah dunia. Cuma apa yang Yang Berhormat soal tadi mengenai sekiranya sekarang ini pasaran harga di dunia begitu rendah dan apa akan berlaku sekiranya pasaran ini lebih daripada harga yang ada sekarang.

Untuk makluman Yang Berhormat sekarang ini kerajaan telah pun melihat trend bagi segi persediaan bagi harga yang akan kita tetapkan, tentukan pada mulai pada 1 Disember. Jadi trend harga ini kita akan lihat pada bulan November dan pada awal mungkin pada 1 November atau penghujung bulan November ini kita akan umumkan harga pada 1 Disember.

■1050

Begitu juga bagi segi pengumuman dibuat pada tiap-tiap bulan, harga minyak RON95 dan juga diesel di seluruh negara. Jadi, sekiranya ada perubahan peningkatan mungkin sekarang ini sudah *free market*. Jadi, bergantung kepada harga. Kalau turun dia akan turun, kalau naik harganya mungkin melebihi. Akan tetapi, daripada tinjauan kita, kita beranggapan bahawa pasaran sekarang ini mungkin dalam tahun 2015 harganya seperti apa yang sedia ada dan mungkin menurun daripada sekarang. Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Beruas. Yang Berhormat Beruas.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi saya peluang. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kaedah uji upaya atau pun *means-testing* ini digunakan secara meluas di negara-negara maju terutamanya bagi mengenal pasti mereka yang layak menerima bantuan dalam *employment benefit*, dalam *social security*, perumahan. Ukurannya ini sebenarnya adalah objektif dan tidak *arbitrary* terutama kepada mereka yang peniaga-peniaga kaya dalam memfailkan kes-kes untuk *bankruptcy*.

Akan tetapi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri adakah pihak kerajaan bercadang untuk menggunakan kaedah uji upaya ini atau *means-testing* ini sekiranya harga minyak nanti naik satu paras yang kerajaan terpaksa menanggung bebanan untuk subsidi dan mengenakan harga minyak di pasaran kepada mereka yang berpendapatan yang kerajaan fikirkan perlu kita kenakan harga pasaran. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Jasin kerana soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun kita adakah sekarang ini pasaran *free market* tetapi untuk makluman Yang Berhormat kita masih lagi kekalkan sistem kawalan diesel bersubsidi dan yang kita laksanakan pada 1 Mac 2006 sebagai langkah kerajaan untuk menyalurkan subsidi diesel. Yang ini khas untuk diesel kepada kategori pengangkutan awam kerana ini melibatkan orang awam. Jadi, program ini dilaksanakan bagi mengurangkan kos operasi syarikat pengangkutan awam agar kos pengangkutan awam tidak membebankan pengguna dan juga rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat sehingga Oktober 2014 sejumlah 22,575 buah kenderaan, ini akan kita kekalkan 11 kategori iaitu seperti berikut:

- (i) bas sekolah. Ini melibatkan pengangkutan anak-anak sekolah;
- (ii) bas ekspres;
- (iii) bas berhenti-henti;
- (iv) bas mini;
- (v) bas pengantara;
- (vi) kereta sewa;
- (vii) teksi;
- (viii) van mayat;
- (ix) lori mayat. Ada juga van dan juga lori;
- (x) ambulans dikendalikan oleh badan sukarela; dan
- (xi) bomba yang dikendalikan oleh badan sukarela.

Subsidi ini masih dikekalkan iaitu mengikut sekarang ini harga yang ditanggung oleh subsidi ini untuk pengangkutan awam ini ialah RM1.88. Kalau ikut harga pasaran sekarang ini RM2.30. Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Selain daripada pengangkutan awam yang diberikan subsidi diesel, ramai rakyat miskin yang menggunakan kenderaan diesel. Pada masa sekarang ini subsidi diesel boleh dikatakan sudah dikurangkan dan hampir tidak ada lagi subsidi. Adakah kerajaan berniat untuk menurunkan cukai jalan kenderaan diesel yang berlipat ganda kalau dibandingkan dengan kenderaan petrol.

Ini kerana pada masa yang lepas, diesel diberikan subsidi yang banyak dan dikenakan cukai jalan yang tinggi. Jadi, memandangkan subsidi telah ditarik balik, untuk berlaku adil kepada golongan miskin yang menggunakan kenderaan diesel, adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan cukai jalan? Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan daripada Yang Berhormat Beruas. Untuk makluman Yang Berhormat mengenai dengan cukai jalan ini di bawah Kementerian Pengangkutan. Jadi, minta maaf saya tidak dapat memberi jawapan. Terima kasih.

7. **Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah pelaksanaan Polis Syariah akan dimulakan bagi memastikan proses sokongan pelaksanaan perundangan syariah negara ini dapat dipertingkatkan lagi selari dengan hasrat rakyat dan komitmen Kerajaan Persekutuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa memberikan penekanan terhadap pelaksanaan dan perundangan syariah di negara ini selari dengan kedudukan Islam yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang syariah, kerajaan sedang berusaha untuk menempatkan pegawai pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Jabatan Agama Islam Negeri. Untuk itu, beberapa siri perbincangan telah diadakan melibatkan kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan seperti Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri.

Hasil daripada perbincangan dan mesyuarat yang telah diadakan, beberapa aspek penting berhubung pelaksanaan cadangan penempatan pegawai PDRM tersebut telah dikenal pasti iaitu kaedah penempatan, jumlah dan bidang tugas pegawai. Di samping itu, aspek-aspek teknikal sedang diperhalusi dengan beberapa agensi pusat sebelum ia dapat dilaksanakan. Dalam hal ini JAIN akan dirujuk untuk mendapatkan persetujuan bagi menempatkan pegawai-pegawai PDRM di Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing. Terima kasih.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan Polis Syariah ini kita lihat bahawa sesetengah tugas dari segi syariah ini terutamanya dalam bidang halal dan sebagainya dipegang oleh pelbagai kementerian. Contohnya halal ini penguatkuasaannya dari segi pemantauan adalah KPDNKK.

Begitu juga tentang ajaran sesat dan sebagainya. Jadi, apakah Jabatan Perdana Menteri JAKIM bercadang untuk mereka sendiri menguruskan polis syariah ini daripada mereka memberikan tugasnya kepada Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan sebentar tadi di mana sebagaimana yang telah kita sedia maklum KPDNKK dalam hal yang berhubung dengan penguatkuasaan halal sememangnya peruntukan yang sebagaimana pindaan APD, Akta Perihal Dagangan 1972 yang dipinda 2011 yang lalu kita telah pun mengubah dan meminda pindaan tentang penguatkuasaan halal dan KPDNKK ialah mereka yang menguatkuasakan hal tersebut. Dalam masa yang sama juga diperturunkan.

Ini suka saya maklumkan diperturunkan kuasa itu kepada pihak JAKIM dan sekarang kita ada 63 orang yang telah pun mempunyai kuasa untuk tujuan penguatkuasaan melalui kuasa yang diperturunkan oleh KPDNKK. Namun, berbalik kepada soalan tadi iaitu yang berkaitan

dengan polis ini, sebenarnya kita tidak menetapkan nama polis syariah, dia polis. Jadi, kalau polis tetap polis. Kalau kita ubah jadi syariah, nanti bidang tugas dia jadi lain.

Maka, sebab yang demikian kita bersetuju kalau sekiranya sampai masanya nanti untuk penguatkuasaan ini diberikan kepada pihak mahkamah syariah atau pun pihak jabatan agama itu sendiri. Namun sebagai permulaan, perjawatan ini dinamakan perjawatan KEDA di mana dalam tempoh dua tahun kita mengadakan cubaan, tempoh cubaan dan akan ada pandangan-pandangan susulan kemudian selepas dari tempoh cubaan tersebut. Kedudukan terkini masih lagi kita menunggu keputusan kelulusan perjawatan daripada pihak JPA. Jadi, ini peringkat yang sedang ada sekarang ini. Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan yang begitu baik dalam soalan ini. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri mengenai kedudukan di beberapa negara terutamanya negara-negara Islam di dunia ini yang mereka sudah pun mempunyai polis syariah atau polis agama.

Sebagai contohnya di Saudi Arabia telah terdapat lebih kurang 3,500 orang anggota Unit Khas Polis berkaitan dengan agama, di Aceh dan juga di Nigeria sebuah negara di Afrika yang mana dia ada 12 buah negeri. Lima dari negeri-negeri itu melaksanakan undang-undang syariah, mereka juga mempunyai polis syariah.

■1100

Di negara kita sendiri Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dalam pasukan polis, ia ada polis marin yang *in charge* bahagian laut, ada FRU, ada polis hutan atau sekarang ini telah dijadikan sebagai PGA, polis pelancongan pun ada. Memandangkan sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebut Islam ialah agama Persekutuan. Kita ada undang-undang syariah, kita ada Mahkamah Syariah dan saya difahamkan bidang kuasa Mahkamah Syariah pun akan dipinda untuk dinaikkan lagi. Adakah Yang Berhormat Menteri merasakan sudah sampai masanya pasukan polis walaupun tidak tubuh di bawah JAKIM, di bawah pasukan polis sudah ada satu unit khas polis. Sebagaimana Yang Berhormat Menteri sendiri sebagai ketua di dalam Kor Agama Angkatan Tentera, tentera sudah kor agama, polis adakah tidak boleh ada unit agama yang khusus untuk syariah untuk orang Islam sahaja. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Jauh kita pergi Tuan Yang di-Pertua, sampai ke luar negara mengambil contoh-contoh. Terima kasih juga dalam pandangan yang saya harap ia dapat membantu untuk lebih memperkukuhkan bahagian syariah di negeri-negeri. Sebagaimana yang telah sedia maklum, sejarahnya begitu di negara kita Malaysia. Ada Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan Mahkamah Syariah yang berada di kuasa negeri masing-masing. Untuk kuasa dalam konteks Mahkamah Sivil di peringkat pihak polis sebagai pihak penguat kuasa dan pihak pejabat AG sebagai satu pihak pendakwa.

Jadi, saya juga memikirkan sudah sampai masa yang perlu kita pandang jauh ke hadapan. Mahkamah Syariah hari ini berada di peringkat penguatkuasaan dan juga peringkat

pendakwaan di bawah satu bumbung yang berada di bawah Jabatan Agama Islam negeri masing-masing. Sudah sampai masa kita memikirkan pemisahan di antara dua bumbung ini supaya akan dilihat lebih telus dan lebih dilihat tidak saling mempengaruhi di antara semua pihak dan pihak-pihak yang diadili akan lebih mendapat keadilan yang lebih terbuka dan lebih telus. Maka, justeru yang sama, amat bersesuaian apabila kita memikirkan mekanisme ke arah memperkukuhkan bahagian penguatkuasaan dan juga bahagian pendakwaan yang supaya ketelusan ini akan lebih terserlah. Termasuk juga dalam Mahkamah Syariah yang ada dalam konteks Malaysia pada hari ini.

Jadi, berbalik kepada Yang Berhormat Kota Bharu sebutkan tadi, mungkin barangkali ini sebagai satu permulaan yang baik ke arah untuk memikirkan perubahan-perubahan dan juga ke arah memikirkan ke arah untuk lebih memperkasakan lagi Mahkamah Syariah melalui sistem pendakwaan dan juga penguatkuasaan yang lebih telus dan lebih terbuka. Berbalik kepada polis tadi, walaupun Kementerian Dalam Negeri, soalan ini wajar untuk dikemukakan kepada KDN. Namun, saya suka sebutkan bahawa polis sendiri hari ini sudah ada kor agama dalam angkatan tentera di mana mereka dinamakan dengan satu badan BAKAR iaitu badan yang menguruskan hal-hal yang berkaitan keagamaan tetapi hanya khusus kepada anggota polis semata-mata.

Akan tetapi sebagaimana saya sebutkan tadi, sudah sampai masa kita memikirkan, dilebarkan kepada Mahkamah Syariah melalui permulaan pihak polis yang diwujudkan untuk tujuan jawatan Kader untuk tempoh percubaan dua tahun sehingga ada satu cadangan yang lebih konkrit untuk memperkasakan Mahkamah Syariah. Terima kasih.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa cadangan untuk mendapatkan polis bekerjasama dengan JAKIM adalah baik. Hanya saya hendak menyatakan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the best policing is your own conscience*. Apakah cadangan kementerian ataupun JAKIM untuk menentukan bahawasanya cara yang terbaik untuk 'memolis' diri kita sendiri adalah iman dan takwa. Bolehkah kiranya JAKIM memberi perancangan, apakah perancangan JAKIM untuk menentukan penduduk kita, khususnya golongan muda mendapat iman dan takwa. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Indera Mahkota, terima kasih atas satu pandangan yang sedikit keluar daripada kebiasaan iaitu mewujudkan anggota polis yang ditugaskan untuk menguatkuasakan kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Namun, sebagaimana yang telah kita juga sedia maklum dalam konteks perubatan, *prevention is better than cure*. Ini juga, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam erti kata sebelum berubat, kita mencegah lebih baik. Sepatutnya begitu Yang Berhormat Indera Mahkota tetapi dalam masa yang sama juga akan ada nanti di sana ruang-ruang orang melakukan kesalahan dan kesilapan.

Jadi, kedua-dua sudut ini kita perkemaskan. Jadi, sebab itu peranan JAKIM dan juga Jabatan Agama Islam, Majlis Agama Islam sedia ada pada hari ini ialah untuk memperkemaskan dalam konteks membangunkan modal insan ataupun *human capital*, dalam masa yang sama membangunkan iman dan takwa mereka. Akan tetapi bagi yang melakukan kesalahan juga kita

harus mengambil tindakan yang seadil, sepatut dan sewajarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8. Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa] minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memindahkan Hospital Raja Perempuan Zainab II ke tempat yang lebih strategik di mana ia mengambil kira keluasan ruang dan juga keselesaan pelanggan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Soalan ini berkenaan dengan Hospital Raja Perempuan Zainab II.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Kesihatan tiada perancangan untuk memindahkan Hospital Raja Perempuan Zainab II dari tapak sedia ada memandangkan KKM telah melaksanakan beberapa projek bagi meningkatkan kemudahan sedia ada. Di antaranya:

- (i) menaiktarafkan Jabatan Kecemasan dan Trauma;
- (ii) pembinaan blok rawatan harian ataupun ACC; dan
- (iii) pembinaan makmal jantung *invasive*

Selain daripada itu, KKM juga sedang melaksanakan beberapa projek hospital baru ataupun gantian seperti Hospital Bachok – 76 buah katil, Hospital Kuala Krai – 268 buah katil dan dijangka akan dapat mengurangkan kesesakan di hospital HRPZ II. KKM akan terus mengkaji keperluan untuk meningkatkan prasarana kesihatan bagi kesejahteraan rakyat negeri Kelantan dengan meningkatkan taraf hospital sedia ada dan pembangunan hospital-hospital baru di masa hadapan.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga timbalan menteri yang menjawab. Kita tahu bahawa Hospital Raja Perempuan Zainab II ini dikelilingi oleh stadium, sekolah, wisma dan sebagainya dan begitu *congested*, dengan izin. Jadi, saya rasa kementerian seharusnya memberi perancangan sama ada RMKe-11 atau RMKe-12 kerana di sana masih lagi ada tanah-tanah yang murah dan masih lagi ada tanah untuk persiapan di masa hadapan. Kalaupun tidak ada perancangan, saya tidak bercakap soal *upgrading* hospital tetapi saya bercakap tentang kesesakan. Oleh yang demikian, saya rasa kalaupun tidak memindahkan keseluruhan hospital, adakah kementerian memikirkan untuk memindahkan komponen yang agak kritikal seperti O&G dan Pediatrik ke satu tempat yang lain untuk mengatasi kesesakan di kawasan tersebut. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya pun dah pergi melawat ke hospital ini. Memang berlaku kesesakan di wad-wad yang tertentu seperti wad Pediatrik itu dan juga di O&G, wad bersalin, memang sesak. Jadi, sebab itu buat sementara ini kita telah merancang satu Hospital Kuala Krai yang akan ada kepakaran, 2 jenis kepakaran yang dipanggil *major specialist* hospital, ada 20 kepakaran di Kuala Krai. Jadi, maknanya sekarang ini semua kes dirujuk kepada HRPZ II tetapi bila dah siap hospital ini, kerja pun dah mula, kerja *construction*, kerja tanah dah mula, siap esok, maka ada kes yang boleh kita rujuk pada Hospital Kuala Krai dan kes yang lain dirujuk kepada Hospital Raja Perempuan Zainab II.

Dengan cara itu kita boleh *decongest*, dengan izin, mengurangkan kesesakan di HRPZ II, Tuan Yang di-Pertua, buat sementara waktu ini. *In future* memanglah Tuan Yang di-Pertua, perlu kita lihat semula hospital ini. Hospital ini pun dah memang sesak, ada 920 buah katil dan setakat ini *bed occupancynya* 86% Tuan Yang di-Pertua. Memang pada masa akan datang kita akan rancang lain.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berkenaan dengan hospital kerajaan. Apakah inisiatif yang diambil oleh pihak kementerian dalam memperbaiki mutu dan kualiti khidmat pelanggan serta layanan staf di hospital-hospital kerajaan. Ini kerana kita tahu kebanyakan pelanggan-pelanggan hospital kerajaan ini adalah mereka yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Serta sejauh manakah komitmen kerajaan dalam memastikan hospital-hospital kerajaan utama di setiap negeri memiliki kemudahan serta teknologi perubatan yang terkini agar walaupun tidak mampu bersaing dengan hospital swasta tetapi sekurang-kurangnya ia boleh menyediakan perkhidmatan yang baik. Terima kasih.

■1110

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Di Malaysia Tuan Yang di-Pertua, kita ada dua jenis perkhidmatan iaitu perkhidmatan hospital kerajaan dan hospital swasta. Seluruh rakyat Malaysia boleh pergi ke hospital kerajaan dan mereka yang mampu dia beli insurans dan dia akan mendapatkan rawatan di hospital swasta. Kalau dilihat kemudahan yang ada Tuan Yang di-Pertua, ada kemudahan-kemudahan yang tertentu, hospital kerajaan lebih baik daripada hospital swasta. Kemudahan yang berbagai-bagai.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dalam hal kita meningkatkan perkhidmatan memang kita sentiasa mengadakan pelbagai program, pelbagai kursus dan latihan di peringkat paramedik, peringkat doktor, pakar-pakar memang ada latihan. Contohnya tiap-tiap tahun kita keluarkan 1,000 tempat, kita sediakan 1,000 tempat untuk doktor-doktor yang berminat untuk belajar jadi pakar. Kita juga bekerjasama dengan pihak kerajaan, bersama dengan pihak universiti dan juga swasta. Dari segi paramedik di bawah National Institutes of Health ini kita sudah ada tujuh bidang yang kita sentiasa *upgrade*. Ini semuanya untuk kebaikan untuk meningkatkan perkhidmatan kita Tuan Yang di-Pertua.

9. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk memberikan taraf kewarganegaraan Malaysia kepada lebih dari 600 warga asing yang telah berkahwin dengan penduduk tetap Langkawi yang mana ada sesetengah perkahwinan mereka menjangkau lebih daripada 20 tahun walaupun permohonan telah dibuat, pihak kementerian menyatakan masih dalam proses.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini mengambil maklum bahawa penduduk tetap Langkawi yang dimaksudkan oleh Ahli Yang

Berhormat itu merujuk kepada warga asing yang menetap di Langkawi dan telah berkahwin dengan warganegara Malaysia. Dalam hal ini bahagian ketiga Perlembagaan Persekutuan ada memperuntukkan undang-undang kepada warganegara asing untuk memohon kewarganegaraan Malaysia.

Walau bagaimanapun, turut dimaklumkan bahawa kewarganegaraan Malaysia tidak akan diberi secara automatik kepada warga asing atas sebab perkahwinan kerana mereka tertakluk kepada peruntukan undang-undang semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penganugerahan warganegara Malaysia kepada warga asing merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberi dengan sewenang-wenangnya. Dalam hal ini beban untuk membuktikan bahawa setiap pemohon adalah layak dianugerahkan di bawah undang-undang kewarganegaraan Malaysia terletak di bawah tanggungjawab pemohon itu sendiri. Justeru, kerajaan akan membuat penelitian terperinci dan mempertimbangkan sewajarnya ke atas setiap permohonan kewarganegaraan Malaysia berdasarkan dokumen yang dikemukakan oleh pemohon. Terima kasih.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya, soalan ini adalah kerana di kawasan saya terdapat ramai isteri yang berkahwin dengan suami mereka. Isteri dari Thailand kerana kita bersempadan menyebabkan mereka ada masalah dari segi untuk mendapatkan kad pengenalan ini. Ada yang anak-anak mereka tidak boleh ke sekolah, tidak boleh ambil *exam* dan mereka juga tidak boleh pergi haji.

Ada di antara isteri-isteri ini ialah isteri imam dan bilal tetapi prosedurnya amat ketat. Oleh yang demikian itu, saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah kriteria dan kaedah yang harus dinilai untuk memberi status kewarganegaraan kepada penduduk yang saya maksudkan tadi? Saya memohon supaya kerajaan dapat mengambil inisiatif bagaimana menyelesaikan masalah ini yang telah berlarutan lebih 20 tahun. Mohon jawapan.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Perundangan berhubung dengan mendapat kewarganegaraan Malaysia terbahagi kepada dua peringkat Yang Berhormat, dari sudut sejarahnya. Sebelum Oktober 1962, barang siapa yang lahir di sini di bawah sistem dikatakan Jus Soli di bawah perkataan Latin ataupun sistem *the son of the soil* ini, siapa sahaja lahir di Malaysia ini, dia secara automatik menjadi rakyat Malaysia. Sistem ini telah diubah pada bulan Oktober 1962 yang mana dia perlu mematuhi syarat undang-undang yang saya sebutkan tadi memohon di bawah Perkara 15 Perlembagaan Persekutuan iaitu "*Pemohon warganegara secara pendaftaran oleh mana-mana perempuan bersuami yang suaminya seorang warganegara Malaysia pada permulaan bulan Oktober 1962...*" yang saya sebutkan itu "*...tertakluk kepada syarat utama perkahwinan wujud berdaftar, telah bermastautin di bawah persekutuan sepanjang tempoh dua tahun sebelum tarikh permohonan dan berniat berbuat sedemikian secara tetap dan berkelakuan baik.*"

Jadi daripada itu, permohonan dokumen itu mestilah dihantar kepada kementerian untuk diproses di peringkat negeri dan akhirnya disampaikan ke peringkat pusat ataupun dihantar terus

kepada pihak JPN untuk diproses dan dinilai semua dokumen tersebut. Kalau seseorang itu, wanita yang berkahwin dengan lelaki luar, dia juga memohon secara sedemikian selepas berkahwin, perkahwinan yang sah. Selepas si suami itu mendiami negara ini dengan syarat yang mencukupi dan telah dinilai mencukupi masa dalam masa tahunan yang tertentu dan semua ini akan dinilai dan dokumen ini akan dinilai, permohonan akan dipertimbangkan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita tidak boleh secara automatik.

Kalau tidak, semua yang di Sabah itu, semua akan boleh diberi, yang di penempatan Sarawak juga, orang asing yang duduk di Sarawak itu, orang Iban juga daripada Kapuas daripada Kalimantan, semuanya boleh jadi rakyat Malaysia nanti. Jadi kita tidak beri secara automatik. Dia mesti juga bermohon. Proses undang-undang perlu dilaksanakan juga melainkan Dewan ini *decide otherwise*. Terima kasih, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah kepada mereka yang lahir daripada perkahwinan yang tidak sah secara rasminya. Contohnya bagi yang Islam, seorang daripadanya ialah warganegara dan seorang adalah bukan warganegara tetapi bernikah menggunakan imam kampung kalau mengikut terminologi mereka dan mereka telah melahirkan anak di Labuan dan di kawasan lain di Malaysia. Begitu juga kepada pasangan bukan Islam, mereka melahirkan anak sebelum berkahwin tetapi kemudiannya berkahwin. Jadi, sebahagian daripada anak-anak mereka lahir ketika mereka belum lagi rasmi menjadi suami dan isteri. Adakah peluang untuk anak-anak ini untuk menjadi warganegara dan seterusnya mendapat pendidikan yang mereka rasakan mereka mempunyai hak mengikut *human rights* dan sebagainya. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, mohon saya sedikit masa untuk memberi penjelasan sebab dia pelbagai sistem yang terlibat. Kalau seseorang wanita melahirkan anak daripada perhubungan dengan seorang lelaki yang lain, yang mana wanita itu rakyat Malaysia. Lelaki itu bukan rakyat Malaysia dan lahir di sini dia mendapat warganegara walaupun perhubungan di antara lelaki dengan wanita tadi tidak mempunyai sah perkahwinannya dan tidak ada pendaftaran perkahwinannya dan perkahwinan lagi adalah sah dari sudut Islam. Kalau dia sah dalam sudut Islam dan didaftarkan kepada Jabatan Pendaftaran ia akan jadi sah. Yang masalahnya sudah diwakili, diwalikan dan disaksikan, perkahwinan ini tidak dilaporkan berkahwin di Narathiwat umpamanya, sebelum sempadan, tidak dilaporkan kepada kerajaan oleh kerana takut tidak ada kebenaran dan sebagainya. Ini yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua.

■1120

Kedua ialah lahirnya anak antara perhubungan lelaki anak Malaysia tetapi isterinya bukan. Ini jelas dalam perlembagaan bahawa anak yang lahir itu akan mengikut *nationality* ibunya. Maknanya kalau ibu orang China, orang Vietnam, orang Thailand, orang Filipina, Indonesia, dia akan menjadi *nationality* negara tersebut. Tidak mengikut *nationality* bapanya. Melainkan perkahwinan itu sah, didaftar di Malaysia dan dilaporkan kepada wakil Malaysia di luar

negara dan lahir anak selepas perkahwinan itu mengesahkan anak itu menjadi anak Malaysia dan rakyat Malaysia.

Akan tetapi dokumen pengesahan ini perlu juga dihantar kepada pihak kerajaan untuk mengesahkan yang kelahiran tadi selepas perkahwinan dan bukan sebelum perkahwinan untuk menentukan ibu bapa itu warga Malaysia dan macam mana kedudukan anaknya. Terima kasih.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di Sabah Yang Berhormat Timbalan Menteri, berhubung dengan kewarganegaraan ini Ordinan Kelahiran dan Kematian 1991 ialah undang-undang yang diguna pakai. Di dalam undang-undang itu diperuntukkan bahawa sekiranya anak-anak yang dilahirkan mesti dilaporkan ke hospital dalam tempoh 42 hari.

Sekiranya dia lewat daripada 42 hari selepas dilahirkan maka dia terpaksa diisytiharkan sebagai daftar lewat. Untuk mengesahkan dan untuk memohon IC warganegara, dia mesti menghadap ke mahkamah majistret dan memohon supaya dia diisytiharkan sebagai daftar lewat, barulah boleh diisytiharkan sebagai warganegara.

Masalahnya mahkamah dibebankan dengan banyak kes dan susah untuk mahkamah menetapkan tarikh perbicaraan kes ini, kes-kes permohonan daftar lewat ini. Saya difahamkan di seluruh Sabah, beribu-ribu permohonan yang tertunggak dan tidak dapat didengar. Akhir-akhir ini sementara RCI dilaksanakan di Sabah, pendengaran kes-kes permohonan daftar lewat ini dibekukan. Ramai ibu bapa berjumpa dengan saya mengadu bahawa anak-anak mereka tidak dapat menduduki peperiksaan UPSR sebab tidak dapat taraf kewarganegaraan. Saya mohon kepada Timbalan Menteri macam mana perkara ini boleh diselesaikan? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan ini memang satu soalan yang amat relevan di negeri Sabah dan juga di negeri Sarawak. Ini ialah ekoran daripada pemeteraian perjanjian Malaysia dahulu bahawa Undang-undang Ordinan Kelahiran dan Kematian di Sarawak dan juga di Sabah tidak dimansuhkan dan masih dilaksanakan sebagaimana yang telah diwujudkan sebelum itu.

Jadi khususnya untuk di Sabah ini, ia mempunyai satu seksyen yang tertentu yang mana apabila lahirnya seorang anak dan anak kelahiran itu tidak dilaporkan ke Pejabat Pendaftaran dalam masa 42 hari, anak ini akan diisytiharkan sebagai laporan lewat lahir. Jadi proses untuk mengeluarkan surat lahir peringkat ini adalah berlainan daripada yang di dalam masa sebelum 42 hari.

Jadi apa yang berlaku di Sabah apabila saya menjadi Timbalan Menteri dan Menteri mengambil alih, Kementerian Dalam Negeri dahulu 42,000 kes di Sabah seluruh Sabah Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kes ini tidak ada melibatkan pun yang kes-kes Lahad Datu dan sebagainya. Sebenarnya orang dalam pedalaman Sabah itu yang kena lewat mendaftar oleh kerana apabila kita hantar *outreach* program ke pedalaman, kita dapati banyak yang lahir lewat tidak buat laporan.

Jadi saya berbincang dengan Yang Arif Tan Sri Richard Malanjum untuk melaksanakan seksyen di bawah ordinan ini untuk supaya dapat mereka ini mendapat surat lahir dan

sebagainya. Akan tetapi oleh sebab berlakunya RCI maka ini telah ditangguhkan selepas 9,000 daripada 42,000 tersebut diberi surat beranak. Masih ada 30,000 dalam rekod kita, lebih yang masih belum dapat oleh sebab dibekukan sebab RCI tersebut.

Saya juga berjumpa dengan Ketua Menteri Sabah bertanya adakah kemungkinan seksyen atau ordinan yang dipinda untuk kepentingan supaya semua tugas ini boleh dilaksanakan oleh pihak pendaftaran? Oleh sebab jawapan politiknya tidak boleh dijawab oleh Ketua Menteri kerana melainkan ada keputusan daripada pihak negeri Sabah itu sendiri untuk menggubal undang-undang ini barulah proses kalau boleh dilaksanakan oleh pihak Jabatan Pendaftaran.

Jabatan Pendaftaran hanya mentadbir undang-undang negeri Sabah, merealisasikan kehendak orang negeri Sabah di bawah peruntukkan undang-undang ini dan juga mengikut semangat Perjanjian 1963. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

10. Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta Perdana Menteri menyatakan berapakah peruntukan yang dibelanjakan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan pada tahun 2005 hingga 2013 hasil daripada kutipan zakat untuk membangunkan sektor hartanah di sekitar Wilayah Persekutuan dalam usaha untuk membantu orang miskin yang tidak ada rumah

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gantang bagi membantu menyediakan tempat tinggal yang sempurna kepada golongan asnaf, fakir dan miskin di Wilayah Persekutuan. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atau MAIWP telah membelanjakan keseluruhan sebanyak RM19.25 juta wang zakat bagi tahun 2005 hingga tahun 2013 untuk tujuan bantuan tersebut disalurkan melalui bantuan membina rumah, bantuan membaiki rumah, bantuan deposit membeli rumah kos rendah dan bantuan sewa rumah.

Jumlah bantuan yang diagihkan mengikut skim-skim bantuan dari tahun 2005 sehingga tahun 2013 adalah seperti berikut:

Jenis Bantuan	Jumlah (RM juta)
Bantuan membina rumah	2.94
Bantuan membaiki rumah	2.27
Bantuan deposit membeli rumah kos rendah	1.08
Bantuan sewa rumah	12.96
Jumlah	19.25

Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Seperti mana yang kita maklum miskin di bandar ini lebih teruk daripada miskin di luar bandar. Soalan saya terutamanya masalah yang dihadapi oleh mereka yang tidak mempunyai tempat tinggal ataupun rumah akibat daripada pendapatan yang rendah.

Soalan saya adakah di sana usaha yang dilakukan *blue ocean strategy* dengan izin iaitu strategi lautan biru dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga Kementerian

Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi menyediakan rumah yang mampu dimiliki oleh mereka yang miskin ataupun mereka yang tidak mampu untuk memiliki rumah ini. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gantang sehubungan dengan soalan yang berkaitan dengan bantuan untuk mereka yang miskin di Wilayah Persekutuan ini. Sebagaimana juga kata Yang Berhormat Bukit Gantang sebentar tadi miskin di bandar ini merupakan satu kelompok yang agak tersendiri berdasarkan kepada keperluan kepada perumahan.

Walaupun saya sebutkan sebentar tadi Tuan Yang di-Pertua jumlah untuk tujuan bantuan pembinaan rumah di Wilayah Persekutuan ini mungkin nampak macam tidak berapa tinggi tetapi sebenarnya di Wilayah Persekutuan oleh sebab tanah-tanah yang ada, keluasannya walaupun mungkin kita katakan 30x50=1500 kaki persegi tetapi jumlah keluasan tanah yang begitu kecil sudah menjangkau kepada RM200,000 dan RM300,000 sebuah, bahkan lebih pada kedudukan strategik masing-masing.

Jadi kebiasaannya mereka ini Tuan Yang di-Pertua mereka tidak memohon untuk membina rumah kos yang paling tinggi di Wilayah Persekutuan yang kita berikan untuk pembinaan sebuah rumah baru ialah RM60,000. Jadi atas kos tanah yang bernilai RM200,000, RM300,000, RM400,000 dan lebih ini mereka biasanya mengambil pinjaman bank dengan menggunakan pelbagai kaedah sama ada nama mereka ataupun nama anak-anak. Oleh sebab itu, jumlah menjadi agak kecil.

■1130

Namun, saya suka jelaskan Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soalan tadi, Program *Blue Ocean Strategy* ataupun Program Strategi Lautan Biru bersama-sama dengan Kementerian Wilayah dan Kesejahteraan Bandar termasuk juga dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya, kita membantu dengan menyediakan deposit ataupun pendahuluan kepada sewaan rumah-rumah PPRT dan sebagainya yang telah disediakan oleh pihak DBKL, yang disediakan oleh pihak Kementerian Wilayah dan sebagainya. Dalam masa yang sama, kita membantu juga dengan melihat had kifayah kemampuan mereka dan kita bantu dalam bentuk kewangan secara bulanan. Jadi maknanya bayaran bulanan sewaan dan sebagainya itu termasuk kos sara hidup mereka di Wilayah Persekutuan ini kita bayar ada yang RM700 dan ke bawah. Maknanya RM700, RM600, RM500 bergantung pada had kifayah.

Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, buat masa sekarang, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan menanggung sebanyak 20,000 penerima bantuan dalam bentuk Baitulmal pada setiap bulan mereka melalui akaun yang kita masukkan, seramai 20,000 orang, berdasarkan had kifayah masing-masing, tiap-tiap bulan. Bukan *one-off*, tetapi setiap bulan kita berikan kepada mereka.

Ini mungkin barangkali Yang Berhormat Bukit Gantang, sebagai *Blue Ocean* yang dimaksudkan. Dengan duit yang mereka dapat itu, dia bayar untuk sewaan ataupun milikan rumah yang mereka dapat daripada DBKL ataupun Kementerian Wilayah.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi bagi pertanyaan-pertanyaan jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH P.M. 18(1)

LAPORAN DOKUMENTARI TERBITAN AL-JAZEERA
- ISU HAK ASASI MANUSIA PELARIAN

11.32 pg.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati. Teks Usul yang dicadangkan saya adalah seperti berikut.

Bahawa Dewan ini merundingkan masalah kelakuan mencabuli hak asasi manusia pelarian sebagaimana yang telah didedahkan dalam sebuah dokumentari terbitan Al-Jazeera bertajuk "*101 East – Malaysia's Unwanted*" yang disiarkan pertama kali pada 19 November 2014.

Dokumentari itu mendedahkan sekurang-kurangnya empat perkara yang dipercayai menyalahi undang-undang Malaysia dan antarabangsa.

Pertama, ada kanak-kanak pelarian yang dikurung di pusat tahanan Imigresen mengikut rakaman *undercover* Al-Jazeera di dalam premis sebuah pusat tahanan yang tidak dinamakan. Ini tidak dinafikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Santubong yang ditanyakan soalan kanak-kanak pelarian dalam dokumentari yang sama. Meletakkan kanak-kanak di bawah tahanan melanggar *United Nations Convention Child (UNCC)* yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia.

Kedua, pelarian menuduh amalan meluas antara pegawai penguat kuasa, pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan/atau pegawai Jabatan Imigresen yang berkelakuan kasar termasuk memaksa mereka membogelkan diri dan memukul mereka.

Ketiga, tuduhan pelarian bahawa mereka pernah menghadapi tuntutan duit rasuah oleh pegawai-pegawai penguatkuasaan semasa operasi penguatkuasaan ataupun dalam pusat tahanan.

Keempat, situasi dalam pusat tahanan yang amat teruk sehingga 20 orang kongsi satu bilik dan mereka ditahan, tidak dibenarkan berhubung dengan orang luar melalui telefon.

Empat hari sudah berlalu setelah dokumentari itu mula disiarkan secara terbuka tetapi Kerajaan Malaysia masih belum mengeluarkan kenyataan rasmi untuk menjelaskan isu dan tuduhan yang tertimbul. Nama baik Malaysia akan tercemar sekiranya isu pelarian terus diketepikan.

Dengan itu, saya memanggil Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri supaya memberi penjelasan di Dewan yang mulia ini demi mempertahankan reputasi PDRM dan Jabatan Imigresen yang berada di bawah pimpinan beliau.

Saya juga mencadangkan penubuhan sebuah Jawatankuasa Pemilih di bawah Dewan Rakyat untuk menyiasat secara menyeluruh tuduhan-tuduhan yang berbangkit, menyemak semula dasar sedia ada dan mengemukakan syor-syor baru yang progresif untuk menangani masalah pelarian yang semakin membimbangkan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Segambut pada hari Isnin, 24 November 2014. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat iaitu bahawa;

- (i) perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu, ia juga bagi kepentingan orang ramai dan perkara ini perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahas. [*Tepuk*]

Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b), usul ini hendaklah ditempohkan sehingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit.

Memandangkan usul ini adalah merupakan usul yang penting bagi saya, maka saya ingin ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbahas nanti sebelah petang untuk menjaga semua tutur kata yang dihujah dan saya tidak mahu ada kekecohan yang timbul ekoran daripada itu. Terima kasih. [*Tepuk*]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENGHASILAN BERSIH PERJANJIAN KEWANGAN 2014

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kebolehuatkuasaan peruntukan penghasilan bersih dalam perjanjian kewangan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya; dibawa ke dalam

Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) (NO.2) 2014

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

11.38 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya baca Peraturan Mesyuarat 12(1), saya hendak maklumkan saya sedang membuat surat untuk Peraturan Mesyuarat 10(4) iaitu saya hendak maklumkan bahawa KSU sekarang bukan lima tetapi tujuh.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.38 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan menjawab di peringkat Jawatankuasa dan sehingga diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 serta Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2015 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 26 November 2014”.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015****DAN****USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2015****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2015 dan Anggaran Pembangunan 2015 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kesepuluh]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa]

Maksud B.13 [Jadual] –

Maksud P.13 [Anggaran Pembangunan 2014] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.13 dan Kepala Pembangunan P.13 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Jasin.

11.40 pg.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi bagi saya peluang untuk membahaskan perkara butiran B.13. Saya terus kepada tajuk 070000, 040100, 020000, 036000.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan* Jawatankuasa]

Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Malaysia yang telah dipilih sebagai salah satu daripada lima orang anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ataupun UNSC dengan meraih satu undi yang cukup cemerlang sekali iaitu sebanyak 187 daripada 192 undi dan Malaysia menjadi wakil untuk kawasan Rantau Asia.

Kejayaan ini sebenarnya ialah satu-satunya pengiktirafan antarabangsa terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri mengamalkan dasar luar yang mesra, yang tidak berat sebelah dan berprinsip yang mendapat sanjungan banyak pihak. Beliau juga telah memperkenalkan pergerakan kesederhanaan global dan menyamai peri pentingnya kesederhanaan dalam mendekati dan menyelesaikan konflik.

Tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Timbalan Menteri yang telah bekerja begitu gigih sekali dengan kuat seolah-olah apa juga kebaikan, kehebatan mereka tidak dapat dilihat oleh rakyat Malaysia tetapi kita jangka sebenarnya banyak pencapaian

kementerian ini di persada antarabangsa. Sebelum itu, saya ingin membuat soalan kepada Yang Berhormat Menteri.

Sebenarnya berapakah jumlah perbelanjaan kita untuk melobi supaya Malaysia mendapat tempat kerana kita terpaksa belanja kerana ini satu pengiktirafan dan keyakinan. Kita mahu supaya negara-negara luar meyakini negara Malaysia. Kita bukan sebuah negara penganas dan kita bukan sebuah negara yang menjadi transit kepada penganas-penganas dan alhamdulillah kejayaan ini sebenarnya ada harga yang kita bayar.

Yang keduanya, apa kelebihan yang bakal kita dapati setelah kita dipilih sebagai salah seorang daripada anggota tidak tetap ini terutamanya dalam usaha kita untuk memperjuangkan nasib negara-negara yang sebenarnya seperti negara-negara Palestin dan juga jenayah-jenayah rentas sempadan dan juga pemerdagangan manusia. Seterusnya, saya pergi kepada perkara tuntutan bertindih. ICJ pada tahun 2002 telah membuat keputusan bahawa Malaysia telah diberikan pengiktirafan untuk Pulau Sipadan dan juga Pulau Ligitan kepada Malaysia tetapi ICJ tidak menentukan sempadan perairan kedua-dua pulau ini yang berada di Lautan Sulawesi.

Jadi, kerajaan tidak langsung berhasrat untuk mengemukakan cadangan baru supaya isu pertindihan di Laut Sulawesi ini dirujuk ke ICJ. Apa yang terjadi pada ketika ini, kita dapat lihat bahawa bukan sahaja tentera-tentera Indonesia yang sentiasa berada di perairan ini bahkan persengketaan ini telah melarat sampai ke negara Indonesia dan rakyat mereka telah menunjukkan satu rasa tidak puas hati terhadap Malaysia.

Jadi soalan saya, adakah Malaysia akan terus membawa perkara ini ke muka pengadilan di peringkat ICJ supaya kita dapat menyelesaikan masalah yang sampai sekarang tidak boleh diselesaikan. Keduanya, setakat manakah perkembangan rundingan dua hala kita antara kedua-dua negara kerana ini sering dilaporkan secara negatif di Indonesia. Keputusan Sipadan dan Ligitan ini hanya memutuskan kedaulatan kedua-dua pulau semata-mata tanpa justifikasi terhadap persempadanan maritim bahkan kita dapat lihat pada ketika ini negara Indonesia lebih agresif menempatkan kapal-kapal perang mereka di kawasan perairan Ambalat yang bertindih. Seterusnya Tuan Pengerusi ...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jasin. Sila, sila teruskan.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang berkecuali. Apa pun NAM yang kita masih lagi kekal menegakkan prinsip aman, bebas dan juga berkecuali. Sebagai sebuah negara yang berkecuali, kita berpegang kepada tiga prinsip iaitu Malaysia tidak pernah campur tangan urusan negara lain dan kita mengharapkan supaya negara lain juga tidak mencampuri urusan politik dan apa-apa juga urusan dalam negara kita dan ini adalah menjadi pegangan Malaysia yang seharusnya dihormati oleh negara-negara lain.

Dalam isu-isu yang terjadi dalam negara kita, Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang hebat sekali dalam perbincangan dan dapat menawan hati mana-mana negara yang kita adakan perbincangan bagi menyelesaikan apa-apa juga masalah yang timbul. Begitu juga dalam

masalah MH17 serta MH370. Kita sama-sama berdoa semoga kita akan beroleh kejayaan dalam menyelesaikan masalah kedua-dua isu ini.

Seterusnya jaminan yang Malaysia dapat diberikan bahawa perundingan oleh kita dan juga kita adalah bebas dan tidak dipengaruhi oleh negara-negara tertentu sebab sifat Malaysia sendiri yang tidak berpuak dan tidak memihak. Malaysia juga telah diberikan kepercayaan memainkan peranan sebagai orang tengah dalam mendamaikan beberapa puak yang bersengketa iaitu pertamanya apabila ada persengketaan yang berlaku di negara Thailand. Keduanya kita telah berjaya untuk menyelesaikan pertikaian di Filipina antara Moro dengan Kerajaan Filipina.

Saya berharap sebagai sebuah negara yang sukakan keamanan dan keadilan, Malaysia turut mempromosikan keamanan dan keadilan sejagat, semua dasar luar sentiasa memberikan keutamaan kepadanya. Malahan ia telah dibuktikan melalui contoh yang diusahakan di negaranya sendiri tentang bagaimana penduduk pelbagai kaum dan anutan agama dapat hidup aman dan damai melalui prinsip-prinsip ini yang terbukti dalam sejarah sejak kita mencapai kemerdekaan dahulu. Jadi saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan mengkaji untuk mewujudkan Dasar Wasatiyyah Negara (DWN) untuk memastikan supaya kesederhanaan dan *wasatiyyah* sebagai satu nilai dan pegangan dalam hubungan antarabangsa akan sentiasa dipelihara. Itu sahaja Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tumpat.

11.49 pg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membicarakan sedikit berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri. Saya khususnya ingin merujuk kepada dua butiran iaitu berkaitan dengan 030000 – Hal Ehwal Pelbagai Hala dan 020000 – Hubungan Dua Hala dan 120000 – Pejabat Perwakilan Luar Negeri.

Tuan Pengerusi, yang paling penting sekali ialah saya ingin mengulangi sekali lagi tentang hasrat saya supaya kementerian dan kerajaan mengambil tindakan yang lebih berani berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di tanah suci Baitulmaqdis yang mana merupakan masjid yang ketiga terpentingnya kepada umat Islam.

■1150

Tuan Pengerusi, Masjid Al-Aqsa di Baitulmaqdis ataupun Jerusalem adalah masjid ketiga termulia buat masyarakat Islam di seluruh dunia. Konflik yang menjadi isu terpenting antara Palestin dan Israel ialah isu Masjid Al-Aqsa. Dengan wujudnya negara haram Israel yang merampas bumi Palestin sejak tahun 1948, Jerusalem dijadikan sasaran oleh Israel yang mahu mengisytiharkannya sebagai ibu negara Israel. Padahal Israel telah menandatangani perjanjian dengan Jordan pada tahun 1994 bahawa Masjid Al-Aqsa adalah di bawah penjagaan atau *custody of Jordan*, dengan izin.

Pihak berkuasa Israel di bawah pengaruh Zionis Yahudi telah bertahun-tahun lamanya mahu menguasai Masjid Al-Aqsa dan memusnahkannya untuk mendirikan semula Kuil Sulaiman di atas tapak tersebut, yang didakwa sebagai kuil suci masyarakat Yahudi. Lantaran itu, semua tindakan pihak berkuasa Israel di sekitar masjid tersebut bertujuan mencapai matlamat tersebut. Israel mewujudkan ketegangan dengan memberi alasan untuk pihak keselamatan Israel melancarkan serangan penangkapan, pembunuhan dan pengusiran warga Palestin agar keluar dari Baitulmaqdis.

Perkara dan peristiwa ini berlaku beberapa minggu yang lalu Tuan Pengerusi, di mana orang-orang Israel (Yahudi) telah diizinkan masuk ke kawasan Masjid Al-Aqsa dan ini telah mencetuskan keganasan reaksi dari masyarakat Palestin yang beragama Islam dan apabila keganasan ini berlaku, askar tentera Israel masuk dan melakukan keganasan yang lebih teruk lagi. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri mengikuti dengan teliti perkembangan ini, saya amat gembira bahawa Perdana Menteri baru Turki, Ahmet Davutoglu telah mengambil sikap yang amat jelas dan keras. Saya petik dalam bahasa Inggeris. Ahmet Davutoglu *said that, "He has called the Palestinian Authority President, Mahmoud Abbas and Hamas Political Bureau Head, Khaled Meshaal to discuss the issue. He pleases to do whatever it takes for Al-Quds and Al-Aqsa Mosque."* Kata Ahmet Davutoglu lagi, *"We have given the required orders, we will launch initiatives everywhere, the UN being the first place in the world for supporting Al-Quds."*

Ada panjang lagi kenyataan beliau yang dipetik. Saya mengharapkan bahawa Wisma Putra memainkan dengan tugas dan tanggungjawab sebagai sebuah negara yang merdeka, juga sebagai anggota OIC dan lebih penting lagi sebagaimana Yang Berhormat Jasin juga sebutkan tadi, sebagai anggota kepada Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Kita perlu lebih tegas, lebih jelas mendesak dan memainkan peranan kita sebagaimana yang didesak oleh rakyat Malaysia melalui resolusi-resolusi yang mereka hantar, saya yakin juga kepada Wisma Putra, yang mana mendesak supaya Kerajaan Malaysia mengambil tindakan untuk mengutuk Israel dan mendesak Israel menghentikan tindakannya membenarkan penduduk Yahudi masuk ke Masjid Al-Aqsa.

Kedua, Malaysia perlu memainkan peranannya di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu supaya menerima aduan Jordan yang difailkan kepada Majlis tersebut untuk menghentikan pencerobohan pihak Keselamatan Israel ke atas Masjid Al-Aqsa dan mempertahankan masjid tersebut dari pencerobohan kaum Yahudi dan tentera Israel. Jadi untuk Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, Jordan telah memulakan inisiatif, saya hanya mengharapkan supaya Malaysia sebagai anggota baru Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu meneruskan usaha yang telah dimulakan oleh Jordan ini untuk mengambil tempat kita yang sesuai di meja Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu bersuara atau menulis surat berhubung dengan pihak Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu, Tuan Pengerusi.

Itu isu yang pertama. Isu yang kedua sebagaimana saya juga telah sebutkan beberapa kali iaitu tentang perkembangan di negara Bangladesh. Saya telah sebut pada bahas kita tahun lepas dan saya perlu ulangi sebab keganasan yang negara Bangladesh lalui, mahkamah yang

kononnya untuk menghakimi, kononnya penjenayah-penjenayah perang dalam tahun 1971 itu masih berterusan. Apa yang dipanggil dengan izin, *The International Criminal Court*, akhir ini telah juga menghukum pemimpin iaitu Ketua Amir kepada *Jamaat-e-Islami*, hukuman mati. Ini telah diterima oleh masyarakat antarabangsa dan oleh peguam-peguam antarabangsa sebagai suatu lagi tindakan yang tidak menepati prinsip-prinsip perundangan.

Saya harap Malaysia juga terus memainkan peranan kita untuk memastikan bahawa apa yang sudah pun dilakukan oleh negara Bangladesh melalui mahkamah tentang jenayah perang ini dihentikan dan segala penghukuman yang telah dijatuhkan, jika tidak lagi dilaksanakan juga dihentikan.

Ketiganya Tuan Pengerusi ialah tentang perkembangan yang juga telah saya sebutkan iaitu nasib pelarian-pelarian politik dari negara China yang dipanggil masyarakat Uighur iaitu dari Xinjiang yang telah terpaksa lari dari negara China untuk mendapatkan perlindungan politik dan keselamatan nyawa mereka. Mereka antaranya datang ke Malaysia dan antara yang datang ke Malaysia itu telah ditahan oleh pegawai keselamatan negara kita. Dalam pengalaman yang lalu, Malaysia menghantar mereka ini pulang ke China dan hasil dan akibatnya mereka ini telah diadili dengan cara sekali yang tidak menepati prinsip undang-undang dan telah dikenakan hukuman.

Sekali lagi masyarakat antarabangsa telah menyeru kepada Malaysia supaya tidak menghantar pulang ke negara China, orang-orang Uighur ini yang ditangkap oleh pihak keselamatan negara kita, malah sebaliknya membenarkan mereka berada di sini sebagai pelarian-pelarian politik. Terima kasih, tentang isu itu.

Tentang isu yang keempat ialah berkaitan dengan negara jiran kita iaitu Sri Lanka. Kita telah bertemu dengan masyarakat di Sri Lanka yang mana dahulunya mereka mempunyai masalah antara kerajaan yang dipimpin oleh masyarakat Sinhalese yang dahulunya mempunyai peperangan terhadap masyarakat Tamil di Sri Lanka. Kejadian-kejadian ini telah direkodkan bertahun-tahun lamanya. Keganasan pemerintahan Sri Lanka terhadap masyarakat Tamil ini telah berlaku berpuluh tahun lamanya, tetapi ia tidak berhenti hari ini dengan masyarakat Tamil sahaja Tuan Pengerusi, ia telah merebak kepada masyarakat-masyarakat yang lain seperti masyarakat Islam dan masyarakat Melayu Sri Lanka yang ada di negara Sri Lanka tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Satu minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Tumpat, saya difahamkan bahawa masyarakat Islam di Colombo khasnya sekarang tidak dibenarkan menggunakan *certificate* halal dan jika mereka menggunakan *certificate* halal, masjid atau kedai-kedai akan dibakar dan itu pun telah terjadi. Jadi bukannya Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya bahawa kerajaan patut memberi teguran kepada Colombo supaya jangan menganiayai mana-mana masyarakat minoriti di negara itu?

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Saya amat setuju dengan Yang Berhormat Ipoh Barat dan saya letakkan tanggungjawab ini kepada Wisma Putra kita untuk memainkan peranan, menyuarakan hak asasi semua rakyat minoriti di semua negara walau di Sri Lanka, Malaysia, negara China dan lain-lainnya. Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin mengulangi pertanyaan saya yang saya telah pun mendapat jawapan yang agak positif iaitu cadangan supaya ditubuhkan Pejabat Perwakilan Kuasa Usaha Malaysia di Kota Istanbul, di negara Turki itu.

Soalan ini telah mendapat jawapan yang agak positif. Soalan saya yang seterusnya, bilakah kita akan memulakan pejabat tersebut kerana ia mempunyai pengertian yang besar kepada hubungan politik kita yang baik dengan Turki dan juga masyarakat perniagaan perdagangan Turki dan juga Malaysia? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Silam.

11.59 pg.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 060100 di bawah Maksud Bekalan 13. Pertanyaan saya ialah apakah pendirian Wisma Putra berhubung dengan Dasar Satu China atau *1China Policy*? Kita mengamati bahawa kadangkala dasar ini merugikan kita. Contohnya, hubungan perniagaan di antara Malaysia dengan Taiwan. Kita tahu pada tahun lepas Taiwan telah menandatangani satu perjanjian FTA dengan Singapura dan juga New Zealand.

■1200

Hasil daripada perjanjian itu, maka urusan perniagaan di antara Taiwan dan China begitu lancar sehinggakan ada beberapa syarikat Taiwan yang melabur dan telah lama melabur di Malaysia ingin berpindah ke Singapura sebab dasar-dasar yang begitu baik berhubung dengan perniagaan.

Jadi saya ingin bertanya di sini adakah tidak memadai hubungan perniagaan di antara Malaysia dengan Taiwan di mana kita hanya di peringkat *trade representative* sahaja. Tidakkah itu memadai untuk Malaysia menandatangani satu *free-trade agreement* dengan Taiwan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu.

12.00 tgh.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.13 di bawah Butiran 140100 – Kepengerusian ASEAN 2015 diberi peruntukan sebanyak RM120 juta, Tuan Pengerusi.

Mulai tahun hadapan, Malaysia akan memegang peranan yang amat penting dan berpengaruh di masyarakat antarabangsa. Setelah diberi sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) atau United Nations Security Council

dan juga sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2015. Malaysia haruslah memandang serius kedua-dua peranan itu dan cuba sedaya-upaya menggunakan pengaruh serta kuasa yang ada untuk membantu dan mencari penyelesaian terhadap masalah keganasan dan ancaman yang dihadapi di rantau Asia Tenggara pada masa sekarang.

Kita sedia maklum dengan masalah keselamatan di rantau ini khususnya Laut Silabus dan Laut Sulu di Pantai Timur Negeri Sabah. Malaysia dan juga bahagian selatan Filipina adalah amat membimbangkan. Terdapat beberapa pasukan bersenjata masih aktif di rantau ini seperti Abu Sayyaf, Tentera Kesultanan Sulu dan sebagainya. Kumpulan pengganas tersebut telah berulang-ulang mengancam keselamatan Pantai Timur Sabah.

Kini, kita masih mempunyai 2 orang tebusan di tangan mereka. Tidak lupa juga kumpulan pengganas tersebut telah mengambil nyawa pasukan keselamatan kita ketika pencerobohan Sulu dan juga seorang pelancong warga Taiwan telah ditembak mati oleh pengganas dekat Semporna pada tahun ini. Kes-kes begini telah berlaku dan berlanjutan sejak penubuhan negara lagi. Isu pencerobohan jenayah di perairan Pantai Timur Sabah telah berlaku sejak puluhan tahun yang lalu.

Sepuluh tahun yang lalu, kumpulan Abu Sayyaf telah menceroch dan menculik 21 orang pelancong di Pulau Sipadan. Pada awal tahun 2013, pencerobohan oleh pengganas Sulu telah menyebabkan kematian beberapa anggota keselamatan. Walaupun ESSCOM telah ditubuhkan selepas pencerobohan Tentera Sulu dan peruntukan untuk tujuan menjaga keselamatan Pantai Timur Sabah ini telah meningkat. Akan tetapi saya berpendapat bahawa ini tidak akan membantu menyelesaikan masalah dari asalnya, dengan izin, *"If you not help to resolve the root cause of the problem"*.

Meskipun kita telah melancarkan *curfew* di sempadan Pantai Timur Sabah dan halang kemasukan ke Sabah setiap malam tetapi ia hanya kaedah sementara dan bukan penyelesaian jangka panjang kerana kita tidak sedar bahawa ancaman pengganas masih ada malah semakin kuat. Saya berpendapat jikalau kita hendak mengembalikan keamanan di Sabah dan menghentikan segala ancaman ke atas kedaulatan dan keselamatan Sabah dan Malaysia kita mesti mencari jalan untuk menghapuskan kuasa pengganas di rantau ini melalui usaha antarabangsa, Tuan Pengerusi.

Ini tentu tidak akan berjaya tanpa bantuan kerjasama masyarakat antarabangsa khususnya Asia. Untuk makluman Dewan, Pakatan Rakyat telah menyampaikan satu memorandum yang bertajuk, "Keselamatan Sabah Timur Tanggungjawab Siapa?" dan menteri memberi beberapa cadangan penyelesaian termasuk kerjasama antarabangsa dan rantau. Saya ingin...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Kota Kinabalu boleh mencelah sekejap? Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Kota Kinabalu. Setujukah Yang Berhormat Kota Kinabalu bahawa masalah di Sabah terlebih lagi dengan ancaman yang kita dengar ini adalah kerana kerajaan Barisan Nasional ini belum menyelesaikan

ataupun meminta pihak Filipina untuk menghentikan tuntutan mereka kepada Sabah. *They should drop the claims.* Setujukah Yang Berhormat Kota Kinabalu, terima kasih.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya amat bersetuju, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa menurut laporan media antarabangsa pada masa ini kumpulan pengganas yang semakin aktif di Filipina Selatan telah terlibat dan mempunyai kaitan dengan aktiviti ISIS. FBI dari Amerika Syarikat telah memberi amaran bahawa kumpulan pengganas ini telah mendapat inspirasi dari ISIS dan rantau ini telah menjadi salah satu suka tapak utama untuk melahirkan anggota pengganas ISIS.

Melalui laporan tersebut ia meyakinkan kita bahawa kumpulan pengganas tersebut amat bahaya dan mengancam keselamatan rantau ini termasuk negara kita dan juga keamanan seluruh dunia. Jika kita tidak mengambil langkah-langkah yang tegas untuk mengatasi masalah itu secepat mungkin. Untuk menghapuskan kekuatan kumpulan pengganas tersebut, peruntukan yang banyak untuk meningkatkan pertahanan dan keselamatan negara kita belum tentu mencukupi dan dapat membantu dengan sepenuhnya.

Akan tetapi, dengan adanya Malaysia mempengerusikan ASEAN pada tahun 2015 dan setelah dipilih sebagai anggota tetap United Nation Security Council boleh menggunakan peluang yang diberikan dan kaedah diplomatik untuk memperkukuhkan pertahanan dan keselamatan di kawasan sempadan Filipina dan Pantai Timur Sabah secara tidak langsung mengawal aktiviti keganasan dan meningkatkan keselamatan di rantau Asia.

Malaysia boleh menggunakan pengaruhnya atau kuasanya melalui platform antarabangsa dengan mewujudkan gabungan kuasa tentera atau kerjasama antarabangsa untuk mencari jalan dan selesaikan isu aktiviti pengganas dan keselamatan di rantau ASEAN bersama dengan kos yang lebih rendah tetapi efektif. Dengan peluang yang diberikan dan kita mestilah cuba sedaya upaya melalui platform ASEAN untuk mendapatkan persetujuan negara-negara ASEAN seperti Filipina, Indonesia, Brunei, Thailand, Singapura dan sebagainya untuk membaik pulih keamanan rantau ini dan bekerjasama untuk menghapuskan kuasa pengganas di ASEAN dengan sepenuhnya.

■1210

Sebelum itu saya juga ingin mencadangkan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri atau Perdana Menteri...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sila gulung.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ada sikit lagi, minta maaf. Mencadangkan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri atau Perdana Menteri kita menggunakan platform SAPP atau United Nations memperkenalkan kepada masyarakat antarabangsa mengenai ancaman rantau ini. Kita seharusnya melihat ancaman tersebut sebagai ISIS yang kini membahayakan ancaman kepada Iraq dan Syria. Jika kita tidak mengambil serius terhadap ancaman di Filipina Selatan, maka kumpulan pengganas tersebut tentu akan menjadi ISIS yang akan datang di rantau ini. Saya juga mengharapakan ASEAN akan menumpukan *joint force* atau

persekutuan-persekutuan pasukan bergabung yang terdiri daripada negara-negara berdekatan untuk bersama-sama menjaga keselamatan di rantau ini supaya keamanan di ASEAN akan dijamin.

Sebagai contoh penubuhan pengamanan ASEAN adalah satu model yang boleh difikirkan. Pasukan pengaman ASEAN adalah satu model yang boleh difikirkan dalam menangani mengenai masalah ancaman pengganas di Selatan Filipina dengan syarat *concensus* mesti dicapai dengan negara Filipina.

Tuan Pengerusi, walaupun Malaysia bukan merupakan rakyat Malaysia dan mestilah digunakan dengan sebaiknya. Saya juga berasa bangga kerana Yang Berhormat Menteri adalah orang Sabah dan saya yakin bahawa beliau tentu komited untuk membuat sesuatu kebaikan untuk Sabah. Kami sama-sama Sabahan. Yang Berhormat Menteri mestilah menjalankan kewajipan beliau sebagai seorang Sabahan dan Malaysian untuk menjamin keselamatan Sabah dan Malaysia.

Saya harap Yang Berhormat Menteri akan mencapai keputusan yang baik untuk Sabah, Malaysia, ASEAN malah seluruh dunia Tuan Pengerusi. Tindakan Perdana Menteri mencadangkan kertas putih tentang ancaman kumpulan pengganas ISIS juga menunjukkan bahawa ancaman ini sangat serius dan perlu ditangani dengan segera. Saya ingin minta Perdana Menteri keputusan RCI dibentangkan dengan segera di Dewan yang mulia ini kerana RCI ini juga merupakan salah satu ancaman dan mempunyai kaitan dengan kumpulan pengganas. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mengambil serius apa yang saya telah dibangkitkan tadi dan betul-betul membuat sesuatu demi kebaikan rakyat Sabah dan juga Malaysia. Ia juga RM120 juta duit itu bukan main-main, bukan sikit-sikit. Saya sikit jangan hanya untuk main-main dan syok-syok saja dan haruslah dengan dapatlah *the value for money*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

12.14 tgh.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi kerana beri peluang kepada saya untuk bahasa B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kita sedar bahawa Dasar Luar Negara boleh dianggap satu *instrument*. Sebelum itu saya hendak bercakap perkara 020000, 030000, 140000.

Berkaitan dengan Dasar Luar Negara, kita boleh anggap bahawa ia satu *instrument* yang penting, alat kepada sebuah negara untuk berhubung antara negara kita dengan negara-negara lain. Sebab itu kita akui bahawa sejak dulu lagi Dasar Luar Negara kita memang yang terbaik, yang membolehkan kita bergerak begitu aktif, tidak terikat dengan banyak negara-negara lain.

Hinggakan membolehkan kita membuat apa juga keputusan atas kepentingan kita dan juga kepentingan negara lain dan atas keupayaan kita kemukakan dan melaksanakan satu dasar

yang cukup baik kita lihat hari ini, kita diberi tempat dan ruang dan diiktiraf oleh pelbagai negara. Seperti apabila kita diberi tempat dengan majoriti undi yang ramai, disokong oleh negara-negara lain di bawah Majlis Keselamatan Negara.

Atas dasar luar ini saya harap kita sentiasa memperbaiki dari semasa ke semasa kerana kita tahu bahawa negara kita ialah negara yang terletak di kawasan yang cukup mustahak. Kalau dari sudut-sudut geopolitiknya, kita di rantau Asia Pasifik inilah negara yang penting di laluan perdagangan antarabangsa di Lautan Hindi dan Lautan Pasifik yang kaya dengan pelbagai sumber asli yang sebenarnya menarik minat pelbagai pihak dan pelbagai negara. Selain daripada itu juga kita tahu bahawa Malaysia berpegang teguh kepada konsep Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu mewujudkan sistem antarabangsa yang mana kita meletakkan semua negara mesti hidup aman dan damai.

Apabila kita berada dalam kedudukan geopolitik yang begitu penting, menarik minat pelbagai negara dan kita juga mengamalkan dan menyokong prinsip keamanan, kedamaian, kita hari ini dilihat sebagai sebuah negara yang mampu untuk berdiri dan memberi sumbangan bukan hanya kepada negara kita tapi juga memainkan peranan di peringkat antarabangsa. Sebab itu Yang Berhormat Menteri, saya cukup bangga apabila mulai 2015 nanti negara kita telah berperanan sebagai pengerusi ASEAN ini.

Semua orang sudah tahu dan pastinya kebanyakan negara ASEAN mengharapkan Malaysia melakukan sesuatu bagi mengangkat bukan hanya negara kita juga di peringkat antarabangsa kerana kita lihat bahawa Amerika Syarikat, negara-negara besar dunia juga melihat ASEAN sebagai satu kawasan yang cukup berpotensi dalam pelbagai bidang dan kesempatan kita menjadi pengerusi ASEAN ini harus dimanfaatkan sebaik mungkin bagi membolehkan kita betul-betul memanfaatkan peranan kita nanti.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Silakan Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Lenggong, memandangkan negara kita akan menjadi pengerusi ASEAN pada masa akan datang, Yang Berhormat Lenggong mungkin melihat apabila disebut ASEAN, kita dikategorikan sebagai negara ketiga, negara yang sedang, tengah membangun dan ketinggalan zaman. Apakah mungkin Yang Berhormat Lenggong mengharapkan mungkin Malaysia boleh memainkan peranan ke arah untuk mempertingkatkan ekonomi negara-negara ASEAN.

Kalau kita lihat ada Kesatuan Eropah. Kesatuan Eropah dianggotai oleh negara-negara yang mempunyai *purchasing power*, yang pegangan ekonomi yang kuat. Jadi mungkin cetusan baru ini boleh dikemukakan oleh Malaysia untuk mengajak negara-negara seperti Cambodia, seperti Myanmar, seperti Laos, seperti Philipine, seperti Indonesia, kita perkasakan ekonomi mereka. Mungkin dengan berbagai-bagai cara. Ini kerana saya percaya kalau Malaysia berjaya menganjak sesuatu anjakan yang baru ke arah cetusan ekonomi baru, mungkin negara-negara

ASEAN mungkin, pekerja-pekerja asing ini tidak akan lagi membanjiri negara kita. Mereka akan bekerja di negara masing-masing sebab mempunyai sumber ekonomi di negara mereka.

Mungkin Yang Berhormat Lenggong sedar bahawa mereka datang ke negara kita ini sebab bak kata pepatah Melayu, *'Di mana ada gula, di situ lah ada semut'*. Maka negara kita banyak gula, maka datanglah semut itu dari berbagai-bagai penjuru. Al-Quran juga menyatakan bahawa Allah SWT menabur rezeki itu di mana-mana dan kebetulannya mungkin ditaburnya di negara kita, maka banyaklah pula orang datang mengaut rezeki itu di negara kita. Ini mungkin kebijaksanaan pemimpin kita mencetuskan satu ekonomi baru, maka mungkin boleh membantu membangun ekonomi negara-negara ASEAN yang lain.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, gulung. Masa Yang Berhormat Lenggong sudah tiga minit.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan ini bila bercakap memang menarik. Saya tengok ramai yang di atas itu betul-betul memberi tumpuan bila Yang Berhormat Kinabatangan bercakap. Bukan saja menarik, apa yang diucap itu betul. Sebab itu saya sebut tadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ucapan dia masuk sebahagian ucapan saya. Saya sebut tadi bahawa potensi negara kita kerana kedudukan geopolitiknya memang begitu strategik. Itu dari segi kedudukan. Dari segi kekayaan, bukan hanya dalam negara kita tapi negara-negara serantau ASEAN ini juga begitu baik sekali dan menarik ramai pihak.

■1220

Jika peranan Malaysia 2016 ini betul-betul dimanfaatkan saya yakin potensi bukan hanya dari segi sumbernya tetapi juga kita lihat pasarannya, Indonesia dengan jumlah yang begitu ramai, campur Malaysia, campur negara-negara lain. Saya ingat ini potensi besar yang membolehkan kita menjadi suatu kawasan yang boleh dan mampu untuk menyaingi negara-negara lain dan kita boleh keluar daripada sebuah negara dunia ketiga yang mundur kepada satu keadaan yang begitu baik.

Apatah lagi sebenarnya kita juga berdekatan dengan China, berdekatan dengan India, negara-negara yang kuasa besar, maka manfaat ini harus kita lakukan bagi membolehkan kita apabila diberi tanggungjawab sebagai Pengerusi ASEAN, benar-benar mampu buat lebih baik daripada pengerusi-pengerusi sebelum ini. Oleh sebab itu Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya apakah sebenarnya perancangan kita, apa matlamat kita, apa strategi kita? Apakah kita hanya hendak meneruskan apa yang telah pun dibuat oleh negara-negara lain atau kita mesti lakukan lebih baik kerana saya yakin bahawa harapan negara-negara anggota ASEAN kepada kita begitu tinggi.

Mereka mahu cetusan idea baru, pemikiran baru, maknanya apa yang telah kita lakukan dalam negara kita diterjemahkan di peringkat yang lebih luas kerana pemimpin kita, Perdana Menteri kita, Timbalan Menteri Luar Negeri kita ialah pemimpin bukan negara kita bertaraf negara kita tetapi antarabangsa. Kita mampu untuk berdiri dan melakukan lebih baik daripada negara-negara lain. Ini terbukti dengan banyak keputusan polisi luar kita sebenarnya hebat dan

setanding dengan pemimpin-pemimpin antarabangsa, itu peringkat ASEAN. Saya percaya untuk membolehkan kita berfungsi dengan lebih baik, saya harap juga kerajaan mengerakkan semua NGO, mengerakkan semua agensi dalam negara ini supaya kita bertindak secara bersama.

Maknanya kalau NGO-NGO kita ke luar negara, kementerian ke luar negara kita membawa misi dan visi kita, imej kita sebagai Pengerusi ASEAN ini. Saya mohon mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya hendak sebut sekali lagi apabila kita diberi peranan di peringkat antarabangsa, kita juga harus sedar bahawa kita juga menghadapi ancaman-ancaman yang sebenarnya boleh mengganggu dan boleh merosak imej negara kita. Hari ini kita diakui, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana begitu berani untuk membentangkan kertas putih yang akan dibentangkan oleh Perdana Menteri untuk menangani kumpulan ISIS, ini keberanian kita mendedahkan sesuatu yang memang bahaya. Saya bimbang negara kita kalau dilihat sebenarnya berpotensi untuk menjadi hab kepada pembiayaan penganas ini. Ini dilaporkan oleh media antarabangsa.

Perkara ini kalau tidak dibendung ia boleh mengganggu usaha kita sebab itu saya harap kita secara bersama dan ketepikan perbezaan politik kita, kita tangani isu penganas ini dengan bersungguh-sungguh kerana ini memberi ancaman, ia boleh merosakkan imej kita kerana kita tahu bahawa Malaysia hari ini sebenarnya telah berkemampuan. Kita menyelesaikan isu Selatan Filipina, kita diberi tanggungjawab untuk menyelesaikan isu Selatan Thailand. Saya cukup yakin kalau kita punya keberanian dan diterjemahkan oleh kita secara bersama dalam menangani isu ini yang tidak banyak negara luar untuk menyelesaikannya, saya yakin kita akan melonjak lebih tinggi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong, boleh gulung.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Pengerusi, lihat bagaimana, kekuatan kita menyelesaikan MH17. Banyak kuasa besar dunia apabila isu ini...

Seorang Ahli: Belum selesai.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ya belum selesai. Menyelesaikan isu bagaimana membolehkan negara kita masuk untuk mengambil mayat-mayat dan masuk ke Ukraine untuk menyelesaikan isu yang kebanyakannya tidak boleh diselesaikan oleh negara lain. Kita tengok bagaimana Amerika Syarikat, bagaimana Eropah, bagaimana negara-negara kuasa besar membuat tekanan kepada Rusia menggunakan pelbagai kekuatan ekonomi dan sebagainya tetapi kebijaksanaan pemimpin Yang Berhormat Taiping, Perdana Menteri kita menggunakan akal membuat sesuatu di luar dari kebiasaan. Akhirnya kita boleh masuk dengan begitu mudah tanpa menggunakan kekuatan ketenteraan seperti yang digunakan oleh negara lain

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Boleh saya tanya sedikit kepada Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Boleh.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Bilakah pegganas ini akan dihadapkan ke muka pengadilan? Itulah yang kita mahu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ya, kita kenalah mengikut peraturan dan undang-undang antarabangsa. Yang pentingnya Yang Berhormat Taiping, kita sedang berusaha ke arah itu. Kenyataan yang dibuat oleh kerajaan bahawa kita akan bawa mereka ke muka pengadilan, soal bila? Bagilah peluang kepada kerajaan kita untuk selesaikannya. Ini soalnya, yang menjadi susah apabila kawan-kawan Yang Berhormat mempertikaikan apa yang kita buat. Kita sedang melakukannya dan kita harap kerajaan konsisten, mesti bawa mereka yang bertanggungjawab ke muka pengadilan kerana kita berpegang pada prinsip kita mahu kedamaian dan menjaga hak rakyat negara kita.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh, Yang Berhormat Lenggong sedikit?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Boleh Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Lenggong, dalam isu sebegini, pegganas antarabangsa ini, di Amerika, di United Kingdom, kalau mereka dapati mereka akan tahan yang disuspek ini tanpa dibawa ke muka pengadilan. Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat Lenggong pada negara yang bebas kononnya seperti Amerika, yang terbuka tetapi masih melaksanakan undang-undang tanpa tahanan, tanpa bicara. Apakah ini boleh lagi diterima oleh kita ataupun bagaimana?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Pengerusi Yang Berhormat Kinabatangan, sebab itu saya lihat bahawa isu keganasan ini mesti ditangani secara bersungguh-sungguh dan undang-undang yang dipraktikkan hari ini sebenarnya yang diamalkan oleh banyak negara, memang saya rasa ada keadaannya memang penting dan perlu dilakukan. Oleh sebab itu saya harap bahawa kita dalam soal menangani keganasan ini Yang Berhormat Kinabatangan, ini kita jangan fikir dan politikkan isu ini kerana ia betul-betul mesti ditangani. Oleh kerana itu undang-undang yang dilaksanakan oleh Amerika Syarikat atau negara-negara lain kita kena hormat kerana itu polisi dan negara mereka sebab yang pentingnya kita mesti menangani pegganas ini kerana mereka cukup bahaya dan mengancam kepada keselamatan masyarakat antarabangsa.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sebab itu saya berharap satu lagi isunya ialah...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: ...Yang Berhormat Lenggong, panjang sangat ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya hendak gulung Tuan Pengerusi. Saya lihat satu isu lagi, isu yang berkaitan dengan negara-negara Islam, isu yang berkaitan dengan... orang Islam. Imej Islam di masyarakat antarabangsa tercemar oleh kerana

kumpulan-kumpulan yang menggunakan label Islam ini yang tidak betul dan tidak menepati kehendak agama kita. Misalnya kumpulan ISIS dan sebagainya. Oleh sebab itu Tuan Pengerusi, sudah sampai dan ketika dan masanya negara kita untuk terus mengubah OIC ini sebab Setiausaha Agung Pertama OIC datangnya dari negara kita Allahyarham Tunku Abdul Rahman. Saya harap bahawa kerajaan mesti benar-benar memainkan peranan untuk memulihkan semula OIC ini. Ada atau tidak OIC ini? Yang suaranya di mana, tindakannya di mana ketika banyak isu melibatkan negara Islam ini.

Saya harap kerajaan memikirkan bagaimana kita hendak menanganinya. Saya tahu cabarannya cukup besar, memang halangannya banyak tetapi kalau kita bersungguh-sungguh dengan kekuatan yang kita ada saya harap kita akan dapat memanfaatkannya. Saya cuma hendak ambil satu sahaja, saya hendak tahu apa perancangan kerajaan untuk terus melaksanakan Langkawi International Dialogue, ini? Apakah hasil-hasil sebelum ini boleh dibentangkan dan dimaklumkan dari segi ekonominya dari segi isu-isu antarabangsa yang telah pun dibincangkan dalam International Dialogue ini dan apakah perancangan untuk penganjuran yang ter baru pada masa akan datang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ramai lagi yang berminat hendak berbahas? Sebelah Barisan Nasional sudah tidak ada. Kita tamatkan perbahasan kita sehingga jam 1 tengah hari dan pukul 2.30 petang Yang Berhormat Menteri mula menjawab. Tolong jaga masa. Saya bagi lima minit seorang dan Yang Berhormat Temerloh, sila.

12.29 tgh.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam masa lima minit saya ringkaskan kepada beberapa soalan berkait dengan Butiran 110000, Butiran 110100 – Pihak Berkuasa Kebangsaan (PBK) Kepada Konvensyen Senjata Kimia.

Pertama, saya ucap tahniah kepada Tuan Nasarudin Mohd Yusof, saya kira rakyat Malaysia pertama yang telah menerima anugerah Nobel Keamanan 2013 atas pencapaian khidmatnya dalam memastikan negara anggota mematuhi Konvensyen Senjata Kimia ini.

■1230

Berhubung dengan butiran ini, kita dimaklumkan bahawa penggunaan senjata kimia di Syria didakwa telah didalangi oleh pihak kerajaan ataupun rejim pemerintahan Syria. Sehingga pihak PBB dan juga Pertubuhan Bagi Pencegahan Senjata Kimia (OPCW) telah menjalankan satu misi memusnahkan senjata kimia tersebut. Pemusnahan senjata kimia ini memang memerlukan kepakaran teknikal yang cukup tinggi, yang saya kira tidak semua negara dan juga syarikat swasta mampu memiliki kepakaran tersebut. Jadi berdasarkan kepada peruntukan Bajet 2015 di bawah butiran ini, bolehkah saya dapatkan maklumat penjelasan mengenai dengan status penggunaan senjata kimia di seluruh dunia, sama ada di Syria, di Amerika Syarikat dan sekutunya Israel.

Memandangkan perwakilan negara kita sememangnya telah didedahkan dengan pelbagai latihan serta pemeriksaan senjata kimia ini di peringkat antarabangsa. Saya juga ingin tahu apakah Malaysia terlibat dengan aktiviti eksport atau import bahan-bahan kimia dwifungsi yang disenaraikan di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010. Jika ada, siapakah rakan niaga itu dan syarikat manakah yang mengendalikannya? Berapakah kadar jumlah dagangannya? Jadi inilah saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Klang.

12.32 tgh.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin mengemukakan beberapa isu berkaitan dengan Butiran 060100 berkaitan dengan ASEAN. Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Malaysia yang diberi peluang untuk menjadi tuan rumah ASEAN pada tahun depan. Peluang ini datang dengan cabaran dan memberi peluang kepada Kerajaan Malaysia untuk memberi kepimpinan yang dinamik kepada ASEAN. Tema yang dipilih untuk tahun 2015 adalah "*Towards a People-Centered ASEAN*". Soalan saya ialah apakah Kerajaan Malaysia faham atau maksudkan dengan "*Towards a People-Centered ASEAN*". Bagaimanakah rakyat Asia dapat menikmati faedah dan dari pimpinan Malaysia dan badan serantau ini. Khususnya, apakah nilai tambahan ataupun *value added* yang akan dibawa oleh Malaysia semasa terajui ASEAN.

Isu yang berkait Tuan Pengerusi adalah berkait rancangan kerajaan untuk promosikan ASEAN di kalangan rakyat biasa termasuk persatuan-persatuan peniaga dan juga NGOs. Pada pandangan saya, orang ramai tidak begitu faham ataupun sedar mengenai ASEAN dan kurang faham mengenai *ASEAN Economic Community*.

Isu lanjutan dan ini adalah satu soalan, Tuan Pengerusi berkait dengan peranan Malaysia dalam rundingan *ASEAN Declaration on the Protection and Promotion of the Rights of Migrant Workers*. Adakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk muktamadkan atau *conclude* rundingan *ASEAN Declaration on the Protection and Promotion of the Rights of Migrant Workers* sebagai salah satu bahagian daripada pimpinan Malaysia di ASEAN? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

12.33 tgh.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sebut cuma dua, tiga perkara. Pertama ialah Butiran 030000 – Hal Ehwal Pelbagai Hala. Isu pengganas-pengganas dan juga lanun yang menculik sama ada rakyat Malaysia ataupun pelancong-pelancong di Sabah ini tersebar luas Tuan Pengerusi, dan dilihat seolah-olah kita tidak mempunyai kekuatan untuk menyelesaikan masalah ini.

Cuma saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah perbincangan-perbincangan kita dengan Kerajaan Filipina itu membuahkan satu hasil di mana bukan sahaja kita harus menyelesaikan atau menangani masalah penculik-penculik dan juga lanun di kawasan kita, tetapi nampaknya seolah-olah Kerajaan Filipina melepaskan tangan dalam isu-isu lanun ini.

Jadi harus ada satu perbincangan yang khusus, di mana saya kira Kerajaan Filipina juga harus membantu kita menyelesaikan masalah ini dalam keadaan mereka tidak boleh sekadar membiarkan isu pengganas-pengganas di kawasan Selatan itu mengganas. Kita lihat ini telah pun mencemarkan kedudukan kita apatah lagi kita masih ada dua lagi *hostages* yang berada dalam tangan pengganas-pengganas ini, dua orang rakyat Malaysia.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sikit penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Petani sama ada Yang Berhormat Sungai Petani berminat kalau Ahli-ahli Parlimen kita ini, Ahli Dewan Rakyat kita ini mengambil inisiatif secara informal untuk mengadakan pertemuan dengan Ahli-ahli Parlimen Filipina dalam konteks mewujudkan satu persefahaman supaya diredakan sedikit suasana yang agak tegang di antara kedua-dua negara dalam isu yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya amat setuju dengan cadangan Yang Berhormat Kuala Krai. Malah kita boleh mengambil platform yang tidak berbentuk kerajaan tetapi lebih *general informal* di kalangan Ahli-ahli Parlimen supaya isu ketegangan ini dapat kita kendurkan. Oleh sebab walaupun atas *surfaceny*a nampak kita okey dengan Filipina, tetapi apabila isu penculikan ini saban tahun menjadi-jadi kita rasa ada suatu yang tidak kena. Jadi untuk itu kita minta supaya tekanan yang lebih dikenakan kepada Kerajaan Filipina.

Isu kedua Tuan Pengerusi, atas tajuk yang sama ialah bagaimana kita lihat mutakhir ini Kerajaan Sri Lanka menekan rakyatnya yang berbangsa Tamil dan juga Islam di Sri Lanka. Walaupun peperangan saudara telah pun tamat, dan kita dimaklumkan yang mutakhir ini bagaimana orang-orang Islam yang memaparkan produk dia kalau ada cap halal itu tentera-tentera dan polis Kerajaan Sri Lanka akan masuk rampas barang-barang yang bercap logo Islam dan ada kedai-kedai yang dibakar. Ini ialah maklumat-maklumat yang kita terima daripada mereka yang menulis di blog-blog atau pun maklumat-maklumat yang kita terima daripada mereka yang lari dari Sri Lanka. Maklumat ini dipaparkan di ruang-ruang sosial media.

Isunya sekarang Tuan Pengerusi, bagaimana kedudukan kita yang mempunyai hubungan yang agak baik dengan Sri Lanka boleh berbincang dengan Kerajaan Sri Lanka supaya isu ini menjadi isu yang besar walaupun pihak United Nations dan juga pihak dunia menekan Kerajaan Sri Lanka untuk membuka pintunya supaya ada laporan-laporan yang lebih telus. Ada juga pihak-pihak yang datang dan menyiasat.

Ini kerana Tuan Pengerusi saya sendiri pernah pergi ke Sri Lanka dan melihat bagaimana penderitaan rakyat Sri Lanka yang berkaum Tamil dan juga Islam yang ditindas. Kita harap ini dapat dihentikan kerana ia menjadi krisis walaupun ia berlaku di Sri Lanka. Namun sebagai manusia sejagat saya kira kita harus melihat ini sebagai satu yang juga di pertanggungjawaban kepada kita. Ketiga, Tuan Pengerusi yang terakhir sekali ialah bagaimana Kerajaan Malaysia dan Indonesia khususnya dapat membantu pelajar-pelajar kita. Untuk makluman Tuan Pengerusi, kalau pelajar-pelajar kita belajar di Indonesia, proses mendapatkan visa belajar di sana itu cukup payah. Proses-proses ini ia bermacam-macam berbanding dengan pelajar-pelajar Indonesia yang belajar di Malaysia. Proses untuk mendapatkan visa bukan sahaja mudah tetapi juga *facilitative* maknanya ia *facilitate* dan ini memudahkan pelajar-pelajar belajar di sini. Akan tetapi kalau anak Malaysia belajar di Indonesia, prosesnya cukup payah dan panjang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tadi tidak bangun.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Baru bangun.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Kangsar.

12.39 tgh.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ringkas sahaja Butiran 030300 – Cabaran-cabaran Global yang kita tahu tentang kempen-kempen anti sawit khususnya dari Eropah. Ini kerana mereka akan menekan industri sawit ini dan untuk melindungi dan juga mempertahankan saingan kita iaitu minyak soya dan juga minyak *rapeseed*. Kita boleh dapat menangkis serangan-serangan ini dengan adanya promosi-promosi, penerangan-penerangan dan juga data-data saintifik yang kita boleh kemukakan.

Namun malang sekali baru-baru ini terdapat satu tekanan yang begitu hampir daripada jiran kita sendiri iaitu Singapura yang mengatakan bahawa sawit itu adalah satu minyak yang cukup tidak baik untuk kesihatan. Jadi, agak ketara kerana apabila jiran kita sendiri dari Asia telah anti-kempen tentang industri sawit ini dan saya lihat perkara ini boleh mendatangkan satu bahaya.

■1240

Walau apa pun, *damage has been done* dan saya harap pihak Wisma Putra dapat berperanan supaya rakan-rakan atau jiran kita sentiasa buat *engagement* dan memberikan amaran dan juga peringatan supaya perkara-perkara yang sensitif ini yang menjejaskan dan mereka sendiri adalah pengguna minyak sawit yang terulung dan tahu kebaikannya, saya harap pihak kementerian dapat memerhati perkara ini dan juga memberi peringatan dan juga tindakan-tindakan yang *below the belt* ini oleh jiran kita sendiri iaitu Singapura. Jadi kita tahu musuh-musuh yang jauh boleh kita tangani tetapi gigitan musuh yang paling hampir ini adalah cukup berbahaya.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

12.41 tgh.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Pagi ini Yang Berhormat Jasin telah mengatakan perujukan kes pada ICJ mengenai pulau-pulau sempadan di negara ini. Saya pohon dan hendak tahu berapakah kos yang terlibat dalam merujuk kes ini dan berapa lama lagi perlu supaya kes-kes baru dirujuk mengenai pulau-pulau serantau di negara ini di mana ada pertikaian di antara satu negara dengan negara yang lain?

Kedua adalah mengenai ICC.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Ipoh Barat, boleh? Sikit saja, pasal ICJ.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baru mula Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Pasal ICJ. Takut nanti dia pergi tajuk lain. Boleh ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sikit saja. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat.

Yang Berhormat Ipoh Barat, dalam persidangan DUN di Johor, Baginda Sultan Johor ada menyatakan meminta supaya kerajaan negeri tubuhkan sebuah jawatankuasa untuk rayu kes Batu Putih. Saya rasa mungkin sebenarnya bukan rayu sebab dalam undang-undang antarabangsa ini tidak boleh dirayu keputusan ICJ tapi yang boleh ialah *review*.

Jadi saya ingin bertanyakan melalui Yang Berhormat Ipoh Barat kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan masih lagi berminat untuk membuat *review*? Apa yang saya faham, ada lagi dalam masa 10 tahun kita masih boleh buat *review* terhadap keputusan yang dibuat pada tahun 2008.

Saya pernah melihat satu kenyataan daripada bekas Menteri Luar mengatakan bahawa antara punca kekalahan kita adalah kerana kegagalan kita mendapatkan dokumen iaitu persetujuan Temenggung dengan Sultan Johor bertarikh 25 November 1844 yang membenarkan Britain untuk membina ataupun beroperasi *lighthouse* dekat pulau itu.

Jadi saya hendak tanya adakah usaha-usaha telah dibuat untuk *review*? Keduanya, apakah pencapaian ataupun status pencarian dokumen untuk *review* itu? Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, saya pohon ucapan Yang Berhormat Sepang itu menjadi satu bahan ucapan saya.

Tuan Pengerusi, ini mengenai *International Criminal Court*. Pada 7 Jun 2010, di satu *emergency sitting Parliament* di negara kita telah mengusulkan 10 usul. Di antaranya dua yang saya baca dengan izin, usul nombor lima, menggesa negara-negara sependapat untuk

mengemukakan usul kepada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi merujuk situasi akibat serangan tentera rejim Zionis Israel ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa, *International Criminal Court* dan resolusi ketujuh, memohon supaya negara Turki mempertimbangkan untuk mengambil tindakan di bawah peruntukan *Statut Rome* iaitu *International Criminal Court*.

Saya pohon dalam *detail*, spesifiknya, kalau tidak ada jawapan, secara jawapan bertulis, apakah yang telah dibuat dari tahun 2011 hingga sekarang dalam usaha merujuk Israel kepada *International Criminal Court* dan juga pada tahun 2011 kita sendiri di Parlimen ini telah bersetuju untuk menjadi anggota *International Criminal Court of the Rome Statute* di mana Kabinet telah meluluskannya? Akan tetapi sehingga hari ini, nampaknya tidak ada positif *trend* untuk berbuat demikian walaupun kalau ada *directive* dari Kabinet, siapa lagi boleh menghalang Kerajaan Malaysia untuk menjadi anggota *International Criminal Court of the Rome Statute*.

Berkaitan dengan ini, ada juga pada tahun dulu, *Arms Trade Treaty* di mana kerajaan telah menandatangani, selepas itu lebih daripada 100 buah negara telah menandatangani dan meratifikasikannya tetapi Malaysia belum, enggan. Kenapa sebab tersebut?

Akhir sekali adalah mengenai Taiwan dan juga Sri Lanka di mana Taiwan baru-baru ini, *ASEAN Pacific Parliamentary Union* telah mengadakan mesyuarat di Taiwan di mana Ahli-ahli Parlimen kita menghadiri di mana kita dapat tahu mereka ada *the latest technology* untuk mengatasi masalah gempa bumi, tsunami dan sebagainya. Adakah kerajaan akan lebih bekerjasama dengan mereka walaupun *one state policy* dan sebagainya dan juga ada beberapa mekanisme yang terkini, *they are one of the best medical* dalam hal di dunia ini. Bolehkah kita mengadakan hubungan erat dengan mereka mengenai hal-hal sosial dan hal-hal *medical* ini?

Mengenai Sri Lanka, Yang Berhormat Tumpat dan Yang Berhormat Sungai Petani telah berucap mengenai perkara itu. Saya sambung sedikit iaitu pada tahun 70-an bila beribu-ribu orang di seksa, dibunuh, di *up country*, di Kandy di Sri Lanka, dunia diam. Selepas itu pada tahun 90-an, beribu-ribu orang, beratus-ratus orang, dikatakan 80,000 orang *innocent victims has been killed* di Kilinochchi, Sri Lanka, dunia diam. Sekarang saya difahamkan ada 200,000 orang Melayu dari Malaysia yang *have been brought* oleh British ke Colombo, sekarang di sana mereka juga diseksa dan seperti yang saya katakan, *certificate* halal jika ia di *exhibit* dalam kedai jual daging, bukan sahaja ia tidak boleh sedemikian, tidak dibenarkan tetapi kedai, rumah dan orang dibunuh. Apakah akan dibuat oleh kerajaan supaya kita ada *win-win* dalam *situation* ini?

Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Buntar.

12.47 tgh.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara yang hendak ditimbulkan di sini iaitu tentang Hal Ehwal Pelbagai Hala yang merujuk kepada Butiran 030200 – Hak Asasi Manusia, Sosial, Kebudayaan dan Jenayah

Rentas Sempadan. Soalan saya ialah berapakah konvensyen PBB yang telah ditandatangani oleh negara kita Malaysia? Ini adalah penting untuk negara kita mengikuti perkembangan antarabangsa dan ia ada kaitan tentang hak asasi manusia wanita, kanak-kanak, penindasan kaum, diskriminasi agama dan diskriminasi kaum. Saya faham isu ini agak sensitif tetapi saya kira kita harus mengambil sikap sebagai sebuah negara yang terbuka untuk bincang perkara ini.

Soalan saya ialah apakah kriteria-kriteria dan syarat penerimaan sesuatu perjanjian itu dan tahap toleransi yang boleh kita terima kerana saya difahamkan bahawa tidak semestinya kita menerima konvensyen itu secara total, ada adaptasi kepada keperluan negara. Ada adaptasi, contohnya isu Islam. Saya setuju bahawa isu ini agak sensitif kerana ia melibatkan soal hak asasi manusia. Sejauh manakah Kementerian Luar Negeri dapat *adapt* kepada konvensyen-konvensyen ini supaya Malaysia tidak dilihat ketinggalan khususnya tentang *elimination of discrimination of race and religion*. Perkara ini penting untuk kita jadikan asas sebagai kita sebahagian daripada masyarakat antarabangsa.

Soalan saya ialah apakah bentuk *adaptation* yang boleh kita terima tanpa kita menggadaikan prinsip dan juga maruah serta apa yang telah ada dalam negara kita. Saya tidak mahu isu dipolitikkan sehingga ada pihak-pihak tertentu menggunakan isu-isu ini menolak seratus peratus tetapi tidak menilainya dari sudut keperluan kita bersama dengan masyarakat antarabangsa.

Kedua ialah jenayah rentas sempadan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi pada pagi tadi kerana memberi izin untuk usul dibahas dan saya rasa sebahagiannya adalah relevan kepada Malaysia yang hari ini yang dijatuhkan kepada tahap ketiga dalam isu pemerdagangan manusia. Saya yakin Menteri Luar Negeri tahu bahawa isu ini bukan sekadar masalah Malaysia tetapi ia adalah merupakan *transnational* punya isu. Ini saya hendak ambil contoh paling dekat di tempat saya iaitu pelarian Rohingya di Pulau Pinang yang dianggarkan ada lebih kurang dalam 8,000 hingga 12,000 orang pelarian.

■1250

Soalan pertama, kita tahu Malaysia bukan ahli di dalam perjanjian UNCHR dan mereka tidak akan diberikan kad sebagai pelarian ataupun *asylum seekers*. Jadi mereka seolah-olah berada dalam keadaan yang terdedah kepada penjenayah rentas sempadan ini untuk eksploitasi mereka menjadi hamba-hamba moden dan Malaysia adalah menjadi salah satu dari habnya yang bagi kita ini amat-amat memalukan. Bagaimana Kementerian Luar melihat isu ini khususnya dalam konteks Thailand yang menjadi juga tempat persinggahan? Bagaimanakah pelarian Rohingya ini dijadikan *ransom* untuk mereka culik, kemudian mereka minta duit kepada keluarga dia. Ada beberapa kes yang mereka telah dibunuh kerana gagal untuk menebus duit yang diminta.

Saya mohon Kementerian Luar lebih agresif untuk memastikan bahawa Malaysia tidak menjadi *heaven* kepada pemerdagangan manusia dan *insya-Allah* petang ini kita akan bahas lebih *detail* tentang isu dalam negara, apa yang berlaku ketika mereka ditahan.

Seterusnya, ataupun saya hendak, okey itu kita akan ambil nanti dalam Kementerian Dalam Negeri nanti. Hal ehwal Islam pelbagai hala yang melibatkan negara-negara Islam. Esok kita akan membentangkan kertas putih dan saya mengalu-alukan kertas putih ini kerana saya sendiri sebagai orang yang banyak sekali berkempen untuk menentang sebarang bentuk ekstremisme. Saya rasa ini satu petunjuk bahawa saya setuju, kita serius dan kita kena sokong usaha-usaha ini. Cuma persoalan saya dalam konteks hubungan luar negara.

Kita difahamkan isu yang berlaku di Iraq, begitu juga di Syria khususnya, dia ada kena mengena dengan *sectarian violence* sebenarnya, antara Suni dengan Syiah. Kita difahamkan bahawa negara di sebelah sana, Iran cuba memainkan '*the big brother*', dalam *sectarian violence* ini, manakala pula negara Teluk, khususnya Saudi mereka hendak jadi *big brother*, kononnya untuk memelihara kepentingan Sunni dan sebagainya.

Saya minta Kementerian Luar betul-betul memahami dan saya yakin memang ada kajian dibuat. Bagaimana dalam *sectarian violence* ini, Malaysia tidak mahu terpalit, dalam konteks kita tidak mahu dilihat oleh kerana kita pun sama masuk dalam kerangka *sectarian violence* ini di atas isu Sunni dan Syiah. Bagi saya, di Syria atau pun di Iraq, isunya bukan Sunni dan Syiah, isunya ialah pemimpin yang diktator. Pemimpin diktator boleh datang daripada orang Sunni, pemimpin diktator boleh datang daripada orang Syiah. Jadi isunya bukan *sectarian violence* isunya lebih kepada bagaimana keadilan itu hendak ditegakkan dan peranan Malaysia menyatakan bahawa kita tidak akan terheret dalam *sectarian violence* ini dan mempunyai sikap kita?

Bagaimana hubungan kita dengan negara-negara yang menyokong ISIS contohnya, dari belakang, membantu mereka, beri duit dan sebagainya. Perkara-perkara ini kita tidak mahu dilihat, pada waktu yang sama kita tegas dalam menyatakan kita menentang ISIS, tetapi pada waktu yang sama kita ada hubungan dengan negara-negara yang memberi sokongan terhadap ISIS. Sebab itu saya minta supaya Kementerian Luar tidak diheret dalam isu *sectarian violence* kerana itu adalah sebenarnya salah satu juga daripada peranan kuasa besar bagi memecah belahkan rantau di Timur Tengah itu lalu mengheret kita malah ada teori yang menyatakan ISIS itu sendiri di *sponsor* oleh CIA untuk menimbulkan keadaan huru-hara di Iraq supaya mereka dapat menguasai dan alasan untuk mereka terus campur tangan bukan kerana hendak bawa demokrasi, tetapi kerana kepentingan minyak di sana. Jadi saya mohon kepada Kementerian Luar untuk memberikan kita pencerahan. Sekian, terima kasih. Oh, ada lima minit lagi. Rugi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

12.54 tgh.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Maaf Tuan Pengerusi, terlampau banyak sangat CD di atas meja. Terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu di bawah Kementerian Luar. Saya percaya apa yang dibangkitkan oleh semua Yang Berhormat hari ini merupakan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan demi untuk melihat Malaysia menjadi sebuah negara yang benar-benar

dipandang tinggi oleh masyarakat dunia. Maka sebab itu bila cadangan-cadangan yang dibawa oleh sama ada di pihak kerajaan ataupun di pihak pembangkang. Saya menelitinya supaya ia dapat dimasukkan sebagai salah satu daripada banyak-banyak perjuangan yang dibawa oleh kerajaan. Jika dikira sebagai satu-satu cadangan yang baik, kita akan teliti dan kita akan tentukan supaya ianya dapat kita buat secara yang bersama di peringkat kerajaan nanti.

Pertama, tentang ucapan yang dibawa oleh Yang Berhormat Jasin. Saya hendak menjelaskan di sini, Tuan Pengerusi. Bila kita bercakap tentang pencapaian kita untuk menjadi anggota UNHC, benar saya ucapkan terima kasih banyak kepada ucapan tahniah yang dibawa oleh Yang Berhormat Jasin tadi. Sebenarnya ini melambangkan bahawa pemimpin negara telah diterima untuk bukan hanya menjadi pemimpin di peringkat *regional*, tetapi juga di peringkat dunia kerana apa yang dibawa oleh pemimpin kita, yang dibawa oleh kerajaan, dilihat sebagai suatu perjuangan demi untuk manusia sejagat. Itulah yang sebenarnya telah membawa satu pengertian yang paling besar. Sepatutnya semua rakyat yang ada dalam negara ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada pemimpin kita, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, di bawah kepimpinan sehingga kita bukan hanya berjaya, tetapi mencapai suatu angka yang besar tempoh hari semasa kita diterima sebagai anggota UNHC.

Soalannya apakah manfaat kita sebagai ahli majlis keselamatan tersebut. Saya hendak jelaskan bahawa apabila kita menjadi anggota ini, peluangnya amat baik untuk Malaysia berperanan yang lebih aktif, untuk menyumbang kepada usaha memelihara keamanan dan keselamatan sejagat seperti yang saya katakan tadi. Itu juga boleh untuk kita mengetengahkan dan menggalakkan dasar-dasar yang digubal yang dibuat oleh kita.

Pendekatan Malaysia berhubung dengan pertahanan dan pemeliharaan keamanan dan keselamatan. Apa yang kita bawa hari ini akan menentukan supaya, bukan hanya untuk kita sebagai kerajaan, bukan hanya untuk *regional*, *tetapi* untuk semua negara termasuklah negara-negara kecil dan juga negara-negara yang bermasalah seperti negara anggota OIC kebanyakannya. Itu juga akan kita cuba untuk memperjuangkan apabila kita duduk sebagai anggota UNHC tersebut.

Sering dikemukakan oleh banyak negara seperti isu perubahan iklim, alam sekitar, pembasmian kemiskinan, pembangunan mampan, kesejahteraan belia, wanita dan kanak-kanak. Ini sebenarnya adalah merupakan isu-isu yang boleh menjadi konflik yang lebih besar. Ini juga akan kita bawa dan kita lihat secara yang lebih teliti supaya apabila kita membawa dan memperjuangkan isu-isu ini, ia juga akan menentukan bahawa pada masa hadapan, semua masalah yang ada di dunia ini, Malaysia salah satunya anggota yang telah pun bersedia untuk memperjuangkan isu-isu yang saya sebutkan tadi.

Keutamaan yang akan Malaysia bawa ke majlis ini nanti, pertamanya untuk mempromosikan prinsip kesederhanaan di dalam kerja-kerja majlis keselamatan PBB nanti. Itu semua telah pun tahu kita telah menubuhkan GMM atau Gerakan Kesederhanaan Global yang telah pun dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2010.

Kedua, Malaysia akan menggalakkan tentang penyelesaian konflik secara aman dan mana adalah merupakan dasar luar negeri Malaysia sejak dahulu lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri, kita sambung 2.30.

Dato' Hamzah bin Zainudin : Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)]
mempengerusikan Mesyuarat]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang nanti, terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan
Jawatankuasa]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi, sebelum Menteri menyambung panjang boleh saya minta penjelasan sedikit. Tadi Menteri ada sebut mengenai penyelesaian alam sekitar atau konservasi alam sekitar mengikut konvensyen antarabangsa. Boleh jelaskan apa contoh yang telah pun diselesaikan di peringkat antarabangsa? Terima kasih.

2.33 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya teruskan saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua Guru-guru Besar dari Parlimen Bagan Serai yang dibawa oleh Yang Berhormat Parlimen Bagai Serai. Berikan tepukan untuk mereka. *[Tepuk]* Saya hendak menjelaskan sedikit tentang, belum saya habis telah pun ditanya. Saya beritahu bahawa apa yang kita bawa dalam UNIC ini adalah isu-isu sama ada isu-isu yang memang merupakan isu keselamatan. Juga isu-isu yang mungkin menjadi konflik keselamatan termasuklah alam sekitar. Jadi saya tidak kata konvensyen apa yang telah *design* itu boleh tanya dengan kementerian lain Yang Berhormat.

Saya hendak sambung tentang apa yang saya jelaskan tadi. Kedua, kita menggalakkan penyelesaian konflik secara aman yang mana adalah merupakan dasar luar negeri Malaysia sejak dahulu lagi. Banyak perkara yang kita buat menggalakkan pendekatan melalui *mediation*. Selalunya itulah cara penyelesaian konflik antarabangsa pendekatan yang dibawa oleh Malaysia.

Ketiga, Malaysia akan menggalakkan pemeraksanaan misi pengaman PBB dengan mengambil kira tentang skop, tanggungjawab, misi-misi berkenaan yang semakin bertambah pada hari ini. Itulah yang saya maksudkan tadi seperti ianya merangkumi antara lain yang saya sudah sebut tentang aspek sosioekonomi, hak asasi manusia, pembangunan prasarana seperti jalan raya atau jambatan semua ini akan kita masuk.

Keempatnya, Malaysia juga akan terus menyokong usaha-usaha untuk membina keamanan atau *peace building* dalam hubungan untuk menawarkan dipilih ini kita banyak telah mengetengahkan tentang isu-isu *Peace Building Commission* PBB yang telah pun kita jelaskan pada ramai negara-negara untuk memberi sokongan kepada kita.

Kelima, Malaysia juga telah cuba untuk menggalakkan perbincangan untuk pembaharuan Majlis Keselamatan PBB. Kita hendak buat *reform* untuk melihat bahawa *political commitment* daripada semua anggota PBB juga boleh menentukan bahawa masa UNIC itu akan bertambah baik. Perbelanjaan yang telah kita guna setakat ini sudah pun melebihi dengan perbelanjaan yang telah pun diluluskan sebanyak RM20 juta. Akan tetapi angka yang sebenarnya belum saya dapat lagi. *Insya-Allah* akan kita jelaskan apabila semuanya telah pun balik ke dalam negara dan kita akan berikan jawapan kepada Yang Berhormat Jasin nanti.

Yang Berhormat Tumpat ada membangkitkan tentang isu Bangladesh. Yang Berhormat, perkara ini telah pun saya jawab saya ingat sudah banyak kali. Yang Berhormat soal saya jawab. Ini mungkin kali yang keempat Yang Berhormat, tetapi tidak apalah. Jawapan masih lagi yang sama merujuk seperti yang telah pun dimaklumkan sebelum ini bahawa Tribunal Jenayah Antarabangsa oleh Kerajaan Bangladesh telah ditubuhkan pada 25 Mac 2010. Merupakan usaha Kerajaan Bangladesh dalam mengadakan siasatan untuk membawa ke muka pengadilan warga tempatan yang telah dikenal pasti bekerjasama dengan pihak musuh semasa perang pembebasan Bangladesh yang tercetus pada tahun 1971.

Perbicaraan yang dilakukan dan hukuman yang dijatuhkan oleh tribunal tersebut adalah mengikut lunas undang-undang tempatan yang berlandaskan piawaian antarabangsa. Jadi penubuhan tribunal tersebut dan perbicaraan mahkamah bagi mereka yang telah disyaki terlibat bekerjasama dengan pihak musuh juga mendapat sokongan majoriti daripada rakyat Bangladesh. Maka melihat dari sudut inilah Malaysia berpendapat bahawa Bangladesh telah mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dengan konsep demokrasi yang diamalkan oleh negara berkenaan. Dalam menegakkan keadilan bagi mereka yang telah terbunuh semasa perang pembebasan Bangladesh 1971. Malaysia mengambil pendirian untuk tidak mencampuri urusan dalaman dan perundangan Bangladesh apabila kita melihat tentang fakta yang telah pun saya jelaskan kepada Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Tumpat juga ada membangkitkan tentang penindasan yang berlaku ke atas Muslim dan juga kaum Tamil di Sri Lanka. Dalam isu ini sebenarnya Yang Berhormat Malaysia sentiasa mengambil berat dan menjaga kepentingan negara Islam dan komuniti masyarakat lain yang bukan Islam juga melalui platform OIC. Mungkin Yang Berhormat pun sudah mengetahuinya Setiausaha Agung OIC telah mengeluarkan satu kenyataan selepas isu ini

berbangkit Setiausaha Agung OIC pada 17 Jun 2014 telah mengutuk tindakan ini. Kita pun telah pun bersama Malaysia, saya mewakilinya telah pun juga bersama untuk melihat supaya perkara ini tidak berlaku dan kita ketengahkan supaya OIC juga berperanan untuk melihat Kerajaan Sri Lanka mengambil *action* yang sewajarnya, tindakan yang sewajarnya.

Dari segi hubungan dua hala kita hanya Kementerian Luar Negeri Sri Lanka supaya mereka sedar bahawa kita hendak tahu apa yang berlaku.

■1440

Kerajaan Sri Lanka telah mengambil tindakan dan memastikan integrasi nasional antara kaum di negara tersebut akan terkawal. Itu janji mereka kepada Kementerian Luar.

Yang Berhormat Tumpat juga ada membangkitkan tentang isu bilakah akan dimulakan penubuhan Pejabat Konsulat Jeneral di Istanbul? Saya hendak jelaskan bahawa seperti jawapan yang saya katakan dahulu ini satu cadangan yang baik dan kita telah pun mengambil tindakan dan kita pun sudah bagi tahu bahawa kita akan menubuhkan. Akan tetapi prosedur penubuhan Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negeri, pelaksanaannya perlu dibincangkan bersama agensi-agensi yang lain yang akan bersama menggunakan perwakilan kita tersebut. Maka, dia mungkin akan mengambil masa sedikit. Jadi, Yang Berhormat tunggu *insya-Allah* apabila semua selesai kita akan tubuhkan perwakilan kita nanti.

Tentang kaum *Uighur* yang masuk ke Malaysia ini, sebenarnya kita hendak jelaskan Yang Berhormat kalau sesiapa dari luar negara, penduduk luar negara atau pun rakyat luar negara yang masuk ke dalam negara kita dia ada dua cara. Pertama menggunakan dokumen yang kita anggap boleh diterima pakai sah. Maka, dia boleh masuk. Satu lagi tanpa dokumen sah. Akan tetapi kalau tanpa dokumen sah dan imigresen tangkap maka perkara ini kita serahkan kepada Kementerian Dalam Negeri. Jadi, terpulang pada Yang Berhormat.

Kalau Yang Berhormat tanya sama ada mereka itu masuk kerana sah Kementerian Luar kata kalau mereka masuk dengan sah, tidak ada masalah hubungan dua hala di antara kita dan sesiapa negara-negara luar yang bersama dengan kita. Itulah jawapan yang saya berikan kepada Yang Berhormat Tumpat. Saya ingat itulah.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Masjidil Al-Aqsa.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Oh ya, tentang Masjidil Al-Aqsa ini Yang Berhormat saya hendak jelaskan pertamanya saya pun hairan Yang Berhormat kenyataan daripada Perdana Menteri Turki Yang Berhormat ketengahkan kata dia telah pun bersuara dengan tegas, memetik ucapan beliau tegas. Yang hairannya Menteri saya sendiri pun bagi ucapan yang tegas, keluarkan kenyataan, Yang Berhormat tidak ucapkan tahniah. Yang Berhormat ini kena adillah. Jadi, kalau adil maknanya Perdana Menteri Turki itu bagi tegas, kata Malaysia pun tegas. Tahniah! Patut macam itulah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Hamzah bin Zainudin: Jadi, walau bagaimanapun Yang Berhormat, oleh kerana Yang Berhormat tanya apa kita buat. Satunya Yang Berhormat kata Kerajaan Jordan ada *sponsor* supaya membangkitkan isu ini, bawa resolusi tersebut. Saya hendak sebut Malaysia

juga menjadi *core sponsor* nya. Yang itu pun Yang Berhormat tidak sebut. Sepatutnya Yang Berhormat sebut sama. Tahniah, Jordan bawa sebagai *sponsor* dan Malaysia *core sponsor*. Jadi, menunjukkan bahawa kerajaan prihatin dalam isu ini.

Tidak timbul bahawa kita biarkan masalah ini begitu sahaja. Memang saya sendiri mewakili Malaysia dalam Mesyuarat OIC tersebut telah membangkitkan isu ini dan menekankan supaya semua negara-negara anggota OIC bersama bersatu untuk melihat bahawa agenda ini menjadi agenda utama dalam OIC. Jadi tidak timbul sama ada kita tidak tegas dan sebaliknya.

Jadi Yang Berhormat saya hendak jelaskan bahawa isu ini sebagai contoh, Kementerian Luar Negeri pada 8 November 2014 telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar bagi mengutuk tindakan Israel menghalang umat Islam memasuki perkarangan masjid Al-Aqsa serta meminta Majlis Keselamatan PBB untuk menggesa Israel untuk menghormati tempat ketiga paling suci bagi umat Islam kepada kita semua. Jadi, tidak timbul lagi isu ini Yang Berhormat. Kita tegas dan kita akan sentiasa bersama dengan semua rakyat dalam dunia hari ini yang mengutuk kerajaan.

Cuba kita lihat sudah ada banyak negara di Eropah yang telah pun menerima Palestin sebagai sebuah negara yang rasmi. Sweden baru-baru ini sebagai contoh dan banyak lagi negara-negara di Eropah ini menunjukkan sudah ramai negara-negara di luar sana yang menyokong agenda yang dibawa oleh kita bersama dengan anggota-anggota OIC. Terima kasih Yang Berhormat.

Kemudian Yang Berhormat Silam. Yang Berhormat Silam ada membangkitkan tentang isu *One China Policy*. Saya hendak jelaskan bahawa perkara ini sebenarnya berkaitan dengan FTA atau *Free Trade Agreement*. Maka, soalan ini sepatutnya ditujukan kepada Menteri tetapi walau bagaimanapun saya hendak jelaskan kita perlu membuat semua kajian, manfaat yang boleh menguntungkan Malaysia apabila kita mempunyai hubungan dua hala sama ada dengan China atau pun dengan Taiwan. Jadi, yang penting untuk saya jelaskan kita sekarang sedia untuk mengkaji sebarang cadangan, kerjasama dalam sektor ekonomi dan perdagangan dengan mana-mana negara termasuklah Taiwan sekiranya ia membawa manfaat kepada negara. Ini polisi kita yang sebenarnya.

Kemudian Yang Berhormat Kota Kinabalu ada membangkitkan beberapa isu. Pertama tentang berusaha melalui Majlis Keselamatan PBB di rantau ini. Saya hendak jelaskan sebagai Ahli Majlis Keselamatan PBB, Malaysia akan sentiasa berusaha mengetengahkan prinsip keamanan dan kesederhanaan dalam usaha memelihara keselamatan sejagat termasuklah di rantau ini.

Perhimpunan Agung PBB telah pun meluluskan satu resolusi bahawa ia menggalakkan keamanan dan keselamatan rantau di usahakan dan dipelihara melalui badan serantau tersebut. Maka, dalam erti kata ini untuk peringkat kita di ASEAN kita berperanan sementara kita menjadi pengerusi pada tahun hadapan ini juga adalah salah satu daripada agenda kita untuk melihat bahawa rantau ini ialah sebuah rantau yang tidak timbul lagi konflik yang boleh membangkitkan isu keselamatan yang besar di rantau ini. Jadi, Yang Berhormat jangan risau. Itu ialah salah

satu agenda kita yang tegas akan kita bawa bersama. Kemudian, Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Lenggong...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Kinabalu bangun Yang Berhormat.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi, hanya menjawab jawapan yang terlampau pendek, banyak tidak dijawab. Jadi, saya di sini mahu tanya juga Yang Berhormat Menteri adakah Yang Berhormat Menteri setuju yang rebat RM1 juta PTI di Sabah, adakah ada kaitan dengan ISIS di Sabah dan ini *terrorist* juga di kawasan Sabah? Ini kerana jikalau PTI ini tidak diselesaikan bagaimana kita boleh kembalikan keselamatan Sabah khususnya di Malaysia? Minta penjelasan, terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Pertamanya Yang Berhormat, masa Yang Berhormat baca tadi saya sebenarnya tidak berapa faham kadang-kadang. Itu pun masalah juga. Masalah Yang Berhormat kalau saya faham saya ingat mungkin saya boleh jawab macam Yang Berhormat Tumpat, saya jawab semua. Akan tetapi Yang Berhormat ini saya kurang faham. Tidak apalah Yang Berhormat. Yang Berhormat hantarkan apa Yang Berhormat sudah buat itu atau pun sesiapa yang buat untuk Yang Berhormat itu serahkan pada Yang Berhormat dan saya jawab jawapan bertulis untuk Yang Berhormat.

Akan tetapi masalah tentang RCI ini saya hendak beritahu sebenarnya itu Kementerian Dalam Negeri. Sebab itu saya tidak mahu jawab tentang masalah imigresen, masalah kad dan sebagainya. Akan tetapi walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat serahkan apa Yang Berhormat baca itu *insya-Allah* akan saya jawab Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Penampang bangun Yang Berhormat.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri, Menteri.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ya.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri.

■1450

Ada pencelahan tadi bahawa saya tanya Yang Berhormat Kota Kinabalu kalau dia setuju jika masalah yang kita hadapi di Sabah, terlebih lagi daripada ancaman-ancaman yang berlaku di Sabah ini adalah atas dengan izin, kita punya *failure to settle the demand and claim by Philippines over Sabah*, tuntutan mereka atas Sabah. Kementerian sepatutnya sudah berunding dan menyelesaikan. *Then we should demand* dengan izin, *the Philippines Government to put a final stop and end to this claim*. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat, saya hendak jelaskan di sini, saya dah banyak kali sebut tentang isu *claim*, tuntutan Philippines terhadap Sabah ini, *it is not an issue* dengan izin Tuan Pengerusi. Saya dah banyak kali sebut bahawa pendirian kita bahawa Sabah ialah merupakan tanah di bawah negara kita Malaysia dan kita akan pertahankan sama sekali. Jadi tidak timbul Yang Berhormat hendak bangkitkan *claim* sesiapa terhadap tanah yang dipunyai oleh kita Malaysia hari ini. Jadi sebab itu tidak timbul lagi, tidak payah tanyalah bab itu, saya hendak jelaskan kalau sesiapa serang kita pun, mungkin kerana isu-isu lain tetapi kalau kata hendak *claim* itu, kita pertahankan, *non issue*, Sabah itu adalah di bawah negara Malaysia yang aman dan sejahtera di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Timbalan Menteri tetapi, Tuan Pengerusi, boleh saya jawab? Terima kasih.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Pengerusi, ini bukan dialog Tuan Pengerusi.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Tuan Pengerusi, boleh saya celah?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Adakah itu *position* bagi *Philippines Government* bahawa Sabah *is no longer theirs*. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya pun hairan Tuan Pengerusi. Yang Berhormat ini adakah mewakili Philippines sebagai lobi ataupun bagaimana. Kalau sebagai rakyat Malaysia sepatutnya “*Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana mempunyai sikap tegas dan sentiasa mahu melihat bahawa mana-mana tanah di bawah kerajaan kita ini dalam negara kita ini dipertahankan sebagai satu negara yang bermaruah.*” Sepatutnya macam itu, tanya buat apa? Saya kata *it is not an issue*, tidak timbul lagi. Siapa hendak tuntutan, bukan hanya Philippines, sesiapa sahaja hendak tuntutan, kerajaan di bawah langit atau di mana-mana pun, kita kata ini masih lagi di bawah hak kita. Jadi tidak timbul ya, jangan persoalkan orang lain.

Saya hendak beritahu *South China Sea*, sama. Ramai orang minta macam-macam, *claimed* macam-macam, takkan kita hendak kata itu mereka punya? Jadi persoalannya tidak timbul, orang *claim*, kita *claim*, itu kita punya dan mereka kata mereka punya, tidak timbul sama ada ianya kita hendak mengikut mereka atau tidak. Pada kita, masih lagi Sabah di bawah negara kita, hak kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *We don't recognize their claim.*

Dato' Hamzah bin Zainudin: *We don't recognize their claim.* Terima kasih.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *So*, Tuan Pengerusi, ada *claim* dan boleh kita hentikan pembayaran '*cession*' itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya sendiri pernah kemukakan masalah ini semasa penggal pertama dulu dan jawapan Kementerian Luar konsisten dari dulu sampai sekarang, *we don't recognize their claim.*

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Akan tetapi ada pembayaran *cession*, *cession* fee yearly kepada Sultan Sulu. *Can we stop that?*

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya hendak jelaskan bahawa apabila kita melakukan sesuatu yang telah pun kita persetujui dari dulu dan apabila sudah mencapai satu perjanjian dan perjanjian itu masih lagi ada, tidak salah untuk kita memberi bantuan. Akan tetapi sama ada isu *claim* itu masih lagi berbangkit ataupun tidak, kita kata kita tidak menerima ia sebagai satu tuntutan daripada Kerajaan Philippines dan kita akan sentiasa memberitahu bahawa Sabah masih lagi di bawah ataupun hak Kerajaan Malaysia ataupun hak negara Malaysia. Tidak timbullah itu Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Minta laluan Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Kinabalu bangun lagi Yang Berhormat. Hendak bagi Yang Berhormat? Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri. Tadi saya ada mengadu jawapan terlampau pendek kerana mungkin Timbalan Menteri tidak dengar atau tiada dengar. Saya ada bercakap di sini melalui platform ASEAN untuk mendapatkan persetujuan negara-negara ASEAN seperti Filipina, Indonesia, Brunei, Thailand, Singapura dan sebagainya untuk membaik pulih keamanan rantau ini dan kerjasama untuk menghapuskan kuasa penganas di ASEAN dengan sepenuhnya. Saya juga buat cadangan ASEAN akan menubuhkan *joint force*...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak perlu bahas semula Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: *[Dewan riuh]* Kerana dia tidak dengar, dia kata dia tidak faham saya cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Timbalan Menteri dah beritahu tadi, minta maklumkan... Yang Berhormat sebentar.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Jadi bagi saya cakap, sekarang dia duduk sana.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri dah maklumkan tadi teks ucapan itu hantar dan dia akan jawab secara bertulis.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya, bagus, sekarang dengar dengan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payahlah Yang Berhormat, tidak payah baca semula Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: Sudahlah, duduklah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya bagi sebagai contoh... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Sebagai contoh, penubuhan pasukan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak payah baca semula Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya, *I said you form a... [Dewan riuh]*

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Pengerusi, saya dah jelaskan tadi. Yang Berhormat Kota Kinabalu serahkan teks ucapan itu, kalau saya tertinggal kerana tidak faham dengan apa Yang Berhormat baca, saya akan jawab semula. Itu saya ingat adil. Jadi tidak timbul lagi saya dengar atau tidak dengar sebab itu saya jawab yang lebih kurang. Lebih kurang maksudnya tentang keselamatan, saya dah beritahu bahawa PBB telah pun meluluskan satu resolusi untuk serahkan isu keselamatan kepada *regional body* seperti ASEAN dan kita dalam ASEAN dan telah pun saya jawab juga, mengambil itu sebagai satu inisiatif untuk melihat bahawa ia menjadi isu yang besar dan kita bawa isu utama, itu pun saya dah jelas.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Dia buat tidak faham.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Jadi Yang Berhormat, kalau hendak *detail* lagi, kena Yang Berhormat beritahu pada saya apa Yang Berhormat hendak *detail*. Itu sebab tadi saya dah beritahu, saya kurang jelas. Jadi tidak timbul saya tidak mahu jawab Yang Berhormat, saya jawab. Saya rasa itulah lebih kurang apa Yang Berhormat hendak. Jadi Tuan Pengerusi, saya hendak teruskan masuk ke isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lenggong.

Yang Berhormat Lenggong ada bertanyakan tentang langkah-langkah untuk meningkatkan peranan OIC. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Lenggong bahawa langkah-langkah yang telah pun kita ambil untuk meningkatkan peranan OIC ini ada beberapa perkara. Salah satunya sebagai contoh pelantikan Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Dr. Syed Hamid Albar, mantan Menteri Luar Negeri Malaysia sebagai wakil khas OIC ke Myanmar. Kita telah bersetuju untuk pelantikan beliau untuk membantu Setiausaha Agung OIC mengenal pasti langkah-langkah untuk menyelesaikan isu Rohingya seperti pemberian taraf warganegara, keselamatan dan pembangunan sosioekonomi masyarakat tersebut.

Kita juga akan melaksanakan fasa kedua Program Bina Upaya untuk negara-negara OIC yang mundur. Kita telah bersetuju dengan mengenal pasti projek-projek tersebut dan kita beri bantuan dan galakan. Meneruskan juga penganjuran Forum Ekonomi Islam atau *World Islamic Economic Forum* yang merupakan platform strategik dari segi menggalakkan kerjasama perdagangan antara negara-negara OIC dengan negara-negara bukan Islam. Kita juga ada melibatkan kementerian ini dalam merangka program tindakan 10 tahun OIC yang baru bagi tempoh 2016/2025. *OIC, the Year Plan of Action (OICTYPOA) 2016-2025* dengan izin Tuan Pengerusi. Itulah beberapa perkara yang telah pun kita bawa melalui OIC.

Adakah Malaysia menekankan supaya mereka yang terlibat dengan isu insiden MH17 dibawa ke muka pengadilan. Ini semasa Yang Berhormat Lenggong membawa isu tentang keselamatan, tiba-tiba bangkit Yang Berhormat Taiping dan bertanya. Saya hendak jelaskan, bukankah ini isu utama dan apa Yang Berhormat Lenggong bangkitkan tadi untuk memberitahu

kita dapat membantu insiden ini oleh kerana pendekatan kita secara sederhana dapat berbincang dengan pihak *rebels* tadi dengan izin, Tuan Pengerusi.

■1500

Akhirnya dapat mengeluarkan atau membawa jenazah dan mayat-mayat tersebut. Itu kerana kita telah berjanji kepada mereka *the loves one*, NOK ataupun *next of keen* ataupun waris-waris bahawa kita akan itu tumpuan utama ketika itu. Itu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lenggong dan sepatutnya ucap tahniah dan syabas kerana kita dapat membawa dengan secepat mungkin. Ini tiba-tiba bangun marah seolah-olah apa fasal tidak bawa mereka ini hadapkan mereka ke mahkamah. Saya hendak beritahu banyak lagi perkara yang sedang kita buat. *International Investigation Team* telah pun baru sahaja dapat mengeluarkan *the wreckage* ataupun semua bangkai kapal terbang tersebut dan *insya-Allah* dalam masa setahun kita akan dapat *evidence* yang lebih jelas dan kita akan membawa mereka yang bertanggungjawab ke mahkamah.

Kemudian Yang Berhormat Lenggong ada membangkitkan hasil penganjuran *Langkawi International Dialogue*. Kali terakhir kita adakan di Putrajaya pada tahun 2011 dengan tema *Enhancing Smart Partnership for Socio-Economic Transformation*. Melalui program itu kita telah pun mendapat banyak permintaan oleh kerana Malaysia berkongsi pengalaman dalam dasar-dasar baru kerajaan ketika itu termasuklah Program Transformasi Kerajaan ataupun *Government Transformation Program*, Program Transformasi Ekonomi atau *Economic Transformation Program* dan juga Model Ekonomi Baru atau *New Economic Model*. Dari situ juga banyak negara-negara seperti Tanzania, negara-negara dalam benua Afrika itu seperti Tanzania telah meminta Kerajaan Malaysia bagi merangka program transformasi terhadap negara-negara mereka. Jadi ini menunjukkan bahawa ia menghasilkan satu perkara yang baik bukan hanya untuk Malaysia tetapi juga untuk benua Afrika dan kerjasama yang erat ini boleh menjalinkan satu hubungan yang boleh menguntungkan kedua-dua negara.

Kemudian Yang Berhormat Temerloh ada membangkitkan tentang isu *Arm Treaty*. Saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat Temerloh bahawa benar Jemaah Menteri sudah bersetuju pada 11 November 2103 untuk menandatangani *Arm Treaty* tersebut. Yang Berhormat, telah pun menandatangani pada 26 September 2013 di PBB pada tahun 2013. Setakat ini sebanyak 122 buah negara telah menandatangani *treaty* ini dan 54 negara telah meratifikasikan, *rectify treaty* ini dan untuk maklumat Malaysia adalah merupakan negara pertama di Asia Tenggara yang menandatangani *treaty* tersebut.

Walau bagaimanapun, kita buat keputusan supaya Kementerian Luar Negeri mengadakan beberapa siri mesyuarat bagi menentukan bahawa sehingga sampai masanya satu kementerian yang muktamad selepas kita perhalusi keanggotaan Malaysia sebagai negara pihak *treaty* tersebut bagi memastikan peruntukan di bawah *treaty* ini dapat dilaksanakan, kemudian kita akan serahkan kepada kementerian yang akan dipertanggungjawabkan nanti.

Kemudian Yang Berhormat Sungai Petani ada membangkitkan tentang beberapa isu pengganas lanun di sempadan di antara Malaysia dan Filipina. Saya hendak jelaskan bahawa

isu yang sama ia telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu dan telah pun saya jelaskan. Tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai itu terpulanglah. Tentang Sri Lanka juga telah saya jelaskan seperti jawapan saya berikan kepada Yang Berhormat Tumpat tadi.

Saya hendak juga jelaskan di sini bahawa tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani tentang pelajar Malaysia yang susah untuk mendapat visa. Saya hendak jelaskan sebenarnya kita telah pun menandatangani satu persetujuan di antara Kerajaan Indonesia dan Malaysia. Tidak timbul hendak dapat atau proses visa pelajar di Indonesia tersebut. Jadi kalau ada isu-isu terpendil ini boleh beritahu dengan saya. Mungkin saya dapat membantu.

Yang Berhormat Kuala Kangsar ada membangkitkan tentang isu anti sawit, minyak soya dan *rapeseed* ini. Saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar, beliau merupakan mungkin Pengerusi MPOB. Sepatutnya tahu bahawa kadangkala bila timbul isu anti sawit ini ada lobi-lobi yang datangnya dari jauh seperti daripada Amerika, dari Australia dan sebagainya untuk melihat bahawa kejayaan sawit ini diberikan tekanan supaya susah untuk kita mendapat pasaran yang lebih luasa.

Walau bagaimanapun, seperti beliau ketahui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi ada membawa *missions* untuk menjelaskan isu ini di seluruh dunia. Tentang apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Ipoh Barat...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kuala Kangsar hendak tau lebih sedikit. Maksud saya tadi peranan yang dibuat oleh Singapura terkini kerana mereka ialah jiran yang terhampir. Itu maksud saya tentang promosi dan juga tangkisan juga sering kita lakukan. Cuma peranan Singapura yang kita lihat sebagai jiran bersikap demikian. Jadi diharapkan kementerian mengambil maklum dan juga menguasai peranan Singapura yang begitu hampir dengan kita.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya bersetuju tetapi ia bukanlah kerajaan Singapura. Ini ada beberapa individu atau NGO yang membawa isu ini dan akan kita bincangkan dengan Kerajaan Singapura dengan lebih lanjut. Yang Berhormat.

Kemudian Yang Berhormat Parit Buntar ada membangkitkan tentang apakah pendirian Malaysia terhadap *sectarian violence* antara Syiah dan Sunni. Kementerian Luar Negeri mengambil maklum akan pergolakan antara mazhab yang berlaku di dunia Islam. Malaysia melalui OIU sentiasa menyeru kepada peserta di kalangan negara-negara Islam dan tidak memihak kepada mana-mana pihak yang hanya akan memecahkan perpaduan umat Islam.

Bagaimana pula dengan hubungan Malaysia yang dengan negara-negara yang menyokong ISIS memandangkan satu kertas putih mengenai keganasan akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Perdana Menteri. Kementerian tidak menjawab isu ini pada hari ini untuk tidak *pre-empt* perbahasan yang akan dibawa esok.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang bangun.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi ada bangkit tidak isu fasal air. Adakah kerajaan akan *review* keputusan untuk Pulau Batu Putih?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Kita sebenarnya Yang Berhormat saya hendak jelaskan bahawa kita masih lagi ada masa dan jawapan saya seperti dahulu masih lagi sama bahawa kita sedang mencari di manakah bahan-bahan atau *evidence* yang boleh memberikan lebih keuntungan apabila kita bawa dan *review* ini nanti. Sebab itu buat masa ini masih belum lagi. Kita masih lagi mempunyai jawatankuasa yang kita tubuhkan untuk melihat supaya apabila kita bawa nanti *review* ini kita boleh menang. Itu buat masa ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit boleh? Saya dengan izin Tuan Pengerusi yang saya *concern* ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri *was right* tadi kata we *have 10 years* daripada keputusan itu untuk membuat *review*. Cumanya saya rasa yang kalau berdasarkan kenyataan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sebelum ini Datuk Rais Yatim dia kata *the most important documents* yang hilang itu iaitu dokumen yang daripada kerajaan Johor pada masa itu yang memberikan kebenaran kepada British untuk bina *lighthouse* itu.

■1510

Jadi, kalau itu adalah dokumen yang paling *crucial* dan kita tahu berdasarkan seksyen 61 ICJ *statute*, kalau ada empat *requirement* itu iaitu *repulsion is based on the discovery of new fact, the fact must have existed prior to 'delivery' of the judgment, and the 'delivery' discovered fact must be of decisive nature and the party seeking revision must not have known of the fact.*

So saya nak tanya kepada Menteri, adakah kita punya kes ini kalah kerana dokumen yang hilang itu dan adakah itu sebagai satu *decisive document* yang menentukan kemenangan ataupun kekalahan kes itu? Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Sepang membangkitkan tentang isu ini, saya nak jelaskan bahawa sebenarnya masa kita berhubung dengan kes inilah, semasa kita bawa ini ke ICJ, kita telah pun menubuhkan satu kumpulan termasuklah penyelidikan yang melibatkan lebih daripada 50 orang penyelidik sebenarnya yang melakukan penyelidikan di lebih 24 arkib dan perpustakaan sama ada di Malaysia dan juga di luar negara. Semua usaha ini dilakukan sebelum kes ini dibawa ke ICJ.

Jadi kalau pun ada yang tertinggal seperti apa Yang Berhormat sebut, sebenarnya selepas dicari dan sebagainya – sebab itu bila kita nak *review*, kita kena pastikan apa lagi yang tertinggal ataupun arkib mana lagi yang belum kita pergi, yang kita belum dapat mencarinya. Sebab itu kalau ada, *insya-Allah*. Kalau tak ada, terpulang, masa kita hanya 10 tahun. Kalau tak silap saya, sudah pun berkurangan daripada 10 tahun. Jadi walau bagaimanapun, *insya-Allah* bila ada bukti-bukti yang jelas... Dan saya tak mahu beritahu sebab apa kita kalah. Sebenarnya itu adalah kes yang lain daripada isu yang sebenarnya. Isunya kita boleh ada masa untuk kita buat *review* ya, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap, sekejap Yang Berhormat Menteri. Persoalannya Yang Berhormat Menteri ...

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tanyalah Tuan Pengerusi dulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap, sekejap. Sikit sahaja, sikit. Sekejap sahaja. Menteri, saya rasa...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, *style* Yang Berhormat. Yang Berhormat, *style* sikit, sikit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, *last*. Ini *final* ya. Tadi Menteri kata ada 10 tahun. Memang betul, kita punya keputusan tahun 2008, maknanya kita punya masa ialah tahun 2018. Persoalan saya ialah, dalam – saya baca keputusan penuh, saya baca *arguments* di antara Malaysia dan Singapura dan memang Malaysia '*hinge*' on the document yang pada tahun 1884 itu, tak tahu ya, yang berkaitan dengan surat memberi kebenaran untuk membuat *lighthouse* itu dan nampaknya *statement* daripada, kalau tak silap saya, Tan Sri Abdul Khadir Mohamad pun nampaknya mengatakan bahawa *that document was crucial*.

Persoalan saya, kita dah tahu daripada awal yang dokumen itu memang tak dapat dikesan. *Yet, we brought the matter to ICJ, we agree to submit*. Jadi, saya rasa kalau kita nak *review* pun, saya rasa ini pun yang kerajaan akan bergantung sepenuhnya. Jadi persoalannya, kalau tinggal lagi dua tahun baru kita nak *review*, masa itu *preparation* kita makin susah. Jadi bila kerajaan akan tentukan tak akan *review* langsung setelah tinggal beberapa tahun lagi sebab kita takut nanti lagi setahun kerajaan kata nak *review*, masa itu *preparation* pun dah tak boleh. *This is not* kita nak pergi mahkamah majistret, *we are going to ICJ for review*.

Soalan saya ialah, *there must be a time limit* yang kerajaan set untuk bila kita akan buat keputusan kita tak akan *review* langsung sepertimana Nigeria dengan Cameroon, apabila tinggal lagi dua hari baru mereka tengok, ah, dah tak boleh dah nak *review*. So saya rasa ini satu yang saya nak dapat jaminan daripada kerajaan sebab kita dah hilang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tadi kata kita akan mempertahankan wilayah kita tapi terbukti kita juga hilang wilayah. Jadi ini yang kita nak minta satu kepastian. Kita menyokong segala tindakan kerajaan asalkan benda ini dapat balik. Terima kasih.

[*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak tahu, diamlah. Tak tahu, diamlah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat, saya dah jelaskan yang sebelum kita bawa isu ini ke ICJ, kita ada penyelidik-penyelidik. Dah jelas. Dan 50 penyelidik ini telah pun pergi dalam dan luar negara untuk melihat semua arkib dan *library* yang ada. Itu telah saya jelaskan. Akan tetapi selepas keputusan, ada orang bagi tahu ini tak ada, itu tak ada. Itu kemudian, selepas itu. Sebab itu bila kita nak *review*, kita melihat kalau benar apa cadangan ataupun pandangan orang yang luar selepas berlakunya, maka sebab itu kita mengambil sedikit masa untuk menentukan *review* kali ini kena menang. Itu yang saya jelaskan.

Yang hal lain sama ada kita nak pertahankan negara ataupun tidak, kalau Yang Berhormat bersetuju dengan saya sebagai seorang warganegara Malaysia yang sah, kecuali tak sah datang dari Bangladesh dan sebagainya, itu cerita lainlah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa ini? Apa ini? Ini Menteri kah ini?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat dengarlah dahulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Soalan saya begitu senang. Menteri tak faham soalan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Nothing personal*, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Soalan saya, adakah Menteri ini faham tak. Menteri kata penyelidik ada 50 orang. Menteri, saya nak beritahu Menteri, masa hujah itu kita kata kita ada dokumen tetapi hilang. Itu punca kita kalah. Ini bukan saya kata. Ini daripada...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini daripada Tan Sri Abdul Khadir Mohamad, kita punya agen yang mengetuai pasukan. Jadi persoalannya, adakah dokumen ini dah dapat atau belum? Kalau belum, cakap terus terang kita tak boleh nak *review*. Jangan bagi harapan, lepas itu harapan itu hancur.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ha, ini yang kena faham. Jangan masukkan Bangladesh dan sebagainya. Menteri pun jawab macam Yang Berhormat Baling sahaja punya standard. Apa ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Hei Yang Berhormat Sepang, jangan kurang ajar ya. *[Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak, tarik balik. Tarik balik.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Eh Yang Berhormat Sepang, jangan kurang ajar tahu Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tarik balik, tarik balik dah.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tak pasal-pasal. Orang diam-diam, dia kacau ya Yang Berhormat Sepang. Kurang ajar betul.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Baling punya standard.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *Steady* lah, menteri *level* lah tu.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya nak jelas Tuan Pengerusi, saya dah kata dah tadi, itu selepas berlakunya, ada yang mengatakan hilang. Itu keputusannya diberitahu kita selepas ya, Tuan Pengerusi. Bila kita kata nak *review*, saya dah jelaskan bila nak *review*, Yang

Berhormat Sepang, kita kena cari semua. Kalau terjumpa, kita bawa. Kalau tak ada, tak ada. Sebab itu saya tak boleh jawab kata betul hilang. Yang Berhormat faham ataupun tidak?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya faham. Menteri yang tak faham. Menteri yang tak faham, saya faham sangat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau faham, duduklah, cukuplah. Yang Berhormat dah faham dah. Yang Berhormat Menteri boleh beralih ke lain tajuk dah, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri tak faham dokumen itu *was referred in the argument*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang, duduklah Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *The document was referred to but we failed to...*

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini dah bukan mamak dah, macam Bangladesh dah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Despite we know that document was missing* tapi kita nak masuk juga. Itu masalah kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, dia dah faham Yang Berhormat Menteri, boleh pergi lain isulah Yang Berhormat ya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Okey, okey. Tuan Pengerusi, oleh kerana dia dah faham bab itu. Bab yang kedua yang saya kata pasal Bangladesh itu, saya kata kita nak pertahankan negara kita. Sebab itu saya dah bagi tahu kalau semua rakyat Malaysia yang ada, kecualilah orang yang datang yang bukan warganegara sama ada orang Bangladesh kah, itu dia tak...

Seorang Ahli: Termasuk dia.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Termasuk siapa itu saya tak sebut tapi kalau dia mengaku, dia punya pasallah. Yang pentingnya kita pertahankan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sebab kita sayangkan negaralah kita minta perjuangkan isu Batu Putih ini. Buat betul-betul, jangan sampai hilang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini nak pergi ICJ, dokumen hilang masih nak pergi juga. Apalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat, saya nak jelaskan. Tuan Pengerusi, banyak juga yang kita bawa kepada ICJ yang kita menang. Cuma bagi tahu...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Sipadan menang Yang Berhormat.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Sipadan kita menang. Oleh sebab itu kadang-kadang kala bila kita nak berhujah itu, bila saya dah jawab, maknanya ada masa kita nak buat *review*. Kalau kita rasa boleh, kita bawa. Saya tak kata pun kita akan bawa, tapi kita ada masa. Faham atau tidak saudara Yang Berhormat Sepang yang bukan datangnya dari Bangladesh?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Faham menteri. Soalan saya, jangan nanti tinggal dua tahun baru hendak bawa. Itu persoalannya. Kita ada lagi berapa tahun sahaja, lagi empat tahun sahaja. Lagi empat tahun nak *review*, ini bukan nak pergi Mahkamah Majistret Baling.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dah cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Okey Tuan Pengerusi, saya masuk ke isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tentang ICC. Tentang isu ICC ini, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, Mahkamah Jenayah Antarabangsa atau *International Criminal Court* ini telah ditubuhkan pada 1 Julai 2002 dan mempunyai bidang kuasa ke atas jenayah yang serius yang menjadi perhatian masyarakat antarabangsa secara keseluruhan. ICC mempunyai kuasa ke atas jenayah-jenayah antarabangsa yang tersenarai di dalam Artikel 5 Statut Rome iaitu jenayah pembunuhan beramai-ramai termasuk *genocide*, jenayah terhadap kemanusiaan atau *crime against humanity*, jenayah perang atau *war crimes* dan jenayah pencerobohan atau *crimes of aggression*.

■1520

Sebagai sebuah negara yang menghormati undang-undang antarabangsa serta berkomitmen tinggi dalam menangani jenayah-jenayah antarabangsa, Malaysia ingin turut menjadi ahli ICC bersama-sama 122 negara anggota yang lain.

Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa perkara yang sedang dikaji secara mendalam dan sedang ditangani berkenaan penyertaan Malaysia ke Statut Rome ini terutamanya berkaitan dengan pertama, kesan terhadap sistem perundangan tempatan dan kedaulatan negara, takrifan terhadap jenayah antarabangsa seperti jenayah pembunuhan beramai-ramai, jenayah terhadap kemanusiaan, jenayah perang, jenayah pencerobohan adalah lebih luas dari yang lazim diterima oleh perundangan antarabangsa.

Kedua, tentang mekanisme pendakwaan ICC adalah berdasarkan *Civil Law System* di mana pendakwa ICC diberi kuasa sebagai pendakwa dan penyiasat dan tidak konsisten dengan amalan kita, *Common Law System* yang diamalkan di Malaysia, tidak memberi kuasa untuk menyiasat kepada pendakwa atau pegawai pendakwa. Maka mekanisme ICC ini adalah tidak selari dengan Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan budi bicara Peguam Negara untuk membawa atau menjalankan atau memberhentikan apa-apa perbicaraan mengenai sesuatu kesalahan jenayah tersebut.

Ketiga, ketiadaan opsyen untuk membuat reservasi atau *reservation* terhadap mana-mana peruntukan dalam Statut Rome itu, bermakna sebarang usaha untuk memasukkan *reservation* kita tidak boleh dibuat dari segi undang-undang dan sesebuah negara itu perlu meminda peruntukan tersebut dalam Perlembagaan Persekutuan, meminda peruntukan tertentu

dalam Perlembagaan Persekutuan dan beberapa undang-undang Malaysia supaya selaras dengan peruntukan Statut Rome.

Sehubungan dengan itu, kita Malaysia berusaha untuk meminda peruntukan tertentu dalam Perlembagaan Persekutuan dan beberapa undang-undang Malaysia supaya selaras dengan peruntukan Statut Rome sebelum ia menjadi negara pihak kepada statut ini dan menerima bidang kuasa ICC. Usaha berterusan ini, adalah bagi membolehkan Malaysia memenuhi komitmen apabila menjadi ahli ICC kelak. Itu jawapan saya kepada yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan Pengerusi, saya rasa yang lainnya telah pun saya jelaskan dan tidak ada lagi perkara-perkara. Kalau ada, beritahu dengan saya dan akan saya jelaskan secara bertulis.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, satu lagi *point*. Sini, Batu Kawan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tadi tak ada, Yang Berhormat Batu Kawan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, isu baru.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tetapi hendak mencelah sedikit. Mungkin mendapat penjelasan daripada...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Isu berkaitan sahaja Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yes, isu berkaitan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Okey.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak tahu kalau Yang Berhormat Menteri, saya pasti Yang Berhormat Menteri tahu bahawa salah satu syarikat pelabur yang paling besar di Iraq adalah Petronas dan memandangkan Petronas juga memberi kestabilan ekonomi kepada negara tersebut dan kini Iraq sedang melalui satu masa yang amat-amat pahit dengan kewujudan ISIS di negara tersebut.

Adakah Malaysia mungkin dalam perancangan untuk menghantar bantuan makanan atau perubatan kepada Iraq. Saya bawa point Petronas ini sebab *we have a good relationship with Iraq. Is a biggest Malaysian investors in Iraq. So* mungkin di bawah bidang kuasa Kementerian Luar Negeri, budi bicara, *moral obligation to assist Iraqi's over there*. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Pengerusi, tak apalah. Sebenarnya dia bukan isu ICC. Akan tetapi walau bagaimanapun, hendak saya beritahukan bahawa isu kaunselor ini kita memang sentiasa membantu rakyat Malaysia yang ada masalah di luar sana tak kiralah sama ada di Iraq kah, di Syria kah atau di mana-mana sahaja. Akan tetapi yang penting kepada kita supaya maklumat tersebut kita tahu, mereka memerlukan bantuan, dan kita akan bantu rakyat Malaysia yang mengalami kesusahan, kepayahan di mana sahaja yang mereka terlibat termasuklah di Iraq. Jadi itu jawapan saya Tuan Pengerusi. Itulah jawapan saya, saya ucapkan terima kasih banyak.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, bukan untuk rakyat Malaysia di Iraq...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Akan tetapi untuk warga Iraq sendiri. Untuk warga sebagaimana yang kita hantar bantuan ke Palestin dan kita hantar bantuan ke negara-negara lain, adakah kita menghantar bantuan kepada Iraq juga memandangkan Petronas berada di sana juga. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak menjelaskan, kalau ada apa-apa bantuan yang kita ingin ketengahkan, kita mengikut perundangan yang baik mengikut perundangan antarabangsa. Kalau dilihat perlu, maka kita akan bersama mereka untuk membantu rakyat yang dalam mengalami kesusahan di mana sahaja. Terima kasih banyak, *assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM761,833,000 untuk Maksud B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM761,833,000 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM155,057,600 untuk Maksud P.13 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM155,057,600 untuk Maksud P.13 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]

**Maksud B.62 [Jadual] –
Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan 2015] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kementerian Dalam Negeri, Kepala Bekalan B.62 dan Kepala Pembangunan P.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuaran.

15.26 ptg.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi . Saya ingin bahas bagi Maksud Bekalan 62, butiran 01000 – Pengurusan Dasar Keselamatan Dalam Negeri. Baru-baru ini Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Pelancongan telah membuat kenyataan yang saya anggap sebagai satu kenyataan yang begitu ikhlas dan jujur. Beliau menyatakan bahawa beliau tidak dapat menjamin keselamatan di negeri Sabah kepada pelancong-pelancong. Sebab itu beliau enggan untuk mempromosi pelancongan negeri Sabah secara biasa, secara hebat dan sebagainya.

Kenyataan begitu bagi saya secara peribadi, Ahli Parlimen Tuaran selama dua penggal saya di Dewan ini dan saya berbahas dengan beliau ketika itu beliau Menteri di Jabatan Perdana

Menteri yang menjaga hal yang berkaitan dengan Majlis Keselamatan Negara dan beliau sentiasa menyatakan bahawa Sabah itu selamat dan tidak ada masalah dan sebagainya.

Tentu sekali kenyataan beliau itu telah diasaskan kepada apa yang telah berlaku di negeri Sabah. Adanya penculikan, sekarang adanya ESSCOM, adanya diadakan perintah berkurung di Pantai Timur dan sebagainya. Walau bagaimanapun, tanpa perintah berkurung, tanpa ESSCOM ini pun, apa yang kita telah nyatakan selama ini di Dewan ini, kekhuatiran rakyat Sabah tentang keselamatan negeri Sabah itu sebenarnya bukan baru, sudah lama.

Saya ambil satu contoh, kawasan saya Parlimen Tuaran yang tidak pernah berlaku adanya rompakan di kedai. Akan tetapi, pada kali ini, adanya rompakan di kedai emas di Tuaran pada 8.30 pagi dan senjata yang digunakan adalah *machine gun*, M16 dan pihak keselamatan sendiri pun mereka tersentak sebab tidak disangka-sangka adanya berlaku rompakan seperti ini.

Syukur Tuan Pengerusi, bahawa beberapa ketika selepas itu ada insiden di Penampang dan sebagainya dan dikatakan orang yang bertanggungjawab di Tuaran itu telah pun ditembak oleh pihak keselamatan di Penampang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya Yang Berhormat Tuaran?

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Silakan, silakan, silakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Tuan Pengerusi terima kasih. Tuan Pengerusi jangan terkejut ya, baru sampai tetapi bertanya. Sebetulnya, agak-agaknya...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah biasa Yang Berhormat, tak payah terkejut. *[Ketawa]*

■1530

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dari mana agak-agaknya M16 ini datang Yang Berhormat? Oleh sebab sebetulnya benda seumpama ini bukan senang masuk tetapi kenapa mudah masuk ke dalam negara kita? Siapakah pengedarnya ini? Kita pun mahu tahu pengedar senjata M16. Bukan senang. Macam mana agak-agaknya?

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat Kinabatangan, itulah persoalan yang saya ingin tanya. Saya menuju ke arah itu sebenarnya. Sebenarnya apabila ditembak kumpulan penjenayah, kumpulan perompak dan penyangak ini di Penampang maka terbukti bahawa kekhuatiran dan perasaan tidak selamat di Sabah itu sebab ini berlaku di pantai barat, bukan di pantai timur, bukan di kawasan ESSCOM.

Oleh sebab itu apabila Menteri Pelancongan negeri Sabah menghentam Yang Berhormat Menteri Pelancongan Persekutuan saya mengatakan dan apabila pemberita bertanya kepada saya, saya tidak memberi apa-apa komen sebab saya memikirkan bahawa Menteri Pelancongan pada hari ini *he's being honest*. Itulah perasaan kita sebenarnya rakyat Sabah.

Oleh sebab itu sekarang saya ingin bertanya, ini pertanyaan untuk juga menjawab Yang Berhormat Kinabatangan. Menteri Pelancongan sudah membuat kenyataan, IGP sudah membuat kenyataan. Akan tetapi yang belum membuat kenyataan ialah Menteri Dalam Negeri. Kita Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah Sabah ini selamat ataupun tidak. Jangan cerita

tentang keselamatan pelancong. Ceritalah tentang peniaga-peniaga orang tempatan, ceritalah rakyat-rakyat biasa bahawa kita ini selamat.

Oleh sebab persoalannya itulah dari mana dia dapat *machine gun*? Dari manakah dia dapat M16 ini? Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian telah membuat siasatan di setiap penempatan seperti Kampung Berungun di Telipuk, di Kampung Pondo di Pulau Gaya persekitarannya. Penempatan di Kinarut dan juga barangkali Labuan. Saya tidak sebut di pantai timur. Saya sebut di pantai barat dan juga di semua kongsi-kongsi pekerja-pekerja asing ini sebab saya amat khuatir tempat-tempat ini telah dijadikan sebagai tempat menyimpan kegiatan pelbagai jenayah.

Berbagai-macam saya dengar apa yang berlaku di Kampung Berungun. Di situ ada judi, di situ ada pelacuran, di situ ada dadah, di situ ada bermacam-macam. Kampung Berungun ini benar-benar bersebelahan dengan kawasan Parlimen Tuaran dan juga Kota Kinabalu. Jelas dari segi dadah, syabu sebagai contoh.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tempat dengan Inanam itu Yang Berhormat. Tempat saya tinggal.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Dekat Inanam, dia ada di belakang kedai pekan Telipuk. Sekolah-sekolah yang ada di sana, SMK Telipuk dan semua sekolah rendah yang berdekatan di situ memang insiden dadah ini memang tinggi. Dari mana datangnya? Tentu sekali dari penempatan-penempatan ini, Kampung Berungun dan sebagainya.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, sampai bilakah penempatan-penempatan seperti Kampung Berungun, Kampung Pondo di Pulau Gaya, sampai bilakah dia disimpan termasuk yang dikenal.

Selain daripada itu juga ialah tentang masa depan mereka yang memegang dokumen IM13. Sampai bilakah dokumen-dokumen diperbaharui setiap tahun. Sudah dua generasi, sudah tiga generasi. Sudah tidak ada peperangan ...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tenom bangun Yang Berhormat.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Tuaran, membantu.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Silakan, silakan.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Special* untuk Sabah.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: *Special* untuk Sabah. Ya betul, *special* untuk Sabah. Mesti mahu sokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Langat boleh bangun Yang Berhormat, ya.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Tuaran, adakah Yang Berhormat Tuaran juga bersetuju apabila saya mendengar perbincangan Yang Berhormat Tuaran yang mengatakan

bahawa kerajaan perlu memberi penekanan soal-soal keselamatan. Bukan sahaja soal keselamatan para pelancong tetapi semestinya soal keselamatan penduduk-penduduk Sabah itu sendiri.

Setuju kah Ahli Yang Berhormat sekiranya kalau boleh seperti mana dahulu-dahulu dan lalu-lalu di mana pihak berkuasa sering menjalankan operasi-operasi memeriksa dokumen-dokumen yang dimiliki oleh pendatang-pendatang tanpa izin ini yang sah ataupun tidak sah. Jadi digerakkan secara menyeluruh dan berterusan. Bukan sahaja kerana apabila sudah di ceroboh baru kita tengadah. Adakah Yang Berhormat Tuaran setuju?

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Saya bersetuju Yang Berhormat Tenom tetapi bukan setakat untuk mengadakan sekatan dan memeriksa. Kita minta pihak keselamatan masuk terus ke penempatan ini. Masuk ke penempatan dan cari dadahnya di situ, cari pelacurnya di situ, cari senjata M16 di situ, cari semua sebab saya sudah masuk di Kampung Berungun.

Kalau kita masuk situ, dia macam satu tempat yang kalau kita tidak yakin tempat itu memang kita rasa takut. Kita tidak rasa selamat. Oleh sebab itu ...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Tuaran. Sikit boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sepang bangun.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Sebentar. Oleh sebab itu hal-hal tempat-tempat penempatan ini orang Sabah, rakyat di Sabah sentiasa bertanya sampai bilakah pemegang IM13 ini diperbaharui? Saya ingat beranak pinak. Apa yang amat menakutkan kepada rakyat negeri Sabah baru-baru ada satu dokumen yang telah *went viral* baru-baru ini iaitu ibu bapanya kedua-dua pemegang IM13. Kedua-duanya bukan warganegara tetapi tiba-tiba anaknya mendapat surat beranak warganegara berwarna biru, bukan yang warna merah.

Saya sendiri telah bertanya dan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya telah bertanya dengan pegawai-pegawai di kementerian dan mereka mengatakan tengok, lihat baik-baik walaupun memegang IM13 tengok dia punya status kewarganegaraan. Dia bukan warganegara tetapi dia susah bermastautin tetap. Dengan lain perkataan pemegang IM13 sudah diberi PR. Setelah diberi PR, maka anaknya dikatakan layak mendapat kewarganegaraan.

Ini begitu menakutkan kita sebab ini dikeluarkan, surat-surat beranak ini dari sini Putrajaya saya tidak tahu. Ini soal kewarganegaraan. Soal pemastautin tetap ini hendaklah diberi kelulusan juga oleh kerajaan negeri. Oleh sebab ini soal kewarganegaraan, ini soal imigresen adalah satu kuasa yang *concurrent list*, kuasa bersama negeri dan Persekutuan. Silakan Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Tuaran, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Tuaran. Tadi Yang Berhormat Tuaran mengatakan bahawa Menteri Pelancongan was *honest* dalam kenyataannya mengenai Sabah. Setuju atau tidak dengan saya Yang Berhormat Tuaran bahawa sekarang ini nampaknya kita memberikan satu dengan izin *mix signal* tentang isu keselamatan ini. Ada menteri mengatakan tidak selamat, ada kata selamat, polis

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *cut short* Yang Berhormat. Masa sudah habis.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, ada pihak yang ketua polis kata selamat. So mana lebih bahaya apabila kita hantar *mix signals* ini sebenarnya ia tidak – setuju atau tidak ia tidak memberikan satu yang baik untuk tujuan kita hendak mempromosikan Sabah. Setuju tak?

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Oleh sebab itu Yang Berhormat Sepang saya minta Menteri Dalam Negeri dalam jawapan nanti menyatakan dengan jelas apakah pandangan, pendirian Kementerian Dalam Negeri tentang keselamatan negeri Sabah. Itu persoalan saya.

Tuan Pengerusi, saya beralih ke kawalan pendaftaran, Butiran 060300 – Pendaftaran Negara. Dalam hal ini kita mengucapkan terima kasih rakyat Sabah merasa lega apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan bahawa Kabinet telah membuat keputusan bahawa yang rakyat asing ini khususnya anak-anak yang memegang dokumen IM13 ini ...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat habiskan Yang Berhormat.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Ya, hanya diberi bukan surat beranak tetapi *record of birth*. Persoalan saya di sini *record of birth* apakah ini nanti juga tersenarai dalam pendaftaran negara? Apakah tersenarai di situ? Apakah nanti dengan dokumen-dokumen ini dia boleh memohon dokumen-dokumen kewarganegaraan lain seperti kad pengenalan dan sebagainya? Itu persoalannya. Sampai bilakah ini, sampai bilakah pemilik-pemilik dokumen ini akan berada di negeri Sabah? Adakah sehingga mereka berkahwin nanti? Mereka gunakan dokumen ini untuk kahwin nanti dan sebagainya dan pelbagai lagi permohonan?

■1540

Ini kekhawatiran rakyat Sabah sebab ada kaitannya dalam soal keselamatan. Kita ragu-ragu dengan mereka ini kesetiaan mereka kepada Raja dan negara, kesetiaan mereka kepada Malaysia memang diragui dari awal lagi. Jadi sebab itulah Tuan Pengerusi soal kewarganegaraan negeri Sabah ini penduduk Sabah yang begitu banyak penduduk yang luar biasa ini di sinilah kekhawatiran kita. Kita takut kita yang berhempas pula di ESSCOM mempertahankan pencerobohan dari luar tetapi sebenarnya mereka sudah di dalam selepas itu apabila nanti diberi pelbagai dokumen dan sebagainya inilah rasa tidak selamat bagi rakyat Sabah dan sebab itu saya minta Menteri Dalam Negeri untuk beri penjelasan, pendirian status keselamatan di negeri Sabah. Saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat pada peringkat ini saya rasa kita terpaksa berbahas tujuh, lapan minit seorang. Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh kurang tujuh minit pun tidak apa Yang Berhormat.

3.41 ptg.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada beberapa perkara yang khusus. Pertamanya bermula dengan 0300000 berhubung dengan penjara di mana ada juga dinyatakan wang yang dibelanjakan untuk pemulihan dan rawatan. Di sini Tuan Pengerusi saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada peruntukan khusus diberikan kepada penjara untuk orang-orang OKU di penjara. Ini adalah kerana Tuan Pengerusi saya menerima salinan ataupun aduan daripada seorang yang ada di Penjara Penor di mana dinyatakan bahawa memang OKU di situ tidak menerima sebarang bantuan khususnya kes Mohd Hasnan bin Mohd Su.

Di mana beliau kudung satu kaki Tuan Pengerusi tetapi tidak diberikan *crutches* langsung. *So what happen if he has to hopped around inside the* penjara. Ini adalah satu perkara yang tidak berperikemanusiaan. Saya rasa ini tidak boleh kami terima. Saya hendak tahu daripada menteri apakah tindakan yang akan diambil dan adakah peruntukan khusus dibuat untuk mereka yang menjadi OKU di dalam penjara. Itu isu pertama.

Isu yang kedua Tuan Pengerusi, berkenaan dengan PDRM iaitu Butiran 020000 khususnya berkenaan dengan penyiasatan jenayah dan risikan keselamatan. Tuan Pengerusi, saya telah sering kali bangkit di Dewan yang mulia ini dan tanya soalan berkenaan dengan isu orang yang meninggal dunia semasa dalam tahanan polis. Kami faham bahawa pihak polis kena ambil tindakan dan khususnya siasatan untuk menyiasat sebarang perkara yang dilaporkan kepada mereka. Tetapi apakah yang berlaku Tuan Pengerusi sehingga sekarang kita lihat bahawa memang ada banyak kes di mana orang yang ditahan untuk siasatan meninggal dunia semasa siasatan.

Semalam Tuan Pengerusi saya ada membangkitkan kes berkenaan dengan seorang yang meninggal dunia di Balai Polis Sungai Rengit di Pengerang Johor, Mohd Said Mohd Azlan umur dia 25 tahun. Beliau ditahan dan selepas ditahan, selepas dua jam beliau meninggal dunia di hospital. Semalam apabila ditanya memang kita ada satu sidang akhbar ayah kepada arwah datang, beliau tanya apa yang berlaku. Kerana walaupun beliau meninggal dunia pada 3 November, langsung tidak diberitahu kepada keluarga beliau apa yang berlaku.

Ini adalah masalahnya Tuan Pengerusi dalam negara ini. Kadang-kadang kita lihat bagaimana berlakunya masalah di balai polis. Tetapi langsung tidak ada sebarang usaha yang dibuat oleh balai tersebut atau ketua balai tersebut untuk memaklumkan kepada keluarga apa yang berlaku. Sehingga perkara ini perlu dihebohkan di media. Kenapa satu keluarga perlu melalui keadaan penderitaan sedemikian. Kenapa kita tidak ada satu SOP Standard Operating Procedure di mana kalau seorang berlaku sesuatu sewaktu semasa tahanan terus dimaklumkan kepada keluarga. Ini persoalannya. Kenapa tunggu pihak polis lebih kurang 20 hari. Baru sahaja selepas dibongkar dalam media, bertungkus-lumus memberi jawapan. Apa jawapan itu Tuan Pengerusi?

Jawapan itu kita lihat dia kata oh, semasa ditahan orang ini cuba melarikan diri, oleh itu kekerasan digunakan. Kekerasan digunakan: maknanya pihak polis bersetuju bahawa mereka

menggunakan kekerasan terhadap si mati. Itu satu. Tetapi apabila kita lihat kepada *cause of death* Tuan Pengerusi, apakah *cause of death blunt trauma to the chest* so macam mana seorang yang *racist arrest* boleh dapat *blunt trauma to the chest* sehingga meninggal dunia. Ini perkara yang kita kena ambil serius. Saya telah pun pada sesi belanjawan awal tanya adakah CCTV diletakkan di balai polis. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada boleh ingat lagi. Kita bersama dalam perkara ini. Adakah CCTV diletakkan dalam balai itu? Itu satu.

Nombor dua, saya difahamkan bahawa semasa dia ditahan di situ ayah beliau dibawa ke bilik bersebelahan. *He was next to him* dan minta jumpa anak dia. Sekiranya benar Tuan Pengerusi bahawa beliau mendapat kecederaan sewaktu tahanan, pihak polis sudah tahu keadaan dia. Kenapa apabila ayah beliau berada di bilik bersebelahan dan minta izin untuk jumpa anak dia, kenapa tidak dibenarkan? Saya hendak tanya dalam bajet yang kita ada di sini, adakah kita akan menghulurkan wang untuk kita pastikan bawah semua balai polis ada CCTV. Adakah kita juga akan pastikan bahawa kita ada SOP untuk pastikan bahawa keadaan ini-keadaan ini tidak berlaku.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi, saya tidak ada masa, kalau tidak saya akan bercakap mengenai Teoh Beng Hock dan sebagainya. *Many times and I don't want to go into it again.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota bangun Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Sorry.*

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Boleh saya tanya sedikit Yang Berhormat?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya sila. Terima kasih.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Puchong, saya pun mengikuti perkembangan tidak pernah dalam sejarah negara Malaysia ini orang yang mati dalam tahanan polis yang sepatutnya apabila ditangkap seseorang, dia bertanggungjawab melindungi orang itu dengan keselamatan yang terbaik. Tetapi hari ini kita lihat sudah terlalu banyak, mungkin Yang Berhormat setuju dengan saya kita dapatkan senarai.

Keduanya apabila kerajaan melantik satu suruhanjaya *Royal Commission of Inquiry*, dia cari orang-orang yang betul-betul ada pengalaman yang berintegriti, menyiasat dan membantu polis hendak dicadangkan supaya tubuh IPCMC kerajaan tidak setuju. Kemudian cadang pula hendak tubuhkan polis PIC pun belum buat apa-apa. Saya minta maaf Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat Puchong, bagi saya tidak ada keyakinan langsung dengan IGP yang ada pada hari ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Indera Mahkota. Sebenarnya Tuan Pengerusi dalam negara ini *I think this is probably the only country in the world* dengan izin di mana kita ada satu penghakiman mahkamah tinggi terhadap Ketua Polis Negara di mana lain kali pencarian-

pencarian Tuan Pengerusi dibuat terhadap beliau dalam kes Kugan. Tetapi beliau masih menjadi Ketua Polis Negara. *That is a separate issue* kerana isu yang berbangkit ialah kementerian. Di sini saya pohon sekiranya mendapat satu balasan kalau kita lihat Yang Berhormat Timbalan Menteri seksyen 328 Kanun Tatacara Jenayah. Saya tidak pasti sama ada dalam lingkungan kementerian ini. Tetapi kemungkinan boleh dapat satu pandangan.

Kita lihat bahawa majistret ada kuasa untuk mengadakan satu siasatan. *I think minister says that the Magistrate has a power to conduct an enquiry.* Dalam semua kes di mana ada kematian dalam lokap. Saya hendak tanya adakah pihak kerajaan kementerian ingin memastikan bahawa peruntukan ini digunakan. Selama ini berapakah kes yang telah ada kematian dalam lokap. Dalam kes-kes itu adakah kes-kes di mana majistret *himself* yang membawa satu siasatan. Sekiranya ada saya hendak tahu bilangan dia dan sekiranya tidak saya hendak tahu apakah pendirian kerajaan berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Boleh, terima kasih. Saya alih kepada isu yang terakhir dan isu yang berbangkit pada hari ini. Tuan Pengerusi, hari ini surat khabar *News Straits Times, front page.*

■1550

Saya baca kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Cameron Highlands. Apakah Yang Berhormat Cameron Highlands cakap? Yang Berhormat Cameron Highlands kata, *"I know who the masterminds are, dengan izin, behind the landslides and the floods in Cameron Highlands, but I cannot say anything, I don't want to say anything"*. Kenapa ini Yang Berhormat Cameron Highlands takut? Apakah dia takut? Dia Menteri dan juga Ahli Parlimen Cameron Highlands, mana ini orang? *[Dewan riuh]*

Saya hendak tahu, sudah berapa lama kementerian tahu Tuan Pengerusi? Sudah berapa lama mereka tahu siapa sebenarnya *mastermind* ini? Kenapa sampai sekarang tidak ada tindakan diambil? *Who are they protecting?* Itu yang kita hendak tahu. Adakah satu *cover up* di sini? *[Tepuk]* Sehingga menyebabkan nyawa-nyawa orang tergadai, 90 lebih keluarga yang terpaksa disingkirkan daripada rumah mereka dan Yang Berhormat Cameron Highlands boleh cakap *first page, I know who they are, but i'm not going to say the names, scared?* Takut? Ini Presiden MIC kah? *[Dewan riuh]*

Saya minta dia *resign, step down as Menteri.* Jangan bawa satu - *don't embarass disgrace the government.* Itu nombor satu. Nombor dua, kalau sebagai seorang Ahli Parlimen...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Menteri lagi..

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Menteri lagi, Presiden lagi. Kalau tidak berani hendak cakap untuk rakyat Tuan Pengerusi, saya rasa lebih baik dia letak jawatan. *[Tepuk]* Hari ini saya minta jasa baik daripada kementerian, beritahu kepada kita sudah berapa lama tahu berkenaan dengan perkara ini? Kenapa tidak diambil tindakan dan akankah tindakan diambil? Saya cabar, saya cabar kementerian untuk menamakan mereka dalam Dewan yang mulia ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...dan ambil tindakan kepada mereka dalam masa terdekat. Terima kasih. [*Tepuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ramai, ramai, ramai. Lima, enam minit seorang Yang Berhormat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Belum lagi Yang Berhormat Limbang, belum lagi.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Eh, ingat sudah Limbang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya bagi Yang Berhormat Limbang.

3.52 ptg.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan perkara 040000 – Imigresen, 040200 – Kawalan Imigresen. Tuan Pengerusi, pada masa ini di *check point* ICQS di Tedungan, Limbang, di Pandaruan, Limbang, di Mangkalap, Lawas dan di Biawak Lundu. Pada masa ini masih lagi menggunakan *line* dia di sana untuk sistem mereka masih menggunakan VSAT pada masa ini. Sebagaimana yang kita ketahui di sempadan Limbang dengan Brunei ini khususnya, ini juga membabitkan Sabah *inter-state*.

Di antara faktor yang menyebabkan *queue* ini, *alhamdulillah* jambatan sudah siap dan satu selesai tetapi ada satu lagi, *line* ini. Rupanya *line* ini mendatangkan masalah di mana kadang-kadang bila cuaca buruk dan sebagainya dan kebetulan pula masa *queue* panjang dan sebagainya, masa *seasonal peak time*, maka ini salah satu faktor yang menyebabkan *queue* itu, sebab sistem ini *down* dan sebagainya. Jadi, kita meminta kepada pihak kerajaan supaya dapat menggunakan VSAT ini diubah kepada menggunakan *leased line*, menggunakan *optic fibre* yang sudah pun di *lay* daripada selatan Sarawak sampailah ke Sabah yang sebenarnya.

Di samping itu juga, selain daripada ICQS ini satu lagi ialah pos kawalan Imigresen yang masih menggunakan VSAT ialah di Serikin, Bauk, Padawan di Serian, Bunan Gegan Serian, Batu Lintang, Sri Aman dan di Marapok, Lawas. Ini adalah pos kawalan. Di sini juga yang sebenarnya masih lagi menggunakan VSAT. Jadi, kita berharap ianya juga dapat ditukar kepada *leased line*. Saya difahamkan kalau untuk ICQS lebih kurang untuk empat buah ini Tedungan, Padarawan, Mangkalap, 'Biawak Lundu' dan sebagainya lebih kurang RM3.35 juta sahaja yang diperlukan untuk menukarkan VSAT kepada *leased line* ini.

Sementara untuk di kawasan pos kawalan imigresen Serikin, Padawan, Bunan Gegan, Batu Lintang, Marapok ini hanyalah lebih kurang dalam kos RM2.1 juta sahaja. Jadi, kita berharaplah agar perkara ini dapat diambil berat sebab ianya sebagaimana kita ketahui sempadan Limbang – Brunei itu antara yang *busy* dalam 2.25 juta kemasukan tiap-tiap tahun sebenarnya. Jadi, ini membabitkan bukan hanya orang Limbang tetapi dari Sabah sampailah ke

Sarawak. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Kita berharap pihak kementerian mengambil berat dalam hal ini untuk melancarkan operasi Imigresen. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

3.55 ptg.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang. Saya pergi terus kepada bekalan. Maksud Bekalan 62, di bawah Butiran 040000 – Imigresen. Sebelum ini telah dibangkitkan masalah khusus di peringkat Kementerian Sumber Manusia, kita ada lebih kurang 6.7 juta warga pekerja asing dalam ataupun daripada 13.5 juta pekerja golongan pekerja di Malaysia.

Makanya, kebanjiran ini sama ada yang sah dan tidak sah itu menjadi kebimbangan buat semua. Saya rujuk kepada satu projek yang jarang disebut tetapi telah dimeterai selama 12 tahun semenjak 2011, di mana diwujudkan satu Sistem Penguatkuasaan dan Pendaftaran Warga Asing (NERS). Bagi mereka yang melalui Imigresen memang tidak akan- *will not missed it*, dengan izin, yang bertujuan memantau kemasukan setiap warga asing di semua 96 pintu masuk utama negara. Saya dapati daripada dokumen bahawa melalui pintu-pintu ini pihak berkuasa mampu menangani pelbagai isu membabitkan warga asing. Ini kerana sistem ini memantau pemalsuan dokumen, tinggal lebih masa, salah guna visa dan pemerdagangan manusia. Secara dasarnya, sistem NERS dikelolakan oleh Akrab Makmur Sdn. Bhd.

Tuan Pengerusi, Kerajaan Malaysia menandatangani konsesi bersama NERS selama 12 tahun. Tanggungjawab untuk mengurus pendaftaran warga asing dan pembayaran caj yang dilakukan menerusi subsidi daripada Kerajaan Malaysia sebanyak RM50 bagi setiap pas lawatan kerja sementara walaupun nilainya kurang RM2.00. Jadi, sehingga tahun 2012, jumlah visa yang diluluskan melebihi dua juta pas, kira-kira RM100 juta telah dikeluarkan untuk menyokong sistem ini.

Akan tetapi persoalannya yang hendak saya bawa di sini. Sudahlah diberikan menerusi *award* ataupun penganugerahan tender terus tetapi kenapakah perjanjian konsesi ini diberikan selama 12 tahun? Apakah agensi yang menyelia mempunyai pelan sokongan jika tidak memenuhi KPI yang digariskan? Saya bangkitkan kerana isu pendatang tanpa izin ini bukan isu baru. Sebelumnya di bawah mantan Menteri Dalam Negeri, kita ada Program 6P.

Saya pasti Tuan Pengerusi ingat ya, Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja/Pendatang Asing Tanpa Izin. Operasi yang melibatkan 22.8 juta pegawai daripada Jabatan Imigresen, PDRM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, termasuk pihak berkuasa tempatan. Jadi, saya hendak tahu keberkesanan, bila sebuah projek sebegini di mana kad sementara itu pun, syarikat itu akan membuat duit. Jadi, kalau RM2.00 cajnya sebanyak RM50.00.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Oh, dahsyat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: *To the company.* Jadi, saya tidak tahu kenapa rasional tetapi isunya ialah keberkesanan. Ini kerana saya mahu tahu, adakah bila

bercakap tentang bagaimana memantau pemerdagangan manusia, bila masalah dibawakan oleh Yang Berhormat Tuaran tadi. Dari segi Sabah, dari segi pemegang atau mereka yang diterima di bawah status IMM13. Adakah juga berada di bawah *database* yang dipegang oleh sistem NERS ini.

Ini bukan soal setahun, dua tahun. Kita bercakap tentang 12 tahun konsesi yang diberikan. Jadi, saya mahu jawapan yang jelas daripada Yang Berhormat Menteri. Ini kerana kami memang tahu Program 6P pun belanjanya amat besar, saya tidak sempat untuk meneliti sebelumnya. Dikira selepas 6P, berapa?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: RM100 juta, dahsyat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: RM100 juta ya. *[Ketawa]* Itu kira celahannya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia *sound convincing* Yang Berhormat, tidak tahu betul atau tidak. *[Ketawa]*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Saya bab ini- dia kalau bab Kementerian Sumber Manusia dia arif, Tuan Pengerusi. Akan tetapi isunya, bila ditandatangani, ikut tender terus tetapi pelaksanaan di bawah itu tidak membantu rakyat.

■1600

Kita bercakap tentang isu keselamatan dalam negeri. Tuan Pengerusi tadi pun begitu prihatin bercakap tentang kawasan Inanam. Saya hanya mahu tahu atas dasar pilihan apa dibuat syarikat ini dan senarai keberkesannya. Pada saya kalau kita membayar sehingga RM50 satu kad dan kita menunggu lagi 2.5 juta warga kerja Bangladesh, diluluskan juga oleh Kementerian Dalam Negeri. Maka kita harus tahu dan yakin bahawa inilah keputusan sebaiknya dibuat bagi konteks negara Malaysia. Jadi saya ulangi, kalau dulu baru bercakap tentang 4 juta pekerja asing. Sekarang 6.7 juta, itu yang dikesan oleh kementerian. Kita tidak tahu lagi berapa ramai dan kalau kita tidak dapat pantau saya tidak tahu kenapa, rasional apa yang diberi dalam kita mempersetujui projek dan konsesi 12 tahun dengan Syarikat Akrab Makmur Sdn. Bhd. ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya bagilah Naib Pengerusi BNBB ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

4.01 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit saja. Butiran 020500 – Pencegahan Dadah dan Butiran 12000 – Balai-balai dan Pondok Polis dan Butiran 020200 – Logistik. Tuan Pengerusi, apabila kita mencegah jenayah, sudah tentu pihak polis memerlukan pelbagai peralatan yang canggih. Hari ini penjenayah sudah menggunakan peralatan yang canggih, yang lebih hebat tetapi polis kita masih di tahap 80-an. Di Kinabatangan kalau Balai Polisnya, polis yang bekerja pun sesak nafas Tuan Pengerusi, sebab kawasan dia terlalu sempit. Kita minta peruntukan mula-mula masuk bajet, sekarang keluar

bajet. Jadi saya mahu Yang Berhormat Timbalan Menteri, kali ini bagaimana Balai Polis Kinabatangan? Masuk lagikah atau keluar lagikah, *in or out*?

Kita hendak meminta KPI polis supaya tinggi. Polis bekerja tetapi bagi kereta di Kinabatangan dia bagi Proton. Proton mana boleh buat kerja. Orang jahat buat kerja di dalam hutan. Pihak polis tidak boleh masuk. Jadi pihak pengurusan ini, kementerian dan polis ini, gunalah pendekatan yang baik. Ikut kaedah, kalau luar bandar maka dia memerlukan *four-wheel drive*. Kalau di Kuala Lumpur mungkin perlulah. Oleh sebab itu kita selalu, penjahat orang kata, penjenayah terlepas sebab dia pakai BMW, kita pakai Proton. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong tengok benda ini.

Kalau di UK saya nampak, di Amerika, dia bukan alang-alang. Kalau dia tidak boleh gempur dengan kereta, helikopter di atas dia gempur. Jadi penjenayah tidak boleh lari. Seharusnya kita guna mekanisme sebegini. Kalau di laut pun begitu. Sebab itu dadah masuk ke Sabah ini macam dulu kita pernah cakap, di Sabah ini dadah jenis syabu ini dijual macam pisang goreng. Di mana-mana pun ada dan hari ini maka bertambah-tambahlah penagih dadah kita. Dadah jenis syabu ini Tuan Pengerusi, susah mahu dipulihkan. Banyak orang saya kenal tidak boleh pulih, tidak tahu macam mana. Sudah masuk pergi pusat pemulihan, dia balik lagi.

Jadi saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah dadah ini masih menjadi ancaman kepada negara kita. Ancaman nombor satu ataupun tidak? Kalau masih maka perlu ada satu strategi menggempur habis-habisan. Kalau tidak lagi maka kenapa statistik menunjukkan peningkatan masih ada.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan terganggu Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak apa, biar dia mengganggu Tuan Pengerusi, kita tidak akan rasa terganggu. Dalam kita berhujah memang ada orang kata, iblis pun boleh berbisik-bisik. Akan tetapi tidak apa, kita jangan terganggu. *[Ketawa]* Jadi oleh kerana itu pada saya sudah tiba masanya memperkasakan polis itu sendiri sebab kalau tidak, betul kata Yang Berhormat Tuaran, di Sabah ini saya tidak tahu sama ada kita selamat ataupun tidak. Kita ada senjata tetapi senjata kita tidak berlawan dengan M-16. Dia punya satu kali das tembakan, kita kena. Jadi tidak tahu macam mana hendak selesai masalah ini. Adakah kita biarkan perkara ini begini ataupun kita melakukan sesuatu. Perkasakanlah pihak polis kita ini.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Yang Berhormat Kinabatangan, minta laluan sedikit. Saya hendak berkongsi dengan Yang Berhormat Kinabatangan, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya tahu Yang Berhormat Jerlun pernah tinggal di Kinabatangan *quite some time* dahulu Yang Berhormat.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Ya, pertama sekali kita hendak tahu dari segi bilangan anggota, *ratio* atau nisbah antara satu anggota polis dengan penduduk ataupun kampung sebab banyak juga saya tengok contohnya di Felda Lubuk Merbau, Kedah, hanya ada satu pondok polis, satu anggota menjaga penduduk hampir 5,000 orang. Kemudian hari ini dilaporkan

kejadian mencuri oleh generasi muda yang ketagihan daun ketum, dadah dan sebagainya. Siang-siang pun sudah sanggup dan berani masuk dalam rumah orang.

Kemudian bila dia pergi buat laporan, polis ini memang tidak ada kemampuan untuk hendak mengambil tindakan. Kemudian diminta bantuan dari Balai Polis Naka yang jauhnya lebih kurang 15-20 kilometer yang mengambil masa hampir setengah jam. Jadi saya kira, saya hendak tahulah Yang Berhormat Kinabatangan, mungkin di Sabah juga, selain daripada Proton itu mungkin perlu dikasi *scrambler* untuk lebih cepat sampai ke penjenayah. Minta pandangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Ini salah satu contoh, contoh yang berlaku di antara beribu-ribu perkara jenayah berlaku, tempat berlaku. Polis kita hendak dia siap siaga, hendak buat kerja dengan baik tetapi orang kata, kita bagi senjata, peluru tidak ada. Sama jugalah. Kita bagi kereta, petrolnya tidak ada. Tidak bergerak juga. Jadi apabila hendak menyelaraskan strategi, selaraskan betul-betul. Kalau ada *ratio*, saya tengok polis dengan rakyat, kita tidak sampai kepada standard antarabangsa. Kita ketinggalan. Kalau di negara-negara maju sebetulnya, *ratio* dia memang jelas. Satu polis dia jaga 200 atau 300 orang. Akan tetapi kita ini satu polis jaga 5,000 orang, jaga 7,000 orang, alasan tidak ada kewangan, tidak mencukupi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi sampai kapan bapak Menteri kita begini?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Sedikit Yang Berhormat sedikit. Boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai bangun Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, sila. Ini tidak bagi tidak boleh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Sebenarnya statistik kita daripada jawapan saya dapat dari Parlimen adalah seorang polis bagi 270 rakyat Malaysia. Masalahnya kebanyakan daripada ini ditugaskan selaku *ground troops* ya, polis hutan di Sarawak dan juga Sabah. Mohon pandangan daripada Yang Berhormat, apa yang perlu dilakukan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Lembah Pantai, sebab itu kalau boleh kita *strategies* betul-betul macam mana hendak menguruskan rakyat, macam mana hendak memperkasakan polis. Kalau polis ini kerja dia menjaga keselamatan, keselamatan kita, keselamatan Yang Berhormat Menteri-menteri, wakil-wakil rakyat, rakyat biasa. Kalau dia tidak jaga keselamatan kita, kita pun tidak hidup tenteram. Untuk kita hidup tenteram, maka perkasakan mereka. Bagilah kereta yang sebaik mungkin. Bagilah, tambahlah rumah, balai mereka di pertingkatkan, peralatan mereka, telefon mereka. Ini semua tidak ada. Kalau tidak ada, jangan kita harap *return* dia ada. Kita kalau hendak tangkap ikan, kalau umpan kita ikan mati, dapat ikan kecil saja. Itu saja. Jadi Tuan Pengerusi itu sajalah saya harap. Kementerian boleh faham. Terima kasih.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Macam sengsara sudah ya Yang Berhormat Kuala Langat. Bagi Yang Berhormat Kuala Langatlah. .

4.09 ptg.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pada Butiran 100300 – Sistem Biometrik Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional Nexcode (NERS). *[Dewan riuh]* Peruntukan yang diberikan ialah RM100 juta. Fuh! Dahsyat tetapi hasilnya sekitar 2 juta yang dikatakan berdaftar, yang tidak mendaftar itu berjuta-juta, tidak tahu berapa juta. Adakah sistem ini masih relevan atau tidak Tuan Pengerusi? Kalau tidak relevan tolong cari sistem yang lebih efisien, yang boleh mengawal selia pendatang, yang dipastikan jumlahnya supaya rakyat tidak takut dan khuatir.

■1610

Keduanya, saya merujuk kepada Butiran 090100 – Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), peruntukan RM108,647,000. Kelayakan menjadi seorang anggota RELA mesti ditapis dan diberikan kelayakan itu supaya RELA itu nampak tegap untuk membantu polis. Sekurang-kurangnya RELA yang sudah pencen itu tidak payah ambil atau yang sakit tidak payah ambil. Ini supaya standard ataupun kualiti RELA itu dapat diperkasakan.

Ketiga, yang *last* Tuan Pengerusi sebab lima minit, Butiran 030000 – Penjara. Saya hendak beritahu dengan Tuan Pengerusi dan juga Timbalan Menteri, kerja sebagai seorang pegawai penjara ini amat kritikal. Alasannya ialah:

- (i) lapan jam satu hari bekerja;
- (ii) hak kebebasan tidak ada;
- (iii) risiko penyakit;
- (iv) risiko kecederaan dan mati ketika bertugas; dan
- (v) kajian pihak universiti mendapati bahawa sangat berisiko persekitaran yang tertutup dan terikat dengan undang-undang penjara yang mengutamakan aspek keselamatan.

Maka yang demikian, saya hendak bandingkan dengan penggajian anggota polis dan tentera yang mana RELA ini dikategorikan penggajian yang rendah. Saya minta dalam bajet ataupun cadangan ini gaji mereka juga perlu setimpal dengan tugas dan pengorbanan dan juga deskripsi mereka ini perlu diberi seimbang. Jangan gaji kecil, tetapi tugas yang berat dan membebankan, dalam masa yang sama kita dikategorikan mendera anggota-anggota RELA ini. Maka demikian Tuan Pengerusi, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Laju. Yang Berhormat Jasin.

4.12 ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ringkas sahaja. Butiran 020500, 020600 dan 040200. Pertamanya tentang ura-ura cadangan kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya Akta Hasutan 1948 ini dikekalkan serta diperkukuhkan kerana setelah kita memansuhkan Akta Dalam Negeri (ISA), setelah kita memansuhkan Akta Emergency Ordinance dan juga RR kita dapati banyak jenayah berlaku. Keduanya kita dapat lihat banyak mereka yang bersuara sumbang yang bukan sahaja mencerca kerajaan, bahkan sebenarnya mengeluarkan tuduhan-tuduhan serta mengeluarkan apa juga percakapan yang boleh meresahkan ketenteraman awam.

Jadi saya mencadangkan supaya Akta Hasutan supaya diperkukuhkan dan dikekalkan supaya kita dapat mengekalkan apa juga usaha-usaha untuk kita preventif. Ini kerana banyak daripada akta-akta yang kita ada sekarang adalah sebenarnya pada usaha punitif. Kita mahu kalau boleh kita banyak preventif supaya apa juga usaha-usaha mereka untuk mengancam keselamatan negara kita akan dapat menahan benda ini daripada berlaku.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, Akta Hasutan ini diperkenalkan pada 1948 semasa negara kita di bawah pemerintahan penjajah lagi. Ia bukan ada bertujuan untuk apa-apa perkauman, bahkan akta ini bagi memastikan supaya keamanan yang kita dapati pada ketika ini dapat terus kita kekalkan. Apatah lagi negara kita berbilang kaum dan kita mahu melihat kedamaian, kesejahteraan dan keamanan kita miliki pada ketika ini akan dapat kita kekalkan. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput.

4.14 ptg.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada empat isu, akan tetapi saya akan cuba buat cepat. Satu Butiran 020300 – Penyiasatan Jenayah. Nampaknya ada satu sindiket di Pulau Pinang, saya difahamkan oleh NGO di situ bahawa mereka *specialize* dalam menculik orang-orang Myanmar dan minta tebusan daripada keluarga mereka. Jika tidak bayar, mereka dibunuh. Kita tengok dalam minggu yang lalu ada satu *press statement*, *The Star* 15 November, di mana SDCP Abdul Rahim berkata, “*Ada 48 murder cases in Penang this year*” dengan izin, “*...compare 27 in 2013 and out of the 48 cases, 31 were foreigners including many Myanmar.*”

So ini ada satu sindiket dan saya rasa polis kena ambil serius terhadap inilah. Ini kerana ramai kena diculik dan dibunuh. Satu lagi juga dalam penyiasatan jenayah adalah satu kes yang berlaku di Speaker’s Corner di Pulau Pinang pada 12 Oktober tahun ini. Di mana ada 20 orang kumpulan kecil yang buat satu program untuk membantah Akta Hasutan. Pada masa itu ada 30 orang lelaki, satu kumpulan yang datang dan mereka ugut, tolak, *threaten* sampai itu program dihentikan.

Mereka yang datang ini mereka adalah *organize* kerana mereka bawa dengan *t-shirt*, dia katakan kekalkan Akta Hasutan, mereka bawa *hailer*. Polis pun ada di situ. Akan tetapi sampai sekarang tiada sesiapa yang ditangkap atau yang didakwa. So ini *criminal intimidation*. Jika polis tidak ambil tindakan, ini akan ulang di Pulau Pinang, kita akan menggalak satu kumpulan yang pasif, yang mereka ini ada hak untuk jika mereka hendak kekalkan Akta Hasutan, mereka ada hak untuk bersuara. Akan tetapi mereka tidak ada hak untuk melawan, memakai kekerasan atas mana-mana kumpulan yang lain.

Isu ketiga ialah Butiran 060000 – Pendaftaran Negara. Saya ada satu kes di mana pemohon pegang IC merah dia pohon untuk IC biru. Dia diluluskan pada Julai 2013. Akan tetapi dia tidak diberitahu. Bila saya bawa dia ke JPN di Ipoh, mereka pun tidak tahu. Mereka *check* komputer kata masih belum lagi selesai. Bila saya bawa dia ke pejabat di Putrajaya dapat dan ia telah diluluskan setahun sebelum, akan tetapi tidak diberitahu. Saya mahu Menteri siasat tengok ada berapa kes macam ini telah lulus tetapi masih tidak diberitahu. Mereka pun tidak tahu. So jika ini kita boleh wujudkan satu sistem di mana kita senaraikan kes-kes yang telah diluluskan mungkin mereka boleh *check website* dan mereka boleh datang.

Last sekali saya hendak bawa satu kes anak berumur lapan tahun, ibu telah larikan diri bila anak itu kecil dan dijaga oleh bapanya. Masalahnya ialah nama bapa bukan dalam dia punya *birth cert*. So bila saya bawa dia ke JPN Ipoh, saya diberitahu bahawa seksyen 13 di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran mengatakan ibu dan bapa, dia-dua orang kena *sign* sebelum kita boleh masukkan nama. Akan tetapi masalah di sini bapa ini tidak boleh cari isteri, ibu kepada anak ini. So bila saya tanya dekat pegawai, boleh atau tidak kita buat DNA *testing* untuk masukkan nama bapa dalam *birth cert*, pegawai kata ini ikut akta seksyen 13 ini dia katakan *clearly* katakan mesti ada bapa dan ibu *sign* sekali.

Bolehkah ini dikaji balik kerana sekarang kita ada DNA *testing*, kita ada teknologi boleh *solve* masalah ini. So bolehkah Menteri kaji ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bintulu.

4.18 ptg.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi bagi peluang kepada saya ambil perbincangan atas jawatankuasa Kementerian Dalam Negeri. Tuan Pengerusi, saya mahu sentuh di atas Butiran 020200 – Logistik bersama dengan Butiran 020500 – Pencegahan Dadah, dia isu sahaja saya bawa.

Tuan Pengerusi, Bintulu memang *fast growing town* di Sarawak dengan izin. Kita Bintulu sekarang anggota polis memang tidak mencukupi. Kita hendak merayu kepada kementerian kalau boleh secepat mungkin kasi tolong naik tarafkan status Ibu Pejabat Balai Polis Bintulu. Bintulu sekarang cuma hanya 200 lebih anggota. Begitu luas kawasan kita anggota polis hendak jaga. Macam tadi Yang Berhormat Kinabatangan sentuhkan. Kalau kita tidak sediakan *basic*,

kemudahan termasuk anggota semua, macam mana kita boleh kawal keselamatan di kawasan masing-masing.

■1620

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masuk IPD Beluran, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Memang. Terima kasih. Beluran masuk sekali.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita sekarang memang terima kasihlah, kita ada memohon itu hari kalau boleh kemungkinan sekarang ibu pejabat polis tidak begitu sesuai, kita cari tempat lain lagi hendak bina balai polis baru. Juga, kita sedia pejabat yang cukup besar untuk kita mencukupi tambahan anggota polis.

Akan tetapi, masa sekarang kita mesti mahu cari jalan macam mana hendak bagi tambah masuk anggota polis di kawasan Bintulu. Masalah sekarang rakyat kemukakan kepada saya, isu sekarang ini tidak ada Pekeliling. Saya banyak kali berbincang dengan OCPD Bintulu yang baru. Saya ucap terima kasih jugalah atas anggota OCPD polis yang baru ini di Bintulu. Cukup hebat. Siang dan malam terutama sekali tengah malam pukul 1, pukul 2, saya ada berjumpa dengan dia, dia sendiri bawa kereta, dia sendiri pergi *round*. Akan tetapi masalahnya anggota dia tidak cukup untuk menjalankan tugas. So, saya harap kementerian boleh berbincang dengan Bukit Aman, macam mana boleh membantu.

Sekarang dadah di Bintulu – contoh macam di Taman Dagang sana, macam *open market* boleh dapat dadah. Bila-bila dia orang sampai sahaja, boleh beli itu dadah. Masalahnya apabila kita soalkan, polis kata ini masalah lagi satu, apabila ditangkap, hantar balik pergi negara jiran, esok dia datang balik. Dia tukar *passport* lagi.

Atas isu ini, saya hendak tanya Kementerian Dalam Negeri, Yang Berhormat Timbalan Menteri macam mana ataupun adakah satu cadangan kita menghapuskan mana-mana rakyat dari negara jiran apabila dia ada terlibat dalam kes, kita hantar balik atau bukti dia cukup, kita tidak boleh caj dia, hantar balik. Macam mana kita boleh senarai hitamkan ataupun macam mana dia punya jari kita boleh di *check point* sanakah ataupun *entry point*, kita boleh *block* semua?

Masalahnya sekarang kalau isu ini tidak selesai, memang saya setuju Yang Berhormat Kinabatangan tadi soal, sampai bila masa kita memang tidak boleh diselesai. Rakyat, ibu-bapa sekarang semua susah hati. Bilakah perkara ini boleh *settle*? Banyak ibu bapa apabila dia tahu, sudah terlewat. Polis sudah tuduh, ibu bapa pun terperanjat, "*Kenapa anak saya boleh terlibat?*" Dia kata di rumah memang anak terbaik di rumah. Akan tetapi di luar, dia terlibat ini cerita. So, inilah satu masalah yang paling pening sekarang kepada rakyat di Bintulu. Tak kira kaumlah, sama.

Jadi satu lagi saya mahu menyentuh mengenai kemudahan kereta ini. Memang saya bersetuju Yang Berhormat Kinabatangan soal tadi. Macam di kawasan Sarawak ini, termasuklah Tuan Pengerusi punya kawasan Beluran pun sama, kawasan ini kalau boleh, tolong bagi *four wheel drive*, janganlah bagi Waja kah ataupun Proton. Contoh di Bintulu, kalau dia satu kali masuk ladang, dia memang Waja jadi Proton, ia sudah tinggal stereng keluar sahaja. Itu bukan

pasir punya jalan. Kemungkinan dia masuk pun tidak boleh keluar. Kalau hujan, lecah. Inilah satu kita mesti mahu ambil perhatian dan juga lain-lain kemudahan *walkie talkie* semua, kita berharap menaiktarafkan semua kemudahan untuk polis untuk menjalankan tugas. Pasal, polis kalau dia rajin, dia mahu kerja tetapi kalau dia punya kemudahan asas tiada, memang susah. Apa dia boleh dapat? Nanti pembangkang lagi tuduh polis tidak menjalankan tugas. Ini kelemahan kita, harap boleh dinaiktarafkan.

Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tasek Gelugor. Eh, Yang Berhormat Bukit Gelugor. Yang Berhormat Tasek Gelugor di sebelah ini.

4.25 ptg.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menekan ataupun menyentuh berkenaan Butiran 020600 – Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam.

Baru-baru ini Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang telah pun bersetuju kepada cadangan beliau untuk menyerap masuk ahli-ahli PPS ataupun Pasukan Peronda Sukarela di Pulau Pinang ke dalam satu entiti baru yang dipanggil *Community Policing Unit* yang dicadangkan akan dilaksanakan di seluruh negara. Perkara ini telah pun dinafikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang yakni bersetuju untuk mempertimbangkan satu kertas kerja berkenaan unit tersebut untuk dipertimbangkan.

Saya ingin bertanya Tuan Pengerusi, adakah cadangan Yang Berhormat Menteri KDN tersebut merupakan satu pengakuan bahawa terdapatnya satu keperluan yang ketara untuk menubuhkan entiti-entiti persendirian seperti PPS untuk membantu polis membanteras jenayah yang kini semakin berleluasa? Sekiranya tidak, kenapa dicadangkan unit tersebut ditubuhkan di seluruh negara dan bukan hanya di Pulau Pinang?

Saya juga ingin bertanya Tuan Pengerusi, adakah cadangan penubuhan unit tersebut di seluruh negara menunjukkan bahawa PPS tersebut sebenarnya telah pun berjaya dan bermanfaat kepada masyarakat secara amnya dalam membanteras kegiatan jenayah yang semakin meningkat?

Ini adalah satu perkara yang perlu ditangani memandangkan penangkapan 157 anggota PPS pada 31 Ogos tahun ini di perarakan Hari Kemerdekaan di Pulau Pinang atas alasan bahawa PPS tersebut kononnya adalah tidak sah, dan sama ada mereka ataupun ahli-ahli tersebut yang berjumlah lebih kurang 9,000 akan didakwa di mahkamah atau pun tidak? Ini juga merupakan satu perkara yang penting memandangkan satu-satunya jenayah yang telah dilakukan oleh anggota PPS ini adalah memastikan keselamatan dan ketenteraman awam di negeri Pulau Pinang. Adakah mereka sanggup dilabelkan sebagai penjenayah dalam pelaksanaan tugas mereka tersebut?

Baru-baru ini Tuan Pengerusi, Ketua Menteri Pulau Pinang juga telah pun mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mencabar pendirian kerajaan bahawa PPS tersebut merupakan satu entiti yang tidak sah di mahkamah. Adakah cadangan penyerapan anggota-anggota PPS tersebut ke dalam *Community Policing Unit* tersebut akan mempunyai kesan mengiktiraf PPS sebagai satu entiti yang sah? Sekiranya ya, adakah pendirian Kementerian Dalam Negeri berlainan daripada pendirian Peguam Negara dalam isu ini dan bukannya percanggahan tersebut seharusnya diselesaikan dengan segera demi kepentingan keselamatan dan ketenteraman awam?

Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

4.28 ptg.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh satu sahaja iaitu Butiran 080000 – Pendaftaran Pertubuhan.

Sepertimana yang kita sedia maklum, bahawa pemilihan CEC DAP... *[Disampuk]* Apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, saya terus.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan terganggu Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, dia ganggu. Saya hendak tanya... *[Disampuk]* Ini bukan ucapan politik. Sebab, saya tengok...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dia tidak ada modal, dia ganggu orang lainlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payah. Jangan terganggu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sebab, saya tengok ini percanggahan. Kita hendak tahu, sama ada CEC DAP ini sah kah tidak sah?

Beberapa Ahli: Sahlah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sebab, kalau kita tengok pada 4 Oktober 2014, ROS mempersoalkan ya, ROS mempersoalkan dakwaan yang dibuat oleh DAP... *[Disampuk]* Timbalan Ketua Pengarah ROS, Ahmad Nizam Mustapa berkata bahawa dakwaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puchong itu adalah tidak benar. Jadi kita hendak tahu hari ini, bagaimana kedudukan CEC ini? Kerana kita... *[Disampuk]* Ya lah, hendak tanyalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia bukan tanya sebelah sini, dia tanya ROS di bawah kementerian Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya tanya ROS, sebab...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sebab...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Tanjong Karang ini mahukan saya jawab atau tidak?

■1630

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Puchong, tidak ada, tidak ada. Yang Berhormat Puchong dengan Yang Berhormat Tanjong Karang, duduk Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak mengapa saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk, duduk.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak mengapa, saya bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habis, 4.30.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Sorry.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Usul 4.30.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *I see, I see.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, *please.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Okey, *after this.* Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH P.M. 18(1)

LAPORAN DOKUMENTARI TERBITAN AL-JAZEERA
– ISU HAK ASASI MANUSIA PELARIAN

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan untuk dibahas pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbincangan usul ini, pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi kawasan Segambut sila kemukakan.

4.31 ptg.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Pengerusi, selain daripada empat isu yang terkandung dalam usul asal saya iaitu berita Al-Jazeera melaporkan kanak-kanak dikurung dalam pusat tahanan imigrasi dan mereka yang ditahan telah disiksa oleh anggota penguat kuasa iaitu dipaksa bogel dan juga dakwaan rasuah berlaku semasa operasi ataupun di dalam pusat tahanan dan juga pusat tahanan berada dalam keadaan yang teruk.

Selain daripada empat isu yang saya bangkitkan dalam usul asal ini, saya juga hendak tanya, sebab menurut angka terbaru daripada United Nations, dengan izin Tuan Pengerusi, United Nations kata terdapat seramai 260,552 orang pelarian, *refugees* di Malaysia dan seramai 40,000 orang daripada angka itu adalah bertaraf *stateless*, tidak tahu negara asal mereka. Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa angka rasmi daripada kerajaan kita, berapa pelarian, *refugees* di tanah air kita? Daripada angka itu, berapa angka *stateless* dan juga di mana lokasi pusat tahanan mereka?.

Seterusnya, saya hendak kata, kedatangan ratusan ribuan pelarian tersebut ke Malaysia, ini bukan kesalahan kerajaan kita. Ini juga bukan tanggungjawab Malaysia *alone*, dengan izin Tuan Pengerusi. Punca asal saya rasa adalah sektor luar, *external*. Namun demikian, negara kita perlu mencari satu penyelesaian untuk mengurus masalah dengan cara yang berkesan dan mengikut standard *guidelines* daripada konvensyen antarabangsa.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Segambut boleh mencelah sikit? Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Saya ada 30 minit.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tidak, data sikit sahaja tadi.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Okey.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Daripada data tadi, World Bank data, jumlah pelarian di Malaysia seramai 90,185 orang iaitu satu angka yang agak ketara perbezaannya. Mohon penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Kalau pergi *Google*, *Google* saja, angka *refugees* di Malaysia, ia akan keluar seramai 260,552 orang. Saya *Google* semalam, saya *Google* hari ini, angka yang sama. [*Ketawa*] Okey, lagi, saya hendak ambil kesempatan ini ingin menyoal Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, apakah dasar kerajaan dalam menjalani operasi terhadap pelarian dan juga pendatang asing tanpa izin (PATI). Adakah mereka mempunyai kad pelarian dari UNHCR tidak ada ditahan atau mereka ditahan dahulu baru disiasat semua, PATI kah, *refugee* kah, semua sama. Saya juga hendak tanya, apa *standard operating procedure* (SOP) oleh PDRM dan imigresen semasa operasi dan semasa buat tahanan.

Juga yang pentingnya saya hendak tanya, apakah SOP atau pun *guidelines* secara *in writing*, dengan izin Tuan Pengerusi, untuk pelawat-pelawat kepada pusat-pusat Imigresen ini. Sama ada hanya ahli keluarga sahaja yang dibenarkan melawat. Kalau hanya ahli keluarga, macam mana untuk orang asing yang tiada ahli keluarga di sini? Macam mana dengan kumpulan *refugees* tersebut? Juga sama ada wakil daripada NGO, wakil peguam, wakil daripada agama-macam kes ini, rakaman Al-Jazeera, wartawannya menyamar sebagai seorang Paderi untuk merakamkan video ini. Sama ada wakil-wakil tersebut yang tadi boleh melawat secara *as a right* kepada pusat tahanan imigresen ini.

Juga sama ada pusat tahanan imigresen ini boleh diasing, ada pusat tahanan untuk *refugees*, diberi status *refugees* oleh UNHCR dan lebih satu tahanan imigresen yang lain untuk

PATI yang *over stay*, untuk PATI yang tanpa visa. Mengenai makanan. Saya masih ingat Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pernah mengatakan kepada media bahawa kerajaan terpaksa memperuntukkan kos RM30 setiap hari untuk setiap tahanan di pusat imigresen, RM30. Akan tetapi semua orang tahu, bukan sahaja wartawan daripada Al-Jazeera saja, semua orang tahu, NGO kah, peguam kah, yang pernah melawat kepada pusat tahanan imigresen. Sebanyak RM30 sehari untuk makanan, ini adalah tipu, ini tidak benar. Oleh sebab mereka tidak cukup makan. Bukan sahaja mereka tidak cukup makan, mereka terpaksa mencari daripada luar, ahli keluarga, kawan-kawan daripada negara mereka untuk menanggung, untuk memberi makanan dalam pusat tahanan imigresen. Jadi, saya hendak tanya, di mana pergi RM30 setiap orang yang ditahan dalam pusat tahanan imigresen.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Celahan Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Okey, terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Adakah Tuan Pengerusi sedar bahawa kerajaan memperuntukkan RM30 untuk setiap pelarian tetapi kerajaan membayar RM50 bagi pas sementara kepada syarikat yang mengelola sistem NERS. Jadi, di manakah keutamaan kita kalau bercakap mengenai makanan satu hari berkait dengan pas yang nilainya kurang daripada RM2.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Seterusnya, tindasan terhadap pelarian *refugees* bukan sahaja berpunca daripada pihak penguatkuasaan PDRM kah, atau imigresen, saya juga selalu mendengar anggota RELA. Mereka pun terlibat dalam operasi. Dalam rakaman Al-Jazeera ini kita boleh nampak dengan jelasnya siapa yang menjaga pintu di pusat tahanan yang tidak dinamakan. RELA, kenapa RELA terlibat dalam penjagaan pusat tahanan ini? Ini sepatutnya tugas Jabatan Imigresen bukan RELA. RELA sebagai satu sukarelawan. Lagi satu, dari segi undang-undang, saya difahamkan pelarian, *refugees* tidak dibenarkan bekerja di Malaysia. Akan tetapi soalnya, mereka status *refugees*, mereka kena makan, mereka kena tanggung bini dan anak-anak. Pertanyaan saya, adakah kerajaan berhasrat atau bercadang untuk mereka satu undang-undang atau garis panduan untuk mereka iaitu *refugees* yang sah di Malaysia boleh bekerja sebagai *temporary* kah atau bekerja dalam beberapa bidang yang tertentu supaya mereka boleh menanggung diri sendiri dan ahli-ahli keluarga.

Akhirnya, sekiranya kerajaan tidak memandang serius isu ini...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Segambut. Saya pernah hadir pada satu penerangan anjuran pihak UNHCR berhubung dengan pelarian-pelarian yang telah diberikan pengiktirafan sebagai *refugees*. Memang ada cadangan supaya mereka ini diberikan kebenaran untuk bekerja di Malaysia. Ini kerana apabila dibandingkan jumlah pelarian yang telah terpaksa meninggalkan negara mereka atas sebab-sebab peperangan, penindasan, *ethnic cleansing* dan sebagainya, dibandingkan jumlah mereka dengan jumlah pekerja asing yang dibawa masuk untuk bekerja, maka ia merupakan satu cadangan yang wajar yang seharusnya golongan ini diberikan keutamaan.

Ini kerana mereka adalah mangsa kekejaman, mereka terpaksa meninggalkan negara-negara mereka. Sedangkan yang datang ke Malaysia sebagai pekerja asing, mereka tidak ada paksaan yang sehebat yang seperti yang dilalui oleh pelarian-pelarian ini untuk mereka datang mencari kerja di sini. Cadangan yang dikemukakan oleh wakil UNHCR itu, khususnya berucap tentang soal pelarian Rohingya pada ketika itu, dia mencadangkan supaya mereka ini diambil sebagai pekerja-pekerja.

■1640

Di kalangan mereka memang ada juga orang-orang yang mempunyai kelulusan dan kelayakan. Maka apa pandangan Yang Berhormat Segambut terhadap cadangan yang telah dikemukakan kepada pihak UNHCR bila dibandingkan pelarian ini dan keutamaan untuk diberikan kepada mereka kerja dibandingkan dengan pekerja asing yang sebenarnya tidak begitu terdesak? Apa pandangan Yang Berhormat Segambut?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih. Saya minta soalan daripada Yang Berhormat Shah Alam juga dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ya, fasal iktiraf status *refugee* di Malaysia sebab negara kita bukan salah satu ahli yang mengiktiraf konvensyen United Nations mengenai *refugee*. Jadi status *refugee*, memang tidak kenal atau *recognized* dengan izin Tuan Pengerusi di Malaysia. Jadi saya minta pihak kerajaan supaya mencari satu penyelesaian yang *one-off*, yang kekal untuk masalah *refugee* di tanah air kita.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Segambut, mencelah tentang *refugee*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Segambut, kita faham bahawa setengah jam diberikan oleh pihak sebelah sini dan setengah jam juga, 30 minit untuk pihak kerajaan. Saya juga difahamkan Yang Berhormat Segambut juga di senarai untuk berucap.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Serdang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Serdang juga disenaraikan untuk berucap.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya, saya dua minit sahaja. Akhirnya saya dapat makluman di pusat tahanan imigresen, sekurang-kurangnya terdapat seorang berasal daripada Palestin, dua orang daripada Sri Lanka, dan juga sembilan orang daripada Afghanistan, dua orang daripada Iran, tujuh orang daripada Pakistan. Mereka telah ditahan di pusat tahanan imigresen berbelas-belas tahun.

Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Menteri Kementarian Dalam Negeri memberi penjelasan kenapa mereka ditahan berbelas-belas tahun? Kenapa mereka tidak didakwa di mahkamah ataupun di depot di hantar pulang ke negara asal mereka? Itu sahaja perbahasan saya. Saya minta Yang Berhormat Menteri jawab secara teliti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Segambut. Eh, Yang Berhormat Serdang. Minta maaf.

4.42 ptg

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Walaupun kedua-dua pun botak Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya tidak sebut. [Ketawa]

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Akan tetapi saya tidak begitu *handsome* berbanding dengan Yang Berhormat Segambut. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila jaga masa ya.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Di dalam dokumentari Al-Jazeera, yang telah disiarkan pada 19 November 2014, ada dua kes di mana telah dikemukakan bahawa saya rasa ada percanggahan dan juga contoh di mana Malaysia tidak mematuhi *United Nations Convention on the Rights of the Child* yang telah ditandatangani dan juga diiktiraf oleh kerajaan Malaysia.

Dalam dokumentari ini, ada seorang pelarian dari Myanmar telah dibuang ke dalam lokap tidak lama selepas dia melahirkan anak. Oleh kerana itu dia telah dipisahkan daripada anak dia. Dalam dokumentari yang sama, seorang anak pelarian dari Afghanistan tidak dibenarkan untuk berjumpa dengan bapanya untuk masa yang lama dan hanya diberi masa sebulan sekali sahaja untuk berjumpa dengan bapanya yang telah ditahan di pusat tahanan selama satu tahun.

Oleh kerana itu, pelarian tersebut memberitahu wartawan melalui kamera yang *hidden camera* itu yang tersembunyi bahawa anak dia sendiri tidak mengenali dia sebagai seorang bapa. Saya rasa semua ini adalah menentangi *United Nations Convention on the Rights of The Child*, yang saya hendak merujuk kepada beberapa artikel supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri Santubong boleh menjawab kerana apabila ditemu duga oleh wartawan, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menafikan bahawa kanak-kanak yang ditahan di pusat, ada kanak-kanak yang ditahan di pusat tahanan pelarian.

Article 4 dengan izin, “*State party shall undertake all appropriate legislation, administration and other measures for the implementation of the rights recognized in the present convention.*”

Article 8, “*State parties undertake to respect the right of the child to preserve his or her identity, including nationality, name and family relations as recognized by law without unlawful interference.*”

Oleh kerana saya rasa apabila kanak-kanak ini ditahan di pusat tahanan dengan tidak ada *contact* yang baik dengan ibu bapa, saya rasa identiti mereka sebagai seorang Myanmar, ataupun sebagai seorang *Bangladeshi* dan sebagainya, pun telah hilang. Ini bercanggah dan tidak mematuhi *Article 8*.

“*Where a child is illegally deprive of some or all of the elements of his or her identity, state party shall provide appropriate assistant and protection with the view to re-establishing speedily his or her identity.*”

Article 9, “*State party shall ensure that a child shall not be separated from his or her parents against their will, except with competent authority subject to judicial review determined in*

accordance with applicable law and procedures that such separation is necessary for the best interest of the child.”

Article 10, “In accordance with the obligations of state parties under Article 9, paragraph 1, applications by a child or his or her parents to enter or leave a state party for the purpose of reunification shall be dealt with by states parties in the positive, human and expeditious manner.”

Article 20, “A child temporarily or permanently deprived of his or her family environment or in whose best interest cannot be allowed to remain in the environment shall be entitled for special protection and assistance by the state.”

Article 22, “State party shall undertake appropriate measures ensure that a child who seeking refugee status or who is considered a refugee in accordance with applicable international or domestic law and procedures shall whether unaccompanied or accompanied by his or her parents or by any other person received appropriate protection in humanitarian assistance in the enjoyment of applicable rights set for in the present convention.”

Jadi saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa perbuatan menahan seorang kanak-kanak di pusat tahanan pelarian dan memisahkan mereka dengan ibu bapa mereka melanggar artikel-artikel yang tersebut di atas, di bawah *United Nations Convention on the Rights of the Child* (CRC). Saya pun hendak tanya Yang Berhormat Menteri memandangkan situasi yang begitu serius yang telah didedahkan oleh dokumentari tersebut. Saya rasa masa telah sampai untuk pengiktirafan *Conventions Relating to the Status of Refugee 1951* yang telah disebut oleh Yang Berhormat Segambut dan juga *Protocol Relating to the Status of Refugee 1967* yang belum diiktiraf oleh Malaysia.

Saya rasa pengiktirafan protokol ini akan memperkukuhkan perlindungan yang boleh diberikan kepada hampir 30,000 kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang tidak ada kerakyatan yang berada di Malaysia sekarang. Masalah di Malaysia sekarang ialah orang pelarian tidak diberikan perlindungan yang mencukupi kerana negara kita tidak mengiktirafkan *Convention 1951*. Oleh kerana itu kanak-kanak yang merupakan pelarian ataupun anak-anak kepada pelarian juga tidak diberikan perlindungan yang mencukupi.

Saya rasa dengan pengiktirafan *Convention 1951* kebolehan negara untuk mematuhi Artikel 22 dalam CRC pun boleh diperkukuhkan. Saya rasa memandangkan bahawa Malaysia akan menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2015 dan juga akan menjadi salah seorang ahli Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, saya harap pihak kementerian boleh memberi pertimbangan yang wajar untuk mengiktiraf *Convention 1951* dan juga Protokol 1967 supaya nama baik negara boleh dijaga dengan baik di gelanggang antarabangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

4.49 ptg.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyatakan dalam usul tergepar ini bahawa dengan pendedahan begitu

banyak isu khususnya dalam kes kita, kes ini, isu yang dibawa oleh Al-Jazeera 101 East bermakna walaupun suatu yang amat kita banggakan, syukur tetapi amat mengecewakan bila masa kita harus menunggu pendedahan sebegini barulah boleh kita bincang satu isu yang telah menjadi barah atau masalah yang lama di Malaysia. Sekiranya Al-Jazeera tidak mendedahkan isu ini, saya tidak fikir kita akan berbahas pada hari ini. Ini membuktikan sistem Demokrasi Berparlimen di Malaysia harus diperbaiki.

Apa pun Tuan Pengerusi, saya merasakan dalam kes ini saya berharap kementerian dapat mengambil pendirian yang berbeza.

■1650

Sebelumnya semasa saya bawakan isu pelarian mantan Menteri ketika itu Datuk Seri Rais Yatim mengatakan bila kita terpaksa, kerajaan terpaksa menyediakan makanan dan penetapan bagi golongan pelarian ini akan membebaskan kewangan negara. Pada saya ini sikap yang tidak berperikemanusiaan. Saya fikir kita sudah ada satu basis dengan izin di mana kalau di peringkat Sabah pemegang kad IMM13 misalan punyai *freedom of employment and freedom of movement*. Kita juga sedar isu keselamatan harus diutamakan dalam sebarang hal tetapi seperti saya bangkitkan sebentar tadi kita punyai *database* yang dirangkumi oleh **system NERS**. Jadi sepatutnya itu sudah memadai bagi kementerian dan kerajaan untuk mengenal pasti di manakah kes-kes yang tidak layak berbanding dengan kes pelarian yang kita ketahui memerlukan perlindungan daripada Kerajaan Malaysia.

Jadi dalam kes ini berkait dengan warga Myanmar tahu ada kolusi di mana pegawai UNHCR juga terlibat dalam menipu mereka ini. Kita boleh bawa aduan, kita boleh buat desakan sekiranya kita punya *the moral high ground* dengan izin kedudukan moral dalam melaksana tanggungjawab dan tugas kita. Masalahnya saya agak terkesan kerana bulan lepas saya membaca buku yang memenangi *pulitzer prize, number one best seller* oleh wartawan Nicholas Kristof berjudul *Half The Sky*.

Kes pertama Tuan Pengerusi, yang dibawa dalam kes ini seorang gadis 15 tahun berbangsa Cambodia. Gadis tersebut pergi, tertipu dalam satu sindiket pelacuran, di mana? Di Kuala Lumpur, diceritakan tertipu, diperkosa kemudian dipaksa terjebak dalam sistem pelacuran. Akhirnya dia bebas dan saya hendak bacakan beberapa petikan kerana ini dibaca di seluruh dunia. *Rough served a year in prison under Malaysia staff anti immigration laws*. Sudah menjadi mangsa, *she's served a year in prison. And then she was supposed to be repatriated. She thought a Malaysian policeman was escorting her home when he drove her to the Thai border but then he sold her to a trafficker who paddle her to a Thai border*.

Jadi pada saya Tuan Pengerusi, penglibatan seperti dilaporkan dalam buku ini memang ia harus disiasat oleh kerajaan termasuk oleh *Al Jazeera 101 East* harus ada sikap dan iltizam politik yang jelas. *To leave no stone unturned* dan memastikan mereka yang bertanggungjawab itu di hadapkan ke muka pengadilan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Subang.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Pendek, silakan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya yakin semua pihak yang dengar tadi perkongsian oleh Yang Berhormat Lembah Pantai terkejut bila dengar kes yang cukup serius itu yang telah diceritakan dalam buku. Daripada *detail* atau butiran yang telah didedahkan dalam laporan Al Jazeera tuduhan yang dibuat dalam *report* itu memang serius. Serangan fizikal, pembogelan, pelarian dan sebagainya. Jadi saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat Lembah Pantai dan minta pandangan. Adakah kes ini sekarang kita perlu tindakan yang sesuai.

Saya ingin cadangkan dan minta pandangan Yang Berhormat Lembah Pantai kita perlu dua tindakan secepat mungkin. Satu, siasatan bebas terhadap isu yang didedahkan oleh Al Jazeera. Adakah kemungkinan SUHAKAM boleh menjadi pihak untuk menyiasat secara bebas? Kedua, kita perlu satu dasar baru yang menyeluruh tentang isu ini.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Adakah masa sudah sampai Parlimen ini menubuhkan satu jawatankuasa pilihan daripada dua-dua pihak untuk mengkaji isu ini.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya harap semua yang disebut oleh Yang Berhormat Subang itu diangkat dalam ucapan saya. Saya merasakan ini memerlukan satu solusi atau penyelesaian yang mendasar.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Alor Star bangun.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Sekejap saya habiskan poin dahulu Yang Berhormat Alor Star terima kasih. Saya hendak sebut di sini ya seperti saya katakan tadi kita kena tunggu pendedahan daripada media luar baru kita boleh berbahas tentang isu yang melibatkan seksaan puluhan ribu manusia. Jadi pada saya harus ada *standing committee* tentunya lebih daripada itu kerajaan juga boleh sahaja memberikan dana mendukung satu sistem Kabinet bayangan. Kita hendak bantu kerana pada saya dalam hal ini bila berkait tentang isu keselamatan dan sebagainya tidak boleh dikompromikan. Saya ingin memfokuskan tentang banyak lagi kes-kes pelarian.

Kita bernasib baik kerana apa, kerana banyak badan-badan bukan kerajaan khususnya Angkatan Belia Islam Malaysia. Mereka telah bertungkus-lumus dalam gabungan selamatkan Syria, ini berkisar tentang pelarian Syria yang masih ada di Malaysia. Antaranya terpaksa duduk berapa bulan di mana Tuan Pengerusi, di KLIA kerana tidak dibenarkan masuk oleh undang-undang imigresen kita. Kita tahu mereka sedang dibunuh oleh Presiden *Bashar al-Assad* peperangan di Syria tetapi kita seolah-olah terasing. Tidak mengambil kira keadaan di luar sana tetapi mengatakan Malaysia ini mahu *to be part of the global international world*. Jadi pada saya

di sini saya berharap bukan sahaja isu ratifikasi tetapi di peringkat Parlimen ada penyelesaian jangka masa panjang.

Saya hendak bertanya adakah kementerian bertemu dengan the *UN High Commissioner on Refugees* dengan izin. Pada saya perkara-perkara ini rumit. Saya tidak mengatakan mudah untuk diselesaikan tetapi pertamanya harus ada satu cetusan perikemanusiaan. Saya mohon laluan diberikan kepada Yang Berhormat Alor Star. Seminit Yang Berhormat Alor Star ya.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Terima kasih. Baru semalam sahaja *Migration Working Group (MWG)* telah pun mengeluarkan satu kenyataan menegurkan kerajaan kerana menutup satu mata terhadap layanan yang cukup teruk ataupun yang di sini dikatakan *he nears treatment of refugee in our country*. Apabila dalam masa ini Malaysia akan mengambil kerusi dalam *United Nations Security Council*. Apabila *the United Nation, UNHCR on Refugees Representative* dengan izin daripada Malaysia Richard Towel ditemu duga *interviewed* oleh Al Jazeera mengenai layanan pelarian-pelarian di Malaysia. Beliau telah pun mengatakan bahawa *this is air considerable concern* and harus terdapat satu badan *over side* yang melihat ataupun mengkaji, mengawal keadaan bagaimana orang-orang pelarian ditahan dalam badan-badan tahanan. Jadi saya minta.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat, saya setuju penuh dimasukkan juga Tuan Pengerusi. Di sini kita juga harus menanyakan apakah keberkesanan dan fungsi Suruhanjaya Integriti (SIAP). Kita sudah lama menyatakan bila bercakap tentang salah guna kuasa yang melibatkan agensi kerajaan ini adalah dakwaan yang perlu disiasat. Bagaimana dengan komitmen kita, kita sudah ada Suruhanjaya Diraja sebelumnya, tentang apa? Salah laku polis. Cadangan untuk mewujudkan *Independent Police Complaints and Misconduct Commission*. Ada kita laksanakan? Tidak. Jadi pada saya sudah ada susun atur prosedur-prosedur dan semua sistem yang sedia ada yang perlu adalah iltizam politik untuk melihat dari sudut dasar apakah yang harus kita lakukan bagi membolehkan sistem timbang tara dilaksanakan.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: [Bangun]

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Parit Buntar ada dua minit. Saya rasa saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Parit Buntar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih kerana bagi saya ruang. Saya cuma ingin bertanya juga kepada kerajaan daripada apa yang telah dibawa antara lainnya ialah isu pegawai imigresen membawa pelarian ini ke sempadan Thailand. Kemudian mereka dijual kepada sindiket kemudian diminta RM600 dijual sebanyak RM600. Kemudian yang sindiket permerdagangan ini minta pula RM2,000 daripada mereka kalau tidak boleh bayar maka mereka akan dijadikan hamba. Untuk bekerja di ladang-ladang dan kalau wanita mereka akan dibawa kepada sindiket jenayah pelacuran.

Jadi bagi saya isu-isu ini perlu mendapat pembelaan kerana ia melibatkan soal maruah. Sejauh manakah Malaysia walaupun tidak menjadi penanda tangan dalam UNCHR tetapi Malaysia ada tanda tangan *Bangkok Declaration* yang menyatakan bahawa dalam *Bangkok Declaration* itu *provide* dengan izin *humanitarian treatment including a appropriate health other services any unfair treatment towards them should be avoided*. Saya rasa kita sebagai orang yang menandatangani itu Yang Berhormat Lembah Pantai saya minta supaya diminta penjelasan adakah kita *commit* dengan perkara tersebut.

■1700

Akhirnya, saya minta Yang Berhormat Lembah Pantai untuk mohon setuju atau tidak satu Suruhanjaya Bebas untuk mengendalikan dan membuat satu laporan menyeluruh dalam isu-isu yang telah kita bangkitkan. Terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Terakhir, *point* terakhir saya tutup dengan menyatakan saya bersetuju dengan Suruhanjaya Bebas. Yang saya mahukan adalah rekomendasi Suruhanjaya Bebas. Kita mempunyai begitu banyak, masalahnya tidak ada satu pun rekomendasi yang dilaksanakan atau diimplementasikan dan itulah masalah yang kita hadapi sekarang.

Saya tidak mahu Malaysia diberi satu *negative coverage*, dengan izin. Barulah kita "*Sudah terhantuk baru tengadah*", baru hendak bercakap tentang isu ini. Saya berharap sangat-sangat, inilah peluang keemasan yang dapat kita ambil bagi menyelesaikan masalah yang begitu kronik demi masa depan dan kebaikan kita bersama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri memerlukan 30 minit tetapi saya bagi peluang Yang Berhormat Kuala Kangsar. Ringkas ya.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Dua minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dua minit.

5.01 ptg.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dalam isu ini saya ingin menyentuh tentang dua, tiga persoalan sahaja. Saya hendak mempersoalkan ada tiga perkara. Yang pertama dalam isu ini mengapakah *reporter Al-Jazeera* itu Steve Chow yang menyamar sebagai paderi dapat membolos masuk begitu mudah sekali ke dalam tahanan kem yang dikendalikan oleh UNHCR? Adakah beliau mendapat kebenaran atau pun mendapat pakatan daripada mana-mana pihak?

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Keduanya...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Bantuan, bantuan daripada RELA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Jadi, berkaitan dengan dokumentari itu, mengapakah *refugee* atau pun pelarian berada begitu ramai di sini? Sedangkan pendirian Malaysia jelas di peringkat UN dan kita lihat negara-negara lain tolak *refugee* mentah-mentah. Australia, UK dan kita lihat negara-negara lain, Singapura ada 3 mengikut *World Bank* data, Filipina - 141, Brunei - 0, Vietnam - 0, Hong Kong - 117. Adakah ini kerana ihsan negara kita, mendatangkan masalah semula kepada kita ataupun perlu kah kita menghantar pulang mereka-mereka ini?

Akhir sekali, usaha yang dibuat ini adakah untuk kerajaan memberi penjelasan atau pun mencadangkan kerajaan untuk mengambil tindakan kepada skandal UNHCR yang begitu jelas bahawa ini adalah skandal peringkat antarabangsa yang melihatkan bahawa, dinyatakan bahawa *this scandal* adalah *right to the big bosses of the UN people*.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Mencilah sedikit Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ampang bangun.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Jadi, saya rasa ini lebih serius...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Ampang bangun.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: ...Daripada apa yang telah dinyatakan dalam dokumentari ini.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sedikit sahaja, saya hendak penjelasan dari Yang Berhormat Kuala Kangsar. Tempat saya Ampang di antara terbanyak *refugee* di situ. Cuma saya berapa kali membangkitkan kes ini. Saya minta Kerajaan Malaysia sama ada membuat satu keputusan, sama ada buat satu ketetapan. Hendak terima, kita terima dengan cara betul dengan ada satu undang-undang dan SOP dan sebagainya. Kalau tak nak terima, jangan terima langsung. Jangan biarkan hidup mereka tertindas dan terbiar. Ini yang kita minta ketetapan daripada kementerian.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Ya, saya faham. Saya merujuk kepada dokumentari ini sahaja. Dokumentari ini memaparkan masalah dua perkara. Satu masalah yang kita bincangkan dan satu lagi yang lebih serius adalah masalah *corruptcy* yang dituduh oleh dokumentari ini tentang penglibatan pegawai-pegawai UNHCR hingga ke peringkat teratas. Ini adalah badan antarabangsa. Saya ingat ini lebih serius dan dalam istilah dari segi *reporting*, lebih seksi isunya daripada apa yang kita bincangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, sila.

5.04 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah berucap kerana membangkitkan banyak perkara yang dianggap relevan, yang dianggap *the common concern*, dengan izin, kepada kita semua.

Akan tetapi percayalah Yang Berhormat, satu perkara Malaysia menunjukkan satu sikap sebagaimana Yang Berhormat berkata tadi, yang bercakap yang lebih berlainan daripada negara-negara lain di serantau ini. Itulah kenapa kebanyakan pelari dilarikan Malaysia, *rather than somewhere else*. Oleh sebab kita mempunyai tarikan, layanan dan garis panduan untuk *the treatment* keseluruhan pada mereka ini.

Jadi, kita tidak boleh menafikan soalan ini. Saya berharap Yang Berhormat, jadilah rakyat Malaysia mempertahankan Kerajaan Malaysia, mempertahankan Malaysia. Kalau kita pandang daripada sudut yang sebetulnya, kenapa mereka tidak berhenti di Thailand semasa berjalan dari Myanmar menerusi Thailand? Kenapa tidak berhenti di Thailand? Kenapa terus ke Malaysia? Sebabnya, Malaysia memberi layanan yang jauh lebih baik. Jadi, walau bagaimanapun Yang Berhormat, tunggu dahulu Yang Berhormat. Semasa Yang Berhormat, berucap saya tidak berdiri. Jadi, saya minta diberi laluan. *[Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Takkan lah kami bercakap Yang Berhormat Menteri hendak berdiri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya hendak memberi penjelasan...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Perkara serius jangan berjenaka.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Memanglah Yang Berhormat Menteri tidak berdiri, Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, peraturan dalam Dewan ini kena hormatilah juga Yang Berhormat. Yang Berhormat cakap apa sahaja tadi saya dengar sahaja. Saya memberi penjelasan daripada Laporan Al-Jazeera dan usul Yang Berhormat itu sahaja dahulu, dahulunya.

Selepas itu kalau cukup masa, baru saya beri penjelasan pada hujah-hujah selepas itu Yang Berhormat. Sebabnya, usul ini penting, Yang Berhormat diberi laluan untuk membahaskan pada petang ini. Pertama, dengan segala hormatnya saya merujuk kepada usul Yang Berhormat Lim Lip Eng, Ahli Parlimen Segambut bagi membahaskan isu Dasar dan Tatacara Kerajaan Malaysia mengendalikan masalah pelarian, amnya kelakuan mencabuli hak asasi manusia pelarian yang telah didedah dalam sebuah dokumentari terbitan Al-Jazeera bertajuk *101 East Malaysia Unwanted*.

Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri berpandangan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil oleh Jabatan Imigresen Malaysia untuk menyiasat kejadian yang berlaku berdasarkan surat daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen Segambut. Dokumentari yang disiarkan telah mendedahkan sekurang-kurangnya empat perkara yang dikatakan menyalahi undang-undang Malaysia dan antarabangsa.

Pertama, perkara pertama ialah tuduhan bahawa ada anak-anak pelarian dikurung di pusat tahanan tidak dinamakan. Jawapan sebagaimana yang dijawab oleh saya dalam temu bual dengan pemberita Al-Jazeera, kanak-kanak terpaksa mengikut ibu mereka yang ditahan kerana disyaki ibunya disyaki terlibat dengan jenayah. Prinsip perikemanusiaan ini diguna pakai supaya kanak-kanak yang dimaksudkan boleh mendapat perhatian ibu bapa semasa dalam pusat tahanan tersebut bagi mengelak kanak-kanak yang dimaksudkan terabai mahupun teraniaya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sekiranya kanak-kanak ini dipisahkan dari ibunya ianya akan memberi kesan psikologi, perkembangan dan gangguan emosi kepada kedua-dua belah pihak berkenaan. Perkara ini dimaksudkan di bawah peraturan 11, Peraturan Imigresen...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Serdang bangun.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: ...Pentadbiran dan Pengurusan Depoh Imigresen.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Menteri,...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya habiskan dahulu, lepas itu...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Minta penjelasan tentang isu ini. Yang Berhormat, tentang isu ini.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, tolong saya, beri peluang saya dahulu. Nanti saya bagi laluan, okey? Perkara ini termaktub di bawah peraturan 11, Peraturan Imigresen, Pentadbiran dan Pengurusan Depoh Imigresen 2003, di mana seorang kanak-kanak ditahan yang berumur di bawah 12 tahun boleh diterima masuk ke depoh Imigresen oleh pegawai yang menjaga bersekali dengan mana-mana ibu atau bapa nya.

Manakala seseorang yang berusia di bawah 18 tahun yang didapati melakukan kesalahan imigresen akan disyorkan kepada timbalan pendakwa raya untuk tidak didakwa. Akan tetapi timbalan pendakwa raya boleh mengarahkan sebaliknya jika mereka dapati melakukan kesalahan jenayah berdasarkan kepada merit kes-kes tersebut.

■1710

Sebenarnya Yang Berhormat, di hadapan kita ini ada satu rang undang-undang ataupun statut. Ini statut Yang Berhormat, Akta Pencegahan Jenayah, garis panduannya hampir sama dengan garis panduan untuk penahanan berhubung dengan kanak-kanak dalam hospital. Dalam peraturan ataupun seksyen 13, ada di meja Yang Berhormat masing-masing. Kalau saya baca ini panjang sangatlah. Ia memberi garis panduan yang tertentu berhubung dengan penahanan kanak-kanak orang tahanan wanita. Lengkap disebut di dalam ini.

Jadi walaupun nampaknya bercanggah Yang Berhormat tetapi daripada sudut pandangan ibu bapa itu sendiri dan pandangan sebilangan pihak penasihat kepada penjara bahawa ada baiknya kanak-kanak ini bersama dengan ibunya dan bapanya daripada dipisahkan ke tempat lain semasa umurnya di bawah tiga tahun sebagaimana di dalam statut ini. Jadi itulah

kenapa yang diambil itu nampaknya bercanggah kepada *Non Binding Convention United Nations on Children* yang protokolnya belum kita tandatangani sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi. Sila Yang Berhormat.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak penjelasan daripada Timbalan Menteri kerana apabila saya tengok dokumentari, apa yang telah disiarkan ialah ada seorang bapa, dia kata dia ialah orang Afghanistan yang telah ditahan di pusat tahanan selama satu tahun. Dia kata dia hanya dapat jumpa anaknya satu kali sebulan. Apabila dia tengok anaknya, dia perhatikan berlari-lari di kawasan tersebut, lari sini dan sana, dia kata anak itu tidak cam dia, tidak kenal dia sebagai seorang bapa. Saya rasa itu adalah isu pokok.

Kenapa jikalau atas sebab berperikemanusiaan yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi, kenapa bapa itu hanya boleh jumpa anaknya satu kali sebulan dan oleh kerana itu anak itu pun tidak boleh cam dia selepas satu tahun. Saya rasa itu ialah isu yang perlu dijelaskan. Saya hendak tanya Timbalan Menteri sama ada siasatan telah dibuat untuk kes yang tersebut yang telah disiarkan oleh Al-Jazeera. Terima kasih.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Timbalan Menteri, atas isu yang sama.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tunggu Yang Berhormat, saya bagi panduan ya. Soal sahaja, jangan bagi ulasan Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Pertanyaan saya ialah begini, di bawah CEDAW, *the recommendation number 32* dengan izin untuk membaca, *“Women seeking a silent refugee etc. must be granted the rights to accommodation, education, health care and other support. Pregnant and nursing mother should not be detained”*. Persoalan saya adalah dan juga daripada *CRC Protocol*, anak-anak muda dan ibu khususnya ibu yang *nursing* tidak seharusnya di bawah *detention* tetapi dalam kes Al-Jazeera menunjukkan ada *nursing mothers who has recently* dalam dua hari beranak ditangkap, ditahan di tempat-tempat ini. Tolong bagi penjelasan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya tidak jelas soalan Yang Berhormat, saya hendak jelas soalan yang asal, usul Yang Berhormat Segambut. Itu yang lebih penting kerana ia berhubung dengan pendedahan di seluruh dunia. Bagi perkara yang ketiga, tuntutan duit rasuah. Ini merupakan satu isu integriti yang boleh diambil tindakan secara dalaman oleh jabatan dan jika terbukti kes sebegini boleh dirujuk kepada pihak Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia. Buat masa kini Jabatan Imigresen Malaysia tidak menerima sebarang aduan yang dimaksudkan.

Walau bagaimanapun, Bahagian Integriti JIM juga sering menjalankan risikan dan pengumpulan maklumat terhadap sebarang ketidakpatuhan pegawai dan anggota JIM. Oleh yang demikian, pihak pengadu adalah dipohon untuk mengemukakan bukti ataupun membuat laporan yang tertentu menyatakan secara rasmi supaya tindakan lanjut boleh diambil.

Bagi perkara yang keempat, situasi dalam pusat tahanan yang amat teruk. Buat masa kini, seramai 9,623 orang masih ditahan ataupun 63% daripada kapasiti maksimum 14,000 orang PATI di pusat tahanan seluruh Malaysia. Antara pusat tahanan yang masih mempunyai kekosongan ialah Juru – 133, Langkap – 53, Semenyih – 191, KLIA – 216, Bukit Jalil – 63,

Lenggeng – 266, Machap Umbo – 183, Pekan Nanas – 526, Agil – 279, Semunjak – 59 dan Bekenu – 450. Oleh yang demikian, kesesakan hanya akan berlaku apabila Jabatan Imigresen Malaysia melakukan operasi bersepadu berskala besar seperti menangani masalah pendatang asing tanpa izin sebagai contohnya isu pembanterasannya PATI di Cameron Highlands yang turut mendapat perhatian dari institusi diraja dan Menteri Kabinet.

Sehubungan dengan itu juga tidak berlaku kesesakan di pusat tahanan memandangkan Jabatan Imigresen turut menjalankan program 3+1 iaitu satu program untuk mengelakkan PATI pulang ke negara asal secara sukarela dengan bayaran kompaun RM300 dan pas khas RM100. Sehingga kini, seramai 63,000 orang PATI telah menyertai program yang bertujuan untuk mengurangkan PATI dalam negara. Angka ini dijangka akan mencecah kepada 100,000 orang PATI menjelang 31 Disember 2014. Langkah ini dapat menjimatkan wang kerajaan memandangkan kos pembiayaan tiket perlu ditanggung oleh PATI sendiri.

Jabatan Imigresen Malaysia tidak menghadapi masalah penghantaran pulang perkara tahanan sekiranya mereka memiliki dokumen perjalanan, tiket penerbangan ke negara asal. Walau bagaimanapun, kerajaan bekerjasama dengan kedutaan-kedutaan asing untuk memperoleh dokumen mengambil masa yang agak lama. Depot tahanan Imigresen telah dinaiktarafkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk memperbaiki keadaan dalam depot itu sendiri. Untuk makluman, depot tahanan Imigresen juga diaudit oleh Audit MSO ISO dan Audit Dalam KDN.

Untuk makluman, mulai 21 Januari 2014 sehingga 20 November 2014, Jabatan Imigresen Malaysia telah menjalankan 4,942 pelbagai operasi di mana 87,348 orang telah diperiksa. Daripada jumlah ini seramai 27,161 orang PATI dan 466 majikan telah ditangkap. Seramai 59,765 orang telah diusir ke negara asal mereka dalam tempoh yang dimaksudkan.

Maklumat kepada usul perkara tertentu, berkepentingan awam ini juga merujuk kepada pelapor khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai tahanan *arbitrary* pernah mengadakan lawatan misi *fact finding* ke negara ini atas jemputan Kerajaan Malaysia pada 7 ke 18 Jun 2010. Misi ini antaranya merangkumi kunjungan dan pertemuan dengan Yang Berhormat Menteri Dalam Negara, Tuan Yang Terutama Ketua Hakim Negara, Peguam Negara termasuk lawatan ke institusi penjara dan depot tahanan imigresen iaitu Lenggeng. Misi PBB tersebut juga telah berkesempatan mengadakan temu bual dengan PATI yang ditahan di depot tersebut.

Dari aspek tahanan imigresen, misi PBB ini di akhir lawatan mereka telah mengeluarkan satu laporan yang menyarankan agar Kerajaan Malaysia mempunyai obligasi untuk memberi jaminan mengenai keselamatan warga asing yang ditempatkan di depot tahanan Imigresen. Kerajaan juga diminta supaya memberikan perhatian kepada pendatang asing tanpa izin yang mempunyai keluarga termasuk anak-anak, golongan ibu mengandungi, orang kurang upaya dan PATI yang mempunyai penyakit kronik ataupun mental.

Bagi tujuan penambahbaikan berterusan kepada depot tahanan imigresen, susulan daripada lawatan misi PBB tersebut, depot-depot tahanan imigresen telah mengadakan kerjasama dengan badan-badan antarabangsa seperti *International Committee of Red Cross*

(ICRC). Infrastruktur depot tahanan Imigresen juga turut diperbaiki di mana RM100 juta telah diperuntukkan pada tahun 2010 untuk tujuan menaik taraf.

■1720

Status pelarian Malaysia. Semasa lawatan oleh misi PBB ini juga, Kerajaan Malaysia telah memperjelaskan mengenai status pemegang Kad UNHCR yang diiktiraf secara pentadbiran untuk tinggal secara sah di negara ini memandangkan negara bukan anggota kepada Konvensyen PBB mengenai Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Tambahan pula, Malaysia tidak mempunyai perundangan spesifik mengenai isu ini. Misi PBB telah dimaklumkan bahawa kes-kes pemegang kad *United Nations High Commissioner for Refugees* di depot-depot tahanan imigresen akan dikendalikan dan ditapis oleh pihak UNHCR sebelum pengeluaran kad UNHCR kepada yang layak. Walaupun misi PBB tersebut telah mencadangkan kesertaan negara ke konvensyen tersebut tetapi banyak perkara yang perlu diperhalusi terlebih dahulu terutamanya Malaysia sebagai tarikan kepada banjir golongan pemohon suaka atau pelarian.

Jadi dengan itu, maka kita belum lagi...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dato Seri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: ...Menjadi ahli kepada konvensyen ini.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri terlepas pandang sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya menjawab perkara pertama, ketiga dan keempat. Perkara kedua tidak dijawab. Perkara kedua dalam usul saya ialah mereka yang ditahan dipukul, diseksa dan juga dipaksa berbogel. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan.

Dato Seri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya sebenarnya secara khusus telah berbincang soalan tuduhan mengatakan bahawa pihak yang ditahan dibogelkan dan sebagainya. Sebenarnya apa yang berlaku Yang Berhormat, tiap-tiap orang yang dibawa ke bilik tahanan ataupun tempat tahanan imigresen, polis dan sebagainya, mereka mestilah melalui pemeriksaan badan. Kalau wanita, mestilah diperiksa badannya oleh pegawai dan anggota-anggota wanita dan kalau lelaki, diperiksa badannya oleh pihak lelaki.

Kalau diperlukan mereka ini membuka semua pakaiannya, mereka juga akan diberi kain tuala Yang Berhormat ataupun sarung untuk dipakai dahulu untuk memudahkan proses pemeriksaan ini, dan pemeriksaan ini juga diadakan di dalam bilik, bukan terdedah kepada umum, Yang Berhormat. Jadi, semua kehormatan diri kepada tiap-tiap yang diperiksa sedemikian rupa adalah diberi perhatian yang halus dan teliti, Yang Berhormat.

Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan daripada Yang Berhormat Segambut adalah berkenaan juga kes-kes pukulan. Jadi persoalannya, adakah siasatan telah pun dijalankan atas aduan-aduan yang telah didedahkan dalam rancangan Al-Jazeera? Itulah yang sepatutnya dilakukan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato Seri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, Al-Jazeera itu baru dua tiga hari. Saya perlu memberi arahan

kepada pegawai untuk mengambil tindakan khusus berlandaskan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Segambut apabila kertas usul ini disampaikan kepada jabatan, Yang Berhormat. Jadi, memang kita mengambil tindakan sebagaimana yang telah disebutkan tadi.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Boleh saya...

Dato Seri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jadi Tuan Yang di-Pertua, nampaknya saya ada masa tujuh minit lagi. Ini soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang berbahas tadi kalau diberi peluang untuk menjawab sekarang ini.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Boleh saya minta penjelasan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang Berhormat Timbalan Menteri telah perhatikan ada tuduhan-tuduhan yang begitu serius termasuk macam kita sebut tadi pembogelan pelarian, serangan dan sebagainya, *physical assault* dengan izin. Adakah kerajaan ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab, bersedia untuk melakukan satu siasatan bebas? Kita tidak boleh ada siasatan oleh pihak yang dituduh termasuk pihak imigresen, termasuk pihak polis dan sebagainya. Kita perlu pihak bebas menyiasat.

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan terbuka untuk mengadakan satu siasatan bebas sama ada oleh satu suruhanjaya ataupun sebagai contoh badan SUHAKAM untuk pergi ke tempat ini dan buat satu siasatan? Yang kedua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Subang, saya ingat celahan Yang Berhormat Subang itu akan dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Perkara yang sama dicelah semasa Yang Berhormat Lembah Pantai berucap.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tetapi belum dijawab. Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya nampak daripada penjelasan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, isu pelarian telah dicampuradukkan dengan isu pendatang tanpa izin. Dua-dua isu ini adalah dua isu yang berbeza. Pelarian kena ditangani sebagai pelarian dan itulah tajuk dalam laporan oleh Al-Jazeera. Jadi bila kita samakan pelarian yang *genuine* dengan pendatang yang masuk negara ini tanpa izin untuk kerja dan sebagainya, ini yang jadi masalahnya.

Jadi saya ingin minta penjelasan sama ada negara kita sudah sedia untuk menerima dan mengiktiraf konsep pelarian? *That means*, dengan izin, *recognize refugee as refugee* dan memproses mereka, tangani isu mengikut undang-undang antarabangsa, konvensyen-konvensyen untuk pelarian. Itu soalan saya.

Dato Seri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Dua perkara Yang Berhormat sebut tadi. Yang pertama pembogelan. Saya mengatakan tidak ada pembogelan, Yang Berhormat, sebenarnya. Apa yang kata kalau diperlukan seseorang itu menanggalkan pakaian seperti pakaian saya ini perlu untuk diperiksa sebegini rupa, dia diberi sarung dahulu Yang Berhormat ataupun diberi kain *towel* dahulu. Maknanya tidak ada pembogelan. Ini kena jelas di sini. Itu yang pertama.

Yang kedua, soalan *refugee* ini, memang Yang Berhormat tahu kita bukanlah *party to the convention of refugees*. Jadi kita tidak tertakluk kepada itu. Dalam masa kita menangani masalah *refugee* ini dan bekerjasama dengan pihak UNHCR, kita memberi layanan daripada sudut perikemanusiaan bahawa kita beri mereka akses kepada *medical*, kita bagi akses kepada lawatan. Bahkan, pihak-pihak daripada wakil UNHCR ini kerap datang berjumpa kementerian dan berjumpa dengan orang dalam tahanan. Di sanalah mereka mengklasifikasikan siapa di antara yang dalam tahanan itu boleh diklasifikasikan sebagai pelarian politik ataupun hanya datang sini untuk mencari jawapan kepada masalah ekonomi di negara mereka masing-masing. Jadi pihak UNHCR ini yang menapis Yang Berhormat, sama ada orang ini *refugee* ataupun tidak. Selepas itu, barulah kad-kad ini diberi kepada pihak UNHCR. Kad untuk mereka tidak ditahan di sana lagi, Yang Berhormat. Jadi ini kena jelaslah di sini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit, sedikit.

Dato Seri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, tapi Yang Berhormat tanya ini, persoalan daripada Yang Berhormat banyak tadi tidak dapat jawablah ini sebab masa pun tiga minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit, sedikit sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri, berdasarkan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, maknanya ada satu penafian seolah-olah berita yang disiarkan oleh Al-Jazeera itu ada elemen tidak betul. Persoalan saya satu sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau sekiranya kerajaan berpendapat laporan Al-Jazeera itu mengandungi banyak tidak betul, saya mencadangkan supaya kerajaan mesti mengambil tindakan ke atas Al-Jazeera. Sekiranya apa yang dikatakan itu memang ada basis, kita mesti mengadakan satu siasatan bebas. Salah satu sahaja. Tidak boleh kita sekejap kata tidak betul, sekejap kata betul. Kita mesti kena ada satu pendirian yang tegas. Macam mana Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato Seri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, kita tidak ambil pun tindakan kepada surat khabar tempatan kita, bermacam-macam akhbar yang dikeluarkan, Yang Berhormat. Jadi inikan pula *international papers* macam Al-Jazeera ini. Jadi Yang Berhormat, kita pun mengetahui batasan dan halangan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *But we must protect the Malaysia's name.* Kita mesti *protect our sovereignty.* Kalau tidak betul, *we must have principle.* Kita mesti ada pendirian.

Dato Seri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, kita melihat halangan dan rintangan yang kita hadapi untuk menangani masalah apabila akhbar-akhbar luar negara ataupun media luar negara mengenakan kita dalam sudut-sudut yang amat halus caranya ini. Bahkan, masuk ke dalam tempat tahanan menyamar diri itu pun sepatutnya tidak berlaku. Ini adalah tidak wajar. Oleh kerana menyamar sebagai paderi umpamanya, kita memang menggalakkan orang agama masuk. Orang Islam boleh masuk, orang paderi boleh masuk, pengajar hindu boleh masuk, semua boleh masuk. Tetapi bila kita bagi peluang mereka masuk,

bahkan kita ditipu oleh mereka ini. Lain kali kalau kita menekankan supaya proses untuk kemasukan mereka ini diperketatkan, kita pula yang dicaci.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta pencelahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, cukuplah.

Dato Seri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jadi semua tugas kita tidak bertepatan.

■1730

Jadi Yang Berhormat, ada satu perkara yang hendak saya sebutkan di sini iaitu Yang Berhormat Lembah Pantai sebut tadi berhubung dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masa dah cukup Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya. Apa sahaja yang belum dijawab itu, jawapannya ada di sini. Saya akan beri secara bertulis.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi peluang tak bercakap, takkan lah tak boleh seminit lagi.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya akan beri secara bertulis, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Masa kita satu jam ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1)...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, secara bertulis ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, bertulis, secara bertulis.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Peraturan Mesyuarat 18(1) dan yang demikian, saya tutup perbahasan ini.

[Mesyuarat bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Tanjong Karang. Enam minit. Ya, ya sila.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Nak teruskan sebelum saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terus kepada Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tadi saya nak tanya soalan, terpulang kepada Yang Berhormat. *You want to proceed first* atau saya terus? Mungkin Yang Berhormat boleh teruskan sedikit dan saya akan *interject* dalam isu yang samalah.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Saya nak ulang bahawa saya nak dapat kepastian daripada ROS mengenai kedudukan CEC sebab kita lihat dalam pemilihan CEC ini, ada kenyataan-kenyataan yang bercanggah. Yang Berhormat Puchong

kata sah, lepas itu daripada ROS kata tak sah. Jadi apa yang saya nak timbulkan ini ialah bahawa parti pembangkang ini, DAP, mereka ini tahu cakap, mempertikaikan keputusan pilihan raya, SPR dan sehinggalah bawa ke mahkamah mengatakan bahawa PRU-13 tidak sah tetapi mahkamah dah tolak. Jadi Yang Berhormat bagi tahu bahawa pemilihan parti pun tak betul, bagaimana hari ini hendak menjadi juara kepada rakyat. Saya tengok cara kira undi pun tak pandai.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Puchong bangun.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Boleh? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Tanjong Karang tadi ada sebut berkenaan dengan satu laporan, kalau tak silap saya dengar, *correct me if I'm wrong* Yang Berhormat Tanjong Karang, yang bertarikh 4 Oktober. Itu yang saya dengar tadilah. Saya nak tanya sama ada Yang Berhormat Tanjong Karang ada laporan itu bersama dengan Yang Berhormat sekarang dan adakah Yang Berhormat Tanjong Karang sudah baca laporan itu.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sebab itu saya tanya kepada pihak...
[Beberapa ahli bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, yang lain diam ya.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, sebab itu saya tanya kepada pihak ROS sebab kenyataan yang saya baca. Kenyataan yang saya baca, Hakim Datuk Zaleha Zahari menggugurkan saman DAP terhadap ROS tanpa arahan kos setelah DAP menarik balik samannya bagi mendapatkan semakan kehakiman terhadap arahan ROS terbabit. Dalam penghujahan kepada mahkamah, peguam DAP iaitu Yang Berhormat Puchong, berkata bahawa arahan yang dikeluarkan ROS pada 6 Disember 2013 terhadap Setiausaha Agung DAP bukan arahan yang mengikat daripada segi undang-undang. Arahan tersebut adalah tidak terikat dan hanyalah nasihat kepada DAP. Itu sebab saya tanya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat jadi peguam ke?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Maaf?

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat jadi peguam dia? Jadi peguam dalam kes ini kan?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, ya memang saya. Betul, betul. Itu pasal saya nak bagi pertolongan kepada Yang Berhormat Tanjong Karang kerana Yang Berhormat Tanjong Karang tak tahu. Ini isu undang-undang, bukan isu undang-undang.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau Yang Berhormat Puchong merupakan peguam dalam kes ini bermakna Yang Berhormat Puchong pun tak faham peraturan mesyuarat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tak, saya minta

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tak, saya nak bangkit peraturan mesyuarat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terpulang.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *No, no.* peraturan mesyuarat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sila, sila.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau Yang Berhormat Puchong peguam dalam kes ini, dia bangun dalam Dewan, peraturan Dewan pun dia tak faham, macam mana dia boleh jadi kata peguam yang hebat. Jelas. Peraturan Mesyuarat 35(6).

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Macam mana nak bahas ini Tuan Pengerusi?*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya nak minta penjelasan...

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Nanti, peraturan mesyuarat 35(6).

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya nak minta penjelasan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tak, tak. Yang Berhormat kena ikut Peraturan Mesyuarat 35(6).

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya?

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat 35(6).

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, ya. Saya diperlukan untuk bangun dan tanya untuk penjelasan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tak, tak. Boleh tetapi kena ikut peraturan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Mana-mana yang itu tak faham.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tak, Yang Berhormat tak faham. Peraturan Mesyuarat 35(6).

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, ya. Sila bacakan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat bacalah. Baca Peraturan Mesyuarat 35(6).

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Ketawa]* Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau Yang Berhormat Puchong tak faham peraturan mesyuarat, duduklah. Duduk, duduk, sila duduk. Kalau Yang Berhormat Puchong tak mahu ikut peraturan mesyuarat, duduklah. Saya tak nak bagi.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kalau begitu Tuan Pengerusi, saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya. Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Tanjong Karang, saya biarkan kerana peraturan mesyuarat.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, saya sebut peraturan mesyuarat, Tuan Pengerusi.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tapi kena bacalah, tak boleh tunjuk buku, kena baca.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tak apalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Puchong, ya Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sebab itulah saya kalau peraturan mesyuarat ini, sebut 35(6), saya dah faham dah apa maksud dia. Jadi bermakna sebenarnya dia tak faham peraturanlah. Jadi tak apalah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi, saya nak bangkitkan Peraturan Mesyuarat.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tak apa, tak apa. Kalau Yang Berhormat, Yang Berhormat dah berhujah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Peraturan mesyuarat, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Tanjong Karang, duduk sekejap ya. Duduk sekejap. Yang Berhormat Tanjong Karang telah menimbulkan soal Peraturan Mesyuarat 35(6) dan jelas Peraturan Mesyuarat 35(6), seorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa perkara yang dalamnya ada faedah kewangan. Cuma Yang Berhormat Puchong...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekejap, saya belum habis lagi.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih, saya minta maaf.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cuma saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Puchong, adakah Yang Berhormat Puchong ada faedah dalam kes yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ha, itu. Tuan Pengerusi, itu cara dia. Betul, saya terima.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebab itulah saya...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya terima. Itu cara betul. Sepatutnya dia bangkitkan dan tanya sayalah. Dia pun peguam. Betul ya? *[Bertanya kepada Yang Berhormat Tanjong Karang] [Ketawa]* Nombor satu, Tuan Pengerusi, kes ini dah habis dah, dah selesai, dah tarik balik so tak ada kes dah. Itu satu. Nombor dua, saya tak ada faedah kewangan langsung dalam kes ini. Saya buat kes ini semua *free*. Itu cara dia dan kalau boleh Tuan Pengerusi, sekarang saya nak bangkitkan satu peraturan mesyuarat. *You* ada buku kan? Baca 36(12). *[Merujuk kepada Yang Berhormat Tanjong Karang]* 36(12), mengelirukan Dewan.

Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Tanjong Karang sebut berkenaan dengan laporan daripada Timbalan Pendaftar ROS. Saya dengar. Saya minta sekarang penjelasan. Kalau tak

ada, saya tarik balik tapi apabila sebut dalam Dewan ini, saya hanya tanya satu soalan. Adakah Yang Berhormat baca *statement* itu? Apa yang disebut oleh Timbalan Pendaftar ROS. Itu sahaja, terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya lah, sebab itu saya tanya soalan. Dengar. Sebab itu pertama, peraturan saya tahu sebab...

[Beberapa ahli bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Siapa nak bangun, bangunlah. Ini bukan sarkas.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang lain diam, yang lain diam.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kita kalau betul-betul hebat, janganlah macam dalam sarkas. Tengok saya dengan Yang Berhormat Puchong, *gentlemen*, ikut peraturan. Sebab saya baru sebut 35(6). Betullah. Tadi Speaker dah tolong terang. Dia sepatutnya, Yang Berhormat Puchong sepatutnya sebelum dia bangun, dia cakap Peraturan Mesyuarat 35(6), *declare* dulu *interest* dia baru dia boleh tanya soalan. Itu prosedur yang betul.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, duduklah. Duduk. Baik, dah lah. Okey, cukuplah itu. Saya nak ajar Yang Berhormat macam mana peraturan mesyuarat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tak, tak. Saya nak baca Peraturan Mesyuarat.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Peraturan Mesyuarat 36(12). Adakah Yang Berhormat Tanjong Karang mengelirukan Dewan, itu sahaja.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tak.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ada baca atau tidak *statement* daripada Timbalan Pendaftar Ros?

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, okey.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kalau ada, sila tunjuk kepada kita kerana Yang Berhormat silap.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, dah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kalau baca betul-betul *statement* itu, bacalah. Timbalan Pendaftar di situ kata beliau belum mendapat maklumat daripada peguam dia.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya lah, betullah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kalau dia tak tanya peguam dia, *you* marah saya buat apa? Minta dia pergi tanya peguam dialah. Betul tak? *[Tepuk]*

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, dah? Habis?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sekarang saya nak bagi nasihat kepada UMNO juga berkenaan dengan isu undang-undang. Lepas itu dia kata ada kepentingan kewangan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: UMNO tak ada kena mengena, tak ada kena mengena dengan UMNO.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya silap, saya terima.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Eh Yang Berhormat Puchong, you sama Yang Berhormat Tanjong Karang, UMNO tak ada kena mengena.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Jangan benarkan Yang Berhormat Baling, nanti Yang Berhormat Baling dia melalut-lalut.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Duduklah Yang Berhormat Baling. Eh, duduklah.

[Dewan riuh]

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Inilah parti kampung. Parti yang tak boleh pakai...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini apa ini tiba-tiba bangun ini?

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: UMNO jangan kacau. *You want to talk between you and Yang Berhormat Tanjong Karang, don't include UMNO inside.*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini tak faham apa, tiba-tiba nak bangun.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya cabar *you* jangan kacau UMNO.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Duduk, duduk. Tak payah cabar, duduk.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Baling ini apa ini? Yang Berhormat Baling macam gengster.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini peguam apa ini? Ini *lawyer* bodoh punya *lawyer*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tengok bahasa ini, tengok bahasa dia.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Siapa sebut UMNO masuk?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tadi dua orang *lawyer fight*, tiba-tiba dia cakap bodoh.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita ada cakap DAP kah? Kenapa tiba-tiba cakap UMNO?

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, Yang Berhormat-Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: UMNO *got nothing to do*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tak payah perkataan macam itu.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tapi tak apalah, duduk, duduk. *My Point of Order*. Yang Berhormat Baling, sudahlah, sudah. Jangan, jangan nanti kena *heart attack* nanti.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi, apa perkataan itu? Mana boleh dia panggil, mana dia boleh panggil.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Duduk, duduk, duduklah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Mana dia boleh panggil wakil rakyat yang lain bodoh.

■1740

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar. Sekejap ya, dua-dua..

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Dua-dua pun tak boleh pakai. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya, ya. *[Ketawa]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Apa ini? Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Tanjong Karang banyak bantu sama dia.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini, ini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong... *[Dewan riuh]* Ya, terima kasih Yang Berhormat Puchong, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ini siapa yang mulakan dulu. UMNO *about nothing to do with you.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Mike, mike saya tidak boleh dengar.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Okey, saya cakap *you* dengar. *Okay, now you listen to me. Why you have to drag UMNO into your debate within* Yang Berhormat Tanjong Karang? *[Dewan riuh]* Dia bukan Ahli Majlis Tertinggi. Apa pula *you* nak cakap? *You cannot bring UMNO inside.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Pasal Tanjong Karang UMNOlah. Apalah..

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Nampaknya dia tidak faham bahasa Melayulah, ini betul ... tin kosong tahu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Memanglah *you* bodohlah. *You* semua bodohlah sana.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Baling *should be proud of UMNO.*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okeylah, okey.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kenapa tak sebut UMNO. Yang Berhormat Baling tidak bolehlah macam ini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, sudah cukup.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Pengerusi, *if you mentioned UMNO, I will be allergic.*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Tanjong Karang, duduk sekejap, duduk sekejap, duduk sekejap. Ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]]*

Tuan Pengerusi (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said): Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya sudah bagi tahu, jangan main-main dengan Yang Berhormat Puchong. *You* main-main, mesti kena punya. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baik, Yang Berhormat Puchong.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, okey, terus kepada perbahasan ya. Sudah *exercise* sudah, okey. *Alright.*

Seorang ahli: Kurang ajarlah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, Yang Berhormat Puchong. Dia tanya saya, saya belum jawab, dia jawab sendiri. Kemudian dia buat kesimpulan sendiri. Dia tanya saya, ada tak baca kenyataan Timbalan Ketua Pengarah itu sampai habis. Saya belum jawab, dia sudah jawab untuk bagi pihak saya. Saya nak bacalah ini. *[Disampuk]* Eh, *sorry*lah. *You* punya mendiang, dulu pun gaduh dengan saya. Ini bapak, ini tambah *you*, ala *nothing*. *Nothing*lah...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sila, sila. Saya beri peluang penuh kepada Yang Berhormat Tanjong Karang. Silakan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Eh, *you* punya dulu pun gaduh, *nothing*lah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Silakan, silakan, sila, sila.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *You* punya mendiang *father* pun gaduh dengan saya..

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tidak, tidak, tidak. Jangan buang masa. Lapan minit sahaja. Tidak ada masa. Teruskan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduklah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Teruskan, teruskan, saya hendak dengar pasal saya nak respons.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Betullah. Baik, sebab itu saya tanya ROS. Okey, saya tanya soalan *very simple*, 4 Oktober 201, ROS mempersoalkan dakwaan yang dibuat oleh DAP. Timbalan Ketua Pengarah ROS Mohd Norzam Mustafa berkata, badan tersebut belum mendapat apa-apa pemberitahuan. *[Dewan riuh]* Betullah, dengarlah. Belum dapat apa-

apa pemberitahuan daripada mahkamah berhubung status CEC parti yang berkenaan sehingga 4 Oktober 2014.

Oleh sebab itu saya hendak tanya. Saya hendak tanya ROS. Yang Berhormat bising pasal apa? Kes sudah habis.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kerana dia *clear*.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey..

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Clear issue*. Tiada masalah. Terima kasih. Silakan, sila.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Siapa buang masa saya? siapa buang masa saya? Inilah, *sorry to say*, kalau macam ini *you* punya standard, hendak berdebat. Belum saya cakap habis Yang Berhormat sudah menyampuk. Oleh sebab itu saya bangkit supaya kenyataan ini sudah lama. Kedudukannya sekarang macam mana? Adakah CEC ini sudah sah atau belum? Itu, CEC ini sudah sah atau belum? Oleh sebab, bukan tidak faham. Saya pun tak minat hendak tahu pasal DAP ini. Akan tetapi apa yang saya nak minat...*[Dewan riuh]* Yalah.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Mengapa masa Dewan juga tak berminat?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Eh, sebab itu dengar ya. Oleh sebab ini adalah kita hendak tahu kenyataan yang bercanggah dibuat. Kita juga hairan, ini pemilihan yang dibuat, kira undi pun tidak betul. Saya ambil contoh. Ini, ini, menyaksikan **Zairil** yang menduduki tempat ke-39, dengan 305 undi telah melonjak ke tangga yang ke 20, 803 undi. Itu tanda terakhir untuk layak menduduki 20 kerusi Ahli Jawatankuasa Eksekutif Pusat. Satu lagi... *[Disampuk]* Zairillah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi, 36(12)..

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Dengar, dengarlah dulu.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Point of order, point of order*.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *Point of order* apa?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta maaf, *point of order*.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Berapa? Berapa?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: 36(12).

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Berapa?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: 36(12).

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: 36(12)! *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, saya hendak minta..

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang, Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak minta...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Nak tulis, nak tulis. Besar...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *Point of order* duduk. *Point of order* duduk.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak minta, Tuan Pengerusi buat *ruling*. Adakah 36(12) itu boleh ditanya soalan kepada saya? Tolong buat *ruling*. Biar Tuan Pengerusi buat *ruling* sama ada peraturan Yang Berhormat betul atau tidak betul? Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang, tidak bolehlah macam ini. [*Dewan riu*] Yang Berhormat Puchong..

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya terima.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Apa? Apa? 36(12), apa dia?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Hanya berkenaan dengan pemilihan CEC DAP. Itu tidak betul. Pemilihan telah diadakan semula. Zairil memang menang, tidak ada masalah dengan kira-kira. Tidak ada masalah Yang Berhormat. [*Ketawa*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, itu Yang Berhormat jawab. Tidak apalah. Saya tanya, saya tanya ROC badan bebas. Saya tanya, sebab itu dulu Yang Berhormat, sebab itu saya *respect* dengan *your late father*. *You* tengok, *you* tengok kalau kita tengok dia punya *statement* yang dibuat pada 14 Ogos 2013, Pengerusi DAP, Mendiang Karpal Singh mengumumkan parti akan mengadakan semula pemilihan CEC. [*Dewan riu*]

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Yalah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya. Oleh sebab itu sekarang ini kita hendak tanya, apa hasilnya? Mesyuarat pertama pun kecoh, mesyuarat kedua pun kecoh. Sekarang kita hendak tanya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tidak, Tuan Pengerusi. 36(12), mesyuarat dua mana ada kecoh? [*Ketawa*] Mana? Boleh beritahu dalam mesyuarat kedua, dalam pemilihan kedua, mana ada kecoh? Apakah kekecohan itu?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Fakta pun tak betul, cakap banyak. Bazir masa sahaja.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak, saya hendak tanya... Sekejap, sekejap.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Silakan, silakan. Apa yang kecoh? Sila.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Siapa Menteri ini? Nanti, bila Yang Berhormat Menteri jawab, kalau jawapan dia tidak betul, Yang Berhormat lawanlah dengan Timbalan Menteri.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tidak, tidak, tidak. Ini 36(12).

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa ini? Siapa punya *floor*?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tidak boleh mengelirukan Dewan, tidak boleh. Kena ada fakta.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kalau saya mengelirukan Dewan, saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Oh, tidak boleh, tidak boleh. Tidak boleh mengelirukan dan tanya sahaja.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak apa Yang Berhormat. Kalau berani, nanti buat usul. Buat usul dengan saya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Ketawa]*


Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak apalah. Tidak tahu peraturan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya minta maaf, saya sudah cuba. *[Dewan riuh]* Kita boleh mendidik sehingga satu tahap sahaja. *I am sorry* Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* *Ridiculous. [Dewan riuh] [Ketawa]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Tanjong Karang, duduklah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak, ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya, Yang Berhormat Tanjong Karang, masa sudah lebih ini. *[Dewan riuh]* Sila gulung ya, sila gulung. Ya, yang lain diam. Saya sudah minta Yang Berhormat Tanjong Karang untuk gulung. Ya, ya, sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak beritahu, peguam sebelah sana,  *lawyer*, 36(12) kalau hendak berborak dengan saya, buat usullah. Bukan ambil bangun mencelah macam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Tanjong Karang, cukuplah isu itu. Isu lain, 5.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak tanya kedudukan CEC. Kedua, saya juga hendak tanya, ini saya hendak tanya kepada ROS sebab parti sebelah sana, dia tunjuk macam dia ini hebat sangat. Bantai SPR, pilihan raya kata tidak betul. Buat *Black Out 505*, bawa kes ke mahkamah. Bayangkan, bawa kes ke mahkamah supaya mengisytiharkan pilihan raya yang lepas semua tidak sah. Apa ini? Pemilihan parti pun tidak betul. Kira undi pun tidak betul. Itu DAP. Kalau PKR lagi teruk. PKR, kita tengok..

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Ini apa benda ini? Butiran apa ini?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak, saya hendak tanya ROS.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Asyik-asyik, DAP, PKR. UMNO tidak boleh sebut, terlalu agung. Akan tetapi PKR, dia boleh. Apa cerita ini?

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Tanjong Karang hendak masuk DAP?

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Tidak payahlah, jangan buang masa. Tidak payah buang masa.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak, saya hendak tanya.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Benda itu sudah selesai.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak tanya ROS.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Tidak payah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini apa Yang Berhormat Kapar ini?

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Apa fasal?

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang hendak masuk DAP?

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Ini jangan bawa hal yang tak kena mengena.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Hendak masuk DAP. Asyik DAP, DAP sahaja.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Selangor tidak boleh jaga, nak jaga...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang lain, yang lain, saya minta Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, tidak. Saya hendak bantu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bantu, bantu saya. Masa sudah cukup ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak apa, sikit, sikit. Masa ganggu. *[Dewan riuh]* Saya hendak beritahu..

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang lain diam ya, yang lain diam.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Diam, diam, sebab saya tanya di Butiran 08000 – Pendaftar Pertubuhan. Salah saya tanya mengenai kedudukan parti CEC, PKR? Oleh sebab itu *you all* ini tidak faham.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Tanjong Karang, tanya saya, tanya pasal undanglah. Jangan panjang-panjang. Tanya pasal undang sahajalah, cukuplah. Sakitlah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Oleh sebab tidak faham. Jadi, tak sebab apa..

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Cuba tanya fasal kementerian lain, undang, undang, undang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Oleh sebab pembangkang ini, dia bila menyalahkan SPR, dia nampak. Ini yang saya hendak beritahu. Cermin muka dulu. Mana gerak bersih. Bersihkan pemilihan parti masing-masing dululah. PKR tidak betul, DAP tidak betul, jangan hendak persoalkan SPR.

Oh, *black out*. Eh, PKR pun buat pemilihan pun, dua kali *black out*. Tidak apa pula buat demonstrasi *black out*. Kira undi pun tidak betul. Ini kalau kita ada tengok laporan. Kira undi, pemilihan parti PKR di Nibong Tebal.

■1750

838 undi berbanding 633 pengundi berdaftar.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Tanjong Karang, soalan, soalan. Boleh soalan?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduklah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dalam mana-mana parti politik dekat Malaysia, mana yang pernah kena haram? Satu-satunya parti yang kena haram UMNO. Tidak pandai sampai kena haram, semakin teruk. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sebab...

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Duduk, duduklah.

Seorang Ahli: Eh! Yang Berhormat Sepang, Bangladesh punya orang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Oleh sebab itu Tuan Pengerusi saya hendak beritahu kita menepati undang-undang, kita mengikuti peraturan. UMNO kena haram kita terima, ini maksud saya bahawa kita hidup kena ikut peraturan. Oleh sebab itu saya hendak tanya apa kedudukannya sekarang ini? DAP sah kah tak sah. PKR kecoh bergaduh, kerusi terbang. Bagaimanakah kedudukannya? *[Tepuk]* Kemudian dahulu dalam ucapannya dia bangkitkan pendaftaran Pakatan Rakyat belum dilaksanakan, salahkan pendaftar pertubuhan. Saya hendak tanya...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Tanjong Karang saya hendak tanya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak tanyalah ini. Duduklah.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Saya hendak tanya satu soalan senang sahaja.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya bagi.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Tadi Yang Berhormat Tanjong Karang kata terima keputusan haram mungkin sebab UMNO memang haram, betul tak? *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Dia masalahnya pembangkang dia tidak mahu menerima kenyataan. Dia ingat dia hebat. Dalam Dewan peguam kata di bawah peraturan pun tidak faham. Macam mana? Jadi sebab itu saya hendak tanya lagi soalan yang ketiga ini pendaftaran Pakatan Rakyat apa cerita? Ini pakatan haram, tidak ada daftar lagi. *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Menteri jawab!

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Di Selangor semalam kalau pakatan betul hendak pilih timbalan Speaker PAS berlawanan dengan DAP hendak pilih timbalan Speaker. Apa ini? Jadi dan hendak tanya kedudukan CEC berapa banyak aduan yang telah dibuat kepada mesyuarat PKR, berapa aduan, berapa tindakan yang telah diambil. Ketiga mengenai kedudukan Pakatan Rakyat ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Bukan Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Subang. Berapa orangkah lagi? Satu, dua, tiga, ramai lagi, pendek sahaja. Sebenarnya Tuan Pengerusi telah hadkan masa enam hingga tujuh

minit seorang. Saya faham sebab kalau bagi kerjasama kepada saya, tak kan jadi macam tadi. Saya tidak menyalahkan mana-mana kedua-dua belah pihak. Sila Yang Berhormat Subang.

5.52 ptg.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Pengerusi izinkan saya ambil bahagian dalam perbincangan tentang Kementerian Dalam Negeri. Saya rujuk kepada kepala 0440000 - Imigresen khususnya kepada 4040200 - Kawalan Imigresen. Soalan saya ialah berkaitan dengan kedudukan apa yang dikatakan PATI atau pendatang asing tanpa izin. Isu adalah berkaitan dengan apa yang kita bahas semalam tentang kedudukan pekerja di dalam negara ini yang datang dari luar negara yang tidak didokumentasikan.

Semalam soalan dibangkitkan berapa juta orang pekerja asing sekarang berada di dalam negara kita? Pekerja asing yang sah, yang telah diberi izin dan juga berapa yang datang dan kerja tanpa izin? Oleh sebab ini adalah di dalam bidang kuasa imigresen.

Tuan Pengerusi saya perhatikan dalam bab berkenaan Kementerian Dalam Negeri di muka surat 609 kita ada angka untuk jumlah Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang telah dikeluarkan oleh imigresen. Pada tahun 2013 jumlah yang diberikan ialah 1.38 juta, itu ialah yang sebenarnya. Tahun 2014, 1.45 juta sebagai anggaran. Tahun 2015; 1.55 juta sebagai anggaran.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita perlu dapat pengesahan secara jelas sebab semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia tidak dapat beri gambaran yang jelas. Kita hendak tahu berapakah pekerja asing di dalam negara kita secara jelas dengan tepat dan juga hakikat beberapa juta orang pekerja asing yang datang ke sini dan kerja tanpa izin pun perlu diiktiraf. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun kepada kerajaan apakah anggaran daripada segi kerajaan daripada pandangan kerajaan berapakah anggaran mereka tentang jumlah pekerja asing yang datang tanpa izin.

Saya difahamkan dalam perbincangan di mesyuarat-mesyuarat yang dihadiri oleh pihak-pihak daripada kesatuan sekerja jumlah yang dahulu disebut adalah jumlah lebih kurang 6 juta secara keseluruhan termasuk yang sah, termasuk yang datang tanpa izin. Akan tetapi sekarang jumlah itu sudah ditukar dan dinaikkan kepada 10 juta. 10 juta bayangkan. Itu termasuk yang masuk secara sah dan kerja tanpa izin.

Kalau itu betul Tuan Pengerusi, bagi saya negara kita ada dalam satu keadaan yang cukup membimbangkan. Macam mana kita tahu dan kita terima bahawa beberapa sektor ekonomi kita perlu tenaga asing, memang tidak dinafikan tetapi kalau berjuta-juta pekerja asing dibenarkan khususnya tanpa dokumentasi, tanpa saluran sah dan rasmi dibenarkan masuk dan membanjiri negara kita seperti apa yang kita nampak sekarang, ini membawa implikasi yang sangat serius.

Semalam kita pun dengar tentang laporan yang dibuat oleh badan pertubuhan bernama Varite yang telah buat siasatan sepanjang dua tahun di sektor elektronik di negara kita dan mendapati 142,000 lebih kurang pekerja di sektor itu boleh dikatakan bekerja dalam keadaan yang digelar sebagai **slave like conditions**. Mereka kerja sebagai hamba macam beratus tahun dahulu, sekarang dia digelar sebagai itu.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah daripada segi angka yang ada dalam pengetahuan kementerian, berapakah angka ini? Soalan pokoknya ialah macam mana berjuta-juta pekerja dari luar negara boleh masuk negara kita dan kerja di sini tanpa dokumentasi. Ini satu soalan yang cukup yang perlu dijelaskan. Apakah tindakan yang akan diambil boleh kementerian untuk menangani keadaan ini?

Khususnya apabila kita ada keadaan di mana berjuta-juta pekerja asing bekerja tanpa dokumentasi, implikasi dari sosial adalah sangat serius. Apa yang sepatutnya dibuat adalah pekerja-pekerja ini mesti didokumentasikan secepat mungkin. mana mereka kerja, siapakah majikan dan sebagainya supaya kita tahu berapa lama mereka akan kerja di sini dan bila mereka akan habiskan tempoh kerja dan balik ke negara mereka.

Ini semua perlu dibuat secara *urgent* dan saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Apakah langkah-langkah yang mereka akan laksanakan untuk pastikan ini berlaku.

Isu terakhir ialah ini sudah dibangkitkan beberapa tahun di dalam Dewan yang mulia ini ialah penyelarasan pengambilan pekerja asing di antara dua kementerian iaitu Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia. Secara logik, ini patut dikendalikan di bawah Sumber Manusia. Mereka yang buat dasar-dasar untuk pekerja di seluruh negara, mereka yang membantu kerajaan daripada segi keperluan pekerja di semua sektor dan sebagainya.

Akan tetapi mereka tidak ada apa-apa kawalan atau kuasa tentang berapa jumlah yang dibenarkan masuk? Siapakah yang meluluskan dan sebagainya.

■1800

Kenapa ini dibenarkan berterusan? Kementerian Dalam Negeri ada peranannya dari segi keselamatan dan sebagainya. Akan tetapi dari segi keperluan pekerja, ini memang boleh dikatakan adalah hampir pelik masih diteruskan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Saya hendak tanya kepada Timbalan Menteri sama ada kerajaan bersedia untuk mengkaji semua keadaan ini dan selaraskan tugas ini di bawah satu kementerian iaitu Kementerian Sumber Manusia. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kubang Pasu.

6.00 ptg.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh pertama sekali Butiran 040000 - Imigresen, 040200 - Kawalan Imigresen. Ini adalah berhubung kait dengan soal pintu masuk di sempadan terutama sekali di Bukit Kayu Hitam. Saya dapati bahawa kawalan di Bukit Kayu Hitam terlampau longgar. Mereka-mereka sama ada dari Malaysia ataupun Thailand, mereka boleh masuk keluar ke negara kita ini tanpa dokumen. Ini amat bahaya sekali kerana kalau kita tengok peruntukan yang telah dibagi kepada penduduk-penduduk yang tinggal di sempadan kedua belah negara sama ada di Thailand atau di Malaysia, kita dibenarkan mendapat kelonggaran untuk mendapat *border pass* yang dikeluarkan

kepada mereka-mereka iaitu dari Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan yang mana boleh dibuat dalam masa 1 jam, bayarannya RM10 dan tahannya selama enam bulan.

Bererti bahawa kelonggaran telah dibagi. Akan tetapi malangnya penguasaan tidak dibuat menyebabkan mereka ini bebas keluar ke dua-dua belah pihak yang menyebabkan kita tengok berlaku pelbagai masalah, terutama sekali pendapat asing dan sebagainya kerana pintu masuk kita begitu longgar. Siapa sahaja boleh masuk dengan angkat tangan sahaja. Saya pada hari Khamis yang lepas, saya berada di sempadan, kebetulannya saya berada di Kompleks Bukit Kayu Hitam. Saya dapati lorong khas yang digunakan oleh mereka, terutama sekali pihak penguat kuasa tentera dan juga polis dan sebagainya, lorong itu diguna oleh kereta dari Thailand. Saya tengok kereta dari Thailand juga boleh melalui lorong itu dan terus keluar-masuk ke negara kita tanpa pemeriksaan dilakukan. Ini amat bahaya sekali. Jadi, perkara-perkara ini saya dapat lihat bahawanya ia boleh membawa ancaman kepada apa yang kita lihat sekarang iaitu berkenaan dengan PATI dan penyeludupan dan sebagainya.

Selain daripada itu juga berkenaan 020200 – Logistik. Berkenaan dengan kemudahan peralatan yang diguna untuk kawalan pintu masuk, terutama sekali mesin pengimbas. Mesin pengimbas itu saya ingat sudah hampir sejak saya jadi setiausaha politik kepada Menteri Dalam Negeri dahulu, mesin pengimbas itu sampai sekarang tidak boleh guna. Kadang-kadang boleh guna, kadang-kadang tidak boleh guna. Kalau tengok lori yang masuk ke Malaysia ini lalu begitu bebas sekali. Sekarang ini kita ada 500 lori yang keluar-masuk negara kita dengan bebas. Lori dari Thailand masuk ke negara kita setiap hari tanpa kita tahu apa muatan yang dibawa daripada Thailand kerana kita tidak mempunyai mesin *x-ray* yang canggih. Saya difahamkan oleh pengundi-pengundi saya sendiri berkenaan dengan penyeludupan beras diseludup masuk ke negara kita dengan menggunakan kontena.

Hari-hari berkontena-kontena masuk ke negara kita. Waktu perayaan, mercun masuk ke negara kita dan begitu juga lain-lain barang yang diseludup masuk ke negara kita. Ini kerana kita tidak mempunyai mesin pengimbas yang canggih yang sepatutnya sekarang ini kita sudah lengkapkan di pintu-pintu masuk di seluruh negara kita. Selain daripada itu juga, apabila lori-lori ini balik ke Thailand, mereka akan bawa masuk minyak dan lain-lain lagi barang kawalan yang mendapat subsidi dari kerajaan negara kita. Jadi, saya harap supaya kerajaan akan serius berkenaan dengan masalah di sempadan ini.

Satu perkara lagi ialah berkenaan dengan 050000 – Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Saya sudah berkali-kali cakap ini. Apabila saya bercakap ini, Timbalan Menteri senyum kerana saya sendiri biasa bawa Timbalan Menteri untuk melawat ladang ketum. Ladang ketum ini di Kedah. Satu ketika dahulu, ketum ini ditanam merata-rata, sekarang ini telah dijadikan ladang. Timbalan Menteri sendiri telah melihat satu ketika dahulu kawasan sawah, sekarang ini ditanam dengan pokok ketum. Pokok ketum ini telah menjadi sumber kepada pihak-pihak tertentu tetapi mengancam keselamatan. Sekarang ini beribu-ribu penduduk dan juga rakyat di utara Malaysia yang terlibat dengan ketagihan air ketum. Hari ini saya tengok sampai ke tahap

yang amat serius kerana sudah ramai mereka-mereka ini telah menjadi penagih dan hari ini menjadi ancaman kepada keselamatan di sana.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Yang Berhormat Kubang Pasu, minta laluan sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih. Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri, berkaitan dengan ketum ini saya terima kasih Timbalan Menteri pun pergi Jerlun. Jerlun ini saya tidak malu hendak *habaq*, antara pengeluar terbesar ketum. Orang sanggup mengorbankan sawah bendang, di tambak dan ditanam dengan ketum. Yang menjadi masalahnya ialah daunnya okay, tetapi air ketum itu. Air ketumnya pula pelbagai resepi yang dibuat. Pelanggan ketum ini saya bimbang sebab sudah masuk menular sehingga ke kanak-kanak sekolah rendah. Di fahamkan ada satu kes di Baling, katanya seorang mangsa peminum tegar ini meninggal dunia. Pihak hospital telah pun membuat *post-mortem*, dibelah dadanya. Katanya, di dada itu, di paru-paru itu, getah daripada daun ketum, kesan daripada minuman yang agak lama telah melekat di paru-paru kemudian itu adalah antara punca kematian beliau.

Jadi, isunya Yang Berhormat Kubang Pasu, kita hendak tanya kementerian kita ini sebab kononnya ketum ini masuk dalam Akta Racun. Jadi, Akta Racun orang tidak hairan pun. Jadi, kita telah menyaran, meminta, merayu sudah berkali-kali supaya dimasukkan dalam Akta Dadah Berbahaya sebab kesannya memang teruk. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kubang Pasu, adakah kita hendak cakap berapa kali. Hendak minta Menteri dan Timbalan Menteri untuk tengok dengan segera supaya dimasukkan dalam akta yang mana-mana supaya kita boleh membanteras terus aktiviti ketum ini. Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Jerlun. Jerlunlah antara tempat yang paling banyak sekali pengeksport ketum. Sekarang ini saya bagi tahu Yang Berhormat Jasin, saya rasa sekarang ini saya takut pula kerana harga getah sudah jatuh, takut sekarang ini depa tebang pokok getah tanam ketum pula. Pendapatan ketum ini memang lumayan. Kalau diseludup keluar ke Thailand, satu kilo sekarang ini RM80. Jadi, memang lumayan. Mereka ini tidak segan silu, walaupun baru-baru ini dalam mesyuarat kebangsaan, PEMADAM Kebangsaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menyebut dengan tegas, memberi arahan kepada KDN supaya membanteras soal ketum ini, supaya akta ini dilaksanakan dengan segera.

Akan tetapi malangnya sampai sekarang ini, kalau ikut Timbalan Menteri janji dengan saya patutnya dalam sesi ini akan dibentangkan. Akan tetapi malangnya tidak lagi. Saya harap supaya semua pihak mengambil serius tentang perkara ini kerana ianya menjadi ancaman yang amat serius. Saya hendak cerita mengenai dengan sekolah yang saya biasa melawat, dua kali saya melawat dalam dua tahun berturut-turut. Yang pertamanya, saya pergi apabila kebanyakan- perhatian kepada Kementerian Pendidikan juga, iaitu sekolah yang berkenaan telah terlibat- ramai di kalangan anak-anak sekolah itu telah terlibat dengan air ketum. Jadi, pada tahun yang kedua, saya telah melawat dan AADK telah buat saringan air kencing, mengambil 30 *sample*. Daripada 30, enam orang daripada pelajar-pelajar itu telah jadi positif syabu. Ada juga

di kalangan pelajar-pelajar di sekolah itu menjadi *pusher* untuk *supply* syabu kepada pelajar-pelajar lain.

■1810

Jadi, perkara ini amat serius dan saya harap semua kementerian-kementerian yang terlibat mengambil serius terutama sekali AADK dan juga KDN supaya akta berkenaan dengan penyalahgunaan ketum ini digubal serta-merta supaya kita dapat menghindari masalah ketum ini. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Penampang.

6.10 ptg.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membawa Butiran 020300 dan ingin tanya Menteri adakah kaitan dengan insiden tembak-menembak di Penampang baru ini dengan tahanan tiga pengganas yang dikenali sebagai Abu Bakar Jayari, Zainudin bin Mislani, dan Kassim bin Ibrahim. Ketiga-tiga ini telah ditahan atas Undang-undang Pencegahan Jenayah dan mereka ditahan selama dua tahun kerana mereka disyaki merekrut dan menubuhkan Sultanat Sulu dan North Borneo dan juga pemisahan Sabah daripada Persekutuan Malaysia.

Kedua, adalah Butiran 060200 berkenaan dengan Rekod Pendaftaran Penduduk. IMM13 seperti mana yang dibahas oleh beberapa Yang Berhormat tadi adalah satu masalah besar di Sabah. Saya ingat bahawa lapan kementerian telah mengesahkan bahawa lebih 80,000 IMM13 telah dikeluarkan di Sabah dan saya ingin bertanya Menteri apakah yang terjadi kepada orang yang mendapat IMM13 ini? Adakah mereka telah menjadi warganegara atau pemastautin tetap dan bukannya mereka sepatutnya dihantar balik kepada negara asal mereka?

Berkaitan juga Menteri ialah sijil lahir atau rekod lahir yang diumumkan oleh Yang Berhormat Pekan di Sabah baru-baru ini. Bolehkah dalam rekod lahir kepada orang-orang yang pendatang tanpa izin yang ada anak di Sabah, bolehkah mereka direkodkan, dicatatkan dalam sijil ataupun rekod lahir ini bahawa mereka tidak boleh menjadi warganegara melalui Artikel 15A Perlembagaan Persekutuan. Saya faham baru-baru ini mahkamah telah membuat keputusan berkenaan dengan artikel Artikel 15A tetapi itu adalah berkaitan dengan orang sah di Malaysia tetapi status di sini yang akan diberi rekod-rekod lahir adalah bukan daripada Sabah ataupun daripada di mana di Malaysia. Mereka sepatutnya tidak boleh diberikan peluang untuk menjadi warganegara Malaysia.

Satu lagi berkaitan dengan IC dan projek-projek yang kita dengar, ada sebuah *company* yang dikenali sebagai Permata Sulong Sdn. Bhd. di Sandakan yang disyaki telah memberi servis untuk memberi pengampunan untuk memberi status kerakyatan Malaysia melalui Yang di-Pertuan Agong. Apakah perkembangan ini dan adakah tindakan daripada pihak polis?

Akhirnya, Butiran 030100. Saya faham bahawa pegawai-pegawai penjara elaun mereka sepatutnya dikaji balik dan diberikan elaun dan gaji yang lebih tinggi kerana mereka bertanggungjawab pada orang yang telah dihukum...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Yang Berhormat Penampang.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sibu.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Boleh saya tumpang satu pertanyaan. Pada 2 November ini saya bersama rakan saya sudah membuat satu laporan polis terhadap satu *publisher*, penerbit *Info Didik* yang mengeluarkan satu buku rujukan SPM yang mengandungi unsur-unsur hasutan. *[Sambil menunjukkan buku yang dipegang]* Sama ada dia ada unsur-unsur yang akan membangkitkan permusuhan di antara kaum. Ia mengatakan bahawa "*Cina sanggup membunuh orang Melayu pada kejadian 13 Mei.*" Selain itu dia mengatakan bahawa "*SJK adalah punca mengakibatkan pemisahan kaum di Malaysia.*" Jadi, laporan sudah buat lebih kurang tiga minggu akan tetapi sampai sekarang buku rujukan ini masih dijual di kedai-kedai buku. Tidak ada tindakan diambil oleh pihak polis.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Yang Berhormat Sibu. Saya pun ingin bertanya Menteri dengan soalan yang sama dengan Yang Berhormat Sibu kerana anak saya pun sendiri bersekolah di sekolah Cina. Walaupun saya bumiputera, terima kasih. Selain daripada itu saya membangkitkan berkenaan dengan RCI, Menteri tolong bentangkan laporan RCI di Parlimen supaya Ahli-ahli Parlimen di Barisan dan juga pembangkang boleh membahaskan, boleh memberikan idea berkenaan dengan bagaimana kita menyelesaikan masalah besar di Sabah berkenaan dengan pendatang tanpa izin ini dan yang telah disyaki mendapatkan kad pengenalan dan warganegara yang diragui. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Simpang Renggam.

6.15 ptg.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Secara ringkas saya menyentuh dua butiran iaitu Butiran 020000 – Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan juga Butiran 040000 – Imigresen. Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya mendapati bahawa kes-kes ragut semakin berleluasa sehingga menimbulkan kebimbangan orang ramai terutamanya dengan laporan rakaman klip video yang tersebar di pelbagai platform media termasuk dalam *Facebook* yang menunjukkan kejadian ragut boleh menyebabkan kecederaan serius malahan ada yang membawa maut kepada mangsa jenayah.

Selain daripada berkongsi kebimbangan orang ramai terhadap kes ragut yang melanda masyarakat, saya turut berpendapat bahawa fenomena negatif tersebut mesti dihentikan dengan tindakan keras undang-undang diambil ke atas mereka yang bertanggungjawab. Biarpun statistik jenayah PDRM pada tahun lepas menunjukkan bahawa kes ragut telah menurun daripada 2,500

kes pada tahun 2012 kepada 1,264 kes pada tahun 2013. Orang ramai masih kurang yakin terhadap statistik tersebut dan kekerapan kes ragut yang berlaku di kawasan hitam jenayah terutamanya di Kuala Lumpur, di Selangor dan juga di Johor Bahru kelihatannya masih berlaku malahan ia telah merebak ke kawasan pinggirannya yang mempunyai aspek sosial yang rumit. Memandangkan ancaman...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh?

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Boleh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Yang Berhormat Simpang Renggam. Ragut ini kalau di Indonesia siapa meragut dia tembak, polis tembak. Adakah Yang Berhormat juga mencadangkan di sini mungkin supaya mengurangkan kes ragut ini, siapa meragut sahaja jangan lagi tangkap, tembak sahaja.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tuan Pengerusi, saya sebenarnya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya kita adakan hukuman yang lebih berat. Mungkin boleh kita membuat pindaan ke atas *Penal Code* kita, saya ingin mencadangkan kes ragut pada mereka yang didapati bersalah kita letakkan hukuman sebat dengan rotan, wajib yang mandatori sebab setiap hari bila saya buka surat khabar saya tidak sampai hati. Saya memang amat bersimpati bila tengok mangsa-mangsa kes ragut ini ada yang kehilangan nyawa dan meninggalkan anak-anak kecil. Mereka merayu bantuan masyarakat dan juga merayu pada pihak polis untuk menangkap peragut.

Jadi, saya pohon pihak polis melihat *Penal Code* mungkin seksyen 392 kah ataupun 379 untuk mengadakan hukuman mandatori sebat rotan ke atas peragut-peragut yang didapati bersalah. Perkara kedua Tuan Pengerusi, saya baru-baru ini menerima aduan daripada seorang majikan bahawa polis telah membuat tangkapan di sebuah kebun dan empat orang pekerja asing yang mempunyai permit telah ditangkap dan dilokap selama 8 hari. Bila saya bertanya kepada pihak polis, mereka kata mereka perlu mendapatkan pengesahan daripada imigresen sama ada permit mereka itu palsu ataupun tidak.

■1820

Saya rasa ini amat tidak wajar dan tidak adil juga pada majikan kerana apabila pekerja asing mereka dilokap selama lapan hari... [Disampuk] Memang mereka marah kerana operasi harian syarikat itu terganggu dan mendatangkan kerugian. Saya ingin bertanya kepada kementerian apakah SOP pihak polis dan imigresen, bukankah sepatutnya mereka, kedua-dua pihak ini sepatutnya ada pada masa yang sama dan apabila mereka membuat operasi ke atas pekerja asing, pihak imigresen sepatutnya ada peralatan *online* ataupun mereka boleh buat semakan spontan sekiranya mendapati permit mereka adalah sah, mereka sepatutnya dilepaskan pada masa itu. Dengan itulah saya minta jawapan daripada kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Kawan.

6.20 ptg.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin berbahas Butiran 030000 sejumlah lebih RM772 juta bagi isu-isu penjara di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, didapati bahawa terdapat lebih kurang 1,300 orang banduan wanita di Penjara Kajang di mana hampir 1,000 daripada mereka terdiri daripada kalangan warga asing. Saya ingin bertanya apakah pecahan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh wanita-wanita ini. Memandangkan mereka ini warga asing, apakah cara pengendalian ataupun cadangan yang diselaraskan selama ini untuk mengatasi peningkatan bilangan banduan wanita-wanita yang timbul terutama sekali wanita warga asing. Apakah tindakan susulan yang dirancang oleh pihak penjara bagi membanteras kemasukan warga asing secara sah atau tidak, yang secara langsung atau tidak melibatkan diri dalam jenayah dan apakah cadangan kementerian bagi menghantar balik para banduan ini ataupun untuk mereka terus berada di Malaysia.

Tuan Pengerusi, selepas seorang banduan wanita tamat menjalani hukuman mereka dan mereka dibebaskan, mereka tiada tempat sokongan atau rancangan khas untuk mereka agar diserapkan semula ke dalam masyarakat. Setakat ini tiada mana-mana program sama ada oleh KDN ataupun Kementerian Wanita untuk membantu banduan ataupun dengan izin *ex-prisoners*, untuk menyediakan mereka untuk melangkah semula ke dalam kehidupan yang baru. Saya ingin bertanya sebab isu ini amat kritikal, sama ada kementerian mempunyai apa-apa rancangan dalam *pipeline* ataupun program bersama dengan Kementerian Wanita untuk membantu terutama sekali banduan wanita apabila mereka dibebaskan.

Tuan Pengerusi, sekiranya *security net* ini tidak diwujudkan sekarang, maka ada peluang yang besar untuk wanita ini terjebak semula ke dalam aktiviti-aktiviti jenayah memandangkan hari ini wanita atau gadis dipandang sebagai satu komoditi yang amat berharga untuk dieksploitasi dari segi dengan *drug mule*, *sex flesh trade* dan sebagainya.

Saya juga ingin membahar Butiran 100500, membanteras pemerdagangan orang sebab ia berkaitan dengan isu-isu penjara juga. Tuan Pengerusi, kita lihat beberapa hari yang lepas artikel di dalam *Malaysian Insider* menunjukkan bahawa negara Malaysia telah jatuh ke *tier* tiga dalam laporan *Trafficking of Persons Report*. Tahun demi tahun kami lihat penambahan bajet yang diberikan kepada KDN, namun yang dapat menyelip semakin bertambah. Sampai hari ini tidak ada *figure* yang kukuh menunjukkan berapa warga asing di Malaysia ini. Ada yang kata 2 juta, ada yang kata 6.7 juta. Kebanyakan di Cameron Highlands pun kita tidak tahu. Jadi dengan usaha-usaha yang kita nampak *on paper* Tuan Pengerusi, mengapa ia tidak boleh diterjemahkan ke dalam akta ataupun secara penguatkuasaan. Mengapa ada *loophole* lagi dalam sistem?

Soalan-soalan ini saya rasa Tuan Pengerusi amat relevan sekarang ini memandangkan negara Malaysia juga digunakan sebagai satu negara *hotspot* dengan izin, transit pemerdagangan manusia. Oleh sebab geografi Malaysia ini dengan Laut China Selatan, ia

membenarkan pemerdagangan-pemerdagangan manusia ini menggunakan negara Malaysia sebagai platform untuk meluaskan lagi perniagaan mereka. Jadi saya mohon, saya minta KDN dengan *instead of constantly sending your Special Branch Officers to snoop around opposition leaders, maybe you should plant them and all the entry and exit point of the country. Maybe that will do good and the tax payers money will go to the right place*, Tuan Pengerusi.

Lagi satu Tuan Pengerusi, saya ingin membawa isu penjara remaja, *juvenile prison* khususnya kepada remaja wanita. Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan beberapa program untuk diperkenalkan di penjara remaja untuk remaja wanita supaya mereka dapat ditransformasikan untuk menjadi tenaga kerja yang mahir atau mencungkil bakat-bakat mereka. So, dalam proses itu kita boleh menapis dan membantu mereka dan menyediakan mereka apabila mereka dibebaskan nanti.

Saya berharap Kementerian Wanita dan KDN dapat bekerjasama untuk menyelaras dan menyelia program-program seperti ini. Jika diberi peluang, saya Ahli Parlimen bersama dengan rakan-rakan dari Pakatan Rakyat dan saya pasti BN juga dapat bekerjasama dalam isu ini dan juga NGO-NGO yang mahir dalam program-program sebegini supaya satu platform dapat disediakan untuk anak-anak muda wanita dan lelaki untuk mereka mendapat satu tempat untuk bergantung selepas mereka dibebaskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ramai lagi. Okey, empat orang lagi ya. Yang Berhormat Selayang, ya lima. Saya ingat Yang Berhormat Menteri, pukul tujuh boleh mula menjawab ya Yang Berhormat Menteri. Ringkas ya, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Selayang, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Jerantut. Kemudian itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.27 ptg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pendek-pendek.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 040000 - Imigresen bersekali dengan Butiran 040200 – Kawalan Imigresen dan juga Butiran 110800 – Perluasan Kad Pengenalan, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berhubung dengan warga asing. Kalau kita lihat di negara kita Tuan Pengerusi, telah menjadi tuan rumah kepada berjuta-juta warga asing yang datang untuk mencari pekerjaan. Ramai di antara mereka kembali ke negara asal setelah misi mencari wang selesai.

Bagaimanapun sebahagian besar daripada mereka dipercayai lebih sejuta terus kekal di negara ini dengan ada yang berselindung di sebalik majikan secara haram atau juga berkahwin dengan rakyat tempatan dan mempunyai keluarga serta sedang melalui proses asimilasi dan ada menjalankan perniagaan sendiri. Malah di beberapa kawasan warga asing ini membina koloni mereka sendiri dengan menguasai kegiatan ekonomi dan juga sosial di kawasan itu. Ada antara mereka sudah mendapat penduduk tetap Tuan Pengerusi. Namun kebanyakan mereka telah

tinggal melebihi tempoh tetapi dikatakan mempunyai dokumen pengenalan negara sama ada sijil lahir, MyKad ataupun *passport*.

Jadi Tuan Pengerusi, di mana dan bagaimana mereka memperoleh dokumen keselamatan dengan mudah menjadi persoalan. Isu ini bukan baru malah beberapa tahun yang lalu, beberapa pegawai Jabatan Pendaftaran Negara Cawangan Sabah pernah ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana menjual dokumen itu. Saya mendapat maklum masih ada kegiatan menjual dokumen keselamatan sehingga ke Sabah walaupun ia juga berlaku secara berleluasa di Semenanjung.

Saya difahamkan hasil pendedahan akhbar *Berita Harian* baru-baru ini mendapati ada sedikit tempatan yang menawarkan warga negara ekspres kepada pendatang tanpa izin, PATI dengan kos sehingga RM150,000. Jelas sekali seperti disyaki sindiket ada *macai* dalam agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk menghasilkan MyKad dan juga *passport* Malaysia. Menerusi pendedahan akhbar *Berita Harian*, sindiket ini beroperasi sejak enam tahun lalu dan mengaut keuntungan sehingga jutaan ringgit. Dalangnya adalah orang dalam, dalam agensi kerajaan itu sendiri.

Jadi kita hendak tahu kebenaran itu dan setakat manakah kementerian serius dalam hal ini dan sepatutnya kementerian boleh memanggil wartawan *Berita Harian* untuk bekerjasama menangkap dalang itu ke muka pengadilan. Malah kegiatan mereka bukan saja membimbangkan malah memalukan kerana sanggup menjual negara untuk wang ringgit. Di Sabah Tuan Pengerusi contohnya mengikut bancian penduduk Jabatan Perangkaan Negara pada tahun 2010, mendapati kumpulan terbesar penduduknya mengikut kaum ialah warga asing iaitu 29%.

■1830

Dikuti etnik terbesar tempatan, bumiputera, lain-lain – 21%; Kadazan Dusun – 18%; Bajau – 14%; Cina – 9%; Melayu – 6%; dan juga Murut – 3%. Saya hendak tahu apakah Jabatan Imigresen *aware* dengan izin, dalam hal ini? Saya berharap dapat statistik yang terkini antara Jabatan Imigresen dan juga Jabatan Perangkaan. Analisa daripada bancian di Sabah itu juga menyaksikan peningkatan 400,000 dari 3.1 juta pada tahun 2010 kepada 3.5 juta penduduk pada tahun 2013. Bukan faktor semula jadi kelahiran. Tahun 2010 juga menunjukkan peningkatan 390% dari 636,431 penduduk pada tahun 1970 kepada 3.1 juta pada tahun 2010.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tumpuan di Sabah kerana kemuncak bahaya keselamatan, ketenteraman dan juga kesejahteraan penduduk Sabah sudah nampak dengan jelas dan dilaporkan sedang merebak hingga ke sini.

Sehubungan dengan itu, isu yang menjangkau 45 tahun ini dilihat hanya mampu diselesaikan dengan adanya Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai PATI di Sabah

didedahkan. RCI ditubuhkan untuk menyiasat isu pendatang asing ke Sabah, MyKad palsu, pengeluaran MyKad untuk mengundi dan sebagainya, atau dengan kata lain, isu mengenai warganegara ekspres. Seperti yang disiarkan dalam media massa Tuan Pengerusi, pernah melaporkan kehilangan lebih 1.8 juta MyKad menimbulkan pelbagai persoalan. Namun, misteri ini dapat dijawab sekiranya RCI terbabit didedahkan kepada umum.

Warganegara ekspres jika tidak dibendung segera boleh menjadi kumpulan majoriti berselindung di sebalik identiti bangsa di negara kita pada masa akan datang. Taktik warga asing ini menggunakan identiti bangsa seperti Melayu, Cina, Tamil, Bajau, Murut dan lain-lain bangsa dengan memalsukan dokumen Malaysia dianggap sebagai suatu tindakan yang mencabul hak rakyat negara ini.

Dengan menggunakan MyKad tulen, mereka boleh menikmati segala kemudahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan termasuklah perubatan, pelajaran, subsidi makanan dan juga bahan api, Bantuan Rakyat 1Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, projek perumahan rakyat, membuka akaun bank tempatan dan lain-lain yang sepatutnya menjadi hak milik rakyat mutlak. Dalam bahasa mudah, kemudahan asas untuk rakyat negara kita kini telah dirompak. Identiti bangsa dicabul dan tanah air kita dicerobohi.

Lebih mengejutkan, dalam beberapa operasi jenayah dan militan yang dilancarkan, warganegara ekspres yang menjadikan negara kita sebagai pusat transit ke negara ketiga, tapak untuk merekrut anggota baru serta menyebarkan ideologi mereka. Media sebelum ini pernah melaporkan sejak tahun 2010, pemimpin kumpulan militan Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE) dan juga Jemaah Islamiyah (JI) mendapatkan bekalan pasport Malaysia dan logistik sama ada untuk bersembunyi di negara ini atau untuk keluar ke negara ketiga.

Jadi satu kemungkinan yang merungkai misteri kehilangan MyKad, misteri pertambahan luar biasa penduduk iaitu warganegara ekspres. Penyelesaian isu di Sabah mampu membantu pihak berkuasa menutup ruang dan peluang jenayah serta menyelesaikan semua isu warganegara ekspres di negara ini kerana kegiatan sindiket ini saling berkait.

Jadi saya juga hendak bertanya kepada pihak kementerian, ada dua tender membekalkan 24 juta MyKad baru tersebut telah dikeluarkan oleh pihak kementerian kepada Datasonic Sdn Bhd yang mana menimbulkan persoalan kerana kurang rasional, kerana adakah rakyat kita bertambah sebanyak itu dalam tempoh empat tahun? Ini kita perlu penjelasan yang lebih terperinci, Tuan Pengerusi.

Seperti yang dilaporkan dalam *Berita Harian* pada 5 Julai 2014, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aloyah Mamat mengesahkan dua orang pemberi rasuah telah ditangkap, beberapa pasport yang telah siap pun telah ditunjukkan kepada media, tetapi penerima rasuahnya bebas, tidak ditangkap. Bagaimanakah pasport boleh dikeluarkan jika tidak ada pembabitan pegawainya? Kenapa pegawai yang menerima rasuah ini dilindungi?

Saya mencadangkan penyelesaian segera boleh dibuat iaitu satu sistem pangkalan data yang terbuka yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang mana orang ramai boleh mengakses dan menggunakan ia sebagai satu semakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, habiskan.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Jadi Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong dan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Selayang.

6.34 ptg.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua perkara isu pendek yang ingin disentuh. Perkara pertama ialah Butiran 120800 – NKRA - *Reduce Street Crime* dengan bajet RM10 juta dan Butiran 120900 – NKRA - *Improve Safety Perception Index* dengan bajet RM100 juta.

Saya hendak tanya apakah kandungan terperinci tentang RM100 juta ini yang hendak digunakan untuk *improve safety perception* kerana ini adalah untuk mengadakan satu *public relation exercise*. Pada saya, lebih penting ialah untuk mencegah jenayah iaitu *reduce street crime* dan seharusnya mereka hendaklah diberikan RM100 juta supaya polis dapat menambah anggota, memperoleh alat, kemudahan motosikal untuk mengadakan perondaan, *bit based* dan sebagainya. So saya hendak mengetahui dengan RM10 juta untuk *reduce street crime*, adakah ini menunjukkan bahawa kerajaan begitu serius untuk mencegah jenayah?

Perkara yang kedua ialah Butiran 090100 – Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) yang diberikan bajet sebanyak RM108,647,000. RELA mengadakan 2.6 juta anggota. Saya diberitahu bahawa RELA dapat memberikan latihan kepada sejumlah 8,000 anggota setahun. Saya hendak tahu bagaimana kementerian bercadang untuk memberikan latihan dan kursus kepada kesemua 2.6 juta anggota RELA supaya mereka mengetahui tentang kuasa mereka dan cara mereka hendak melaksanakan tugas mereka? Ini kerana kita mendapat beberapa laporan bahawa ada RELA yang kemungkinan tidak mengetahui apa yang hendak dibuat atau menyalahgunakan kuasa mereka. Oleh sebab itu, latihan dan kursus sungguh penting.

Kedua ialah saya telah mendapat laporan bahawa ada anggota baru tetapi mereka tidak dapat uniform dan kemudahan. So, apakah prosedur untuk anggota baru untuk mendapat uniform dan alat?

Perkara yang ketiga ialah tentang Butiran 01000 – Pengurusan Dasar Keselamatan Dalam Negeri. Ya.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Tuan Pengerusi, boleh? Terima kasih Yang Berhormat Selayang. Saya ingin tanya tadi tentang RELA. Saya ingin tumpang soalan, apakah anggota RELA ini dilindungi oleh skim perlindungan keselamatan atau insurans selain daripada perlindungan PERKESO? Satu lagi di bawah Butiran 110000 – Dasar Baru, ada satu program *police volunteer reserve*. Apakah program ini merupakan satu keperluan dalam keadaan sudah ada Jabatan Sukarelawan Malaysia yang boleh memainkan peranan seumpamanya? Terima kasih.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih. Saya minta itu dimasukkan ke dalam ucapan saya.

Tentang Pengurusan Dasar Keselamatan Dalam Negeri, kita mengetahui tentang masalah pengganas dan ini akan dibentangkan di dalam kertas putih pada 26 November. Akan tetapi soalan saya ialah, selain daripada undang-undang dan penjarakan mereka yang terlibat, adakah kerajaan bercadang untuk memberikan penerangan dan pendidikan kepada mereka yang bakal ditarik untuk menjadi pengganas pergi ke ISIS, kerana pada saya, pengetahuan itu adalah lebih penting. Untuk menangani isu ini, kita hendaklah memenangi hati dan minda, dengan izin, *to win their heart and minds*. Pada saya, pendekatan ini juga adalah penting selain daripada penjarakan mereka.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

6.39 ptg.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 100300 – Sistem Biometrik Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional Nexcode (NERS).

Seperti mana yang saya telah bangkitkan dalam perbahasan Jawatankuasa Kementerian Sumber Manusia, kira-kira 1.5 juta pekerja asing datang ke Malaysia hampir setiap tahun. Pada masa sekarang, dianggarkan terdapat 6.7 juta pendatang asing di Malaysia dan daripada jumlah itu, hanya 2.1 juta sahaja yang mempunyai permit yang sah, selebihnya kira-kira 4.6 juta memasuki secara haram.

Di sini saya ingin memohon penjelasan pihak kementerian, sejauh manakah sistem biometrik ataupun pengesanan cap jari yang merekodkan data rakyat asing yang merupakan satu-satunya inisiatif yang dikemukakan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Tanpa Izin (JKKPA PATI) untuk pengurusan pekerja warga asing yang lebih baik dan berkesan, di mana sistem ini hanya wajar diteruskan sekiranya ia membuahkan hasil seperti yang dijangka.

■1840

Saya juga ingin mohon penjelasan, adakah pihak kerajaan bercadang untuk memansuhkan sistem sedia ada dan menaik taraf sistem baru imigresen sebagaimana yang telah Yang Berhormat Menteri hadir satu perjumpaan semasa lawatan rasmi beliau di Amerika Syarikat. Tuan Pengerusi...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Kuala Selangor, minta. Terima kasih Tuan Pengerusi. Setuju atau tidak Yang Berhormat Kuala Selangor kita mengambil modul yang ditunjukkan oleh Kerajaan Arab Saudi. Dia apabila jemaah haji ataupun yang pergi ke umrah yang tidak balik, yang kena penaltinya ialah syarikat yang bawa pergi ke haji ataupun pergi ke umrah. Supaya ini memberikan pengajaran. Sekarang kita dapat lihat mereka hanya pandai membawa masuk tetapi dari segi jaminan untuk mereka balik ke negara asal mereka tidak ada. Maka sebab itu setuju atau tidak Yang Berhormat Kuala Selangor kita mencadangkan

supaya syarikat yang bawa masuk ini mesti pastikan mereka ini mesti patuhi peraturan yang ditentukan oleh negara kita. Kalau tidak, syarikat itu yang akan diambil tindakan. Terima kasih.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Bukit Gantang. Saya fikir dengan adanya Jawatankuasa Kabinet mengenai pekerja asing dan pendatang tanpa izin yang mana pihak Kementerian Dalam Negeri merupakan salah satu ahlinya boleh menjawab persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020100 – Pengurusan Polis, iaitu akses khas pengadu melalui *Police Reporting System (PRS)*. PRS telah dibangunkan oleh PDRM sejak tahun 2006 untuk menerima sistem laporan polis melalui sistem komputer yang dibekalkan di balai-balai polis ke seluruh Semenanjung Malaysia. Ia merupakan satu sistem yang sangat baik dan dapat membantu proses penyiasatan dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan.

Di sini saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, melalui PRS ini adakah untuk diwujudkan satu akses kepada pengadu, di mana pengadu dapat mengikuti perkembangan kes yang dilaporkan dengan melayari portal tersebut. Ini bukan sahaja membolehkan pengadu mengetahui perkembangan kes yang dilaporkan, dengan melihat tindakan-tindakan susulan diambil yang oleh pegawai penyiasat. Malah juga dapat membaiki persepsi rakyat terhadap pihak polis. Di sini saya juga ingin bertanyakan, adakah pihak kementerian mempunyai mekanisme untuk mengambil sebarang tindakan kepada mana-mana laporan yang tidak disusulkan atau disiasat oleh pihak polis.

Tuan Pengerusi, perkara ketiga yang terakhir iaitu Butiran 11000 – Dasar Baru, iaitu penubuhan Pusat Penyelidikan Kebangsaan Jenayah dan Kepolisan. Pihak kerajaan saya difahamkan tidak pernah berputus asa dan saya sangat berterima kasih di atas komitmen yang telah ditunjukkan dalam mengurangkan jenayah. Malah terus komited sehingga menjadikan aspek jenayah ini dalam agenda rancangan pembangunan negara atau NKRA.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan penubuhan Pusat Penyelidikan Kebangsaan Jenayah dan Kepolisan atau dengan izin, *National Research Centre for Crime and Policing* untuk menjalankan penyelidikan akademik serta meneliti semua aspek yang berkaitan dengan jenayah dan kepolisan serta trend dan pola jenayah. Pusat ini adalah seperti di *Australian Institute of Criminology, The Scottish Centre for Crime and Justice Research* dan sebagainya. Pusat ini apabila ditubuhkan boleh digabungkan dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ada yang juga boleh menjadi badan untuk memerhati kerajaan dari segi aspek strategi, polisi, pendekatan undang-undang dan sebagainya dalam usaha untuk menangani jenayah di Malaysia dengan lebih berkesan. Ini juga selaras dengan tindakan kerajaan yang telah memilih untuk mengurangkan jenayah sebagai salah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai.

6.44 ptg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tiga Butiran. Pertamanya Butiran 020500 – Pencegahan Dadah. Hari ini kita lihat negara sudah hampir 60 tahun memerangi dadah dengan kaedah penangkapan, pemenjaraan dan sebagainya. Apakah kesan, apakah hasil atau natijah yang kita ada hari ini? Adakah penggunaan dadah berkurangan? Adakah penggunaan dadah menjadi berleluasa? Malah terdapat dadah-dadah sintetik dilahirkan. Adakah kematian disebabkan oleh dadah berkurangan? Adakah jenayah yang disebabkan oleh dadah berkurangan? Jadi ini adalah perkara penting yang perlu kita bagi perhatian. Bagi pendapat saya, perlu ada satu pendekatan yang berbeza. Perlu ada satu pendekatan, satu anjakan paradigma melihat bagaimana kita hendak menawan perkara dadah ini. Perlu kita ada satu pemerhatian di mana kita lihat pada mereka yang terlibat dengan dadah ini bukan sebagai penjenayah, bukan sebagai *criminal* dengan izin tetapi sebagai seseorang yang sakit.

Tuan Pengerusi, jumlah keseluruhan penagih tegar dadah tradisional yang ditangkap dalam tempoh lima tahun sejak tahun 2009 hingga 2013 ialah 267,320 orang. Bagi perjalanan dadah sintetik ada 333,350 orang. Kita lihat penyalahgunaan dadah sintetik sudah melebihi dengan angka yang tinggi. Saya ingin berkongsi sedikit tentang pengalaman saya. Baru-baru ini pada bulan Ogos, saya telah pergi ke Zurich, Switzerland bersama dengan delegasi Malaysia (MAC), untuk melihat polisi dadah di sana. Pada 20 tahun dahulu, terjadi satu krisis yang besar iaitu krisis Platzspitz dan Letten yang mana percambahan penggunaan dadah berleluasa di tempat-tempat yang terbuka. Tumbuh macam cendawan selepas hujan.

Kerajaan Switzerland telah mengambil tindakan yang drastik dan telah mengubah dasar polisi dengan mengadakan teras pencegahan *harm reduction* dengan izin, rawatan dan juga tindakan undang-undang. Kesannya hari ini tempat-tempat itu sudah tidak ada lagi. Jenayah yang disebabkan oleh dadah kurang, kematian disebabkan dadah kurang, HIV pun kurang dan orang dapat hidup dengan lebih baik lagi. Jadi Switzerland gerakan strategi pengurangan kemudaran dan Switzerland menjadi negara pertama melaksanakan terapi *Heroin-Assisted Treatment (HAT)*, dengan izin dan pusat pengambilan dadah *consumption room*. Jadi dengan secara mereka terlibat dengan penggunaan dadah tidak dianggap sebagai penjenayah...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kedah bangun Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Akan tetapi mereka dianggap sebagai pesakit-pesakit.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh tambah sedikit?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Tuan Pengerusi saya ingin menambah sedikit, data daripada – tentang yang disebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi data-data yang datang daripada Holland risalahnya sangatlah menggalakkan. Jadi itu saya rasa perlu salah satu benda yang boleh kita jadikan panduan. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Yang Berhormat Kuala Kedah memang arif tentang perkara itu.

Jadi saya ingin merujuk kepada butiran kedua iaitu 050000. AADK sejak tahun 2010 telah menjalankan satu transformasi, seiring dengan transformasi kerajaan. Pendekatan *Cure & Care* (C&C1M) dengan izin, yang menjadi teras perkhidmatan terbuka dan *open access* sejak tahun 2010 telah memberikan satu impak yang positif. Setelah pelaksanaan *Cure & Care*, bilangan *client* yang menerima rawatan secara sukarela semakin meningkat. Mengikut statistik jumlah *client* adalah seramai 1,550 orang pada tahun 2010 dan 9,367 orang pada tahun 2011.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai bangun Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit lagi, dan 14,436 orang pada tahun 2013. Jadi bagi tempoh ini sehingga sekarang terdapat 38,124 orang. Jadi kita lihat, bagaimana kesannya pendekatan AADK ini. Silakan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya setuju sangat dengan cadangan bagaimana kita harus perluaskan penggunaan dan khidmat Klinik *Cure & Care 1Malaysia*. Ini kerana di Lembah Pantai dan sekitar kota raya Kuala Lumpur, saya nampak memang penerimaan bagi pesakit dan mereka yang pergi untuk mendapatkan khidmat dan juga servis itu amat membanggakan. Jadi kita harap pihak kementerian kerana sebelumnya saya sudah minta supaya ditukarkan semua pusat AADK ini kepada Klinik *Cure & Care 1Malaysia*. Saya pohon pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Itu pun bagus, satu pandangan yang baik. Bagi mengurangkan dan mengelakkan jangkitan HIV, AADK dengan kerjasama KKM terlibat dalam Program Pengurangan Kemudaratan atau *Harm Reduction Program* yang dilaksanakan melalui *Medically-Assisted Therapy* ataupun *Methadone-Assisted Therapy* sehingga bulan Ogos 2014, terdapat 59 fasiliti AADK yang telah melaksanakan dengan Program Methadone dengan jumlah keseluruhannya 6,536 *client*.

Tuan Pengerusi, pelaksanaan program ini telah berjaya mengurangkan kejadian HIV melalui penagihan dadah suntikan dan kejadian HIV baru secara keseluruhan. Jadi kadar kejadian HIV melalui penagihan dadah suntikan telah menurun daripada 70% sehingga 80% pada 1990-an kepada 21.5% pada tahun 2013.

■1850

Ini satu perkara yang sangat membanggakan. Saya terus kepada butiran yang terakhir iaitu Butiran 030000 – Penjara. Saya hanya ingin sebut dua perkara tentang penjara ini satu statistik saya dapat terdapat 88% daripada pegawai penjara di Kajang telah mendapat *latent tuberculosis* (TB) yang tidak boleh menunjukkan simptom. Apakah masa depan mereka? Adakah rawatan telah diberikan kepada mereka? Bagaimana mereka mendapat ini? Berapa ramai banduan yang ada *tuberculosis* di penjara hari ini?

Jadi saya berpendapat bumiputera patut melakukan *screening* dengan izin yang lebih serius, diagnosis yang lebih serius, pencegahan, rawatan dan *follow up* kepada banduan-

banduan dan juga pegawai-pegawai di penjara supaya benda ini tidak berleluasa dan mendatangkan kemudaratan pada masa akan datang dan bagaimana perkara ini akan ditangani.

Perkara kedua ialah tentang perlunya penempatan *psychiatrists* atau pakar psikiatri dalam penjara. Ini kerana berdasarkan satu kajian daripada *The American Journal of Drug and Alcohol Abuse, Volume 36, issue one, pages 31 to pages 38*. Ini keputusan daripada kajian ini menunjukkan dengan izin, "*The prevalence of mental illness substance used disorders particularly off fit dependency was extremely high.*" Hampir 40% yang terlibat dalam penjara. Jadi perlu sangat satu pendekatan yang lain untuk membantu kerana apabila mereka keluar dari penjara, mereka akan bawa penyakit-penyakit ini dan mereka mungkin akan terpaksa masuk lagi dan terlibat dengan dadah sekali lagi.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanyakan beberapa persoalan di sini. Pertama saya ada terdengar PDRM melatih AADK, penangkapan tentang hal ehwal penangkapan dan penyiasatan penyalahgunaan dadah. Adakah AADK akan buat *u-Turn*? Ataupun, adakah AADK akan menguruskan konsep keterbukaan dan kesukarelaan ini? Keduanya apakah persepsi dan sejauh manakah penerimaan masyarakat tentang perkataan *harm reduction* ini terutamanya Needle Syringe Exchange Program (NSEP) dan juga OST ataupun *opioid methadone therapy*.

Saya ingin bertanya contohnya di Zurich. Di Zurich, *harm reduction* melalui *Hearing Associate Therapy* (HAT) terbukti dalam jangka panjang sangat berjaya. Maknanya semua jenayah, kematian, HIV kurang. Adakah kemungkinan HAT diamalkan di Malaysia. Saya ingin bertanya lagi adakah kerajaan bersedia untuk menyediakan rawatan kesinambungan apabila seseorang dimasukkan ke dalam lokap. Contohnya perubatan tentang ARV, *tuberculosis methadone*, atau pun darah tinggi, kencing manis, jantung dan sebagainya untuk mengelakkan keadaan tahanan menjadi lebih uzur ataupun kematian.

Tuan Pengerusi, sikit lagi. Menghukum penyalahgunaan dadah sehingga kini tidak dapat sebenarnya mengurangkan masalah yang kronik ini. Kemudian –dan juga kemudaratan dadah. Saya ingin bertanya apakah apabila yang difikirkan ketum akan dimasukkan ke dalam senarai ini? Apakah matlamat akhir kita sebenarnya? Adakah kerajaan bersedia untuk mencari dan bertemu dengan pengguna ketum yang tegar ini untuk berusaha mencari satu jalan yang alternatif dan yang lebih efektif daripada memenjarakan seseorang itu dan menyebabkan dia dilabel dengan stigma seorang banduan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerantut lepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

6.54 ptg.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya sikit sahaja, hanya ada dua persoalan. Pertama di bawah perkara Butiran 020500 – Pencegahan Dadah. Kita tahu tahun 2015 merupakan tahun di mana Malaysia bebas dadah. Akan tetapi berdasarkan kepada pemerhatian dan perkembangan penagih dadah sekarang ini nampaknya

tidak menunjukkan dan tiada tanda-tanda menunjukkan ke arah kita boleh mencapai matlamat yang telah saya nyatakan tadi.

Kita baru-baru ini dikejutkan dengan peristiwa kematian empat orang iaitu tiga orang Melayu dan seorang Cina dan seorang India dalam satu festival yang dinamakan *Festival Future Music Asia* di Bukit Jalil. Lingkungan mereka yang terlibat ialah dalam umur 21 tahun hingga 28 tahun. Ini menunjukkan bahawa golongan muda kita, golongan yang diharapkan menjadi pelapis kepada kepimpinan negara di masa akan datang begitu mudah terjerumus ke arah penagihan dadah ini. Perkembangannya telah pun merebak sehingga ke kampung-kampung tradisional malah hingga ke kawasan-kawasan pendalaman. Jumlah kalau kita tengok jumlah rampasan dadah terkini kita lihat perkembangannya semakin meningkat.

Kalau kita perhatikan baru-baru ini rampasan dadah di KLIA berjumlah 24.97 kilogram. Kemudian terbaru pada 10 September 2014, kita dikejutkan lagi dengan nilai jumlah rampasan dadah bernilai RM10 juta di mana 10 orang individu terlibat iaitu di Segamat, Johor kalau kita boleh gunakan alamat tersebut. Dengan terjumpanya sebanyak 38 kilogram syabu, 36 kilogram cecair syabu dan empat kilogram heroin dan 6,000 pil kuda. Perkembangan ini sekali lagi membuktikan bahawa gejala dadah ini semakin membimbangkan kita. Trend membawa masuk dadah ke Malaysia dan Malaysia dijadikan transit untuk menyebarkan dadah ke tempat-tempat lain.

Persoalannya, apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini oleh kerajaan untuk terutamanya dari segi penguatkuasaan. Adakah kita lemah dari segi penguatkuasaan atau undang-undang kita belum cukup kuat untuk memastikan apa juga bentuk penyebaran dadah ini dapat kita banteras sama sekali. Di manakah masalahnya? Adakah permasalahannya hampir sama dengan pencerobohan hutan di Cameron Highlands umpamanya, di mana melihatkan kegagalan kita dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan negara. Tuan Pengerusi, saya sangat mengharapkan agar kita bertegas dalam masalah dadah ini demi keselamatan negara.

Tuan Pengerusi perkara yang terakhirnya ialah P.11000- Ibu Pejabat Polis. Tahniah kepada kementerian kerana sentiasa mengambil berat dalam infrastruktur kepolisian bagi menjamin kesejahteraan seluruh warga polis dalam menjalankan tugas mereka. Cuma harapan saya ialah pembangunan infrastruktur kepolisian ini dapat disebarluaskan hingga ke daerah-daerah yang lebih kecil misalnya seperti di Daerah Jerantut.

Janganlah kita mengharapkan pembinaan ini berdasarkan semata-mata kepada bilangan kes-kes jenayah yang tinggi baru kita hendak buat ibu pejabat polis yang baru ataupun balai-balai polis yang baru. Kita pastikan kaedah-kaedah lain yang boleh memberikan kita kekuatan untuk kita membina institusi yang berkaitan dengan kemudahan kepolisian ini agar masalah yang berkaitan dengan keselamatan ini dapat kita banteras di peringkat awal dan sekali gus ia akan menyumbang ke arah peningkatan perkhidmatan anggota polis sendiri. Tuan Pengerusi, akhirnya saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri. Boleh habis dalam masa satu hingga satu setengah jam Yang Berhormat? Yang lain kena bertulislah.

6.58 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mempunyai semua rekod buat soalan yang telah dibangkit satu persatu dan saya mengucapkan terima kasih kepada 20 orang yang berhujah dalam memberi persoalan, pertanyaan, saranan kepada kementerian. Tuan Pengerusi biarlah saya mulakan daripada yang terakhir menjawab ini berlandaskan kertas-kertas yang datang kepada saya.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Selayang iaitu anggota RELA. Sebenarnya RELA kini menggunakan pakaian baru iaitu Pakaian Operasi Digital (POD). Setakat ini sebanyak 45,000 pasang telah diagihkan di seluruh negara dan 50,000 pasang lagi sedang dalam usaha perolehan. Sementara itu pada tahun ini saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang telah menyumbang kepada pembelian pakaian RELA ini dengan sumbangan RM50,000 seorang.

■ **1900**

Kedua, juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Selayang, latihan yang diberi kepada anggota RELA, sama ada kita berkemampuan untuk melatih anggota RELA yang sekarang ini telah mencecah jumlah yang 3 juta sebenarnya untuk rekod. Tetapi dalam rekod kita juga menunjukkan bahawa hanya 1 juta sahaja anggota-anggota ini yang aktif. Jadi kita berharap supaya semua mereka ini, satu diberi latihan, kedua diberi uniform yang bersesuaian.

Masa kini, lima jenis kursus diberi kepada anggota RELA iaitu:

- (i) Kursus Pengelolaan;
- (ii) Kursus Asas Rela;
- (iii) Kursus Pengurusan dan Pengendalian Senjata Api;
- (iv) Kursus Kepimpinan dan Relawan; dan
- (v) Kursus Asas *Crisis Management*

Setakat ini, 355,160 anggota telah dilatih, sasaran pada tahun hadapan ialah 61,000 lagi anggota akan dilatih pada tahun ini.

Tuan Pengerusi, beralih saya kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Kerjasama, latihan bersama antara PDRM dan AADK. Yang Berhormat Bagan Serai, di mana tadi? Saya amat menyanjung tinggi ucapan Yang Berhormat macam memang mengetahui soalan yang dibangkit dalam hubung kait kita menangani masalah dadah ini.

Yang Berhormat, sebenarnya secara puratanya Dasar Dadah Malaysia sekarang ini berlandaskan kepada undang-undang yang ada pada kita sekarang ini, iaitu kita menguatkuasakan undang-undang dengan menangkap dan menghantar mereka yang

melakukan kesalahan ke penjara. Yang kedua ialah untuk mengubat dan memulihkan mereka yang terlibat dengan penggunaan dadah.

Jadi, walaupun ada di antaranya undang-undang ini masih samar-samar, kerana penangkapan oleh pihak polis, dia diserahkan kepada majistret dan majistret telah mendapat laporan daripada pihak *medical* mengesahkan seseorang itu telah atau telah menggunakan dadah, dan Majistret akan memberi hukuman supaya orang itu dimasukkan ke dalam tahanan. Di sana pihak AADK akan merawat dan memulih mereka ini dengan pelbagai latihan dan juga memberi latihan-latihan secara moral dan praktikal termasuk latihan-latihan skil untuk mereka mencari pekerjaan alternatif apabila mereka telah keluar daripada tahanan itu nanti.

Tetapi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, berhubung dengan *Cure & Care* yang telah dilaksanakan kita semenjak tahun 2010, ada tuduhan-tuduhan mengatakan bahawa kita hendak menamatkan program ini. Sebenarnya Yang Berhormat, saya tegaskan di sini, program ini tetap akan dilaksanakan. Bahkan Kabinet telah mengesahkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) memberi arahan kepada AADK supaya program ini diteruskan dengan menggunakan rawatan secara sukarela mereka ini datang ke *Cure & Care*.

Kita akan melaksana dan memperluaskan lagi *Cure & Care* di seluruh negara. Tetapi dalam masa yang sama Yang Berhormat, kita belum lagi sampai ke tahap sebagai mana yang kita lihat di luar negara khususnya di Eropah, yang mana sebenarnya sebahagian daripada penggunaan dadah itu telah dihalalkan penggunaan beberapa jenis dadah, khususnya jenis dadah tradisi. Ini telah dihalalkan oleh banyak negara, di Eropah dan Amerika masih mendebatkan sama ada menghalalkan ataupun tidak, tetapi ada negeri-negeri di Amerika telah menghalalkan penggunaan dadah.

Kita masih lagi menjurus kepada undang-undang kita sendiri hinggalah undang-undang ini diselaraskan. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa KDN telah membuat beberapa seminar dan perbincangan dengan pihak bijak pandai berhubung dengan Dasar Dadah Negara. Kita akan menggubal Dasar Dadah Negara yang baru dengan harapan sebelum bulan Jun tahun 2015, Dasar Dadah Negara macam mana kita akan bergerak ke masa hadapan untuk membahagikan dadah ini, satu penguatkuasaan dan satu lagi rawatan dan pemulihan dengan jelas, dengan tidak perlu lagi ada kesangsian pihak-pihak AADK melaksana dan pihak polis melaksanakan ini.

Dasar ini masih lagi dalam kajian terperinci oleh pihak Institute Public Policy Security Policy KDN yang baru ditubuhkan dalam masa Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini masuk kepada kementerian ini.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Pada ketika ini, institut ini masih muda dan bekerjasama kita dengan universiti dan *Professors' Council* pun berjalan dengan baik. *Insyallah* Yang Berhormat, kita dapat melaksanakan dasar ini dan memperkenalkan undang-undang yang lebih canggih dan ke hadapan untuk menangani masalah dadah negara.

Tetapi dalam masa yang sama Yang Berhormat, saya juga ingin menyebutkan perkara kedua yang disebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai berhubung dengan tahun 2015. Sebenarnya keputusan tahun 2015 ini adalah ditetapkan Tuan Pengerusi oleh pihak ASEAN supaya ASEAN- Free Drug ASEAN pada tahun 2015. Selepas perbincangan saya dan mesyuarat peringkat Menteri di Brunei dan juga di Vietnam, yang saya hadir di dua peringkat. Kita semua bersetuju secara *consensus* bersetuju bahawa tidak akan mungkin negara ASEAN boleh mencapai Drug Free ASEAN pada tahun 2015.

Walau bagaimanapun kita belum membuat pengisytiharan *target* atau sasaran kita untuk membuat *Free ASEAN* ini pada tahun 2015. Saya juga telah menghadiri satu *conference*, Yang Berhormat dan saya berjumpa dengan Pengerusi United Nation Drug Global Policy semasa berada di Vienna. Saya banyak berbincang dengan beliau berhubung dengan soal bagaimana menangani dadah khususnya undang-undang kita. Yang disentuh ialah Undang-undang Dadah Merbahaya 1952, yang mana ada hukuman berat, mandatori, gantung sampai mati yang banyak disebut dan dibangkit oleh pihak dalam mesyuarat tersebut.

Walau bagaimanapun, kita dengan Singapura masih bertegas mempertahankan undang-undang ini dan kita melihat juga bila Dasar Dadah Negara ini dibuat nanti, sama ada kita akan mengubah dasar ini, mengubah undang-undang ini, pinda undang-undang ini seterusnya sebelum kita buat keputusan, Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menambah sedikit satu pandangan tentang apa yang berlaku di Barat sekarang dan di Amerika menggunakan dadah tradisional. Pada saya itu kalau kita lihat ialah salah satu cara yang juga merupakan *harm reduction*, dengan izin yang kita sudah buat di sini. Kita guna *methadone* dan kita gunakan buprenorphine (Subutex), lebih kurang begitu. Cumanya ialah dadah tradisional tadi terutama *marihuana* didapati kanabis, didapati kurang, kanabis, maaf kanabis ini sebenarnya kurang kesan sampingan, malahan sangat sedikit kesan sampingan berbanding dengan yang kita gunakan sekarang.

Subutex misalnya saya berpengalaman singkat membantu penagih dadah kesannya juga sangat buruk. Kebergantungan pada Subutex itu juga sangat buruk. Jadi saya ingat kita boleh lihat itu sebagai sebahagian daripada *harm reduction* dengan izin. Dan juga satu lagi ialah saya rasa selagi kita tidak memandangi ini sebagai satu perkara yang serius bahawa *harm reduction* juga boleh memberikan impak yang sangat positif kalau dibuat dengan baik, selagi itu kita akan menghadapi masalah kerana kita menjenayahkan penagihan tadi secara umum. Itu tidak betul. Terima kasih.

■1910

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya ingin menyentuh sedikit tentang hukuman memenjarakan orang kerana kesalahan membawa dadah ini. Adakah sama bawa banyak dengan bawa sedikit? Ini kerana memenjarakan orang akan akhirnya menyebabkan stigma. Adakah kerajaan bersedia untuk menghapuskan rekodnya, umpamanya setelah

beberapa tahun supaya dia senang dapat kerja dan meneruskan kehidupan. Banyaknya yang tidak dapat kerja kerana orang yang penjara bekas banduan dia akan jadi stigma seumur hidup.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Masalah yang sama juga. Adakah di sana itu pandangan yang lain tentang dadah ini kerana ada pandangan setengah-setengah ulama mengatakan bahawa dadah ini sama dengan arak. Ini kerana dia memberi kesan kepada otak, buat kita khayal dan sebagainya. Jadi, kalau mengikut Islam, hukum orang yang meminum arak ialah rotan 40 kali. Adakah di sana cadangan atau pandangan Islam ini diambil kira dalam kita memikirkan penyelesaian kepada masalah dadah. Ia menyelesaikan banyak perkara. Pertama, kita tidak perlu kepada pusat-pusat serenti. Kita tidak perlu kepada penjara untuk memenjarakan mereka yang mengambil dadah ini. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Ada tiga perkara yang dibangkit iaitu satu, berhubung dengan alternatif atau to *reduce harm* ini. Kita menggunakan dadah alternatif *diprescribe* oleh pihak-pihak yang tertentu yang mempunyai kepakaran. Khususnya, kalau kita lihat Malaysia menggunakan *methadone* untuk merawat mereka ini supaya *withdrawal* daripada penggunaan dadah ini tidak memberi kesan yang begitu buruk. Akan tetapi dia mestilah dilaksanakan oleh pihak doktor yang mempunyai kepakaran supaya dia tidak melebihi batas dan tidak juga menjadi satu ketagihan yang lain. Hilang satu ketagihan, menjadi satu ketagihan yang lain. Jadi, ini kita laksanakan menerusi *proper administration* oleh pihak doktor yang pakar dalam sudut ini.

Kedua Yang Berhormat, saya bersetuju soalan stigma ini Yang Berhormat. Ini sebabnya dalam *Cure & Care* kita dan juga pertahanan kita ini, kita memberi banyak latihan. Kadang-kadang stigma seseorang yang telah menggunakan dadah ini ataupun dadah *addict* ini, dia kurang diterima oleh pihak-pihak majikan. Walaupun pihak penjara berjumpa dengan majikan-majikan tetapi penerimaan itu masih lembap. Pandangan pihak majikan di luar sana masih berkurangan untuk menerima mereka ini kerana bimbang bahawa pihak penagih ini akan bakal mendatangkan kemudaratan kepada *business-business* mereka. Akan tetapi walau bagaimanapun kita tidak juga boleh berubah dengan seberapa cepat Yang Berhormat.

Kita kena melihat juga, kita kena kaji dan kita kena selidik. Itulah kenapa kita meminta pihak Institut Kajian Keselamatan (IPSOM) untuk membuat kajian dan bersama dengan pihak universiti untuk memberi laporan kepada kementerian. Supaya ini boleh dipanjangkan kepada pihak kerajaan untuk melaksanakan Dasar Dadah Negara. Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, banyak lagi persoalan ini, saya boleh panjang cerita fasal dadah ini Yang Berhormat.

Satu lagi soalan dadah ini, kalau soalan berkurangan atau dia berlebihan. Sebenarnya, kita sudah menubuhkan satu badan dalam PDRM untuk menangani masalah dadah dalam sudut risikan, tangkapan dan serbuan. Itulah kenapa kalau kita lihat sekarang banyak yang ditangkap, banyak yang telah kita jumpai oleh kerana tindakan-tindakan yang terperinci oleh pihak Polis Diraja Malaysia. Walaupun bagaimana Yang Berhormat, kalau kita lihat apa yang berlaku di dunia, umpamanya di Golden Triangle. Ia masih beroperasi dan tidak ada alternatif. Saya pernah berbincang dengan pihak-pihak di Myanmar umpamanya, supaya mencari alternatif *business*

industry lain menggantikan industri pengeluaran dadah *opiate* ini. Akan tetapi mereka belum boleh mencari benda yang boleh ditanam, yang boleh dibuat dengan seberapa cepat dan mendatangkan hasil yang lumayan.

Itu yang kita lihat dalam Golden Triangle, ia akan terus mengalir keluar ke dunia. Begitu juga di Golden Crescent iaitu di Iran, Afghanistan dan Pakistan itu dipanggil Golden Crescent. Di *area* ini Yang Berhormat, alternatifnya satu sahaja sama ada tanam benda ini ataupun angkat senjata. Jadi, pihak dunia melihat alternatif mana yang hendak dipilih. Jadi, dalam keadaan semua pihak di dunia serba salah. Ini dibincangkan di seluruh dunia tetapi di Latin Amerika di Emerald Triangle dipanggilkan di sana, ini juga satu masalah. Ada negeri-negeri, khususnya Columbia. Secara besar-besaran, Menteri berucap industri pengeluaran dadah di Columbia kata dia Yang Berhormat, industri dia kata. Jadi, dalam keadaan demikian, negara kita berhadapan dengan keadaan yang mana mereka sudah mengata ini satu industri untuk kehidupan dan pembangunan negara mereka. Begitu juga pengeluaran *synthetic drug* daripada negara China dan Afrika yang juga boleh menurun ke negara kita ini.

Jadi, dalam hal sedemikian...

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Masalah tadi, masalah pengeluaran kita tidak boleh sekat. Akan tetapi masalah *demand*...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya belum sampai ke situ Yang Berhormat, saya akan sentuh itu.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Satu lagi masalah *demand*. Kalau kita boleh sekat *demand*, maka pengeluaran itu akan sendiri berhenti. Sama macam *ivory*, yang masalah *ivory*. Kalau tidak ada guna itu, tidak ada orang pergi tembak gajah atau *rhino* di Afrika itu, begitulah juga dengan dadah. Kalau tidak ada orang hendak dadah, tanamlah banyak mana pun, tidak ada orang hendak.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya setuju Yang Berhormat, saya setuju Yang Berhormat. Saya setuju kalau tidak ada *demand* dan tidak adalah *supply* dia. Ini memang betul tetapi malangnya Yang Berhormat, mudah sangat orang kita tertarik. Kalau kita hendak *ong* sedikit, kalau dia semalam boleh dalam *night club* dari jam lepas bekerja sepanjang hari, dia hendak pergi *night club* hendak sepanjang malam pula, dia kena guna *methamphetamine*. Itu boleh memanjangkan masa dia *one shot*, lapan jam. Memang kajian ada dibuat. Lepas itu, daun ketum pula Yang Berhormat. Daun ketum ini pula, ibu bapa tidak memahami. Bekal anak dengan daun ketum, masuk dalam plastik, rasa mengantuk tengah hari, bagi satu *shot, just one glass*, dengan izin Tuan Pengerusi. Bam! Empat jam relaks. Handal, boleh main *football* pukul 3, pukul 4 petang.

Jadi, ini telah menunjukkan bahawa- tetapi saya telah meminta profesor dari Universiti Malaya untuk buat kajian semenjak saya masuk ke sini. Akhirnya, saya berjaya menarik supaya daun ketum ini diserahkan kepada Kementerian Dalam Negeri atas persetujuan Kabinet.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Selepas itu supaya kita merancang, bahkan nama saya diletak dalam Kabinet *paper* mengatakan ini cadangan daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Minta celah.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Supaya diletakkan di bawah *schedule* Akta Dadah Berbahaya 1952.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Minta celah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sik bangun.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Satu garis panduan cerita ini Yang Berhormat. Jadi, selepas itu saya sudah dapat tandatangan daripada Menteri Kesihatan untuk ini didaftar ataupun *direregister* atau digazet di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 sebagai *schedule*. Di bawah *schedule* ini Yang Berhormat, diletak di bawah seksyen 12. Di bawah seksyen 12 ini ada kuasa-kuasa Menteri, dengan itu maknanya kita tidak kehilangan bahan untuk kajian, untuk ditukar di satu *herb* yang begitu penting, boleh dikaji, diguna sebagai satu bahan ubat kepada negara di bawah seksyen 12, Akta Dadah Berbahaya 1952. Boleh dikaji dengan syarat ada kelulusan daripada pihak kementerian atau daripada Menteri. Jadi, ia juga menjadi kesalahan kalau dijual dengan tidak ada kebenaran.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Yang Berhormat Menteri, boleh celah?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Bagi mana dahulu?

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat Jasin dahulu.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hanya ringkas sahaja. Yang Berhormat Menteri tadi sebut tentang dadah-dadah yang terjadual. Akan tetapi adakah Yang Berhormat Menteri maklum, di kawasan saya banyak daripada penggiam-penggiam ini adalah penghidu gam yang telah banyak menyebabkan banyak pemuda jadi gila. Walaupun gam ini hanya ditafsirkan sebagai racun oleh Kementerian Kesihatan tetapi ia tidak diklasifikasikan sebagai dadah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■1920

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak bagi satu cadangan berkenaan dengan daun ketum ini. Ketum ini *perception* orang awam kepada penagih yang tegar, air ketum ini bagi kesan yang serius. Akan tetapi kalau kita hendak tengok daripada orang awam di kampung-kampung bukan setakat orang awam biasa, malah orang-orang yang profesional menganggap daun ketum ini sebagai ubat.

Jadi, bila kita tengok *perception* orang pada ketum ini sebagai ubat jadi ketum ini tidak menimbulkan satu *perception* yang tidak baik. Jadi, ini menimbulkan masalah pada kita untuk kita menghalang daripada penagih-penagih ini makan ketum. Contohnya dadah. Dadah itu kita

hendak bagi *perception* orang itu nampak dadah itu buruk sampai kita bubuh label najis dadah. Itu pendapat saya Yang Berhormat Menteri.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah menerima selepas kajian dan pengumpulan semua data dan maklumat berhubung dengan daun ketum bahkan sejarah daun ketum. Bagaimana dia mula masuk ke Tanah Melayu ini dahulu bersama dengan benda-benda lain di sini dan menjadi satu pokok tanaman dalam hutan.

Jadi, saya sudah mendapat semua sejarah dan juga kesan-kesan daun ketum ini. Sebenarnya Yang Berhormat, kesan daun ketum ini kalau digunakan berpanjangan dan kalau orang itu sudah ketagih minum air ketum ataupun makanan bahan ketum ia akan membinasakan otaknya Yang Berhormat, ia akan membinasakan otaknya. Berlainan daripada apa persepsi awal yang saya terima mengatakan getah ketum ataupun sap daripada ketum itu akan tinggal dalam dada atau dalam badan tidak boleh dikeluarkan. Tidak boleh di *discharge* oleh sistem manusia itu sendiri.

Akan tetapi mengikut kajian yang dibuat oleh profesor dari Universiti Malaya yang diserahkan kepada saya bahawa ketum ini akan membinasakan otak, menghilangkan fikiran dan membuat seseorang itu cepat marah. Akan tetapi dalam masa yang sama Yang Berhormat ada bahan-bahan menunjukkan bahawa daun ketum ini mempunyai satu ciri yang unik. Dia lebih berkesan lagi untuk menangani sakit daripada morfin. Dia lebih elok lagi daripada morfin untuk penyakit.

Itulah kenapa orang kampung kita menggunakan itu, kalau dia sakit dia minum itu dia rasa lega. Inilah kesan dia tetapi kalau digunakan sepanjang masa sebagaimana yang berlaku sekarang diminum, dibawa ke sekolah tiap-tiap hari, ini yang mendatangkan kesan buruk selepas menggunakan sepanjang masa. Jadi, ini yang kita hendak elakkan. Akan tetapi oleh kerana diletakkan di bawah seksyen 12 Yang Berhormat, kita boleh kawal dan kita boleh tangani masalah ini. Itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat dari Jasin berhubung dengan gam. Yang Berhormat, sebenarnya negeri seluruh Malaysia ini Sarawak lah yang banyak sekali insiden penggunaan gam. Jadi, dalam keadaan sedemikian saya bukanlah kerana orang Sarawak, menjadi satu misi dan visi saya untuk mengatasi masalah ini. Akan tetapi masalahnya kajian dimulakan pada tahun 1995 dahulu. Menteri daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tahu ini. Kawan pun banyak bercakap dalam Dewan dahulu cerita ini. Jadi, beliau mengetahui 500 lebih item domestik yang kegunaan harian kita yang boleh digunakan sebagai gam.

Selain daripada itu boleh diguna **kaudang**, **dangdang** macam-macam, semua boleh pakai. Jadi, oleh kerana masalah ini berlaku maka negara Singapura, dia orang mempunyai satu undang-undang. Undang-undang ini bukan undang-undang *punitive*, undang-undang ini undang *control* sahaja. Begitu juga negara Thailand yang saya sudah kaji dua-dua undang-undang ini dan saya sudah minta penasihat undang-undang Kementerian Dalam Negeri untuk mengkaji, untuk memperkenalkan undang-undang ini juga.

Sampai kini oleh kerana banyak masih yang tertunggak undang-undang ini Yang Berhormat kerana kekangan daripada semua pihak daripada kementerian kami sendiri, AG dan semua pihak supaya undang-undang ini boleh dibawa ke AG. Draf nya mudah, rangka drafnya kita sudah buat dah. Hantar AG untuk penapisan, selepas itu untuk Kabinet luluskan sebelum dia sampai ke Dewan untuk menangani masalah gam ini. *Insyah-Allah* Yang Berhormat, kita melihat dan kita mengetahui. Saya tahu dan mengkaji hal ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Menteri, tentang cadangan merotan mereka ini macam mana? Tidak ada dalam cadangan?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, ini juga Yang Berhormat, saya telah berjumpa dengan 32 NGO termasuk wakil daripada semua NGO Islam dan sebagainya, satu *workshop* selama dua hari, memang tidak balik. Kita duduk di sana dua hari itu. Kita berbincang soalan ini, apa cara kita menangani. Tujuan perjumpaan saya itulah kerana salah satu daripada undang-undang kita yang mempunyai *sunset clause* yang bakal pupus pada tahun hadapan, yang hendak kita... sebelum saya berjumpa dengan Ahli-ahli Parlimen.

Saya akan berjumpa dengan semua Ahli Parlimen nanti. Tidak kira daripada kerajaan ataupun daripada pembangkang, saya akan berjumpa dengan semua Ahli Parlimen ini untuk bertanya apa yang perlu kita buat, apa keputusan kita berhubung dengan dadah ini. Undang-undang ini bolehkah dibaharui, perlu kah diperbaharui bila tiba masanya nanti.

Saya akan membawa perkara ini ke tahun hadapan Yang Berhormat, *insyah-Allah* pada bulan April persidangan yang akan datang kita akan berbincang soalan ini. Ini kerana saya sudah berjumpa semua pihak NGO dan pihak-pihak agensi kerajaan tetapi keseluruhannya, rata-rata berkata pertama, tidak payah lagi buat *sunset clause*, teruskan sahaja buat macam undang-undang biasa. Tidak payah kaji *every five years* dengan izin. Teruskan sahaja.

Kedua, ada juga yang mencadangkan Yang Berhormat. Percayalah ada yang mencadangkan katakan bagi rotan banyak-banyak. Teruskan kata dia. Jadi, secara rasionalnya kementerian kena kaji, melihat secara total kesan dan impak apa kemahuan rakyat Malaysia berhubung dengan kita menangani masalah yang melibatkan anak-anak muda kita yang telah terlibat dengan dadah ini. Yang Berhormat, kalau tidak diteruskan dengan cerita lain Yang Berhormat tidak boleh habis cerita saya.

Yang Berhormat Batu Kawan. Ini saya pulang Yang Berhormat Batu Kawan. Beliau menyatakan terdapat seramai 1,300 banduan wanita di penjara dan 1,000 banduan wanita adalah warga asing. Beliau meminta pecahan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh banduan wanita asing ini. Berhubung dengan banduan wanita Yang Berhormat, sebahagian besar kesalahan banduan wanita asing adalah di bawah Akta Imigresen. Manakala kesalahan lain adalah di bawah Akta Dadah Berbahaya dan kesalahan-kesalahan Kecil lain. Inilah secara keseluruhannya kerana kesalahan dadah, berbalik kepada kesalahan dadah bahawa kesalahan dadah mempunyai komposisi 49.6% di seluruh penjara Malaysia. Akan tetapi ada negeri-negeri menunjukkan dadah ini tinggi dari negeri-negeri yang lain. Jadi, saya sudah bertanya, berjumpa

dengan pengarah-pengarah penjara di seluruh negara dan bertanya kesan dadah ini di penjara yang mana dan berapa nisbah yang terlibat dengan dadah atau kesalahan-kesalahan lain.

Yang RM100 juta Yang Berhormat Selayang. Ini berpusing-pusing Yang Berhormat ya. RM100 juta di bawah *improve the safety perception index*. Ini Yang Berhormat memang satu masalah yang kita hadapi sekarang Yang Berhormat. Yang Berhormat Selayang masih ada di sini? Perlu jawab tidak ini? Sebenarnya saya boleh bercakap panjang juga cerita ini Tuan Pengerusi, sebenarnya saya dalam jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam menangani jenayah ini dan persepsi jenayah di seluruh negara.

Pihak NKRA telah membuat kajian bahawa memang berlaku *trend* pengurangan insiden jenayah di seluruh negara tetapi ada juga kesalahan-kesalahan yang masih mendatar ataupun macam sama juga dari tahun lepas dengan tahun ini. Umpamanya, kes ragut, ia mendatar tetapi kes yang meningkat ialah kecurian motor. Akan tetapi kes-kes lain nampaknya menurun. Pecah rumah, curi bersenjata dan sebagainya, semua menurun. Akan tetapi, masalahnya Yang Berhormat ialah persepsi masyarakat.

Persepsi masyarakat masih meningkat memikirkan bahawa tidak ada penurunan jenayah dan tidak ada kesan kekurangan ketakutan masyarakat dengan jenayah.

■1930

Akan tetapi, trend ini kalau dibandingkan dengan negara-negara lain khususnya Australia, United Kingdom, New Zealand, persepsi ini memang sedemikian rupa. Walaupun berkurangan di negeri-negeri yang saya sebut tadi, persepsi masyarakat masih mengatakan bahawa jenayah itu masih satu perkara yang besar di negara mereka. Itulah kenapa peruntukan diperuntukkan ini ialah untuk menangani masalah persepsi ini.

Masalah persepsi ini bukanlah untuk PATI dan sebagainya Yang Berhormat, banyak kegunaan. Untuk *community policing* dan sebagainya untuk membantu pihak polis dan menangani, memberi sumbangan untuk motor dan sebagainya. Itulah kegunaan sumbangan yang diberi kepada pihak NKRA.

Lagi kepada Yang Berhormat Batu Kawan. Artikel dalam *Malaysian Insider* mengenai warga asing dan mengaitkannya dengan laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat berhubung dengan pemerdagangan orang. Ini Yang Berhormat, memang satu perkara yang serius. Kita pernah dalam *tier 2 watchlist* tetapi sekarang kita diturunkan, selepas empat tahun secara automatik kita diturunkan kepada *tier 3*. Amerika telah memberi 11 perkara yang perlu kita tangani untuk mempertingkatkan prestasi kita dalam menangani masalah pemerdagangan orang ini.

Jadi Yang Berhormat, sebenarnya Menteri sendiri telah mempengerusikan, kalau tidak salah saya tiga kali, saya hadir sekurang-kurangnya dua kali mesyuarat *high level* yang mana Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri hadir dua orang, Yang Berhormat Senator Datuk Paul dan juga Yang Berhormat dari Batang Sadong hadir bersama dan saya pun hadir di sana. Wakil semua jabatan termasuk wakil AG, termasuk semua.

Tindakan yang dikehendaki dalam menangani masalah ini mengikut negara Amerika ialah salah satu daripadanya ialah meminda Undang-undang Antipemerdagangan Orang, dan yang kedua ialah untuk mempertingkatkan penyelidikan kita dan ketiga, mempertingkatkan, memperbanyakkan pertuduhan kita kepada pihak yang melakukan kesalahan di bawah ini dan banyak lagi kerana 11 perkara yang saya tidak ada di sini. Sebelas perkara yang kita tangani dan kita telah membuat, merancang dan mengambil tindakan tetapi tindakan kita itu memanglah ada umpamanya membawa undang-undang untuk dipinda ke Parlimen pun menerusi proses-proses yang tertentu. Inikan lagi kita hanya mempunyai dua hari. Tuan Pengerusi tahu, hari ini dan esok sahaja tinggal. Selepas itu kita akan *adjourn* Parlimen ini. Selepas itu Dewan Negara akan bersidang, kita ada hanya satu Dewan sahaja. Itu satu kekangan kepada kita.

Walau bagaimanapun, perancangan kerajaan untuk menangani masalah ini, *insya-Allah*, kalau semua sudah ditangani nanti, pada tahun hadapan harapan saya Yang Berhormat, kita akan meningkat ke atas lagi kerana semua yang diambil dikatakan oleh pihak Amerika itu telah kita ambil kira. Bahkan, kita akan berbincang dengan pihak NGO Amerika, berbincang dengan pihak Kedutaan Amerika berhubung dengan perkara ini untuk mempertingkatkan kedudukan kita di bawah *rating* Amerika ini.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya faham usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan pada *level* atau tahap antarabangsa tetapi berdekatan dengan kita juga di Apartmen Desa Mentari yang sering kali diketahui ramai sebagai sarang pemerdagangan manusia, sarang untuk pengedaran dadah, dah berapa tahun dah, *this issue has just been going on, it's an open secret*, Yang Berhormat Timbalan Menteri. So, *I don't know* bagaimana keberkesanan sering kali mengambil bahagian dalam persidangan antarabangsa apabila masalah, dengan izin, *"In our own backyard, we can't settle it. It's an open secret, everybody knows and I can just cite one place for you and there are hundreds and thousands more in this country"*, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Desa Mentari *is a good place, everybody knows it*.

So saya tidak faham macam mana, sama ada pengedar ini atau yang sebahagian daripada pemerdagangan orang ini mereka tahu undang-undang dan dengan izin, *they know how to go around it* ataupun *there is a secret in invisible hand in the police force or KDN that is protecting them*. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beri komen. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin tidak ada *better word to express it*, saya terimalah cakap Yang Berhormat mengatakan polis mungkin ada *hidden hand*.

Sebenarnya Yang Berhormat, istilah pemerdagangan orang di Malaysia itu berlaku oleh kerana beberapa sebab. Umpamanya kalau seseorang itu dibawa dari satu negara untuk bekerja sebagai *technician* di sini tetapi malang apabila sampai di sini, dia diberi kerja dalam kilang. Ini juga diistilahkan sebagai telah diperdagangkan. Kalau seseorang itu masuk beramai-ramai di sini untuk bekerja di tempat sebagai tempat yang lebih baik, dalam kilang umpamanya, tetapi malang bila sampai ke sini tidak ada kerja-kerja kilang tetapi telah bekerja dalam perladangan, dalam

construction site dan sebagainya, ini istilahnya. Sebenarnya pemerdagangan orang ini di Malaysia, kebanyakannya bukanlah dari sudut orang dia masuk dalam kontena sebagaimana ditunjuk dalam *Hollywood movie* tetapi sebenarnya orang ini dianiaya oleh majikan-majikan.

Itulah kenapa apabila pihak Imigresen khususnya membuat serbuan, banyak majikan kita telah tuduh. Akan tetapi apa yang tinggal di sini Yang Berhormat, apabila kita hendak menuduh ini, perbicaraan itu proses mahkamah, peguam boleh meminta ejen dan sebagainya, mahkamah juga mempunyai *schedule* nya sendiri dan peguam mempunyai *schedule* nya sendiri, semua ini proses-proses yang boleh melambatkan penyelesaian kes.

Dalam masa yang sama, saksi yang kita ada iaitu *victim* kita tersadai di rumah perlindungan. Rumah perlindungan pada ketika ini ialah dilaksanakan oleh kerajaan. Kita telah berbincang dengan Kementerian Wanita supaya Kementerian Wanita, pihak MAPO mencari NGO-NGO sebagaimana dikehendaki oleh pihak Amerika untuk menjaga rumah-rumah tumpangan ini supaya tidak lagi dijaga oleh pihak kerajaan tetapi dijaga oleh pihak NGO. Jadi ini kerjasama di antara kita dengan NGO dan juga dengan pihak Kementerian Wanita berterusan untuk melaksanakan semua harapan kita iaitu rumah tumpangan, rumah simpanan ataupun rumah perlindungan ini nanti akan diserahkan kepada pihak NGO, ia menyenangkan hati pihak Amerika.

Dalam masa yang sama, kita juga membuat pendekatan dengan pihak Amerika, memberi penjelasan kepada mereka yang sebenarnya kita telah banyak mengambil tindakan. Macam mana boleh negara kita Yang Berhormat, diletak di bawah negara-negara yang lebih teruk lagi daripada kita dalam menangani masalah ini tetapi mereka ada rating yang baik. Mungkin ada masalah pendekatan kita dengan pihak NGO, pendekatan kita dengan pihak Kedutaan Amerika dan NGO Amerika dan sebagainya. Ini telah kita lihat dan kita ambil kira dalam *High Level Task Force Committee* yang dipengerusikan oleh Menteri Dalam Negeri sendiri.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat...

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Timbalan Menteri...

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ringkas Yang Berhormat ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Stampin bangun.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sedikit lagi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih. Akan tetapi persoalan itu masih tidak terjawab lagi. Saya rasa bila Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan hujah-hujah tadi, saya pasti Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu bahawa masalahnya ialah dengan *enforcement*, dengan izin.

Sebagai contoh di negara Butan, bila undang-undang baru untuk mengekang penjualan rokok haram, minggu seterusnya, *the second week they have already implemented and enforced and numerous arrest have been made*, dengan izin. *So apa alasannya in Malaysia, year in and year out, year in and year out you find so much money being allocated for this seminar, this course, this persidangan, this forum, this dialogue, this workshop and yet, we have fallen one tier*

or two tier down to level three and dengan ini, hari ini Malaysia adalah setaraf dengan *Algeria, Central African Republic, Cuba, Democratic Republic of Congo, Equatorial Guinea, Eritrea, Guinea-Bissau, Iran, Kuwait, Libya, Mauritania, North Korea, Papua New Guinea, Russia, Saudi Arabia, Syria, Uzbekistan, Yemen dan Zimbabwe.*

■1940

So, these are countries Timbalan Menteri, *we always compared which are not democratic, not progressive, very backward and today we are same level with them, as far as* pemerdagangan orang *is concern* Timbalan Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *It is all based on enforcement. I mean, it's a few good answer* Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Okey Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *This is good on paper, but we don't see it in action. So, I hope- it is extremely serious. From babies to women, to young man exploited sold for flesh trade to be pin around to be used for all kinds of things...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dengan izin Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Okey Yang Berhormat. Ini bukan masa berucap Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sebab jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Dengan izin Yang Berhormat Timbalan Menteri. *The answer is good, it is a few good answers* Yang Berhormat Timbalan Menteri, *but the reality on the ground* Yang Berhormat Timbalan Menteri. *You know what's happening.*

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya tahu *the reality on the ground.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Banyak realiti Yang Berhormat tidak tahu juga. Sebenarnya kita mempunyai tindakan. Kita sudah melantik pegawai yang kita percayai boleh melaksanakan tugas ini. Jadi, apa Yang Berhormat sebut...

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Jadi, bagaimana sindiket-sindiket...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan berdialog macam ini Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Maaf Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan berdialog, jangan berdialog.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Maaf Tuan Pengerusi. Bagaimana sindiket-sindiket pemerdagangan orang dapat- *how can they go around the system. They find a loophole in the system* Yang Berhormat Timbalan Menteri *and they go around it. How is it that*

they escape immigration? How is it that they escape police when they do their checks. Sebagai contoh...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kalau macam ini kita tidak habis Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Simple example* Yang Berhormat Timbalan Menteri, *simple example*. Bila ada...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya kasihan tengok Yang Berhormat dari Puchong itu menunggu saya jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Just satu minit, because this is very important* Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sebagai contoh, *if there is a raid on illegal cyber café, it's an open secret everyone knows; (a) either five minutes before the officers come through the backdoor, all the computers are taken out* Yang Berhormat Timbalan Menteri; *or (b) they come, the police look, something happens and they leave.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *You are speaking more in English than* bahasa Yang Berhormat. Dengan izin, ya.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Dengan izin, *sorry* Tuan Pengerusi.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *Arrest the computer.*

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, so ini adalah contoh sahaja. Akan tetapi prinsipal ia digunakan *in all the enforcement agencies* Yang Berhormat Timbalan Menteri. *So, I know I understand,* saya faham jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya faham usaha-usaha yang dijalankan dan dilakukan. Akan tetapi nampaknya penguatkuasaan itu begitu lemah sekali dan ini perlu diakui oleh kementerian sendiri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, kalau hendak ulang lagi hujah ini Yang Berhormat, semua boleh berulang hujah Yang Berhormat. Minta maaf Yang Berhormat. Saya masa duduk di luar tadi saya tengok Yang Berhormat berucap, saya kata orang ini memang *very polite, very nice*. Akan tetapi janganlah hilangkan persepsi saya kepada Yang Berhormat itu.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Itu pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak berniat untuk menyinggung perasaan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, sila Yang Berhormat. Peraturan Yang Berhormat. Bila saya dah berdiri, Yang Berhormat duduk.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Bila saya berdiri, Yang Berhormat duduk.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Soalan saya tidak dijawab lagi mengenai usaha di antara KDN dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kalau ada program-program khas untuk wanita yang keluar dari penjara. Yang itu saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri belum jawab lagi, sebab kalau ada kolaborasi antara dua kementerian, *it's good*.

Datuk Joseph Salang anak Gandum: Tuan Pengerusi, bilakah Dewan ini jadi pasar?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ini takkan habis Yang Berhormat. Ada Yang Berhormat memang tidak bersetuju dengan cara ini Yang Berhormat. Jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia *polite* tapi dia *insisting* Yang Berhormat. Dia hendak semua jawapan dijawab secara terperinci. Itulah masalah Yang Berhormat Batu Kawan. Akan tetapi mungkin *second term* dia akan belajar Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Banyak soalan yang tidak dijawab tetapi tidak bererti kerajaan tidak melakukan sesuatu.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh pendek sahaja, dua minit.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Dua minit itu panjang Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Panjang dua minit Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Satu minit, satu minit. Saya hendak dengar komen Yang Berhormat Timbalan Menteri sahaja.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: *30 seconds* Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *30 seconds. Thank you very much.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ini sudah tawar-menawar.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Saya ingin dengar komen Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tahukah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa terdapat satu dokumentari wujud yang bertajuk 'Trade'. Di mana ia berkata bahawa *underage sex trade* di Malaysia, dengan izin, adalah begitu ketara sekali terutama sekali di kawasan Kuala Lumpur. Seumpama bahawa walaupun *underage sex trade* ini adalah *illegal* tetapi ia umpama *legal*. Ini kerana di mana-mana sahaja dekat dokumentari itu, begitu senang sahaja mereka boleh mendapatkan perempuan *underage*. Jadi, saya hendak minta komen daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap dokumentari ini. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, kalau soalan tambahan macam ini Yang Berhormat, habis kita punya Dewan. Tadi tidak ada diucap, sekarang sudah bangkit pula. Bila baca, sudah tengok internet, ada soalan bangkit, memang saya tidak boleh jawab Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat itu tunggu saya ada jawapannya nanti. *Paedophilia* kah, *underage sex* kah, semua itu kita boleh jawab sebenarnya. Akan tetapi saya hendak jawapan yang tepat. Jadi Yang Berhormat, sebenarnya...

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *[Bangun]*

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: ...Yang Berhormat Batu Kawan lagi. Tidak payah berdirilah Yang Berhormat. Saya duduk. Sebenarnya, kita melaksanakan penguatkuasaan. Kita sudah menekankan, selepas Yang Berhormat Menteri mempengerusikan jawatankuasa itu, kita sudah memberi arahan dan melantik seorang pegawai untuk mengetuai *team* untuk menguatkuasakan penangkapan pihak-pihak yang menyalah laku di bawah Undang-undang Antipemerdagangan Orang ini. Berilah kita sedikit masa oleh kerana perkara ini baru sahaja berlaku dalam masa sebulan dua. Selepas itu *insya-Allah* kita yakin ia akan mendatangkan kesan yang baik.

Jadi, saya pergi kepada Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat Puchong kasihan tunggu lama-lama. Ini fasal mati dalam tahanan pihak polis.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Karang pun menunggu Yang Berhormat, lama.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ada jawapan Yang Berhormat. Jangan bimbang. Siasatan berkaitan dengan Bandar Penawar, *report* 2169/2014 pada 3 November, 2014 - laporan mati mengejut SDR telah dibuka. Si mati ditangkap kes di bawah seksyen 148, Kanun Keseksaan kerana merusuh. Semasa proses tangkapan berlaku, pergelutan antara si mati dan pasukan penangkap. *Post mortem* dijalankan di Hospital Sultan Ismail, sebab kematian – *blunt force trauma to the chest*. Siasatan lagi menunggu laporan forensik PDRM, laporan kimia dan laporan perubatan.

Jadi Yang Berhormat, sebenarnya kes-kes sedemikian ini Yang Berhormat, Yang Berhormat memang mengetahui sangat. Kelambatan pihak polis menyiasat kes-kes sedemikian rupa yang mana kita perlukan laporan forensik, yang mana forensik *report* daripada polis itu sendiri tidak boleh dipakai lagi Yang Berhormat. Saya dimaklumkan ada kes yang menentukan bahawa laporan polis itu tidak boleh dipakai. Ini kerana mesti mendapat laporan forensik daripada *independent body* di luar sana untuk dipakai. Satu lagi laporan daripada *medical* dan laporan daripada pihak kimia.

Semua laporan ini kadang-kadang- masa saya telah berbincang banyak. Ada kadang-kadang makan masa empat bulan dan lima bulan. Inilah kenapa apabila saya membangkitkan perkara dalam satu perbincangan berhubung dengan penubuhan *coroner scout* dahulu saya mencadangkan supaya Jabatan Kimia itu sendiri dipertingkatkan dan diperkasakan. Supaya diperbanyakkan anggota dan pegawai dalam sudut kepakaran ini supaya boleh membantu mempercepatkan siasatan oleh pihak polis ini.

Jadi Yang Berhormat, kalau sudah lengkap siasatan itu nanti, saya cukup yakin kita akan mendapati apa sebenarnya yang telah berlaku. Ini kerana kes ini pun baru berlaku, 3 November. Daripada sekarang tidak berapa lama.

Soalan Yang Berhormat yang dibangkit tadi ialah soalan CCTV. Mengikut apa yang saya diberi maklumat di sini, semua lokap dan tempat kurungan polis telah dan akan dilengkapi dengan sistem litar TV iaitu CCTV yang definisi dan atau berkualiti tinggi di seluruh negara.

Sehingga kini, sebanyak 360 buah tempat kurungan telah dilengkapi dengan CCTV seperti berikut:

- (i) 272 lokap di balai-balai polis;
- (ii) 72 lokap di ibu pejabat polis daerah;
- (iii) 2 lokap berpusat;
- (iv) 14 lokap di jabatan dan cawangan polis.

Jadi, pihak PDRM telah menyemak semula *standard operating procedure* (SOP) yang sedia ada bagi menguruskan orang tahanan dan memasukkan elemen baru, di antaranya memastikan borang pengesahan penyakit. Ini Yang Berhormat, dahulu saya pernah mencadangkan kepada pihak supaya tiap-tiap kali orang masuk, tiap-tiap kali orang keluar daripada lokap, dia mesti diperiksa oleh doktor. Akan tetapi malangnya Yang Berhormat, kita tidak mempunyai doktor kita sendiri dalam jabatan. Kalaupun ada yang boleh membantu daripada Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kesihatan, ia tidak mencukupi untuk kita kerana keluar masuk ini bukan berkala. Ia tiap-tiap masa berlaku.

Jadi akhirnya, kita memastikan tiap-tiap banduan yang dimasukkan dalam lokap, dia mengisi borang. Dalam borang itu, dia memastikan apa penyakit yang dia hidapi ataupun dia rasa kepada dia sendiri. Ini kerana dia yang boleh memaklumkan kepada pihak yang berkuasa polis sebelum dia dimasukkan ke dalam lokap.

■1950

Borang ini diisi dan setelah diisi, pihak polis mengetahui apakah penyakit yang ada pada dia supaya kalau penyakit itu dianggap satu penyakit yang serius, dia *direfer* kepada doktor dahulu sebelum doktor itu membuat *recommendation* sama ada boleh atau tidak diletak dalam lokap ataupun disimpan di hospital walaupun dalam keadaan dia mesti dijagakan oleh pihak polis. Ini tengah dilaksanakan, Yang Berhormat.

Pertama, memastikan borang pengesahan penyakit. Ini tadi sudah sebut. Pengesahan penyakit dan kecederaan hendaklah diisi dan disahkan oleh banduan. Kedua, membuat pemeriksaan dan pemantauan melalui CCTV fizikal ke atas banduan dalam lokap secara berkala.

Ketiga, sebarang barangan larangan adalah tidak dibenarkan kecuali di atas perintah pegawai perubatan. Keempat, banduan diberi makanan mengikut skala yang ditetapkan dan memeriksa setiap makanan yang disediakan oleh pembekal untuk banduan-banduan.

Kelima, semua banduan diberi kemudahan menjalani latihan jasmani sekurang-kurangnya satu kali sehari dan menjalani upacara sembahyang mengikut agama masing-masing. Keenam, semua banduan diberi pakaian mengikut piawai yang telah ditetapkan.

Jadi banyak lagi Yang Berhormat. Sini, kalau saya baca semua barangkali Tuan Pengerusi pun tertidur dekat sana. Panjang sangat dibaca ini. Ahli Yang Berhormat pun mungkin mengantuk dengar panjang sangat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, saya boleh beri garis panduan ini kepada Yang Berhormat Puchong kalau berkehendakkan garis panduan. Terima kasih. Yang Berhormat, sila.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terima apa yang disebut *in fact* saya boleh menyatakan bahawa bukan kali pertama Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun membangkitkan. Saya lihat bahawa memang ada komitmen khususnya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini untuk kita membawa kebaikan dan perubahan kepada sistem kepolisan supaya masalah ini tidak berulang. Walaupun ada insiden, *at least* kita ada *safe guard* untuk pihak polis dan juga *safe guard* untuk orang ataupun mangsa dalam keadaan kes sedemikian.

Cuma saya nak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam kes ini khususnya saya rasa apa yang menjadi masalah, saya tidak akan masuk ke dalam isu insiden dan sebagainya, ini dalam siasatan. Akan tetapi perkara-perkara yang berlaku di balai polis misalnya seperti mana saya sebut, apabila berlaku insiden sebegini dan seseorang itu meninggal, kenapa pihak polis tidak mengambil langkah supaya jumpa dengan keluarga supaya boleh memberikan mereka satu *at least an explanation* berkenaan dengan apa yang berlaku. Itu satu. Nombor dua, dalam kes ini fakta dia unik sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana setahu pengetahuan saya dan *I stand corrected*, kes ini bapa ataupun ayah kepada arwah dibawa ke balai polis semasa beliau ditahan.

Jadi dalam kes ini, rekod menunjukkan beliau ditangkap, suspek ditangkap lebih kurang 4.30 pagi, dibawa ke balai polis dan beliau meninggal dunia pada jam 7.30 pagi *and of course* sebab kematian *is a trauma to the chest*. Dalam masa itu, bapa beliau telah pun dibawa ke balai, diletakkan dalam bilik bersebelahan dan telah pun minta untuk jumpa. *So*, kalau pihak polis tahu bahawa ada masalah dan sebagainya dan *family is there*, soalan yang berbangkit ialah kenapa tidak diambil satu tindakan.

Saya rasa itu adalah satu perkara yang kita kena lihat *because sometimes things happen like* anak meninggal dan sebagainya. *So*, saya nak minta supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh sekarang memberikan respons *otherwise to look into this* supaya ianya tidak berulang kerana *I think we have seen it too often* Tuan Pengerusi dan kita tidak hendak perkara ini berulang semula.

Akan tetapi berkenaan dengan CCTV dan sebagainya, saya menerima. *Of course I will get information and I'll come back perhaps right to* Yang Berhormat Timbalan Menteri selepas daripada ini tapi bolehkah satu SOP juga digariskan berkenaan dengan bagaimana pihak polis *deals with the situation like this* kerana dalam kes ini kita lihat sehingga ada kebongkaran, perkara ini dibawa ke media tapi tak ada sebarang maklumat. Ini adalah satu perkara yang menekankan khususnya kepada keluarga-keluarga dalam keadaan sedemikian. Jadi saya harap Timbalan Menteri dapat membantu saya dalam perkara atau aspek ini. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya beranggapan isu Yang Berhormat bangkit ini amat relevan dan amat kena pada masanya lah

pada saya. Itulah kenapa Yang Berhormat, memang pihak polis itu sendiri melihat bahawa ada kemungkinan pihak-pihak yang bertugas di luar sana tidak mengikut garis panduan, *standing orders*, SOP dan sebagainya dilaksanakan. Itulah kenapanya PDRM dan dipersetujui oleh pihak KDN untuk menubuhkan satu badan atau satu *department* yang dipanggil Unit Integriti dan Pematuhan Standard.

Jadi, tujuan jabatan ini ialah ia memantau. Sudah kita buat garis panduan, kita buat SOP, kita buat *standing orders* untuk dilaksanakan dan dipatuhi oleh mereka ini, kadang-kadang tidak dipatuhi. Jadi inilah tujuan badan ini ataupun *department* ini akan memantau. Dia bukan sahaja memantau, dia akan buat *random check*, melihat pada masa-masa yang tertentu untuk melihat sama ada penggunaan ataupun pematuhan kepada standard dan SOP itu dilaksanakan oleh pegawai-pegawai yang bertugas.

Jadi, badan ini ataupun *department* ini baru pun ditubuhkan, Yang Berhormat. Memang pada saya, dia memang dekat di hati saya kerana kalau Yang Berhormat baca buku, saya bukan nak promosi Yang Berhormat, *The Reason Why I Like the Police Force*. Jadi Yang Berhormat akan memahami kenapa saya berasa *very near to my heart*. Untuk pemantauan pihak-pihak pegawai yang melaksanakan tugas yang sedemikian rupa supaya melaksanakan tugas dengan integriti yang tinggi dan melaksanakan tugas mengikut garis panduan undang-undang dan prosedur yang telah diluluskan oleh peringkat jabatan dan kerajaan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan R.Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Subang dan Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Maaf, *just satu question*. Hanya untuk satu verifikasi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut berkenaan dengan badan ini. *Can I just check*, badan ini *where is it located?* Adakah ianya *centralize* di Bukit Aman ataupun di setiap balai polis supaya kita boleh dapat maklumat yang lebih lanjut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, ini soalan yang betul-betul. Saya sendiri beritahu dengan pengarah. Pengarah ini kita saja lantik seorang wanita kerana kita tahu wanita ini dia tegas, dia *particulars* dan dia *there's not that one*. Dia memang integritinya kita percaya.

Jadi, badan ini telah ditubuhkan tetapi perjawatan, anggotanya belum lagi dapat kelulusan keseluruhannya oleh pihak kerajaan kerana proses permohonan anggota ini Yang Berhormat, ialah melalui proses-proses yang tertentu. Yang Berhormat tahu prosedur kerajaan, jadi dia belum lagi. Bahkan saya memberi arahan dan cadangan kepada mereka, jangan duduk bersama dengan jabatan polis itu sendiri. Duduk di jabatan lain. Dia macam *internal affairs* kepada mana-mana polis di Amerika dan juga di Hong Kong. Dia mempunyai *internal affairs* sendiri. Kerja dia untuk melihat salah laku, salah disiplin, tidak pematuhan standard dan menyalahi undang-undang.

Kalau mereka jumpa orang yang menyalahi undang-undang yang boleh dikenakan hukuman di bawah mana-mana undang-undang, dia secara rasmi akan melaporkan perkara ini kepada pihak yang berkenaan, siap untuk diselidik dan dituduhkan dan akhirnya dibawa ke mahkamah. Jadi ini tugas mereka. Kalau disiplin secara progresifnya dia memang tanggungjawab mereka kerana perlembagaan itu masih mengena kepada IGP dan diturunkan kepada mereka tugas melaksanakan disiplin yang ada pada pihak Polis Diraja Malaysia Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Boleh saya minta penjelasan sikit? Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya ialah berkaitan dengan *I means* badan yang disebut tadi. Saya rasa kita mengalu-alukan semua tindakan seperti CCTV dan beberapa langkah lain untuk memastikan insiden atau salah guna kuasa tidak berlaku. Akan tetapi akhirnya pada hemat saya, kita perlu satu badan bebas untuk siasat dan mencegah kes-kes macam ini.

So, soalan saya ialah adakah kerajaan sedia melaksanakan syor yang dibuat oleh suruhanjaya yang ditubuhkan oleh kerajaan sendiri pada tahun 2005, suruhanjaya untuk menambah baik perjalanan PDRM iaitu untuk menubuhkan badan bebas IPCMC.

■2000

Sebab akhirnya mengikut suruhanjaya ini dan juga amalan dan pengalaman di negara lain, akhirnya kita perlu satu badan bebas yang mana akhirnya boleh memainkan peranan dengan izin *is a check and balance* yang berkesan terhadap isu salah guna kuasa yang akan berlaku. Bukan semua yang melakukan, biasanya satu dua dengan izin, "*Bad apple spoil the whole barrel*" dan kita mahu mencegah ini yang berlaku. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada sedia sekarang untuk menerima dan melaksanakan IPCMC. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, sebenarnya saya sudah menjawab soalan IPCMC ini Yang Berhormat. Mengikut pendirian kerajaan pada masa sekarang ialah kita tidak berhasrat untuk melaksanakan IPCMC kerana soalan IPCMC ini telah berlalu apabila kerajaan telah melaksanakan suruhanjaya siap dahulu, jadi dengan sendirinya SIAP inilah IPCMC, hanya nama berlainan. Itulah saya sebut, secara *jokingly I said, that's why didn't they use* nama IPCMC? Mana benda yang dia tak setuju, gugurkanlah. Jadi kita gunakan IPCMC nama itu, jadi persoalannya Yang Berhormat bagaimana pihak SIAP ini bertindak dalam memperkasakan ataupun merealisasikan apa yang dikehendaki oleh pihak suruhanjaya pembaikan polis itu dahulu.

Jadi untuk masa sekarang, walaupun ada suara-suara telah menyuarakan, kita sepatutnya ada suruhanjaya berasingan untuk polis sebagaimana yang dicadangkan oleh pihak SPRM, kita mendengar, saya mendengar juga. Jadi dalam keadaan sedemikian, kerajaan pun belum membuat perubahan fikiran ataupun mengubahkan dasar yang ada pada kerajaan sekarang.

Jadi Yang Berhormat, minta saya bertukar kepada cerita lain lagi sebab banyak lagi cerita ini. Ini cerita RCI Sabah. Jadi, Perdana Menteri Dato' Sri, tak payah sebut namalah dalam

lawatan kerja ke Sabah baru-baru ini telah mengumumkan bahawa laporan siasatan RCI yang menyiasat isu PATI di Sabah akan diumumkan pada awal bulan Disember tahun 2014. Nampaknya Yang Berhormat, kalau kita hendak memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Mike, mike...*

Beberapa Ahli: *Mike, mike...*

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya?

Seorang Ahli: *Mike.*

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Api tak nampak di atas. Jadi, nampaknya kalau kita hendak esok hari juga kita hendak bentangkan kertas putih, jadi kalau kita hendak bentangkan siap esok, dengan sendirinya kita tak dapat akan hendak membahaskan akan soalan kes RCI in. Jadi...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri. Sikit, sikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tunggu Yang Berhormat. Tunggu saya jawab. Kalau *floor of my story* itu tak, macam ini Yang Berhormat..

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, boleh, lepas ini, lepas ini.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Macam lagu. Jadi, RCI ini memang Yang Berhormat, prosesnya masih memakan masa yang panjang. Kita hendak dengar suara orang Sabah keseluruhannya dulu. Walaupun RCI sudah buat keputusan, saya mengetahui RCI, saya sudah baca laporan RCI dan saya sudah berbincang dengan pihak-pihak termasuk Ketua Menteri Sabah.

Saya sudah mendengar banyak suara daripada orang negeri Sabah berhubung dengan soalan RCI ini. Jadi apa yang dibuat oleh kementerian, di bawah arahan Kabinet adalah untuk pergi sekali lagi ke negeri Sabah hendak mendengar input daripada semua pihak pemimpin dari Sabah.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *[Bangun]*

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jadi, tarikhnya nanti Yang Berhormat akan ditentukan oleh pihak yang menguruskan ini dengan kerajaan Negeri Sabah dan mendapat input yang lain lagi untuk bagaimana- Pembentangan itu tetap tetapi apa benda yang hasrat orang negeri Sabah itu perlu diisikan jua walaupun mungkin tidak ada dimasukkan dalam RCI itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat, okey terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya merasa agak, minta maaf Yang Berhormat Menteri agak pelik dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri ini. Pertamanya Yang Berhormat Menteri kata kita tinggal dua hari lagi.

Isunya sekarang Yang Berhormat Menteri, laporannya telah siap seawal bulan Jun, telah dihantar kepada Yang di-Pertuan Agong, telah dihantar kepada dan Yang Berhormat Menteri kata sudah baca. Kalau sudah kita tahu enam bulan lepas, sudah hampir dekat lima bulan sudah ada dalam, sudah siap, kenapakah masa awal-awal ini kita tidak boleh bentangkan? Kita ada

panjang waktu dia. Kita jangan gunakan alasan tinggal lagi dua hari. Adakah soalnya kerajaan serius hendak bentangkan atau tidak dalam Parlimen ini? Itu persoalannya.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang, boleh...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jangan gunakan tinggal dua hari.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Boleh mencelah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak boleh, tak boleh Yang Berhormat, dia tengah mencelah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak boleh mencelah saya. Itu yang pertama. Keduanya Yang Berhormat Menteri, saya rasa Yang Berhormat Menteri kata hendak rujuk kepada orang-orang Sabah itu, itu persoalan nombor dua. Persoalannya, kita ini Ahli Parlimen. Dalam ini ada Ahli Parlimen Sabah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak rujuk orang Sabah, sebahagian besar pemimpin Sabah, mungkin semua belum baca RCI.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sebab itu saya kata tadi, bagusya kita mulakan dengan Parlimen ini dulu. Apa salahnya kita mulakan dengan Parlimen? Lagi pun di Parlimen ini walaupun tak orang Sabah semua tak ada, tetapi ada wakil rakyat Sabah, ada menteri daripada Sabah. Kenapa kita tak boleh bahaskan di sini? Ini tempat yang paling baik untuk kita bincang *national issue* ini, bukan isu Sabah sahaja.

Seorang Ahli: Mike, mike...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih, terima kasih. Biarlah saya menjawab Yang Berhormat. Beri saya peluang menjawab sebagai Ahli Parlimen, Parlimen lain. Jangan disebabkan Yang Berhormat bertanya, saya yang menjawab. Tak setuju dengan saya, tak payah bising. Tak setuju sahaja tetapi tindakan kerajaan begini Yang Berhormat. Okey, saya hendak beri penjelasan daripada awal.

Yang pertamanya, apabila suruhanjaya ini ditubuhkan dahulu, ia di bawah Laporan ini kepada Yang di-Pertuan Agong kerana Suruhanjaya Diraja. Akan tetapi negara ini juga ditadbirkan oleh Kabinet. apa sahaja yang diluluskan oleh pihak-pihak yang berasingan, *Yang di-Pertuan Agong is part of Parliament. Part of* pentadbiran. Akan tetapi apa sahaja yang diluluskan, akhirnya apabila kerajaan hendak melaksanakan itu, dia mesti melalui keputusan Kabinet juga. Jadi itulah yang berlaku kepada IPCMC yang Laporan Suruhanjaya Diraja yang dahulu untuk pembaikan polis itu. Jadi kenapa dia buat macam itu? Kerana Perlembagaan menentukan bahawa pentadbiran negara Malaysia ialah oleh Perlembagaan di bawah Kabinet.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cuma *curiosity* Yang Berhormat, sebagai Ahli Parlimen dari Sabah. Yang Berhormat katakan bahawa hendak merujuk kepada pemimpin Sabah, minta *feedback* daripada pemimpin Sabah sebelum ia dibentangkan. Akan

tetapi saya bertemu dengan Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri Sabah, mereka belum ada peluang untuk membaca. So apa *feedback* yang hendak didapatkan Yang Berhormat?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya, Yang Berhormat, dia macam ini Yang Berhormat. Saya sudah jumpa dengan Ketua Menteri Sabah, Yang Berhormat. Saya sudah berjumpa, sudah bermesyuarat dengan Ketua Menteri Sabah. Atas permohonan inilah maka kita hendak orang kita akan pergi ke Sabah untuk memberi penjelasan khususnya kepada negeri yang relevan, negeri yang berkenaan iaitu kepada Kabinet negeri Sabah. Jadi...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jadi, saya sudah mencadangkan supaya pihak wakil rakyat daripada Parlimen Sabah itu dijemput juga untuk hadir mendengar, bersama. Saya cadangkan itu walaupun mula-mula tujuannya ialah untuk memberi taklimat kepada semua Menteri Kabinet di Sabah dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sabah supaya mengetahui apa isi kandung di dalam itu. Tidak diubah Yang Berhormat sebab ia Laporan Diraja. Jadi akhirnya...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Keputusan untuk apa diolah oleh kerajaan selepas itu ialah di bawah arahan Kabinet juga Yang Berhormat dan oleh sebab bukan semua keputusan ini dibuat oleh orang Sabah. Orang yang duduk dalam jawatankuasa ini pun bukan semuanya orang Sabah. Jadi itulah, maka *views* pemimpin Sabah itu masih amat relevan dan penting.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi terima kasih. Laporan ini sudah siap tetapi apa masalah jika pemimpin macam Yang Berhormat sudah membaca dan juga seperti mana Yang Berhormat telah membahaskan tadi, Ketua Menteri Sabah pun mungkin tahu sudah laporan ini. Apa masalah untuk memberikan kepada semua pemimpin dari Sabah dan juga daripada Semenanjung berkenaan dengan laporan itu. Selain daripada itu, bolehkah kita dapat syor atau pun satu komitmen daripada kerajaan untuk membenteng laporan ini di satu sesi *special session* seperti mana MH17. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Ini belum diputuskan, soalan *special session* Yang Berhormat. Akan tetapi ada dalam pemikiran kerajaan. Ya, Yang Berhormat, tunggulah dahulu notisnya sebab ini dibincangkan dengan Speaker, Timbalan Speaker akan menentukan perkara ini di antara kerana untuk mengadakan *special session* Yang Berhormat dan *leader of the House must firstly side* dengan izin. Selepas itu berbincang dengan Speaker. Di antara Speaker dengan *the Leader of the House* iaitu Perdana Menteri, dia akan boleh memutuskan soalan-soalan *special session* Yang Berhormat.

■2010

Jadi, jangan bimbang, ia pasti akan dibawa juga ke Dewan ataupun kepada Ahli-ahli Parlimen. Jadi, saya pindah kepada cerita lainlah Yang Berhormat, minta maaf. Masa pun tidak panjang.

Yang Berhormat Bintulu, tidak ada di sini. IPD Bintulu dinaik taraf, anggota IPD ditambah dan kenderaan pacuan empat roda diguna di kawasan pedalaman. Ini juga isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Sebenarnya Yang Berhormat Kinabatanganlah yang membangkitkan soalan ini pada sesi yang lepas, soalan menggunakan *four wheel drive*...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Pacuan empat roda.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Pacuan empat roda, minta maaf Yang Berhormat, bahasa itu. Jadi, menggunakan pacuan empat roda dan tahun lepas kita sudah membeli 150 unit, 50 buah ke Sabah, 50 buah ke Sarawak dan 50 buah di Semenanjung.

Akan tetapi belum mencukupi lagi. *Insyallah* kita akan merancang lagi untuk membeli juga *four wheel drive* ini, khususnya untuk dihantar ke Sabah dan Sarawak. Bahkan, saya di mesyuarat yang pertama Kabinet, saya bangkitkan. Jangan lagi hantar *saloon car* ke negeri Sabah dan Sarawak. Tidak boleh pakai saya kata. Masuk dalam pedalaman itu, *saloon car* itu sudah tidak boleh jalan.

Jadi, saya kata belilah *four wheel drive* walaupun *twin cabin*, mungkin murah sedikit tetapi belilah jenis ini. Oleh sebab inilah kereta yang boleh dipakai di Sabah. *Alhamdulillah* kementerian ambil kira itu. Itulah makanya, 150 buah unit itu dibeli dengan sumbangan kerajaan yang telah diluluskan. Jadi Yang Berhormat, *insyallah* kita akan mengambil kira perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh hantar dua unit ke Beluran Yang Berhormat?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Di kawasan saya pun ada satu unit hendak hantar.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Hulu Rajang juga, Timbalan Menteri, Hulu Rajang.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jadi, saya hendak jawab Yang Berhormat Bintulu lagi. Jadi, soalan Yang Berhormat Bintulu ini iaitu menaik taraf IPD Bintulu. Memang saya telah dimaklumkan, pihak polis sedang mengkaji semua balai polis daerah di seluruh negara untuk kajian yang terperinci, yang mana balai polis daerah perlu di *upgrade*. Sebagaimana Yang Berhormat Bintulu menyebutkan bahawa Bintulu ini adalah *fast growing town, fast growing city*.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Sibu juga.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Memang saya bersetuju aset Bintulu itu begitu besar sekali Yang Berhormat. Saya maklumkan di sini, aset Petronas RM78 bilion, aset gas RM38 bilion. Sekarang pelaburan di Samalaju RM10 bilion. Jadi, ini baru tiga jenis, belum kita fikir lagi iaitu berhubung dengan *timber*, berhubung dengan perladangan dan sebagainya. Inilah bandar kecil yang mempunyai aset boleh dikatakan bandar yang terkaya di Malaysia.

Jadi, saya telah pun mendorong supaya tempat ini memang kita naik tahapnya tetapi tunggulah kelulusan daripada pihak JPA dan sebagainya. Apabila siap kajian di seluruh negara itu nanti, bandar mana yang kita naik tahap tetapi tidak menggunakan nilai yang diguna pakai dahulu.

Sekarang kita mempunyai satu kajian baru, nisbah baru dan cara baru untuk menaikkan tahap kepolisian. Umpamanya, Kuala Lumpur. Polis-polis di Kuala Lumpur, kita panggil balai polis metropolitan. Polis macam di bandar Johor, di Pulau Pinang, mungkin juga di Kota Kinabalu, kita panggil balai polis bandar dan balai polis luar bandar yang di luar sedikit, balai polis pulau-pulau. Ini di Sabah, balai polis di sempadan antarabangsa iaitu macam Sarawak yang ada 1,900 kilometer panjang yang disebut tadi menjadi kebolosan yang cepat oleh pihak-pihak menghantar.

Jadi, saya berbincang perkara ini dengan pegawai. Kita tangkap, kita hantar di sempadan keluar sana. Ada kemungkinan masuk semula dalam lorong-lorong tikus yang banyak di sepanjang sempadan. Akan tetapi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh habiskan dalam masa 20 minit dan yang lain itu boleh jawab secara bertulis.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya cuba Tuan Pengerusi. Arahan ini mesti didengar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Keputusan Tuan Pengerusi muktamad.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Soalan daripada Yang Berhormat Penampang, adakah kerajaan pernah melantik syarikat Permata Sulung Sendirian Berhad untuk mendapatkan pengalaman dan kewarganegaraan PATI di Sabah oleh yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kad pengenalan, mungkin Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Kad pengenalan? ...Di Sabah oleh Yang di-Pertuan Agong. Pengampunan?

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Menteri, Tuan Pengerusi. Bukan melantik. Apakah perkembangan dengan siasatan kepada Permata Sulung? Oleh sebab mereka disyaki ataupun dituduh membuat satu program untuk memberi kewarganegaraan kepada orang melalui Duli Yang Maha Mulia?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *It's viral* dalam *Facebook* itu, di kalangan rakyat Sabah Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya saya terpaksa jawab secara bertulis Yang Berhormat, sebab soalan Yang Berhormat itu kurang jelas kepada mereka. Jadi, jawapan yang diberi pun tidak tepat. Jadi, jawapan yang tidak tepat ini tidak boleh dibaca di sini. Nanti 36(12) pula. Jadi, biarlah saya menjawab secara bertulis soalan Yang Berhormat, *insya-Allah*. Saya tinggalkan satu.

Kerjasama latihan bersama antara PDRM dan AADK. Ini soalan dadah lagi. Saya ingat fasal dadah ini sudah panjang sangat saya cerita. Tidak payahlah cerita hal dadah, tadi sudah panjang sangat. Ini adakah *police reporting system* bagi mengetahui status siasatan dan klasifikasi kes? Ini Yang Berhormat Kuala Selangor.

Saya menerima baiklah cadangan Yang Berhormat Kuala Selangor. Mana Yang Berhormat Kuala Selangor? Tidak ada, sudah balik? Supaya dibuat macam mana mahkamah di Sarawak buat, *online*. Boleh cek di mana, bila perbicaraan, apa status kes perbicaraan, semua dibuat *online*. Jadi, pada masa sekarang kita belum buat soalan laporan ini menerusi *online* Yang Berhormat. Bahkan, kita hendak *upgrade* dahulu semua komputer-komputer di balai-balai polis di seluruh negara supaya boleh kita menggunakan komputer-komputer ini dengan baik dan cepat. Akan tetapi sistem *online* ini belum lagi kita gunakan.

Walau bagaimanapun, sedang dalam proses pembangunan projek perluasan penggunaan sistem SSO di seluruh negara di bawah kontrak PDRM. Dalam projek ini mengandungi pembangunan satu aplikasi mudah alih yang mempunyai model yang sama dengan portal SSO. Ia adalah satu aplikasi telefon pintar percuma yang boleh dimuat turun oleh orang ramai dalam telefon pintar.

Aplikasi telefon pintar ini mengandungi versi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Pembangunan projek ini dijangka siap pada penghujung bulan Disember 2014 dan akan dilaksanakan pada awal tahun 2015. Model dalam aplikasi mudah alih SSO semakan status *report police*, semakan saman trafik, semakan status pengambilan, semakan status permohonan salinan *report polis*. Ini yang telah dan masih dalam perancangan polis. *Insyah-Allah* apabila boleh dilaksanakan nanti, boleh memudahkan masyarakat berhubung menerusi laluan itu.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Boleh? Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya membangkitkan tentang PRS itu kerana saya menerima banyak aduan yang mengatakan bahawa apabila seseorang itu pergi ke balai polis untuk membuat laporan polis, tiada langsung maklum balas diberikan kepada pengadu. Saya fikir dengan apa Yang Berhormat sebutkan tadi oleh kementerian, sistem dan aplikasi yang hendak dicadangkan itu, saya fikir sudah sampai masanya untuk dihebahkan ke seluruh negara apabila telah dibangunkan supaya untuk mengembalikan keyakinan kepada sistem balai polis. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tidak ada soalan, pujian. Yang Berhormat baru balik dengan menteri pergi ke Amerika, dia pergi CIA. Banyak tempat dia pergi. Jadi itulah kawan mengetahui sistem-sistem yang bakal dipelajari oleh pihak Kementerian Dalam Negeri menerusi menteri dan *insyah-Allah* saya kata Yang Berhormat, bertuahlah boleh pergi sama dan melihat benda-benda yang canggih di Amerika itu.

Ada lagi. Ini satu persoalan Yang Berhormat Batu Kawan. Adakah program jalaran untuk penerimaan semula banduan wanita dalam masyarakat? Ini memang ada program sedemikian itu tetapi Yang Berhormat, sebenarnya program banduan ini adalah dilaksanakan oleh pihak penjara.

■2020

Bukan sahaja banduan wanita, tetapi semua banduan. Itulah program-program pengajian, program-program latihan bahkan pengajian tinggi Yang Berhormat. Pada masa sekarang saya baru menyerah surat tawaran dari Universiti Terbuka Malaysia kepada 28 banduan yang membuat kajian di peringkat diploma, ijazah pertama dan masters. Dua orang menjalankan kajian daripada peringkat MBA. Jadi, di kalangannya *across political divide* dan *racial divide* orang Cina, orang India, orang Melayu semua ada yang saya sudah serah tiga minggu lepas dan *insya-Allah* mereka ini akan dilatih dan didik begitu rupa. Mereka ini akan mendapat kelulusan itu nanti dan menjamin masa hadapan mereka apabila keluar dari penjara nanti.

Jadi, selain daripada itu banyak lagi sebenarnya saya baru merasmikan galeri songket di Marang. Galeri Songket di Marang ini pun melatih banduan wanita dan lelaki macam mana membuat kayu songket yang berkualiti tinggi dan galeri ini boleh mengeluarkan kain songket yang bernilai daripada RM5,000 ke RM15,000. Jadi, ia mempunyai masa hadapan yang amat cerah dan begitulah juga banduan-banduan yang melalui latihan-latihan di situ juga mempunyai masa hadapan yang cerah. Oleh kerana kalau dia keluar di sana nanti dia boleh bekerja dengan pihak industri yang mengeluarkan kain songket, selain daripada latihan-latihan sebagai memasak, menghidangkan, bertani, bercucuk tanam dan sebagainya. Banyak latihan yang kita laksanakan. Yang Berhormat Tenom...

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Kawan bangun Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya tanya sama ada JV di antara syarikat-syarikat ini. Maksudnya selepas mereka dibebaskan dari penjara mereka bukan kata *confirm*, tetap dapat kerja tetapi adakah badan-badan atau syarikat memberi akujanji dengan KDN itu kata "*Ya, kami akan memberi ruangan untuk mereka.*"

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang melihat ada sedikit kekangan di sini Yang Berhormat, berhubung dengan penerimaan syarikat. Jadi, saya telah meminta pihak penjara khususnya kepada Ketua Pengarah Penjara supaya banyak berbincang dengan GLC iaitu ada hubung kait dengan kerajaan dan agensi kerajaan supaya menerima mereka yang telah lulus dan dapat bimbingan dari penjara ini, yang memang kita mengetahui khususnya mereka yang keluar dari sistem parol yang telah membuat transformasi yang begitu baik diberi pekerjaan tertentu yang mana telah diberi latihan oleh pihak penjara.

Selain daripada itu Yang Berhormat kita telah membangun peniaga-peniaga dalam penjara. Peniaga ini saya tidak hendak menyebut usahawan ini dan kita disokong oleh pihak TEKUN dan TEKUN telah memberi sokongan-sokongan. Akan tetapi apa yang tinggal ialah saya juga mahu mendedahkan, ada mereka ini telah mencapai satu tahap yang tinggi. TEKUN tidak

boleh membantu lagi. Dia berkehendakkan mungkin RM1/2 juta RM1 juta *capital* untuk memajukan tahap perniagaan mereka.

Akan tetapi malang sekali apabila pergi ke bank, bank mendapat laporan bahawa dia lepasan banduan, ini ada kekangan sedikit Yang Berhormat. Jadi walau bagaimanapun saya berbincang dengan pihak daripada yayasan-yayasan yang tertentu khususnya daripada MIC yang di bawah pengendalian Yang Berhormat Datuk Saravanan supaya dapat membantu mereka ini khususnya Datuk Saravanan untuk menerajui satu industri perladangan menanam cili di seluruh Malaysia, bekerjasama dengan pihak banduan. Yayasan ini akan melaksanakan program ini nanti.

Jadi Yang Berhormat Penampang. Kes tembak-menembak di Penampang Sabah, adakah mempunyai kaitan dengan penahanan terhadap tiga orang di bawah POCA. Kejadian tembak-menembak di Penampang adalah terhadap dua lelaki yang disyaki cuba melakukan rompakan bank dan kedai emas dan tidak berkaitan dengan aktiviti militan. Penjenayah yang ditembak mati, seorang ialah rakyat Malaysia dan seorang rakyat Filipina.

Lagi Yang Berhormat Penampang, elaun dan gaji lebih tinggi untuk pegawai penjara. Saya menerima hakikat Yang Berhormat bahawa pegawai penjara memang menghadapi risiko sebagaimana yang disebut tadi, di Kajang ada mempunyai sakit tibi dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya telah membuat satu kerjasama dengan pihak Universiti Malaya khususnya dengan Prof. Nor Adibah supaya kajian ini dilihat dan dikaji bersama dengan pihak kepimpinan penjara.

Akan tetapi sebenarnya Yang Berhormat penyakit tibi ini sebagaimana Prof. Adibah telah menasihatkan saya dari sudut kesihatannya adalah mudah diubat. Kalau dia dijumpai dan diketahui jauh lebih awal begitu. Akan tetapi penegasan bahawa ada 80% dari penjara ini terkena penyakit tibi, masih lagi boleh dipertikaikan.

Walaupun kita menerima hakikat, ada pegawai-pegawai penjara yang terkena penyakit dan kita telah hantar ke hospital untuk dirawat dan kita telah memohon pihak hospital untuk datang merawat. Saya mengadakan beberapa perbincangan berhubung perkara ini supaya diadakan pegawai-pegawai kesihatan, mengikut kata pihak yang mengetahui soal penyakit ini tidak payah doktor tetapi *nurses* yang terlatih dalam sudut ini boleh menangani dan membantu pihak penjara dan kita masih berbincang dan sebanyak mana anggota ini kita perlu dan boleh kita mencadangkan pada pihak kerajaan. Walau bagaimanapun ini ialah perancangan untuk mengatasi masalah mereka yang terkena jangkitan penyakit yang dibawa oleh pihak banduan yang masuk ke dalam penjara. Yang membimbangkan kita sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi mereka ini masuk penjara enam bulan, selepas situ ada kena penyakit tibi dan dikeluarkan ke masyarakat dan dia bawa tibi dalam masyarakat. Ini yang kita bimbangkan.

Saya telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan dan berjumpa dengan Menteri sendiri dan saya dimaklumkan oleh pakar dalam kementerian itu supaya kita menjalankan kerjasama menangani masalah ini supaya tibi ini yang telah lenyap daripada masyarakat kita datang semula, dibawa oleh pihak-pihak tertentu dari luar negara, boleh diatasi

masalah ini. Jadi Yang Berhormat, dengan itu saya cukup yakin dalam masa yang singkat kita boleh mengatasi masalah ini dan memberi rawatan yang terperinci. Tuan Pengerusi, berapa minit lagi boleh saya?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat. Jawab secara bertulis Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Berkenaan dengan OKU di penjara.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, saya tunggu dua jam.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Satu jam setengah Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Satu jam setengah saya tunggu ini, saya tidak keluar.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Isu OKU dipenjara.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak tunggu jawapan dari soalan saya tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Tanjong Karang Yang Berhormat.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Okey, terima kasih. Saya akan jawab itu

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Tenom pun satu jam setengah.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau macam itu semua bangun minta jawab...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tidak boleh Yang Berhormat, kena jawab. Kena jawab... tadi sudah jawapan bertulis juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai bangun...

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya mendengar arahan Tuan Pengerusi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Tanjong Karang tidak payah jawab.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Dua jawapan sahaja iaitu Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Sibu punya belum jawab lagi.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Akan tetapi tidak perlu jadi kontroversi ya Yang Berhormat, jawapan saya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tadi pun soalan saya dimaklumkan akan dijawab secara bertulis. Tidakkalah kali ini pun saya tunggu sejam setengah sama dengan Yang Berhormat Tanjong Karang, tidakkah hendak kata jawapan secara bertulis? *[Dewan riu]* Kena adillah, semua sekali kena jawab secara bertulis.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Okey Yang Berhormat. Saya jawab Yang Berhormat Puchong dahulu. Yang Berhormat, saya mengambil maklum maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat. Saya akan berbincang dengan Ketua Pengarah supaya membekalkan pihak-pihak OKU yang dimasukkan ke dalam penjara supaya kita memberi kemudahan yang tertentu kepada mereka. Saya pun rasa terguris sedikit apabila mendengar Yang Berhormat, pihak yang tidak boleh berjalan tidak ada... ataupun tidak ada tongkat berjalan. Jadi tidak elok sedemikian rupa. Saya cukup yakin Datuk Zul ada di belakang sana. Dengar Datuk, ini arahan daripada Parlimen. Dia sudah berdiri di belakang. *Insyallah* kita akan ambil kira, ini yang pertama.

■2030

Kedua, Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya baca, saya berharap jangan apa-apalah. Pihak ROS masih tidak mengiktiraf untuk pemilihan semula CEC DAP yang diadakan pada 29 September 2013. Keputusan mahkamah pada 23 September 2014 telah ditarik balik atas permohonan DAP sendiri. Sehingga kini ROS masih meneruskan siasatan terhadap aduan-aduan, dengar Yang Berhormat...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Aduan-aduan yang diterima daripada ahli-ahli DAP yang mendakwakan terdapat kepingangan dalam pemilihan semula tersebut. Jadi ini sahaja jawapan saya Yang Berhormat. Itu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan yang berkenaan dengan ROS kerana telah dinyatakan perkara ini. Saya perlu betulkan. *Just to correct only.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Saya nak *point of record* memang memilih kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri memilih kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Memilih kasih, Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Sudah berkali-kali kalau Yang Berhormat Lembah Pantai sahaja jawab bertulis. Saya hendak beritahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk jawab bertulis yang lain Yang Berhormat. *[Dewan riu]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya untuk satu soalan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya membaca kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apa yang berlaku di mahkamah pada hari tersebut. Ini ialah

dokumen dari mahkamah yang saya ambil. *To set the record straight* kerana ini berlaku di dalam mahkamah.

Apa berlaku di situ adalah satu kenyataan yang dibacakan dan ia berbunyi sedemikian. *It's very short. This is currently subject matter of dispute in this court. "My lady, there are three parts of concern to the letter of ROS..."*, dengan izin, ia adalah bahasa Inggeris. *It is very short. "To DAP Secretary General, Lim Guan Eng, this letter is dated 6th of December 2013." Yang Arif, in this letter, Yang Arif this is currently subject matter dispute of court. First, "My lady, it relates to a request for documents under section 14 of Society Act." Now we have no problem with this request.* Itu tidak ada masalah, Yang Berhormat Timbalan Menteri. *The DAP has complied with it and will continue to assist the ROS in any inquiries it has relating to the affairs of DAP. This is the position we take.*

Second, "My lady relates to a statement made by ROS in the state letter to the effect the ROS is yet unable to recognize the reelection of the CEC of the DAP and relates to advice given to Lim Guan Eng, the new CEC which belum disahkan, cannot made decision for and behalf of the DAP until further notice from the ROS. My lady, ROS takes the position", ini penting. "Takes the position that those statements do not amount to any decision in laws", pertama, "as such those orders are not legally binding and remain merely advise to DAP".

"ROS recognizes that DAP CEC elected on 29th September 2013 may carry out all its powers, functions and duties in the administration of the daily affairs of the DAP in accordance to the constitution of the DAP". Yang penting Tuan Pengerusi, ini adalah yang disebut oleh peguam ROS di situ pada masa itu. *I just reading what I have which is from the court. "My lady, I confirm the paragraph concerning advice is not legally binding". [Dewan riu]*

Jadi apa yang berlaku Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah ROS diwakili oleh peguam. Bukan peguam biasa, bukan peguam dari sana, bukan peguam daripada sini. Ia diwakili oleh peguam dari Jabatan Peguam Negara, *Senior of Federal Council*, nama memang kita tahu nama. Dia yang membuat pengesahan itu. Dia yang mana mengatakan bahawa *it is not legally binding and DAP can continue, the CEC can continue its powers, functions and duties.* Ini apa yang saya hanya membacakan untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya menerima Yang Berhormat. Itulah kenapa maka berlandaskan apa Yang Berhormat sebut tadi, DAP masih berfungsi tetapi penegasan kita, kita masih menyiasat di atas kompelin-kompelin yang kita terima daripada ahli-ahli DAP yang berterusan ini. Jadi ini Yang Berhormat saya minta maaf mana yang belum dapat saya selesaikan jawapan itu. Kalau diberi, saya boleh jawab semua Yang Berhormat. Saya mahu jawab semua Yang Berhormat.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Sibul belum jawab. Sibul.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Akan tetapi masa menghalangkan. Sekian, terima kasih. Yang lain saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM12,611,150,000 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM12,611,150,000 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM782,503,700 untuk Maksud P. 62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM782,503,700 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi daripada Anggaran Pembangunan 2015]

**Maksud B.63 dan B.64 [Jadual] –
Maksud P.63 dan P.64 [Anggaran Pembangunan 2015] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kementerian Pendidikan akhirnya. Kepala Bekalan B.63 dan B.64 dan Kepala Pembangunan P. 63 dan P.64 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Ramai yang berminat?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Ramai, ramai. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya hendak benarkan siapa yang berdiri saya hendak tulis nama, yang tidak berdiri tidak dibenarkan. Yang baru masuk – tolong bagi saya senarai. Lima minit sahaja. Yang Berhormat Pengerang hendak lima minit. Sila Yang Berhormat Pengerang, lima minit.

8.36 mlm.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 090000 – Program Khusus, 091800 – Rancangan Makanan Tambahan dan 092600 – Program Susu 1Malaysia. Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada jumlah bajet yang telah dipohon bagi Program Susu 1Malaysia – RM100 juta, bagi Rancangan Makanan Tambahan – RM276 juta, Butiran 078600.

Sebenarnya Tuan Pengerusi saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa perlu juga kita memperkembangkan daripada hanya Rancangan Makanan Tambahan dan Program Susu 1Malaysia tetapi hendak memohon kepada Yang Berhormat Menteri dilebarkan kepada vitamin, contohnya vitamin C. Saya hendak merujuk kepada sejarah dari segi bantuan program khusus ini, kita tengok pada tahun 1983 di bawah Kementerian

Pelajaran terdapat satu kes di mana berlakunya pada bulan Ogos 2007 Program Susu ini diberhentikan sebentar disebabkan oleh *food poisoning cases*, dengan izin.

Jadi di sini saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kalau boleh kementerian memperkembangkan yang mana kalau kita tengok bila bercakap tentang vitamin. Vitamin ini bagi saya kalau kita tengok boleh lebih dilihat sebagai lebih selamat dalam aspek kalau kita hendak memperkembangkan dan kalau kita tengok dari segi umur yang terlibat. Saya hendak merujuk kepada satu kajian bila kita tengok tentang negara-negara yang memberi bantuan yang lebih kurang sama dengan negara kita.

Di Indonesia mereka memberikan program Taburia yang diwujudkan pada tahun 2013 yang ini untuk pembangunan dari segi fizikal dan mental kanak-kanak antara umur lima bulan hingga lima tahun di mana dia memberi satu *sachet* ubatan yang dilihat sebagai kandungan makanan yang perlu diambil sarapan pagi. Kemudian di United States of America program dengan izin, *National School Lunch Programme* yang telah diwujudkan pada 1946 di mana mereka membelanjakan RM36 bilion pada tahun 2012. Di South Africa pula ialah dengan izin, *National School Nutrition Programme* yang telah diwujudkan pada 1994 yang mana perbelanjaan sebanyak RM1.45 bilion dalam tahun 2013.

Jadi sebenarnya saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Menteri. Bukan sahaja program susu ini yang boleh dilihat dalam Rancangan Makanan Tambahan tetapi kalau kita bandingkan dengan negara Indonesia, USA dan South Africa sebagai contoh, mereka juga memperkembangkan kepada jenis-jenis bantuan yang berlainan. Jadi di sini saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberi dengan izin, *consideration* kepada bantuan dalam aspek vitamin sebagai pengganti kepada pemberian Program Susu 1Malaysia.

Keduanya saya hendak timbul dalam projek 030000, 034000, 051000. Sebenarnya saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang 034000 dan 05100 – Program Pembangunan Sukan dan Program Perabot Peralatan. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri kadang-kadang ini kita ada banyak dapat permohonan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru yang memohon daripada Parlimen untuk membantu. Jadi dari segi bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan ya.

■2040

Jadi saya hendak pohon kepada Yang Berhormat Menteri, saya hendak mencadangkan kalau boleh mungkin kita boleh bezakan dari segi bantuan dari segi fizikal yang mana kalau mana di bawah kementerian memberi bantuan dari segi naik taraf perabot dan peralatan, mungkin yang mana boleh dipohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat wakil rakyat ini mungkin bantuan yang mana kementerian tidak beri bantuan. Jadi secara tidak langsung ini tidak ada, dengan izin, *overlapping* yang berlaku di antara permohonan sekolah melalui kementerian dan juga melalui Ahli-ahli Parlimen melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

Ketiga ialah Butiran 00300 – Pendidikan Teknik dan Vokasional sebanyak RM469,157,500. Saya banyak kali bercakap ya terutama sekali dalam kawasan saya iaitu Projek Rapid yang berhadapan ya. Saya minta pada Yang Berhormat tentang kewujudan pendidikan

teknik dan vokasional di segi sekolah-sekolah menengah sebagai contoh ya, diperbanyakkan dalam kawasan-kawasan Parlimen terutama sekali kawasan Parlimen Pengerang. Ini disebabkan oleh berhadapan dengan cabaran daripada pihak Rapid.

Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri ya, perkara ini perlu dilaksanakan dengan serta-merta. Tidak payah kaji-kaji. Mungkin sekolah menengah yang mana ada, maklumlah kawasan saya ini 70% ini kawasan FELDA yang mana sekolah-sekolah FELDA sebagai contoh yang ada ini, kita tukar terus kepada pendidikan teknik dan vokasional. Bagi saya, kalau tidak, katakan anak-anak kita yang belajar dalam sekolah-sekolah menengah ini, dia tidak ada pemikiran, persediaan mental dia dalam pendidikan aspek teknikal dan juga vokasional dan kita sendiri tahu dalam Projek Rapid yang berhadapan dengan minyak, dengan gas ini, banyak penggunaan pelajar-pelajar ini dalam bidang teknik dan juga vokasional.

Jadi di sini saya pohon Yang Berhormat Menteri kalau boleh secepat mungkinlah dalam segi belanjawan bawah Butiran 00300 ini diperbanyakkan dan dilaksanakan dengan serta-merta dalam persediaan masyarakat pelajar di bawah kawasan Parlimen Pengerang, berhadapan dengan Projek Rapid yang berlaku sekarang ini.

Dengan itu, saya menyokong kepada permohonan yang dibuat oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

8.42 mlm.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang bagi saya berbahas bagi maksud Bekalan 63, Butiran 070000. Saya tidak akan bercakap panjang. Dua isu utama.

Sebenarnya saya merujuk kepada Majlis Peperiksaan Malaysia. Kita mengetahui bahawa peperiksaan UPSR bagi tahun ini dicemari dengan laporan bahawa sebanyak empat kertas soalan telah bocor. Di sekolah anak saya juga menjadi satu isu yang amat besar kerana di sekolah kebangsaan, pelajar Tahun 6 bagi peringkat sekolah rendah itu seharusnya menjadi kebanggaan bagi semua ibu dan ayah.

Jadi Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan beberapa kenyataan tentang isu ini. Pada saya, haruslah memastikan sikap kebertanggungjawaban yang jelas di atas semua kebocoran yang berlaku. Permohonan maaf tidak memadai dan saya dapati bahawa ada pasukan yang dibentuk hanya – kita juga perlukan maklum balas yang terkini tentang sumber kebocoran dengan *transparent* dan bertanggungjawab.

Lembaga juga harus merangka sebuah prosedur. Saya baca daripada jawapan Parlimen, ramai anggota Dewan Rakyat yang menanyakan tentang isu ini dan di antara langkah-langkah susulan yang diambil oleh kementerian, tidak dimasukkan sebuah pelan kontingensi yang digerakkan untuk memastikan adanya kewujudan set kertas peperiksaan alternatif.

Saya rujuk kerana mengikut pengalaman negara khususnya di United Kingdom, AQA, badan di sana memberikan set soalan alternatif Tuan Pengerusi, yang digunakan dalam peperiksaan A-Level di UK apabila didapati set soalan asal dalam peperiksaan Pengajian Perniagaan ketika itu telah bocor.

Satu lagi kes yang pernah berlaku di Ireland tahun 2009, sebuah peperiksaan kertas Bahasa Inggeris ditangguhkan hanya selama tiga hari apabila didapati bocor dan soalan alternatif diberikan kepada lebih 50,000 orang pelajar setelah seorang petugas peperiksaan bersalah membocorkan soalan sehari sebelum peperiksaan diambil. Maksudnya mungkin kita boleh ambil iktibar daripada pengalaman negara luar.

Saya merasakan penangguhan peperiksaan ialah satu bentuk penganiayaan pada anak-anak di sekolah termasuk juga para guru yang membantu untuk menyediakan mereka bagi peperiksaan tersebut. Kementerian Pendidikan dan Lembaga Peperiksaan harus mengambil kira cadangan-cadangan diberikan termasuklah set kertas alternatif, soalan alternatif. Saya berharap pihak Yang Berhormat Menteri dapat bersikap lebih terbuka dalam merangka kontingensi pelan yang diberikan, penglibatan yang diberikan oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat termasuklah khususnya yang menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan kerana bukan ramai ya dalam Kabinet yang melakukan sedemikian rupa. Jadi saya pohon penjelasan dan juga keterbukaan dalam memasukkan cadangan ini dalam SOP kementerian.

Tuan Pengerusi, saya juga bangkitkan Butiran 050100 – Pembangunan Infrastruktur di bawah Pengukuhan Operasi Pendidikan. Saya bawakan projek pembangunan Institut Aminudin Baki di Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Menurut Laporan Ketua Audit Negara, kos keseluruhan bagi projek adalah sebanyak RM123.47 juta dan ia menyebut projek diluluskan oleh kerajaan menerusi rundingan terus, *direct tender* dengan kontraktor Global Globe Malaysia Sdn Bhd melalui dua surat bertarikh 7 Januari 2008 dan 10 Julai 2009. Kerajaan meluluskan pelantikan empat perunding bagi memantau kerja-kerja reka bentuk, sivil, struktur, mekanikal dan elektrik termasuk juga ukur bahan pada 11 Julai 2007 sebelum diluluskan. Projek patut siap pada 11 Mac 2011, Tuan Pengerusi. Hanya disiapkan setahun selepasnya pada 11 September 2012. Diserahkan kepada kementerian pada 14 Disember 2012 dan digunakan pada Mac 2013.

IAB atau Institut Aminuddin Baki ini telah menyasarkan sepatutnya *target* sasaran melatih sebanyak 53,000 orang peserta dalam tempoh yang diberi. Malangnya, mereka hanya berjaya melatih sebanyak 269 peserta iaitu 0.51% daripada sasaran asal disebabkan kelewatan penyediaan bangunan. Maklum balas daripada Kementerian Pendidikan, 10 kursus rintis diadakan tanpa penginapan di IAB Bandar Enstek disebabkan bangunan belum berfungsi sepenuhnya dan sebanyak 103 ICT *termination point* di makmal komputer dan bilik pensyarah kanan masih belum dipasang. *Reminiscence* ya Tuan Pengerusi, dengan kes-kes PPSMI dulu. Komputer dibekalkan tapi tidak dibuka, tidak diguna pakai. Bilakah akan kita belajar? Juga, ketika itu ada 1,223 pembaikan kecacatan bangunan yang belum diambil tindakan oleh kontraktor.

Saya juga hendak bangkitkan antara rungutan dalam Laporan Ketua Audit, reka bentuk IAB Bandar Enstek tidak sesuai, tidak praktikal. Laluan pejalan kaki tidak disediakan, ketinggian

dinding dan reka bentuk tembok yang tidak sesuai, pembinaan dengan kualiti yang amat buruk sehinggakan air mengalir keluar dari lampu ketika hujan lebat dan pendawaian yang tidak sempurna.

Tuan Pengerusi, ini projek runding terus untuk satu institusi yang tersohor dan diberikan kelulusan oleh kementerian. Apa sebabnya, apakah rasionalnya? Jadi saya pohon kerajaan khususnya kementerian memperincikan kos-kos yang terlibat. Kita bercakap tentang institusi pendidikan buat anak-anak kita. *I mean, this is unacceptable*, dengan izin. Bukan bercakap tentang projek-projek lain. Jadi saya mahukan jawapan yang jelas dalam bab ini untuk memastikan tidak berulang lagi.

Saya meminta juga kos yang terlibat dalam pembaikan kecacatan yang disebut oleh atau dalam Laporan Audit berserta jumlah serta nama syarikat kontraktor pihak ketiga yang dilantik untuk tugas-tugas pembaikan tersebut dan adakah tender terbuka dibuat untuk tujuan ini?

Terakhir Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih atas masa, saya sempat melawat beberapa ibu dan ayah yang anak-anaknya bersekolah di Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah Kampung Pensiangan, Sabah dan saya dimaklumkan bagi sekolah rendah seramai 60 orang pelajar dan sekolah menengah seramai 90 pelajar, di sana tidak ada bekalan elektrik.

■2050

Para guru sudah berkhidmat lebih dua tahun dan saya harap kementerian ambil serius dan cuba sedaya upaya untuk meningkatkan infrastruktur. *We are talking about electricity here*, dengan izin. Saya tidak fikir ini sama ada boleh diterima dan diharap Kampung Pensiangan, yes... Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab dengan jelas. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah bertambah kurang, tadi ramai. Saya nampak Yang Berhormat Sekijang sudah pun tidak ada. Niat hati hendak panggil Sekijang. Yang Berhormat Sekijang tidak ada, panggil Yang Berhormat Tuaranlah. Yang Berhormat Pokok Sena tidak ada dalam senarai. *[Ketawa]* Okey, sila.

8.50 mlm.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin berbahas pada Butiran 010300 – Pengurusan Sumber Manusia. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, kenapakah Diploma Pengurusan Lulusan Ijazah (DPLI), khususnya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah dihentikan? Terutama sekali dalam DPLI untuk bahasa Kadazan Dusun dan juga bahasa Iban. Saya juga ingin tahu apakah kekangan yang telah dihadapi oleh pihak universiti sehingga kedua-dua DPLI ini dihentikan?

Saya juga ingin tahu, ke manakah sudah guru-guru yang telah mendapat latihan, mendapat DPLI daripada UPSI ini? Khususnya dalam bahasa Kadazan Dusun dan juga bahasa Iban. Saya ingin mencadangkan supaya DPLI di UPSI ini diteruskan dan ditawarkan semula. Baru-baru ini dalam ucapan dasar saya di dalam Konvensyen APCO, Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri telah bersetuju dan *accept* dalam prinsip untuk meneruskan ini. Oleh sebab untuk mengajar di sekolah menengah, para guru hendaklah mempunyai DPLI. Saya mohon supaya ini dapat disambung.

Saya teruskan ke Butiran 010200 – Pengurusan Kewangan dan Akaun. Dalam hal ini, saya ingin menyentuh beberapa buah sekolah di kawasan saya yang terbakar awal tahun ini dan sehingga pada hari ini belum lagi ada apa-apa tanda yang ia akan dibaiki. Saya difahamkan salah satu daripada sekolah ini, SK Pekan Kiulu sudah ada peruntukan tetapi SK Penimbawan belum ada peruntukan. Jadi, saya ingin tahu kenapa belum ada peruntukan dan kenapa kerja-kerja membina semula belum dimulakan?

Saya juga ingin tahu tentang apakah masalah dan pelbagai kekangan yang telah dihadapi terhadap penurunan kuasa kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah iaitu RM5 juta. Sehingga pada hari ini, banyak yang kita dengar desas desus tentang pelbagai masalah dari segi pelaksanaan peruntukan yang telah diturunkan kuasa kepada Pengarah. Saya juga ingin menyentuh tentang elaun perumahan wilayah, guru-guru dari Sabah ke Semenanjung dan sebaliknya. Kita telah menyentuh perkara ini beberapa kali di Dewan yang mulia ini, di mana elaun-elaun guru-guru Sabah yang berkhidmat di pelbagai tempat di Semenanjung jauh lebih sedikit berbanding dengan guru-guru ataupun kakitangan daripada Semenanjung yang berkhidmat di Sabah.

Perkara ini juga saya telah menyentuh dalam ucapan dasar saya dalam Konvensyen APCO baru-baru ini dan dari segi prinsipnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju. Saya ingin menyusuli di sini kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya dapat mempertimbangkan perkara ini supaya kita dapat 1Malaysiakan elaun. Masa sudah tiba, baik kita untuk melihat dan melaksanakan supaya elaun perumahan wilayah ini disatukan dan bukan setakat diberikan apa yang dipanggil imbuhan tetap perumahan bagi kakitangan Sabah yang berkhidmat di Semenanjung.

Akhir sekali, dari segi dalam Butiran 020300 – Pendidikan Menengah. Saya ingin tahu tentang pelaksanaan PT3 yang menggantikan PMR. Tahun ini adalah tahun yang pertama dilaksanakan. Saya ingin tahu apakah kekangan-kekangan yang telah dihadapi oleh pihak kementerian? Apakah pelbagai isu yang pernah dibangkitkan dalam Dewan ini awal tahun ini, malah tahun lepas, apakah kesemua isu-isu yang telah dibangkitkan itu telah dapat diatasi? Itu sahaja Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Temerloh.

8.55 mlm.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Rujukan saya Butiran 050000 – Pengukuhan Operasi Pendidikan. Program Butiran 050200 – Teknologi Maklumat. Tuan Pengerusi, saya masih ingat lagi pada 26 Mac 2003 yang lalu. Menteri Pendidikan pada masa itu

Yang Berhormat Datuk Seri Musa Mohammad, telah bersetuju untuk pelaksanaan SchoolNet di seluruh sekolah, di seluruh negara pada waktu itu.

Akan tetapi malangnya pada bulan Disember 2012, di bawah kepimpinan Menteri Pendidikan yang baru, projek SchoolNet ini telah dihentikan dan telah pun ditamatkan. Tuan Pengerusi, setelah tujuh tahun pelaksanaan SchoolNet ini, satu kajian keberkesanan telah pun dijalankan terhadap projek SchoolNet ini oleh Unit Perancang Ekonomi dan juga sebuah badan perunding *business* antarabangsa yang berpangkalan di Amerika Syarikat iaitu Boston Consulting Group. Timbul tanda tanya di sini ialah mengapa pihak kementerian berminat untuk mengupah perunding-perunding antarabangsa untuk projek-projek khas di bawah Kementerian Pendidikan. Sebelum ini, RM20.56 juta telah pun dibelanjakan untuk McKinsey & Co untuk penggubalan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara.

Jadi Tuan Pengerusi, menurut satu laporan kajian keberkesanan projek SchoolNet ini yang saya sebutkan tadi oleh Unit Perancang Ekonomi, skor projek ini hanya capai tahap 40% baik sahaja dan dilihat pelbagai kepincangan dan juga masalah yang telah berlaku. Antaranya ialah yang paling besar ialah capaian internet yang sangat kritikal dan begitu juga dengan masalah *accessibility* terhadap bahan pengajaran dan juga pembelajaran.

Jadi Tuan Pengerusi, setelah kita melihat kegagalan SchoolNet ini, kerajaan pula memperkenalkan projek baru iaitu 1BestariNet yang mana disebut kononnya mempunyai lapan *characteristic* terbaik bagi meningkatkan capaian ICT di sekolah di seluruh negara kita. Termasuklah membekalkan perkakasan ICT serta membangunkan perisian pendidikan yang lebih interaktif dan juga efektif. Akan tetapi Tuan Pengerusi, realitinya sehingga 12 Jun 2014, sebanyak 8,886 buah sekolah sahaja yang dapat capaian internet menerusi 1BestariNet ini.

Jadi, saya kira ini suatu perkara yang sangat malang dan saya terbaca dalam *Berita Harian* pada 1 November 2014. Kementerian mendakwa ekoran daripada itu ialah pihak berkuasa tempatan di Sarawak, Pulau Pinang dan Kelantan kononnya tidak mahu memberi kerjasama untuk membuat projek pembinaan menara telekomunikasi oleh pihak YTL Communication Sdn Bhd. Jadi, saya ingin penjelasan lanjut dan juga teluslah daripada pihak kementerian berhubung dengan perkara ini. Ini kerana saya juga sangat tidak berpuas hati dan ramai berkongsi rasa tidak berpuas hati ini walaupun 1BestariNet ini dikatakan mampu untuk memberi capaian 50 megabait sesaat.

Akan tetapi malangnya penggunaan komponen ataupun pelantar pembelajaran maya (VLE) hanya berada dalam lingkungan 5% sahaja penggunaannya setelah ia diperkenalkan sejak ataupun tempoh tiga tahun yang lalu. Jadi Tuan Pengerusi, saya lihat antara faktor utamalah yang sangat ketara yang dikenal pasti, projek 1BestariNet ini dilihat lemah dan juga tidak dapat mencapai kejayaannya ialah kerana yang pertama tadi ialah masalah capaian internet.

■2100

Kemudian, yang kedua ialah kekurangan, kelengkapan perkakasan ICT untuk pelaksanaan e-Pembelajaran. Ketiga ialah masalah penyelenggaraan dan yang keempat, kurangnya kemahiran dalam pengendalian program ini. Jadi saya secara tidak langsung melihat

kelemahan-kelemahan yang diidentifikasi ini sebenarnya hanya mengulang semula masalah yang membawa kepada kegagalan Projek SchoolNet sebelum ini. Jadi apakah nantinya 1BestariNet ini dengan kos yang telah dilaburkan akan menerima nasib yang sama sebagaimana Projek SchoolNet sebelum ini. Jadi saya memperingatkan pihak kementerian dan kita semualah. Apabila kita membuat sesuatu projek, biarlah serius dan pastikan kegagalan yang sama itu tidak berulang.

Masalah-masalah yang sama yang pernah dialami sebelumnya sehingga kegagalan satu projek yang besar tidak lagi berulang pada projek berikutnya. Oleh sebab Nabi kita Muhammad SAW pernah memberikan peringatan kepada kita, yang bermaksud, *“Allah SWT suka apabila seseorang kamu yang apabila menjalankan tugas, melaksanakan satu perkara, maka dia melakukan dengan tekun, teliti dan hemat supaya tidak mengulangi kegagalan dan masalah yang serupa.”*

Tuan Pengerusi, seperkara lagi saya minta pihak kementerian bertanggungjawab untuk menjelaskan di Dewan ini segala permasalahan yang berlaku dalam proses integrasi ICT dan juga pendidikan yang telah dibangkitkan ini termasuklah penjelasan terhadap pendedahan Laporan Ketua Audit Negara 2013 yang menampilkan kerugian dan juga kelemahan-kelemahan yang begitu ketara yang ditanggung oleh kerajaan. Terutamanya dalam kontrak yang dimeterai bersama dengan pihak YTL Communication Sdn Bhd.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya merujuk kepada Butiran 030000 - Penyelidikan dan Pembangunan Ilmu Program dan Butiran 030100 - Pembangunan Kurikulum. Tuan Pengerusi, saya dalam butiran ini ingin menyentuh tentang Dasar Pendidikan Islam. Dasar Pendidikan Islam dalam kerangka sistem pendidikan yang diamalkan dalam negara kita Malaysia. Ini kerana kita yakin bahawa cabaran-cabaran sosial hari ini yang sedang melingkari anak bangsa dan generasi kita. Termasuklah juga dengan serangan-serangan pemikiran dan juga ideologi yang boleh merosakkan pemikiran akidah dan akhlak generasi juga ummah dalam negara kita.

Jadi maka dengan itu, saya sangat berharap supaya Pendidikan Islam dan Moral dijadikan sebagai satu subjek teras yang kukuh dalam sistem pendidikan negara kita. Dalam memastikan pendidikan secara formal untuk membentuk generasi yang sedia ada dalam negara kita pada hari ini. Ini kerana sebelum ini pun saya ada dengar Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mengusulkan konsep, *‘Pendidikan Islam Sepanjang Hayat’* pada tahun lepas, tahun 2013. Jadi saya harap ia benar-benar dapat direalisasikan dalam bentuk sistem yang terancang.

Pertamanya saya cadangkan Kementerian Pendidikan supaya membentuk satu Jawatankuasa Khas yang merentas parti, yang melibatkan semua NGO, badan-badan bukan kerajaan, ahli-ahli akademik dan juga individu-individu untuk sama-sama bincang. Untuk menyelidik dan juga menilai semula dasar, *syllabus*, modul pendidikan Islam dan moral supaya ia bertambah baik dalam negara kita dan mencapai kesan yang optimum.

Kemudian yang kedua, kementerian sebelum ini telah memutuskan subjek Sejarah sebagai subjek wajib lulus bagi calon SPM tahun 2013. Kemudian diikuti dengan subjek Bahasa

Inggeris, wajib lulus bagi calon SPM tahun 2016. Persoalan saya, kenapa tidak kementerian juga menjadikan subjek Pendidikan Islam dan Moral ini sebagai subjek wajib lulus bagi calon SPM dalam negara kita dengan memanfaatkan semua ataupun sebahagian peruntukan bajet yang disediakan pada butiran ini?

Saya mencadangkan supaya kita dapat beramal dengan apa yang diajar oleh Nabi kita Muhammad SAW yang bermaksud, "*Barang siapa yang dikehendaki kebaikan oleh Allah SWT akan dirinya, maka dia akan diberikan kefahaman tentang agama-Nya.*" Jadi saya harap kita dapat berikan perhatian serius kepada subjek Pendidikan Islam ini.

Ketiga Tuan Pengerusi, adakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk mengemas kini dan juga menaik taraf subjek Pendidikan Islam dan Moral ini mungkin mengikut jumlah jam kreditnya ataupun tambah baik modulnya supaya subjek ini akan menjadi subjek utama dalam sistem pendidikan negara kita. Tambahan pula, subjek ini memang telah merupakan satu daripada mata pelajaran wajib khususnya di IPTS. Jadi saya harap di peringkat sekolah menengah umpamanya termasuk di peringkat rendah ia dapat dinaiktarafkan oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Temerloh.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Ada lagikah masa saya?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Silakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebenarnya, sudah terlebih satu minit.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *Last, last.*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat berkaitan dengan kualiti terutama pendidikan yang berkaitan dengan moral dan akhlak di kalangan pelajar. Hari ini kita lihat masalah moral bukan sahaja melibatkan pelajar sekolah menengah dan rendah, di kalangan pelajar-pelajar universiti sendiri timbul masalah.

Apa yang paling menyedihkan kita ialah apabila sebuah universiti itu ada pensyarahnya juga - ini saya minta pandangan Yang Berhormat di mana ada satu universiti IPTA dalam negara kita yang profesornya yang mana tesisnya adalah plagiat. Di mana kalau tesisnya pun tiru, jadi macam mana dia hendak mendidik anak buah - kalau pelajar tiru pun kita kena gagalkan markah, ini ada profesor yang mengajar di universiti yang sekarang masih tidak diambil tindakan oleh pihak universiti dan tesisnya dibuktikan tesis tiru. Apa pandangan Yang Berhormat dalam isu sebegini untuk melahirkan pendidikan yang berkualiti?

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih. Selayaknyalah sistem pendidikan kita ini memberikan perhatian dalam perkara. Ia sememang suatu yang akan

merosakkan ataupun memundurkan masa depan negara kita termasuk dalam sistem pendidikan ini. Jadi saya harap perkara ini tidak berulang sebab kalau kita lihat dalam sistem Pendidikan Islam pun dalam aspek peniruan ini, dalam Islam - sehingga Nabi pernah menyebut, "*Bukan di kalangan kami orang yang suka meniru*". Kalau pelajar meniru pun kita marah sebagaimana yang disebutkan tadi, inikan pula pensyarah ataupun pihak tenaga pengajar.

Jadi oleh kerana itu saya harap Yang Berhormat Menteri atau Kementerian Pendidikan mempunyai satu sistem ataupun mekanisme yang betul-betul kemas dalam memastikan perkara ini tidak berleluasa sebab saya pun juga dapat maklumat ada yang menawarkan dengan harga yang murah mutakhir ini, dengan boleh sijil dengan begitu murah untuk mendapatkan hanya semata-mata penghargaan dan juga pandangan pada sudut manusia, sedangkan ilmunya tidak ada. Jadi ini akan merosakkan sistem pendidikan negara kita.

Jadi Tuan Pengerusi, oleh kerana masa yang telah terbatas, saya sebenarnya mempunyai satu lagi butiran tetapi kalau saya bentang ini mungkin makan masa sampai lima ke enam minit. Jadi saya rasa sekadar itulah, mungkin nantinya saya akan kemukakan *direct* kepada Kementerian Pendidikan melalui memorandum yang berkait untuk menambah baik beberapa perkara dalam Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya ambil sebelah kanan dahulu, Yang Berhormat Sekijang. Jangan bimbang, sampailah sebelah kiri saya.

9.09 mlm.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cuma bangun sahajalah.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Saya terus kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jangan serik bangun, ya Yang Berhormat Paya Besar. Kalau keluar, tidak dapat. Sila.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020300 berkenaan dengan Pendidikan Awal berserta sekali dengan Butiran 00203 - Sekolah Menengah Berasrama Penuh. Saya cuma ingin mendapatkan kepastian dari pihak kementerian berkenaan dengan kes buli yang melibatkan pelajar asrama baru-baru ini. Apakah tindakan susulan yang telah diambil oleh pihak kementerian berkenaan dengan kes-kes buli terutamanya yang berlaku di asrama-asrama ini yang semakin menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini?

■2110

Kita semua maklum pelajar yang berjaya masuk ke asrama ini kebanyakannya adalah pelajar-pelajar yang cemerlang. Akan tetapi kejadian buli seperti ini secara tidak langsung bakal membuatkan pelajar-pelajar lain yang masuk ke asrama ini takut serta gusar. Jadi saranan saya kepada pihak kementerian seharusnya membuat pemantauan secara rapi keadaan semasa sekolah asrama ini terutamanya melibatkan warden di peringkat asrama tersebut. Bagi saya, jika warden asrama menjalankan tugas dengan baik, perkara ini mungkin kita dapat elakkan.

Berkenaan dengan Butiran 070100 – Majlis Peperiksaan Malaysia. Kejadian soalan UPSR bocor baru-baru ini sememangnya menunjukkan terdapat kepincangan dalam majlis ini. Ia bukan sahaja menyusahkan para pelajar malah turut memberi gambaran yang agak buruk juga kepada peringkat kementerian. Saya ingin bertanya adakah dalam kejadian soalan bocor ini sudah kita tangkap sepenuhnya dan kita tidak mahu perkara yang melibatkan integriti ini sewenang-wenangnya dipermainkan oleh pihak media terutamanya. Saya berharap pemilihan ahli Majlis Peperiksaan Malaysia nanti seharusnya pihak kementerian memperketat lagi dan kita pastikan perkara ini tidak berlaku lagi pada masa hadapan. Kalau boleh kuatkuasakan undang-undang terutamanya OSA kepada mereka yang telah didapati pecah amanah ini.

Terakhir Butiran 020400 – Pendidikan Lepas Menengah. Saya berharap pihak kementerian dapat diperhalusi kursus-kursus yang ditawarkan oleh universiti agar kursus tersebut mampu menawarkan pekerjaan kepada lepasan universiti. Kalau kita lihat ketika ini terlalu ramai lepasan-lepasan universiti kita tidak mendapat pekerjaan yang selari dengan kelulusan yang ada pada mereka. Minta jasa baik pihak kementerian untuk memastikan kebolehpasaran mahasiswa ini diperluaskan lagi. Jika boleh perbanyakkan kursus yang boleh membendung migrasi ataupun pindahan pelajar-pelajar luar bandar ke kawasan bandar bagi mendapatkan pekerjaan.

Kita lihat hari ini lepasan universiti tidak mempunyai pilihan lain kerana keadaan semasa di luar bandar tidak dapat memberikan mereka pilihan yang banyak dalam mendapatkan pekerjaan. Berharap perkara ini dapat diberikan penekanan oleh pihak kementerian untuk diperhalusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Taiping.

9.12 mlm.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi terima kasih kerana mengizinkan saya bangun untuk membahaskan belanjawan Kementerian Pendidikan di peringkat Jawatankuasa ini. Saya bangun, di bawah kepala B.63 Butiran 20000. Tuan Pengerusi, setelah keseluruhan saya rasa terpenggil untuk membawa perhatian Dewan yang mulia ini bahawa daripada jumlah peruntukan Kementerian Pendidikan perlu diberi perhatian yang serius. Peruntukan pembangunan kini telah semakin berkurangan. Jika dibandingkan dengan peruntukan mengurus beberapa tahun ini perlu dibangkitkan bahawa daripada jumlah RM40 bilion bajet Kementerian Pendidikan, peruntukan untuk pembangunan hanya berjumlah RM1.63 bilion sebaliknya RM39.2 bilion terdiri daripada belanjawan mengurus.

Secara peratusan dengan erti kata lain hanya 4% sahaja dibekalkan untuk peruntukan pembangunan dan selebihnya 96% adalah untuk belanjawan mengurus. Ini merupakan daripada rekod kementerian, kita boleh nampak dengan jelas bahawa pada tahun 2011 peruntukan pembangunan ialah RM3.92 bilion dan pada tahun 2012, belanjawan peruntukan pembangunan merosot menjadi RM3.5 bilion. Daripada dua tahun kemudian iaitu tahun 2013, ia merosot lagi secara ketara jatuh kepada RM1.1 bilion. Pada tahun 2014, sebanyak RM1.5 bilion dan tahun

depan hanya sekadar RM1.67 bilion. Kekurangan peruntukan pembangunan Tuan Pengerusi, mencerminkan dua perkara.

Pertama, kementerian perlu mengelakkan pembaziran. Jika tidak, kekangan kewangan yang akan dihadapi akan menjejaskan kesejahteraan dan juga mutu menimba ilmu oleh penuntut-penuntut. Seperti kursus umpamanya, sebanyak RM5.2 bilion perlu dibelanjakan untuk melaksanakan Dasar *Teaching of Science and Mathematics in English* (PPSMI). Maknanya kita semua tertanya-tanya apa yang berlaku kepada *laptop* lah, projektor lah, komputer yang diberi. Ini kerana kerajaan telah pun melaksanakan Dasar u-Turn.

Kedua, Projek 1BestariNet yang telah pun menelan belanja lebih kurang RM1 bilion. Mengikut Laporan Ketua Audit Negara hanya 5% orang pelajar yang berjaya mengguna pakai 1BestariNet. Ini merupakan satu pembaziran yang ketara dan kepincangan pengurusan. Maka gejala ini perlu dibanteras dan juga diperbaiki demi kesejahteraan semua anak murid kita.

Tuan Pengerusi, adalah penting di mana keadaan ini diperbaiki kerana kekurangan peruntukan pembangunan. Ini menunjukkan Kementerian Pendidikan terlepas pandang keperluan prasarana atau infrastruktur sekolah-sekolah khususnya sekolah luar bandar dan kawasan pedalaman seperti Sabah dan Sarawak. Tadi telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai di sekolah Sungai Pensiangan, sekolah kerajaan tidak ada bekalan elektrik. Keadaan ini perlu diperbaiki dengan kadar segera.

Kementerian perlu sedar bahawa di antara 7,750 buah sekolah rendah, ada lagi banyak sekolah yang memerlukan peruntukan dan bantuan kerajaan untuk menyediakan pembangunan sekolah yang mencukupi. Di sini dalam tangan saya ingin menunjukkan kepada Dewan yang mulia ini, sekolah SJK(C) Kuang, Rawang, di mana kerajaan negeri Pakatan Rakyat telah meluluskan tanah kepada sekolah. Akan tetapi kini, oleh kerana tiada peruntukan pembangunan daripada kementerian.

Pelajar-pelajar terpaksa membuat rapat umum kerana mereka terpaksa kerana tidak ada bilik darjah. Terpaksa belajar di kontena. Ada juga rapat umum di SJK(C) Kuang ini ada pelajar Melayu yang memakai tudung, pelajar Cina, pelajar India. Ini bukti. SJK(C) ialah sekolah untuk semua anak Malaysia. Tuan Pengerusi selain daripada SJK(C) Kuang di Rawang ini, tapak tanah sudah ada maka saya sangat berharap di mana kementerian memberikan peruntukan yang mencukupi supaya SJK(C) Kuang di Rawang ini dapat membina bilik-bilik darjah yang baru mengikut jadual yang ditetapkan oleh Lembaga Pengurusan Sekolah.

Kedua adalah SJK(C) Hua Lian 2 di Taiping. Saya ingin membawa perhatian kepada kementerian di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum pilihan raya telah mengumumkan akan memberikan peruntukan RM1.5 juta kepada pihak sekolah untuk membina bangunan sekolah yang baru di mana pihak sekolah memerlukan RM7 juta. Dalam lawatan ke Taiping Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga merupakan Menteri Pendidikan juga membuat janji jika sekolah ini hendak dibina kementerian akan memberikan *one dollar for one dollar*. Di mana sekolah mengutip RM3 juta, kerajaan akan memberikan RM3 juta, *one dollar for one dollar*.

Maka saya anggap amat berharap. Kini sekolah telah dibina tetapi kesuntukan kewangan. Murid-murid sekolah, ibu-ibu bapa-bapa bertungkus-lumus mengutip derma, meminta sedekah di seluruh negara untuk membina sekolah. Bagi rakyat kawasan Taiping, saya memohon jasa baik seperti bak kata pepatah Melayu, '*Binatang pegang kepada tali, manusia pegang kepada janji*'. Janji telah pun ditaburkan maka kinilah masanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri mengotakan janjinya. Janji mesti ditepati, bukan 'dicapati' atau pun dimungkir. Ini adalah harapan rakyat di kawasan Taiping dan saya harap Januari ini di mana Yang Berhormat Menteri akan menyerahkan cek dengan secepat mungkin membuktikan janji memang ditepati untuk kesejahteraan murid-murid sekolah SJK(C) Hua Lian 2, Taiping.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu seterusnya saya ingin membahaskan Butiran 00102 – Peruntukan Untuk Sekolah Rendah Akademi. Jumlah yang diperuntukkan RM247 juta. Daripada pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, daripada jumlah RM1.637 bilion peruntukan pembangunan, SJK(C) akan diberi peruntukan RM50 juta. Dengan kata lain hanya sebanyak 3.04% peruntukan pembangunan diberi kepada 1,284 buah sekolah SJK(C). Dengan kata lain setiap sekolah secara purata hanya diperuntukkan RM38,940 dengan kata lain jika dibandingkan dengan bilangan pelajar seramai 656,000 orang murid-murid sekolah SJK(C).

Setiap murid hanya mendapat RM76 sahaja. Saya hendak tanya kepada kementerian dengan jumlah tidak sampai RM40,000 setiap sekolah, apakah jenis projek pembangunan yang boleh diharapkan. Sekiranya kita membuat bandingan dengan sekolah kebangsaan, jumlah bilangan sekolahnya 5,943. Purata peruntukan setiap sekolah RM259,128.

■2120

Bandingan dengan SJK(T), setiap sekolah secara purata pun dapat lebih kurang RM90,602. Maka jika kita kata objektif bajet kementerian adalah supaya setiap anak murid mendapat peluang pendidikan yang adil dan saksama. Ini diperuntukkan, dimaktubkan dalam bajet. Saya harap di mana kerajaan mengikut falsafah pendidikan dapat memberikan peruntukan yang lebih adil dan saksama mengikut bilangan pelajar-pelajar di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, jelas pengagihan peruntukan kementerian adalah tidak adil dan saksama kepada murid-murid SJK(C) walaupun ia juga merupakan sekolah kerajaan. Demi kesejahteraan anak-anak murid kita, saya ingin mengesyorkan kepada kementerian bahawa dalam pengagihan peruntukan, ia seharusnya mengikut nisbah bilangan pelajar-pelajar aliran sekolah yang tertentu. Seperti contoh dengan jumlah pelajar di SJK(C) seramai 650,000 atas prinsip adil dan saksama jumlah peruntukan harus diagihkan adalah RM335 juta dan bukan hanya sekadar sedikit sedekah RM50 juta sahaja yang diperuntukkan. Saya pohon kementerian dengan jasa baik memperbaiki keadaan ini.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini ada pihak yang berfikiran sempit cuba memporak-perandakan keharmonian negara dengan memfitnah bahawa wujud dengan *vernacular school* merupakan batu penghalang kepada perpaduan nasional. Perlu direkod dalam *Hansard* Parlimen sama ada SJK(C) atau SJK(T) rata-rata merupakan khazanah negara dan warisan

bangsa Malaysia tanah air kita yang tercinta. Dari sudut sejarah, sekolah Cina mula didirikan pada abad ke-18 jauh sebelum wujudnya negara kita Malaysia.

Sekolah Cina yang pertama adalah Sekolah Wufu (*Wufu Xuexiao*) yang telah pun ditubuhkan pada tahun 1815 di Pulau Pinang. Menyedari betapa pentingnya bahasa ibunda, Sekolah Cina dan Sekolah Tamil berkembang dengan semangat menyumbang dari masyarakat tempatan. Pembinaan setiap sekolah adalah penuh dengan titik peluh serta usaha gigih masyarakat tempatan.

Pada tahun depan, sekolah Cina akan merayakan ulang tahun ke-200 bertapak di tanah air kita yang tercinta ini. Saya rasa terpanggil Tuan Pengerusi, untuk memperbetulkan persepsi salah dan fikiran sempit sesetengah pihak yang menuduh *vernacular schools* adalah batu penghalang kepada perpaduan negara. Tuduhan tersebut sama sekali adalah salah dan sebaliknya SJK(C) bukan penghalang tetapi pemangkin kepada perpaduan negara. Perlu dimaklumkan bahawa SJK(C) dan SJK(T) adalah terbuka kepada semua anak Malaysia tanpa mengira kaum dan agama. Kini, 15% ataupun lebih kurang 80,000 pelajar dan murid-murid di sekolah yang menuntut di SJK(C) terdiri daripada anak-anak Melayu dan anak-anak India.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ya. SJK(C) adalah sekolah untuk setiap warga Malaysia tertakluk kepada pilihan masing-masing. Kedua, SJK(C) dan SJK(T) sebenarnya menggunakan pakai sukatan pelajaran standard, kurikulum yang ditetapkan oleh kementerian. Ketiga, tenaga pengajar atau cikgu-cikgu semuanya dilatih oleh Maktab Perguruan yang didirikan oleh kementerian. Maka adalah jelas SJK(C) dan SJK(T) adalah diiktiraf oleh Akta Pendidikan tahun 1996. Oleh demikian *with respect* Tuan Pengerusi, *the core to close down vernaculars schools is simply nuisance and nonsense.*

Tuan Pengerusi, oleh kerana itu saya ingin merumuskan, saya cuma memohon jasa baik kementerian memberikan layanan yang adil dan saksama dalam empat sudut. Pertama, peruntukan yang memadai. *Let education be at due with the education issue*, jangan mempolitikkannya. Kita biarkan soal akademik, soal pakar akademik yang tentukan.

Kedua, di mana rizab tapak sekolah. Mengikut Kementerian KPKT sepatutnya dirizabkan mengikut keperluan dan kepadatan penduduk. Saya harap di mana selain daripada perizaban untuk sekolah kebangsaan, juga ada perizaban tapak tanah untuk sekolah jenis kebangsaan Tamil dan sekolah jenis kebangsaan Cina kerana ia semua ialah sekolah kerajaan.

Ketiga, memastikan ada guru-guru yang bertauliah untuk tenaga pengajar yang mencukupi untuk mengajar di SJK(T) dan SJK(C). Sudah 57 tahun, saya merayu kepada Tuan Pengerusi di mana masih lagi kekurangan lebih kurang 2,000 tenaga pengajar di sekolah jenis kebangsaan Cina. Ini tidak boleh diterima kerana kita ada sistem dan sumber yang mencukupi untuk melatih cikgu-cikgu yang bertauliah. Kekurangan guru ini adalah satu kepincangan yang perlu diatasi dengan segera.

Terakhir ialah bil elektrik dan air. Ini perkara kecil tetapi saya pohonlah kepada kerajaan janganlah begitu kedekut. Bagi sekolah jenis kebangsaan Cina, dia hanya terima subsidi sedikit yang lain itu bil elektrik, bil air, lembaga pengurus sekolah, murid-murid terpaksa bayar sendiri. Mengapa kita tidak boleh ada sistem pusat seperti sekolah kebangsaan? Buatlah standard piawai di mana semua aliran sekolah tidak kira dia sekolah mubaligh, sekolah pondok, sekolah SJK(C), SJK(T), sekolah kebangsaan. Semua mempunyai satu sistem yang cukup adil di mana pendidikan, saya rasa sikap yang paling penting adalah *wasatiyyah*. Saya mendukung konsep *wasatiyyah*. Apa erti *wasatiyyah*?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Taiping cukuplah.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sedikit sahaja. *Wasatiyyah* bermaksud kesederhanaan, keseimbangan, keadilan dan kecemerlangan dalam kehidupan manusia. Confucius pun kata Chung Yung dan Perdana Menteri pun menemui institusi *wasatiyyah*.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Taiping, kena *wasatiyyah* juga Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya harap di mana suara rakyat dapat didengar apabila Menteri jawab nanti dapat memberikan jawapan yang cukup bertanggungjawab demi masa depan anak-anak murid kita. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Hulu Rajang.

9.26 mlm.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terus merujuk kepada Butiran 050200 – Teknologi Maklumat. Tuan Pengerusi, perkhidmatan internet di kawasan luar bandar di Sarawak masih berada di tahap yang kurang memuaskan. Kelajuan internet yang sangat perlahan ini amat menyukarkan para guru dalam setiap urusan kerja baru-baru ini. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran telah mengumumkan bahawa kerajaan akan melancarkan *Smart Interactive Digital Textbook* pada tahun 2016 iaitu kurang dari dua tahun dari sekarang, Tuan Pengerusi. Persoalannya sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan langkah kerajaan ini terutama sekali bagi murid-murid di luar bandar sekiranya masalah capaian internet masih lagi belum dapat diselesaikan.

Saya agak risau Tuan Pengerusi, sekiranya program ini bermula kelak akan wujud jurang antara murid-murid di luar bandar dan bandar. Ini tidak menggambarkan pembangunan yang seluruh dan tidak adil bagi semua pihak nanti. Para guru-guru di Sarawak melalui *Sarawak Teachers Union (STU)* telah pun menyuarakan kebimbangan mereka. Berkaitan dengan isu ini dan saya berharap pihak kementerian dapat mengambil berat akan isu capaian internet ini yang lebih lemah ini selesai dengan secepat mungkin.

Terus ke Butiran 09700 – Penyelenggaraan Genset sekolah di luar bandar. Tuan Pengerusi, saya turut menerima aduan banyak masalah iaitu bahawa genset sekolah-sekolah di

luar bandar atau di pedalaman seperti di sekolah-sekolah di pedalaman di kawasan Hulu Rajang. Tidak berfungsi akibat kerosakan, kadang-kadang minyak tidak dihantar walaupun telah sebulan lebih berlalu. Sedangkan sudah ada kontraktor-kontraktor Tuan Pengerusi yang telah dipertanggungjawabkan untuk menghantar minyak ke sekolah-sekolah tersebut. Maka saya menyeru kepada kementerian dapat memastikan tugas-tugas penyelenggaraan genset mengikut jadual yang ditetapkan agar urusan harian sekolah tidak terganggu nanti.

Butiran 09500 – Pembaikan Pembangunan. Masalah dari segi *facilities* dan prasarana pendidikan yang serba kekurangan masih menjadi cabaran utama di sekolah-sekolah kawasan luar bandar di Sarawak dan di Sabah sama menghadapi masalah itu. Kebanyakan dari bangunan bilik darjah, kuarters yang digunakan telah pun digunakan hampir 40 tahun dan sudah reput serta tidak selamat diduduki. Perkara ini amat membahayakan keselamatan para guru dan para pelajar. Sebagai contoh SMK Belaga seperti yang dilaporkan dalam akhbar *The Borneo Post*, keadaan bangunan sekolah ini amat menyedihkan Tuan Pengerusi. Pelajar sekolah SMK Belaga terpaksa tinggal di bangunan yang rapuh dimakan anai-anai hanya menunggu masa yang roboh sahaja.

Oleh itu saya mohon pemantauan berterusan mohon pihak kementerian untuk memastikan bangunan asrama SMK Belaga ini dengan kadar yang segera sebelum berlaku kemalangan yang tidak diingini.

■2130

Saya ingin menyarankan bagi pihak kementerian juga untuk melihat dari segi jangka panjang. Apabila merancang pembinaan sesebuah sekolah dengan memastikan asrama serta kuarters yang disediakan mampu untuk menampung jumlah pelajar dan kakitangan di dalam jangka masa yang panjang.

Seperti yang berlaku di SMK Bakun Tuan Pengerusi, kuarters - 36, guru - 82 dan kakitangan - 10 orang. Kuarters tentu tidak mencukupi. Jadi, kakitangan, guru-guru tinggal di luar. Jadi, saya mohonlah supaya kementerian kalau hendak buat *plan* untuk membangunkan sebuah sekolah, ikutlah *plan* jangka panjang supaya guru-guru kita tidak diam di luar kawasan sekolah.

Begitu juga dengan sekolah-sekolah di SK Mujung Tengah yang menghadapi masalah rumah *staff* yang tidak mencukupi. Di mana terpaksa membina sendiri ruang tamu dan dapur akibat kerosakan rumah yang begitu sempit sekali untuk didiami oleh berapa orang guru kita. Maka, saya berharaplah pihak kementerian dapat menyalurkan peruntukan yang sewajarnya bagi membantu dan melengkapkan sekolah-sekolah di luar bandar dengan kemudahan-kemudahan asas pada tahun yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak bawa beberapa perkara sahaja. Pertamanya, Kepala 010000 - Pengurusan dan 050000

– Pengukuhan Operasi Pendidikan. Saya hendak bertanya dengan Menteri berkenaan dengan projek-projek sekolah yang diuruskan di bawah Projek *Management Consultant* (PMC) ini.

Di Sungai Petani ada enam buah projek yang menghadapi masalah besar sebenarnya. Ada sekolah-sekolah yang telah pun diduduki, sudah masuk, budak-budak sudah belajar dah ini tetapi OC belum dapat. Maknanya, kalaulah jadi apa-apa pada sekolah itu, khususnya kemalangan yang menimpa murid-murid, saya rasa itu masalah besar. Jadi, soalan saya ialah dalam keadaan Kementerian Pendidikan mempunyai sejarah mengadakan atau membina sekolah-sekolah melalui proses yang biasa, tender, kemudian di*supervise* oleh JKR, kemudian sebelum mereka dibenarkan untuk membina, masuk dahulu pelan di Pejabat Daerah, kemudian Pejabat Daerah dan juga PBT akan berbincang dengan lain-lain teknikal *department*, barulah kelulusan diberikan.

Akan tetapi Tuan Pengerusi, dalam kes projek-projek PMC ini, mereka ini datang macam daripada kayangan. Datang dengan duitnya, bina sekolah tanpa melalui proses-proses yang sepatutnya dilakukan. Akhirnya, apa yang berlaku ialah di sekolah-sekolah ini yang telah pun siap dibina, banyak *defectnya*, banyak masalahnya. Termasuklah air kumbahan tidak boleh lepas, longkang yang dibuat tidak ada tembusan ke projek-projek lain atau pun ke longkang. Jadi, ini menimbulkan masalah yang besar dan pihak JKR pun pening kepala, pihak PBT pun pening kepala.

Kementerian mengarahkan supaya sekolah dibuka dalam keadaan mereka tidak sempurna. Saya hendak sebut di sini beberapa sekolah yang menjadi masalah di tempat saya dan saya minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah yang sebenarnya sedang berlaku? Contohnya, di sekolah rendah dan Sekolah Menengah Sungai Pasir Kecil iaitu di Batu Dua Sungai Petani, yang OC belum dapat tetapi murid-murid telah pun masuk. Di sekolah rendah dan Sekolah Menengah Bandar Puteri Jaya, OC belum dapat tetapi murid itu sudah masuk.

Sekolah Menengah Taman Ria Jaya, yang ini belum masuk murid lagi tetapi Sekolah Rendah Bukit Kiara, OC belum dapat, murid sudah ada. Sekolah rendah dan Sekolah Menengah Bukit Bayu, Jalan Baru Lentang, OC belum dapat, murid sudah ada dan Sekolah Rendah Sinar Intan, OC belum dapat, murid sudah ada. Semua projek ini projek PMC. Bukan itu sahaja, saya dimaklumkan oleh pegawai-pegawai jabatan teknikal juga, khususnya yang datang dari Jabatan Pelan merancang. Mereka mengatakan, mengikut apa yang mereka tahu, projek-projek PMC ini 25% kosnya lebih tinggi daripada keadaan biasa. Jadi, apa masalahnya? Kalau dah lah mahal, lepas itu sekarang ini ia jadi masalah pula apabila sekolah-sekolah ini tidak mendapat OC dan ianya mempunyai masalah-masalah *defect* dan sebagainya. Jadi, itu yang pertama Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru bangun.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Okey, sedikit sahaja, saya tidak ada masa. Cepat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri. Daripada Kepala B.64, 60000 – Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), di mana saya telah buat *calculation*, saya ajak semua Yang Berhormat untuk tengok muka surat 660. Semua peruntukan untuk IPTA turun menjunam. Untuk keseluruhannya, menjunam 12.36%. UM turun 11.11%, UKM turun 17.34%, USM turun 13.88%, UPM turun 35.36%, UTM turun 23.78%, UUM turun 9.33%, UIAM turun 19.17%, UNIMAS turun 16.51%, UMS turun 8.06%, UPSI turun 7.41%, UiTM turun 2.55%, UNISZA turun 2.64%, USIM turun 12.28%.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, habis sudah masa Yang Berhormat Sungai Petani.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sedikit lagi, UTHM turun 14.96%. Secara kasarnya, semua ini turun menjunam RM1.046 bilion. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri, kalau kata hendak bantu pelajar tetapi setiap tahun pelajar meningkat. Kenapa peruntukan untuk pendidikan tinggi menjunam begitu mendadak?

Satu lagi adalah Butiran 100000 - Dasar Baru. Ia hendak bagi 1. ...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru, peraturan...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sedikit sahaja. Minta penjelasan, terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Pengerusi, ucapan Yang Berhormat Bayan Baru dimasukkan dalam ucapan sayalah. Akhir sekali Tuan Pengerusi ialah berhubung dengan kuarters-kuarters guru. Saya amat simpati dengan sahabat saya dari Hulu Rajang tadi, menyebut bahawa kuarters di sana tidak mencukupi. Akan tetapi Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu di Sungai Petani, kuarters kami berlebih-lebih.

Saya ada empat buah kelompok kuarters di Kampung Berapit, Taman Semarak Sungai Pasir, Sekolah Menengah Tasik Apung dan Sekolah Menengah Ibrahim. Satu tempat ini Tuan Pengerusi, Taman Semarak Sungai Petani ada lima blok. Satu blok lapan unit, sudah hampir 11 tahun, seorang pun tidak masuk, tidak pernah masuk, tidak pernah duduk. Sekarang ini pokok sebesar-besar pokok sudah dalam bangunan ini.

Jadi, saya hendak tunggu pokok kelapa sahaja yang belum naik lagi. Hak lain semua sudah ada dah. Jadi, masalahnya saya sudah bangkitkan. Saya ingat ini tahun yang keempat saya bertanya, apakah perancangan kementerian? Kenapa biarkan begini sedangkan di Hulu Rajang, kawasan-kawasan kita Sabah dan Sarawak merayu, melutut minta kuarters tetapi tempat saya kita tidak perlukan kuarters. Jadi, kenapa buat kuarters di tempat saya? Itu satu hal. Yang keduanya, kenapa sudah buat, siap, tidak guna? Jadi, saya pun tidak faham. Saya sudah kira-kira ini, hampir-hampir 200 unit yang tidak dimasuki dan tidak diduduki. Saya rasa ianya menelan belanja yang cukup-cukup banyak. Jadi, kementerian harus buat sesuatu sebab yang pertama sekali, pokok tumbuh Yang Berhormat Menteri.

Kita tunggu harimau dan gajah masuk sahaja. Keduanya, wayar-wayar dalam kuarters itu telah pun ditarik. Banyak 'doktor-doktor' di sana. 'Doktor-doktor' yang cucuk sendiri ini. Dia ragut wayar, dia sudah curi semua dah, tertinggal.

■2140

Jadi, saya mengharapkan kalau *worst come to worst* Menteri, jual sahajalah, sekurang-kurangnya kita boleh save duit rakyat dan gunakan daripada kita biarkan. Saya rasa tentu kuarters ini akan rosak. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Mana Yang Berhormat Jerlun tadi? Sila Yang Berhormat Jerlun. [*Ketawa*]

9.40 mlm.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dengar Yang Berhormat Sungai Petani dok bagi laluan kat kawan-kawan, jadi kita pun bagi ruang jugalah.

Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas juga dalam belanjawan Kementerian Pendidikan. Butiran 020000 – Operasi Pendidikan dan Butiran 040000 – Pembangunan Profesionalisme. Dikhususkan terus kepada Butiran 020300 dan Butiran 020400 iaitu Pendidikan Menengah dan juga Pendidikan Lulusan Menengah. Saya ingat apa yang kita cakap ini dah selalu disebut tetapi oleh kerana kita sebagai wakil rakyat ataupun ramai cikgu yang merungut maka kita terpaksa bercakap sekali lagi.

Jadi, saya harap pihak kementerian ambil perhatian dan diharapkan apa yang kita hendak cakap ini berkaitan adalah dengan beban kerja guru. Kita tahu guru ini ialah orang-orang yang telah pun memilih satu profesion yang cukup murni yang selalunya menjadi lilin membakar diri untuk menerangi orang lain.

Jadi, bebanan guru ini bukan hanya sekadar untuk mengajar, itu sebenarnya ialah tugas hakiki mereka di mana mereka telah pun diajar berkaitan perkara-perkara pedagogi dan juga teori pendidikan sama ada pendidikan yang lama mahupun yang terkini. Akan tetapi bebanan guru kini telah pun menjadi satu masalah yang saya kira boleh menyebabkan guru itu tidak dapat menumpukan kepada tugas mereka yang hakiki.

Contohnya adalah seperti pendaftaran atau *registration* anak-anak murid daripada bermula awal tahun dan seterusnya setiap hari. Kemudian data dan *filing*, mereka diminta untuk mendaftar kerja-kerja sekolah berkaitan dengan mata pelajaran, kokurikulum, kurikulum, disiplin murid-murid, kemudian berkaitan dengan data peribadi termasuklah mengukur ketinggian seorang murid, berat seorang murid dan lain-lain.

Kemudian sudah tentulah apabila datangnya *exam*, selain daripada mencipta soalan-soalan, mereka perlu memasukkan keputusan peperiksaan setiap orang murid. Selain itu mereka juga ada tanggungjawab lain seperti berkaitan dengan urusan panitia mata pelajaran yang mereka ajar. Dalam masa yang sama juga mereka diminta untuk menyediakan pelbagai kerja, rim, kertas putih ini beratus-ratus rim yang dicetak disimpan, mungkin sampai berdebu untuk diperiksa oleh penyelia. Penyelia ini datangnya dari sekolah itu sendiri, ketua panitianya guru

besar, pengetuanya, PPD, kemudian JPN, ada juga daripada KPM sendiri. Jadi pihak penyelia ini pun seronok, seronok datang untuk memeriksa, jadi kita pun tidak berapa faham kenapalah *superiors* ini perlu hendak periksa kertas-kertas yang disediakan oleh ratusan guru di setiap sekolah ini.

Kemudian, sudah tentulah kita menggalakkan *paperless* sistem hari ini. Jadi, bila hendak kena buat ratusan rim sama ada soalan periksa, data dan sebagainya sudah tentulah akan menjadi masalah. Kalau kita bandingkan kerja-kerja guru ini dengan doktor contohnya, doktor tidak ada, Yang Berhormat Bagan Serai. Jadi, kalau seorang doktor itu terpaksa terlibat dengan pendaftaran pesakit mereka, terpaksa pula sediakan data dan *filing* setiap jenis penyakit. Kemudian tengah buat kerja, ada *supervisor* datang hendak *check* dan sebagainya. Kemudian sudah tentulah mungkin pesakit itu sendiri boleh mati.

Jadi, guru ini pula diminta untuk membawa murid-murid sama ada rombongan. Kadang-kadang bawa kereta sendiri pergi ke *event* atau acara, kemudian pergi ke program-program kokurikulum, nasyid, burdah, ada juga persembahan, pertandingan syarahan dan macam-macam. Jadi ini kerja guru. Jadi kalau doktor hendak disuruh bawa ambulans, sudah tentulah masalah.

Kemudian kerja-kerja ini sepatutnya, saya ingat sudah sampai masa kerajaan, kementerian melihat dengan bajet yang sebegini besar, sudah tentulah kita balik semula cara lama sedikit. Boleh memberi kerani-kerani ini, SPM pun ini banyak yang tidak ada kerja. Jadi mereka-mereka yang mungkin ada sijil diploma ini pun boleh diberikan tugas-tugas ini kerana guru-guru perlu mengajar, perlu memberi fokus dan tumpuan sebenar untuk hendak *disseminate*, hendak menurunkan ilmu kepada murid-murid mereka dan mereka juga ada KPI. KPI mereka sudah tentulah bila di hujung tahun kalau ada peperiksaan besar sama ada PT3, SPM, STPM dan sebagainya. Jadi, janganlah pula kita hendak *blame* guru yang kalau anak muridnya tidak dapat keputusan yang baik kerana guru-guru tidak dapat hendak memberi tumpuan.

Jadi, sudah tentulah di pihak kementerian pula kita pun terlibat dalam pengukuran antarabangsa, di peringkat indeks antarabangsa dan sebagainya. Banyak perkara yang kita kena kaji semula. Saya menggesa mungkin di bajet yang tahun depan diberikan peruntukan untuk kita kembalikan semula seberapa ramai pembantu guru-guru ini untuk meringankan bebanan. Jadi, adalah kita berikan tugas-tugaskan tertentu yang guru itu kena buat sendiri tetapi banyak perkara lain yang boleh diberi bantuan seperti mana *nurses* ataupun jururawat membantu doktor-doktor di hospital. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena, berminat ya? Sila, sila.

9.46 mlm.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 010000 dan Butiran 040000 sekali gus ya. Berkaitan dengan penempatan guru iaitu guru ISMP atau Ijazah Sarjana Muda Pendidikan yang saya difahamkan

setakat Jun yang lalu 1,595 calon simpanan yang masih belum mendapatkan penempatan ataupun *posting* mereka. Walaupun telah melalui proses temu duga dan saya difahamkan bahawa mereka terpaksa tunggu.

Sekarang ini pun dah hampir setahun, setahun lebih tempoh menunggu untuk ditempatkan di institusi pendidikan yang sepatutnya mereka telah pun memberikan khidmat. Dalam masa yang sama mereka juga menghadapi kiriman surat peringatan daripada PTPTN supaya mereka menjelaskan dan sebagainya. Peringatan kepada mereka, kalau tidak *diposting* juga, mereka hendak kena bayar dan sebagainya.

Jadi, saya hendak minta penjelasan khususnya guru-guru yang saya katakan tadi yang 1,500 lebih daripada Jun yang sepatutnya ada penempatan pada Jun dan September, mungkin sudah diisi tetapi saya percaya kalau diisi pun mungkin masih ramai lagi jumlah bilangan yang mungkin sampai lebih 1,000 lagi yang masih belum mendapat penempatan mereka. Jadi, saya hendak minta supaya bila masalah ini dapat diatasi ataupun diselesaikan untuk mengelak mereka lebih lama menunggu dalam satu tempoh yang tidak ada ketentuan dan tidak ada kepastian. Mereka pun tidak diberikan satu tempoh yang spesifik bila isu itu akan dapat diatasi.

Isu kedua ialah boleh dikatakan setiap tahun masalah ini berlaku. Saya pernah bercakap dua, tiga kali dalam sidang-sidang sebelum daripada ini. Jadi, apa masalah sebenarnya kepada Kementerian Pendidikan yang sepatutnya dalam pengambilan untuk kursus ijazah pendidikan ini, sudah tentu Kementerian Pendidikan di bawah Pengajian Tinggi sudah pun membuat unjuran tentang keperluan jumlah guru-guru yang akan ditempatkan di sekolah-sekolah dan sebagainya. Kenapa selepas daripada mereka ini menamatkan pengajian, tiba-tiba berlaku satu tempoh yang lama sampai setahun lebih pun tidak boleh diatasi masalah penempatan ini sedangkan sepatutnya bagi saya, logiknya ialah bila unjuran itu telah dibuat bermakna bahawa bila habis sahaja boleh tempatkan orang. Jadi tahu jumlah kita ambil sekian banyak, kemudian keperluan sekian banyak. Tiba-tiba berlaku tidak boleh menempatkan mereka di institusi pendidikan di sekolah-sekolah. Jadi apa masalah sebenarnya? Apakah unjuran itu sendiri tidak betul?

■2150

Unjuran pengambilan itu sendiri tidak betul ataupun unjuran menunjukkan bahawa keperluan sebenarnya pun tidak betul. Silap. Ada berlaku kesilapan. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri. Yang keduanya terakhir Tuan Pengerusi, berkaitan dengan 070000 – Majlis Peperiksaan Malaysia berkaitan isu peperiksaan kebocoran soalan.

Walaupun hari ini saya mendapat jawapan yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Menteri kepada saya berkaitan dengan isu kebocoran soalan-soalan yang berlaku baru-baru ini dengan penubuhan satu Jawatankuasa Khas dan sebagainya beberapa langkah dan tindakan yang telah diambil tapi isu yang saya hendak dapatkan penjelasan sejauh mana Jawatankuasa Bebas ini mengambil maklum kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan sendiri iaitu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang pada awal isu kebocoran ini

mengeluarkan satu kenyataan bahawa ini adalah sabotaj terhadap dirinya dan juga sabotaj terhadap Kementerian Pendidikan.

Jadi sejauh mana Jawatankuasa Bebas ini mengambil maklum perkara dan sejauh mana siasatan tentang dakwaan yang telah pun dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Pendidikan yang pertama sebab bagi saya bahawa dakwaan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu satu dakwaan yang sangat serius bila mengatakan bahawa ia satu sabotaj. Kebocoran ini satu sabotaj terhadap dirinya. Saya pun terfikir takkanlah cikgu-cikgu ataupun mereka yang ditahan oleh pihak polis dan sebagainya itu hendak sengaja sabotaj Menteri Pendidikan.

Apa keperluan mereka hendak sabotaj Menteri Pendidikan. Mereka hanya seorang pegawai biasa hendak sabotaj. Apakah mereka ini juga menjadi alat ataupun tali barut kepada pemimpin-pemimpin politik yang lain yang bertujuan untuk mensabotaj Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Pendidikan. Hendak menjatuhkan imej Kementerian Pendidikan dan Menteri Pendidikan sendiri.

Jadi ini saya minta satu penjelasan sebab saya tidak fikir seorang cikgu ataupun pegawai dia sabotaj Menteri Pendidikan kerana dengan dia sabotaj jatuh Menteri Pendidikan dia akan naik jadi Menteri. Sudah tentu saya fikir bahawa ada dalang-dalang yang mendalangi usaha-usaha ini sebab ini kenyataan yang serius yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan yang saya fikir bahawa perlu diambil serius perkara ini.

Jadi sejauh mana Jawatankuasa Bebas ini telah mengambil, merakam kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Maknanya sepatutnya bagi saya Jawatankuasa Bebas ini kena panggil Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan yang juga Timbalan Perdana Menteri ini untuk memberikan penjelasan dan juga memberikan gambaran sebenarnya apa yang dimaksudkan dengan usaha untuk sabotaj beliau itu. Adakah ada juga berkaitan dengan masalah dalaman politik UMNO, Barisan Nasional ataupun sebagainya itu kena diperjelaskan kepada masyarakat, kepada rakyat. Kita tidak mahu nanti ada persepsi bahawa ada pegawai pendidikan, guru dan sebagainya menjadi dalang kepada orang-orang politik ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

9.53 mlm.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010200 – Pengurusan Sumber Manusia. Beban kerja guru menilai sistem waktu kerja. Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) menyatakan sistem waktu bekerja guru adalah hanya sembilan jam mulai Januari 2012. Walaupun waktu kerja sebenar adalah mengikut sistem yang telah ditetapkan namun secara realitinya mengikut beban kerja guru pada masa kini mereka bekerja jauh lebih daripada waktu tersebut dan mereka juga terpaksa membawa longgokan kerja hingga ke rumah. *Environment* yang banyak terhadap

guru akan memberikan impak terhadap kualiti pelajaran yang seterusnya menjejaskan keputusan pelajar kerana guru dibebani dengan pelbagai tugas lain sehingga tugas hakiki mereka terjejas.

Saya mengalu-alukan cadangan pihak kementerian untuk mewujudkan 10,000 jawatan pembantu pentadbiran sekolah di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan mohon disegerakan tindakan ini supaya guru-guru dapat memberikan fokus sepenuhnya dalam bidang pengajaran daripada kerja-kerja perkeranian dan juga pentadbiran.

Tuan Pengerusi, kedua ketidaksepadanan opsyen guru. Guru harus disepadankan mengikut subjek opsyen atau kepakaran mereka yang sesuai untuk menjamin kualiti pengajaran dan dalam memastikan guru mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam subjek yang mereka ajar. Tidak dinafikan terdapat subjek-subjek tertentu yang mempunyai bilangan guru yang kurang berbanding dengan subjek-subjek yang lain menyebabkan penawaran guru yang berlebihan. Keadaan ini menyebabkan wujud masalah ketidaksepadanan guru di mana guru kadang-kadang terpaksa ditempatkan mengikut kekosongan dan bukan opsyen atau kepakaran masing-masing.

Di sini saya ingin mengesyorkan masalah ini harus diatasi di peringkat universiti semasa pelajar jurusan pendidikan memilih pengkhususan mereka. Mungkin pihak kementerian boleh meletakkan kuota tertentu untuk subjek-subjek tertentu untuk memastikan universiti tempatan melahirkan guru yang dilatih dalam pelbagai aspek dan subjek yang menepati permintaan di sekolah. Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian apakah pendekatan yang digunakan oleh pihak kementerian terutama sekali dalam menangani permasalahan ini.

Ketiga iaitu mengenai kenaikan pangkat guru. Pihak kerajaan melalui kementerian sudah memperkenalkan kenaikan pangkat secara *time base* berasaskan kecemerlangan dilaksanakan secara berperingkat mengikut tempoh perkhidmatan yang melayakkan dan perakuan oleh ketua jabatan. Walau bagaimanapun, di sini saya ingin mengesyorkan supaya pihak kementerian juga menilai semula kriteria kenaikan pangkat supaya mempercepatkan kenaikan pangkat guru-guru yang mempunyai rekod pencapaian yang baik atau indeks pencapaian yang cemerlang. Ini adalah sangat penting dan bersesuaian dengan beban kerja yang dipikul oleh guru yang merangkumi pelbagai bidang dan aspek yakni juga dapat dijadikan sebagai motivasi dan pemangkin untuk mereka menjalankan tugas dengan lebih dedikasi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada butiran 100200 – IPTA. Saya mengalu-alukan sasaran Universiti Penyelidikan (RU) untuk meningkatkan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) sesuai dengan status sebagai RU selaras dengan Model Baru Ekonomi (MBE). Walau bagaimanapun, saya mencadangkan supaya RU tidak mengurangkan pengambilan pelajar ijazah pertama kerana menumpukan pengambilan pelajar pasca siswazah. Pelajar ijazah pertama adalah sangat penting dan RU juga harus aktif dalam melahirkan pelajar ijazah pertama bersama-sama dengan universiti yang lain dan pelajar-pelajar ijazah pertama ini boleh ditawarkan pengajian pasca siswazah sekiranya menepati kriteria ditetapkan.

Di sini juga saya ingin mendapatkan penjelasan yang mana pihak Kementerian Pendidikan mengenai status pembinaan Hospital Perubatan UiTM Puncak Alam seperti yang pernah

dinyatakan oleh pihak kementerian yang sepatutnya bermula pada awal tahun ini. Ini kerana ia menjadi harapan yang sangat tinggi terutamanya rakyat yang tinggal dalam Parlimen Kuala Selangor.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 00201 – Menengah Akademik. Pertama iaitu mengenai pembinaan sekolah. Saya memohon pihak kementerian mengambil kira pembinaan sekolah-sekolah di bawah Parlimen Kuala Selangor yang menjadi kritikal iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Utama yang melibatkan bangunan 36 bilik darjah. Ini kerana ia merupakan Aku Janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia sewaktu beliau berkunjung ke Saujana Utama. Terdapat juga sekolah-sekolah lain merangkumi SK Alam Perdana, SK Alam Suria dan sebagainya.

Mengenai kes buli yang telah dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Sekijang saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan melalui kementerian adakah pihak kementerian mempunyai cadangan untuk memasang CCTV di semua asrama di bawah Kementerian Pendidikan supaya ia sebagai satu langkah pencegahan masalah keselamatan atau mengurangkan kes-kes buli di peringkat asrama.

Tuan Pengerusi, yang terakhir ialah mengenai Butiran 06000 – Dasar Penilaian dan Pengurusan iaitu Jawatankuasa Khas Pemantauan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Saya mengalu-alukan Pelan Pembangunan Pendidikan yang telah dirangka bagi menghadapi cabaran abad ke-21 yang memfokuskan cara membangunkan dan meneruskan perkembangan serta menambah baik sistem pendidikan secara berterusan sekali gus mencapai objektif bagi membawa Malaysia ke tahap kategori sepertiga teratas dalam kedudukan pendidikan terbaik dunia.

■2200

Di sini, saya ingin mengesyorkan penubuhan Jawatankuasa Khas Pemantauan PPM yang boleh dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri. Yang mana jawatankuasa khas ini boleh merangkumi ahli-ahli akademik, pengetua atau guru besar, guru-guru sekolah, pegawai JPN PPD dan wakil PIBG. Jawatankuasa ini akan memantau pelaksanaan PPM secara mendalam dan teliti dalam memastikan pelaksanaan strategi dan inisiatif yang digariskan di bawah PPM dilakukan secara efektif dalam mencapai objektif keseluruhan. Jawatankuasa ini akan dapat memastikan kejayaan PPM yang mana kejayaan penuh pelan yang menarik ini bergantung pada kefahaman dan komitmen berterusan semua pihak berkepentingan terhadap pelan dan strategi pelaksanaannya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya percaya Yang Berhormat Kepong tak panjang ya. Sila.

10.01 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, secara ringkasnya halaman 637, 020000 - Operasi Pendidikan, halaman 659, 050000 - Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan

juga 070000 - Hospital Pengajar, di halaman 661. Tuan Pengerusi, masalah guru, guru besar dan pengetua di sekolah-sekolah, kita ada 10,130 sekolah. Di sini, yang pertamanya, mengenai latihan kepada guru kerana kita nak meningkatkan mutu mereka. Setakat ini kita ada banyak kursus dan saya berharap kursus-kursus ini dapat kita pantau dengan baik. Supaya kualiti itu dapat ditingkatkan dan juga guru-guru yang keluar daripada kursus-kursus ini boleh meningkatkan kebolehan mereka. Termasuklah yang mengajar bahasa Inggeris dan sebagainya.

Itu yang pertama. Yang keduanya, mengenai sistem pelantikan atau kenaikan pangkat atau pelantikan guru besar dan pengetua. Terutamanya kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji bagaimana kita boleh mengadakan sistem pelantikan guru besar dan pengetua ini dengan lebih adil bagi mereka. Seterusnya, mengenai Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) ini. Kita ada 33 buah kolej perubatan swasta. Di sini saya hendak menekankan sekali lagi dengan guru-guru ataupun doktor-doktor pakar menjadi guru kepada pelajar-pelajar ini.

Saya diberitahu di dalam Dewan ini oleh Menteri Kesihatan bahawa satu guru kepada lapan pelajar perubatan. Ini saya tak boleh terima. Yang adilnya, yang lebih sempurna, satu kepada empat ataupun kurang daripada itulah kalau kita ada kemampuan. Akan tetapi inilah masalah di Malaysia iaitu terlalu banyak kolej perubatan swasta sehingga pihak kerajaan, pihak MQA pun susah untuk memantau daripada segi mutu mereka. Ini kerana kita memerlukan mungkin 2,500 doktor setahun tetapi ini tak termasuk yang datang dari luar negara. Di mana kita ada mengiktiraf 350 buah universiti di seberang laut dan kemudian mereka datang balik ke sini.

Ramailah dari kolej kita sendiri, dari luar dengan begitu ramai doktor di sini. Di sinilah kita hendak pihak kementerian itu memantau dengan lebih baik untuk memastikan MQA kita benar-benar berkesan untuk ini. Akhir sekali, mengenai hospital pengajar. Pusat Perubatan Universiti Malaya, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia. Tuan Pengerusi, yang aneh binti hairannya di sini...

[Beberapa Ahli bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini Yang Berhormat Rompin ini kacau itu kerana di Endau-Rompin itu saya nampak hutan-hutan yang dipotong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Puchong. Eh, Yang Berhormat Puchong pula, Yang Berhormat Kepong. Butiran berapa ini?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu butiran kerana mengacau. Sebab itulah banyak pokok di Endau-Rompin itu, di kawasan *reserve* pun dipotong juga. Masalah semua itu. Di sinilah yang pelik binti hairan ini, di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) itu. Satu tahun, pesakit luar sahaja ada hampir satu juta tapi di Universiti Kebangsaan Malaysia itu hanya setengah juta. Akan tetapi peruntukan bagi Universiti Malaya itu RM395 juta tapi untuk UKM itu RM423 juta. Saya pun hairan dan rasa mengapa macam itu? Yang mesti kerja dengan lebih kuat, bilangan pesakitnya lebih ramai, kita bagi peruntukan yang kurang.

Jadi, saya berharaplah kita dapat mengkaji sebab apa peruntukan itu begitu kecil. Di sini Tuan Pengerusi, bilangan pesakit di hospital-hospital pun sudah bertambah. Saya berharaplah

kita dapat memantau kualiti perkhidmatan termasuk doktor-doktor yang berkhidmat di dalam klinik-klinik ini. Kita mestilah memastikan kualiti mereka dapat dipertingkatkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rompin.

10.07 mlm.

Tan Sri Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tak berhajat untuk berucap tetapi oleh kerana Yang Berhormat Kepong tadi, saya boleh bangun di bawah 36(6), dia niat jahat sebenarnya. Saya tak usik langsung dia tapi bila beliau carik, saya terpanggil juga nak bercakap sedikit perkara institusi pengajian tinggi awam. Oleh sebab Yang Berhormat Kepong ini pakar, dia pakar kulit. Oleh itu, saya nampak kepakaran ini, isu kepakaran penting Tuan Pengerusi. Kita nak bina ekonomi berasaskan ilmu, yang akan mengemudikan kita satu ekonomi yang membawa kita kepada pendapatan tinggi dalam strategi transformasi ekonomi negara kita.

Saya nak bertanya kepada kementerian, ini dalam kita dengar *alhamdulillah* banyak universiti dapat hadiah di dunia tentang ciptaan mereka. Saya nak bertanya, ciptaan-ciptaan ini adakah kita jadikan satu harta intelek atau *intellectual property*? Ini kerana *intellectual property* ini nanti akan ada nilai *monetarynya*. Setakat mana di universiti-universiti, ciptaan kita, *research* kita itu diterjemahkan kepada *intellectual property*, itu yang pertama. Yang kedua, dijadikan produk-produk baru untuk menjana industri untuk ekonomi kita akan datang.

Amat malang sekali Tuan Pengerusi, kita melabur, kita membuat peruntukan besar dalam R&D tapi hasilnya, outputnya dan *outcome*, kita ada outputnya *in terms of* kertas, IP tak ada, *outcomenya* daripada segi kita menjana ekonomi baru, industri baru dan pekerjaan baru. Saya nak minta kementerian tolong bagi sedikit penerangan dan ulasan kepada Dewan yang mulia ini. Perkara yang kedua saya nak bangkitkan ialah isu perubahan demografi, Tuan Pengerusi.

■2210

Tuan Pengerusi, saban hari kita melihat oleh sebab perubahan demografi, sekolah-sekolah di luar bandar dirancangnya 20 tahun, 30 tahun dahulu. Akan tetapi sekarang, anak-anak muda sudah tidak tinggal di kampung. Yang tinggal di kampung adalah ibu bapa mereka yang mana sudah tidak ada anak kecil. Anak kecil hanya dilahir di bandar-bandar kerana anak muda sudah pindah di bandar. Sudah timbul cerita macam di kawasan saya, sekolah tak ada anak murid ataupun satu blok tak ada anak murid. Keluarlah cerita satu kawasan, Tuan Pengerusi. Guru besar menerima permohonan dari ketua kampung hendak bela burung walet dalam blok universiti. [*Ketawa*] Betul. Hendak membela burung walet, kerana apa? Dia kata, blok sekolah itu kosong. Mengapa tidak?

Ini dari segi perancangan, saya hendak minta sedikit kementerian, bermakna pelaburan kita buat dari segi sekolah, tenaga kerja semua sekali. Namun demikian oleh sebab perancangan kita itu tidak mengambil perubahan demografi, amatlah malangnya sumber-sumber negara

diletakkan, dilaburkan seperti persekolahan bilik-bilik darjah tetapi dari segi penggunaannya oleh sebab perubahan demografi, kita tidak menganggarkan perubahan yang lebih awal lagi.

Yang ketiga, saya mengambil kesempatan Tuan Pengerusi, ini tentang saya di Rompin ini, dia anak-anak muda yang bersekolah banyak juga Tuan Pengerusi, anak Orang Asli. Saya minta supaya ada penyelarasan sedikit antara Kementerian Pendidikan dan Jabatan Orang Asli. Anak Orang Asli ini, dia pergi sekolah kena hantar dengan kemudahan pengangkutan. Akan tetapi penyelenggaraan ataupun penyelarasan hantar anak sekolah biasa dengan prasekolah tidak urus dengan baik sehinggakan anak Orang Asli tidak boleh masuk ke prasekolah kerana Jabatan Orang Asli hanya menghantar pengangkutan untuk anak sekolah biasa, bukan kepada prasekolah. Ini saya hendak minta kalau boleh, isu-isu pendidikan Orang Asli ini mesti ada penyelarasan yang lebih tinggi di antara Kementerian Pendidikan dengan Jabatan Orang Asli.

Yang terakhirnya, ini juga kita kadang-kadang dengar cerita ini, kita rasa bimbang. Adakah perlu atau sampai masa kerajaan timbang kembali cara kita. Ini dalam Butiran 060000 – Dasar, Penilaian dan Pengurusan Prestasi. Cara mengukur prestasi anak kita, saya nampak kadang-kadang, 30 tahun yang lalu, kita terlalu kepada keadaan sistem objektif. Semuanya A, B, C sehinggakan anak muda tidak terlatih dari segi penulisan. Oleh sebab itu kadang-kadang mereka keluar, masuk universiti, menghadapi masalah. Mereka tidak mampu lagi menulis esei atau kerja-kerja penulisan yang tak... saya cakap tentang masa generasi kita yang dahulu.

Persoalan saya, adakah kementerian tidak tengok kembali apa yang kita buat dahulu mungkin baik pada ketika itu, mungkin sesuai pada ketika itu. Adakah satu generasi yang lain macam tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercerita, saya generasi 60-an ada generasi antara 30-50, generasi yang kedua. Yang terbarunya sampai ke-30. Bermakna kalau kita sudah ada perubahan tiga zaman, adakah tidak juga Kementerian Pendidikan melihat juga sistem pendidikan kita? Perlu kita ubah suai, tengok kembali kerana perubahan demografi dan zaman ini. Saya menyokong, yang dimohon, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

10.13 mlm.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Pertamanya saya hendak rekodkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan di mana pada perbahasan tahun lalu, saya telah bangkitkan soal prasarana secara khusus di Sekolah Kebangsaan Datuk Palembang iaitu bilik guru yang telah terlalu uzur walaupun sekolah itu diberikan antara sekolah yang terbaik, di mana selepas dibangkitkan, tidak lama selepas itu pegawai-pegawai daripada kementerian ataupun Jabatan Pendidikan telah pun datang melihat.

Cuma saya hendak maklum, pada Menteri baru datang melihat sahajalah. Selepas itu tidak ada susulan lagi. Jadi saya minta perkara itu diberikan tumpuan kerana saya fikir, kita telah

dengar tadi pelbagai pandangan yang menjurus kepada persoalan prasarana ini. Ini satu perkara yang saya fikir begitu penting.

Misalnya saya ambil contoh, gelombang satu 2013-2015 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan, di mana kerajaan memberikan komitmen untuk membaik pulih dan menaik taraf sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak. Misalnya, menjelang akhir tahun 2013, sebanyak 1,608 sekolah yang berkumpul kritikal akan dibaik pulih dan sehingga sekarang walaupun sudah tahun 2014, masih lagi kita terdengar soalan-soalan tentang soal penambahbaikan sekolah-sekolah ini. Tentunya ini membimbangkan kerana bukan sekadar di Sabah dan Sarawak, tentunya *concern* kita, keprihatinan kita ialah di Semenanjung ini.

Oleh sebab itu saya minta kementerian untuk memberikan suatu unjuran yang munasabah agar perkara mengenai prasarana ICT, kemudahan internet, perpustakaan ini dapat diletakkan dalam satu jangka masa, dapat disempurnakan keseluruhannya. Bagi butiran...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Satu sahaja, terima kasih. Saudara Bukit Katil, bukan sahaja prasarana seperti ICT, malah di Bukit Mertajam ada sekurang-kurangnya lima buah sekolah SRJK(T) Kampung Baru, SRJK(T) Ladang Alma, SRJK(C) Beng Teik, SRJK(C) Keow Kuang dan satu lagi sekolah yang berumur 100 tahun, Sekolah Kebangsaan Machang Buruk yang tak ada kemudahan asas seperti padang. Ini adalah perkara yang paling asas. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mengambil perhatian serius dalam perkara ini. *Thank you.*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam bimbang, tak boleh berucap.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Tidak apa, saya mohon jadi sebahagian daripada ucapan saya. Seterusnya bagi Butiran 060100 – Dasar Pendidikan dan juga Butiran 070000 – Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).

Saya fikir mungkin perkara ini telah pun disentuh tetapi saya inginkan satu penjelasan yang lebih terperinci kerana Kementerian Pendidikan sepertimana yang saya dimaklumkan tadi telah membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan yang kalau kita teliti setebal 248 muka surat.

Kemudian, tercetuslah soal Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang kita dengar dalam Dewan Rakyat ini, kebanyakannya berhujah dan memberikan pandangan seolah-olah menyeksa kehidupan guru-guru selama empat tahun berturut-turut dengan persoalan server lembap, pertambahan kerja, perkeranian, mesin data dan sebagainya. Selepas PBS ini lahir pula baru-baru ini penaksiran Tingkatan 3, PT3 yang pada hemat saya secara terburu-buru menjadikan para pelajar tingkatan tiga pada tahun 2014 ini yang disebut sebagai tikus makmal.

Jadi, kita ingin tahu dan ingin bertanya kepada kementerian, apa sebenarnya hala tuju dan pendirian kementerian tentang perkara ini? Kerana guru-guru ini saya fikir ada yang belum mahir dengan PT3 dan hendak sediakan pula para pelajar untuk tempoh dalam masa kurang

daripada dua bulan. Di Melaka sahaja untuk Yang Berhormat Menteri mungkin maklum, ada 14,520 calon yang terbabit dengan perkara ini. Jadi saya minta suatu penjelasan yang lebih terperinci.

Seterusnya bagi Butiran 080000 – Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Saya mohon kementerian dan Yang Berhormat Menteri memperincikan apakah status terkini Dawama dan apakah perancangan bagi Dawama berperanan menyemarakkan lagi penerbitan berteraskan ilmu dan pemugaran bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Misalnya kita lihat Institut Terjemahan Buku Malaysia yang dahulunya hanya sebuah unit di bawah DBP. Lebih aktif dalam konteks penerbitan dan penterjemahan dan ini seharusnya menjadi cabaran kepada DBP untuk lebih aktif dalam penerbitan bahan bacaan yang relevan dan penting serta segar tanpa mengesampingkan kedudukan bahasa Melayu yang standard dan berkualiti.

Saya juga ingin bertanya, apakah perancangan DBP untuk tahun 2015 dalam konteks audit bahasa yang telah pun saya bangkitkan dahulu iaitu yang dijalankan ke atas kementerian ataupun jabatan, agensi sepanjang tahun 2013 dan tahun 2014. Kita lihat tidak ada impak yang besar melainkan audit tersebut hanyalah dilaksanakan untuk mencapai KPI yang ditetapkan.

Seterusnya, yang terakhir, saya ingin membangkitkan Butiran 093600 iaitu *Teach for Malaysia* Program yang saya lihat diberikan *allocation* lebih kurang RM4 juta. Saya ingin bertanya sejauh mana keberkesanan *Program Teach for Malaysia* ini? Apakah pengisian program ini? Apakah kumpulan sasarannya kerana kalau kita teliti *website Teach for Malaysia* ini, untuk tahun ini sahaja daripada 18 program yang ada, separuh itu adalah Program Teh Tarik Sessions yang pada saya lebih kepada kelompok-kelompok sasar yang lebih elit. Kalau kita tengok Indonesia mengajar misalnya, yang saya sempat teliti kerana kebetulan antara yang aktif mengasaskan ialah *Anies Rasyid Baswedan*, sekarang ini Menteri Pendidikan di Indonesia.

■2220

Di sana kalau kita lihat ada 493 orang sarjana atau graduan muda yang telah dihantar ke seluruh pelosok Indonesia untuk membantu meningkatkan lagi prestasi pendidikan pada peringkat rendah atau menengah di sana. Jadi saya ingin tahu apakah program ini boleh kalau dikatakan kita hendak tiru pengalaman Indonesia, apakah boleh membantu kementerian untuk memastikan agar para pelajar di ceruk, di rantau, di hulu dan sebagainya yang tidak terdedah dengan persoalan bahasa Inggeris, Matematik dan Sains boleh dibantu dengan program ini kita kerana kita belanja dengan jumlah yang agak banyak. Tentunya kita inginkan suatu hasil yang maksimum.

Apakah peranan kementerian untuk membantu mereka ini mendapatkan dana-dana daripada *sponsors* kerana kalau hendak harap kementerian sahaja dan tanpa keberkesanan program yang efektif tentunya tidak mampu menarik mereka yang ingin menyumbang terhadap program ini. Jadi saya fikir ini perkara-perkara yang ingin saya bangkitkan dan saya mohon penjelasan daripada Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jerantut. Kalau boleh ringkaskan.

10.21 mlm.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: *Insyah-Allah* Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya hendak merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada warga Kementerian Pendidikan kerana telah berjaya meningkatkan taraf pendidikan negara. Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh Butiran 010300 sekali gus dengan 00900 mengenai pengurusan sumber manusia dan asrama.

Akhir-akhir ini kita dapati gejala buli di asrama begitu menakutkan kita. Saya terfikir apakah punca para pelajar kita menjadi sebegitu ganas sejak akhir-akhir ini. Mungkin disebabkan perhatian daripada guru-guru yang menjadi warden asrama. Oleh sebab guru-guru yang menjadi warden asrama ini bilangannya terhad kepada 50 orang pelajar satu warden. Jawatan ini bukanlah jawatan yang menggembirakan bagi guru-guru kerana beban kerja yang begitu banyak.

Saya ingin bertanya kementerian, adakah pihak kementerian berhasrat untuk mengadakan jawatan khusus bagi warden yang ditempatkan di asrama agar tidak membebankan jawatan para guru atau dengan menambahbaikkan elaun warden yang ketika ini tidak begitu memberangsangkan guru untuk menggalas tanggungjawab tersebut.

Perkara yang kedua ialah butiran 050200 iaitu berkaitan dengan teknologi maklumat. Terima kasih kepada kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan menyediakan Program 1BestariNet untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah di seluruh negara. Walau bagaimanapun, ini merupakan satu masalah baru kepada warga pendidikan khususnya yang berjumlah hampir setengah juta orang itu kerana kegagalan Program 1BestariNet ini untuk dicapai oleh semua sekolah di seluruh negara.

Saya difahamkan mengikut perjanjian Program 1BestariNet ini, pihak yang membekalkan program ini mesti memastikan bahawa capaian berada pada tahap 40 megabait per saat hingga maksimumnya 20 megabait per saat. Akan tetapi dukacita apa yang berlaku di sekolah-sekolah saya difahamkan ada di antara sekolah-sekolah ini capaiannya hanya sekitar 1 megabait sahaja.

Jadi saya minta pihak kementerian, apakah tindakan yang hendak dipulihkan atau pun diambil supaya program ini tidak menjadi apa yang dikatakan seperti gajah putih. Kita berbelanja besar tetapi manfaatnya sehingga kini tidak mampu diraih oleh anak-anak pelajar yang berjumlah lebih daripada 5 juta orang di seluruh negara.

Kalau ia benar seperti dakwaan masyarakat pendidikan ini, mengapa ini terjadi? Kenapa ia terjadi? Bagaimana ia terjadi? Apakah tindakan susulan yang akan diambil oleh pihak kementerian? Saya amat yakin pihak kementerian mempunyai kaedah mengatasinya tetapi biarlah langkah-langkah yang hendak diambil ini supaya ia merupakan satu langkah yang boleh memberikan kesan terbaik kepada sistem pendidikan kita. Janganlah tindakan yang kita hendak ambil nanti ibarat seperti tikus membaiki labu.

Tuan Pengerusi, kepada program Butiran 09000 serta 090200 iaitu program khusus memartabatkan BM dan memperkukuhkan BI. Terima kasih juga kepada kerajaan untuk memperkasakan pendidikan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Cuma saya ingin bertanya.

Apakah pihak kerajaan khususnya kementerian telah mengenal pasti masalah pelajaran yang biasanya yang berlaku di sekolah-sekolah khususnya sekolah-sekolah di kampung-kampung tradisional ataupun di sekolah-sekolah di luar bandar termasuk juga sekolah di pedalaman dari segi pencapaian bahasa Inggeris mereka.

Kita bimbang dengan pelaksanaan dasar peperiksaan MUET ini yang menjadi syarat untuk kemasukan ke universiti, kita bimbang anak-anak yang berada di pedalaman dan di estet-estet khususnya anak-anak Melayu, Iban, Dayak, Melanau, Kadazan serta India di seluruh negara ini gagal melepasi peperiksaan ini dan mereka nanti mungkin juga gagal mengikuti program di universiti ataupun kalau dapat mereka ikuti pun dengan kursus-kursus yang tidak begitu menarik.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerantut.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Sedikit sahaja lagi Tuan Pengerusi. Butiran 093400 – Pengurusan Sukan. Apakah insentif kepada guru-guru yang sekian lama memperhambakan diri untuk membantu kementerian melaksanakan program-program sukan di luar waktu sekolah kerana saya difahamkan mereka ini terdedah kepada risiko kemalangan dan sebagainya semasa menjalani aktiviti-aktiviti sukan. Tidak ada perlindungan takaful khas misalnya. Apakah kementerian bersetuju ataupun rela untuk mengadakan program takaful khas kepada guru-guru ini sebagai satu insentif tambahan bagi meyakinkan kepada masyarakat guru bahawa kerajaan sentiasa prihatin kepada keperluan mereka.

Terakhir Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya tentang Butiran 020000 iaitu Jabatan Pengajian Tinggi. Saya hendak menarik perhatian Menteri tentang apakah status pengajian Melayu yang ada di – saya difahamkan ada enam buah universiti yang mengadakan pengajian ini. Apakah taraf mereka sekarang ini? Sama ada mendapat sambutan atau tidak ataupun adakah sebahagian kursusnya mungkin hendak ditutup?

Apakah nasib masa depan Fakulti Pengajian Melayu yang ada di universiti ini? Kalau perlu ia ditambah baik, kalau perlu ia disebar luaskan atau kalau perlu ia perlu diperkasakan agar warisan pengajian Melayu di universiti ini akan terus hidup dan mendapat sambutan di kalangan para pelajar serta pasaran kerja pun memberi ruang yang lebih banyak kepada lepasan graduan pengajian Melayu ini. Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong, terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya bercadang hendak minta Yang Berhormat Menteri menjawab pukul 11. Cantik? Jadi saya boleh benarkan 10 orang sahaja dengan kadar tiga minit setiap orang. Yang Berhormat Bukit Gantang sila.

10.27 mlm.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat malam. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bicara berkenaan dengan B.63, Butiran 070100 – Majlis Peperiksaan Malaysia. Masalah PBS yakni Pentaksiran

Berasaskan Sekolah masih lagi tidak selesai. Ya memang masalah untuk *key in data* dengan izin melalui *online* sekarang telah ditukar kepada *offline*. Okey.

Akan tetapi masalah PBS masih berlaku kekeliruan dan kecelaruan. Pada mulanya kata tidak ada peperiksaan, cuma penilaian daripada sekolah. Hendak periksa bulan 10 baru ini, bulan 3 diarahkan kata ada pula peperiksaan. Jadi cikgu-cikgu ini habis pening kepala. Kalau dahulu yang jaga peperiksaan ini guru luar yang dibayar elaun dan yang tanda kertas ini juga ialah daripada guru luar yang dibayar elaun.

Sekarang sebaliknya. Guru itulah yang kena jaga periksa tanpa bayaran dan guru itulah juga yang terpaksa untuk tanda kertas tanpa bayaran. Jadi kita lihat tentang kadang-kadang yang kita sedihnya kita lihat guru yang terlibat dengan PBS ini juga terpaksa jaga peperiksaan SPM dalam masa yang sama untuk tanda kertas ini belum lagi tamat.

■2230

Oleh sebab itu, cadangan saya supaya guru terlibat dengan PBS ini dibayar seperti mana sebelumnya. Kalau boleh, biarlah pembaharuan yang hendak dibuat oleh kementerian mengambil kira pandangan daripada guru-guru yang terlibat. Jangan 'duk' kira daripada konsultan ataupun daripada pegawai-pegawai yang duduk di Jabatan ataupun kementerian, dia pandai buat kertas. Yang hendak tanggungjawab ialah guru-guru di bawah. Walaupun budaya setiap kali bertukar Menteri Pendidikan, jangan pula ada sistem yang baru muncul.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Bukit Gantang, gulung.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan mesyuarat**]*

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Sedangkan yang akan menanggung bebannya ialah terdiri dari kalangan guru. Ini juga ditanggung oleh Tuan Pengerusi sebenarnya, isteri dia pun cikgu.

Menurut Pakar Perunding Kanan Psikiatri Pusat Perubatan Universiti Malaya, Prof Nor Zuraida Zainal, setiap tahun, 22,000 pesakit yang mendapat rawatan di wad psikiatri, sakit jiwa, 10% adalah dari kalangan guru-guru. Ertinya amat tinggi orang yang menghidap penyakit jiwa ini. Ini semua gara-gara yang...

Sedikit lagi, B.63 Butiran 020200 iaitu penempatan guru j-QAF. Saya dimaklumkan guru j-QAF tidak *diposting* walaupun sudah enam bulan mereka habis berkursus. Apa masalah guru j-QAF yang tidak *diposting*? Adakah kerajaan hendak memberhentikan program j-QAF? Kalau dahulu zaman Tun Abdullah Badawi, mantan Perdana Menteri, ada cadangan untuk memperkenalkan j-QAF ini sampai kepada sekolah menengah. Adakah kerajaan tidak ada wang sehingga guru j-QAF tidak *diposting* lagi?

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik.

10.32 mlm.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga hendak membincangkan berkenaan dengan Kementerian Pelajaran Butiran 010300 – Pengurusan Sumber Manusia.

Saya hendak menyentuh soal pelantikan pengetua dan juga guru besar terutama dalam Parlimen Gerik. Selalu saya perhatikan peluang kenaikan pangkat dari dalam agak sukar. Kebanyakannya datang dari luar dan ini menyebabkan mereka bertugas tidak sampai setahun, kadang-kadang seminggu, sebulan, kira hendak balik ke tempat asal. Apabila kita tanya kepada PPD, mereka kata ini urusan di peringkat kementerian. Nama-nama bukan datang daripada peringkat PPD.

Cumanya, pada pandangan saya, supaya kementerian melihat semula soal pelantikan pengetua dan guru besar kerana ia memberi kesan kepada terutama di tempat saya di Parlimen Getik, kalau guru besar dan pengetua ditempatkan satu sekolah tidak melebihi daripada setahun, dia merosak perancangan sekolah. Maka, sepatutnya pihak kementerian, ini yang ingin saya tanyakan, penyelarasan di antara kementerian, Jabatan dan juga PPD. Apakah kadang-kadang pelantikan guru besar dan pengetua ini mengikut kroni dan pelbagai lagi? Saya sebagai Ahli Parlimen, saya melihat bagaimana keberkesanan pengetua dan guru besar bertugas di satu sekolah. Kalau dia dalam seminggu sudah kira jumpa Jabatan hendak balik ke tempat lain, apa akan berlaku kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah dan juga di sekolah rendah? Itu butiran yang pertama.

Butiran yang kedua yang saya hendak bincangkan ialah berkenaan dengan Butiran 00102 – Rendah Akademik. Saya memohon pihak kementerian melihat semula dalam lima enam tahun dahulu sudah ada perancangan untuk menambah sekolah di tiga sekolah utama yang berusia tua.

- (i) Sekolah Kebangsaan Kuak Hulu;
- (ii) Sekolah Kebangsaan Plang; dan
- (iii) Sekolah Kebangsaan Bongor.

Ketiga-tiga sekolah ini sekolah lama. Dia ada bangunan tambahan, itu pun bergantung kepada projek gotong-royong yang kita bagi dahulu. Maka saya diberitahu sudah ada pada satu masa dahulu, empat lima tahun dahulu ada kelulusan untuk menambah bangunan tiga tingkat. Maka saya berharap pada kali ini pihak kementerian dapat memasukkannya sebagai ada tambahan baru untuk menampung anak-anak yang bertambah di kampung-kampung berkenaan.

Saya tidak menghadapi masalah macam Yang Berhormat Rompin, iaitu sekolah kurang murid. Ketiga-tiga kampung ini agak aktif juga perkahwinan anak-anak muda. Maka menyebabkan ramai pelajar-pelajar yang belajar di sekolah. Akan tetapi ada jugalah sekolah kurang murid seperti FELDA Lembang Nenering dan juga beberapa sekolah jenis Cina, tapi

masing-masing dia tidak hendak tutup sekolah berkenaan. Akan tetapi, kita kena rancangkan supaya sekolah yang kekurangan bangunan ini tadi kita bangunkan.

Seperkara lagi saya hendak bercakap atas Butiran 00300 – Pendidikan Teknik dan Vokasional bersamaan dengan P.64 Butiran 04800 – Kolej Komuniti. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, bila mana ada kolej vokasional, sejauh mana kerajaan merancang untuk dapat mengeluarkan tenaga mahir yang keluar daripada kolej vokasional sesuai dengan tuntutan pasaran? Apa yang kita lihat, kebanyakan IPTA atau pusat pengajian di bawah kementerian, dia cuma melahirkan pelajar mahir tetapi sebenarnya tidak dapat memenuhi keperluan semasa dalam pasaran.

Kalau kita tengok di dalam IPTS, mereka membangun, menyediakan kursus dan ada hubungan dengan kilang-kilang dan pelbagai lagi untuk memastikan pelajar yang belajar di tempat yang mendapat kemahiran serta diploma atau ijazah tadi, selepas keluar daripada pusat pengajian, maka ada pihak yang dapat menawarkan jawatan kepada mereka.

Begitu juga kita melihat kolej-kolej komuniti yang dibangunkan di seluruh tempat, di seluruh daerah, kita melihat tidak banyak program yang boleh melahirkan mereka yang mahir yang boleh digunakan dalam pasaran. Bagaimana mereka keluar dari kolej komuniti dapat pekerjaan di persekitaran yang ada. Inilah yang kita harapkan pihak kementerian melihat semula program-program yang membolehkan mereka yang belajar terutama di kolej komuniti, kadang-kadang saya fikirkan kenapa kerajaan tubuh kolej komuniti.

Satu kolej komuniti kadang-kadang boleh menyediakan untuk 700 pelajar tetapi akhir apabila kita tanya, ada 180 orang, ada 100 orang. Jadi ini perlu satu pendekatan baru bagaimana kita kena menarik pelajar-pelajar ataupun mereka yang belajar ke peringkat yang lebih tinggi walaupun di sana ada kursus jangka pendek, ada kursus jangka panjang di mana alangkah ruginya pembangunan yang disediakan untuk kolej komuniti tetapi tidak mencapai hasrat sebenar yang diimpikan oleh kerajaan dan juga rakyat di peringkat bawah.

Sekian, dengan ini, saya menyokong bajet dari Kementerian Pelajaran. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, diputuskan tadi tiga minit seorang, tetapi memang nyata tidak boleh berbahas tiga minit. Jadi saya akan panggil seorang lagi, kemudian Yang Berhormat Menteri menjawab ya. Saya lihat giliran DAP. Yang Berhormat Bukit Bendera. Yang Berhormat Bukit Mertajam setuju untuk dipanggil Yang Berhormat Bukit Bendera ya.

10.39 mlm.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan rakan saya Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Pengerusi, saya ingin menambah pada hujah-hujah yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat mengenai projek 1BestariNet yang melibatkan pemasangan jalur lebar berkelajuan tinggi 4G yang merentasi semua 10,000 sekolah di seluruh negara serta penyediaan pelantar pembelajaran maya ataupun VLE, *Virtual Learning Environment*. Di sini

saya merujuk kepada Butiran 050200, Butiran 050000, Butiran 040300, Butiran 040200, Butiran 040100 dan Butiran 040000.

■2240

Tuan Pengerusi, pada saya projek ini adalah satu projek yang terlalu bercita-cita tinggi. Sungguhpun saya tidak membantah penggunaan teknologi maklumat, ICT dalam sekolah saya sentiasa mempersoalkan kebijaksanaan pelaksanaan projek yang bernilai RM4.1 bilion sepanjang tempoh 15 tahun ini dan kebimbangan saya telah pun terbukti dengan terbitan Laporan Audit Negara yang terkini. Walaupun 8,807 sekolah sudah dilengkapi dengan sistem VLE, statistik pendaftaran masuk ataupun *login* bagi bulan Mac 2014 adalah antara 0.01% sehingga 4.96%, kurang daripada 5% seperti mana yang dibanggakan oleh Yang Berhormat Temerloh tadi. Malah penggunaan sistem tersebut dalam kalangan murid adalah lagi teruk iaitu kurang tidak sampai 1%, Tuan Pengerusi.

Statistik ini sangat merunsingkan memandangkan RM663 juta sudah pun dibelanjakan sejak tahun 2012 dan kadar penggunaannya amat rendah di sebalik pelaburan yang begitu besar adalah disebabkan beberapa faktor yang telah dikenal pasti oleh Laporan Audit seperti kekurangan infrastruktur ataupun kelemahan infrastruktur, sambungan jalur lebar yang lembap, liputan internet tanpa wayar yang tidak mencukupi, masalah ketercapaian kepada sistem, kekurangan perkakas sokongan seperti komputer riba dan projektor serta ketiadaan pemantauan dan garis panduan yang jelas bagi penggunaan sistem tersebut.

Jelas pelaksanaan 1BestariNet ini secara sekali gus di 10,000 sekolah di serata negara merupakan tindakan yang tidak wajar dengan kadar penggunaan yang begitu rendah setelah dua tahun setengah dijalankan. Adakah kementerian akan mengakui bahawa projek ini bakal menjadi gajah putih yang paling besar dalam sejarah pendidikan Malaysia. Kementerian juga perlu menjelaskan sama ada terdapat rancangan sandaran ataupun *back-up plan* sekiranya penggunaan sistem ini gagal ditingkatkan dalam masa terdekat. Adakah kementerian akan meneruskan kontrak berbilion ringgit ini ataupun menghentikannya?

Tuan Pengerusi, menurut Laporan Audit juga wujud penyelewengan pelaksanaan 1BestariNet oleh kontraktor YTL Communication Sdn. Bhd. dan antara penyelewengan yang berlaku termasuk ketidakpatuhan kepada syarat-syarat kontrak, kekurangan pengurusan nilai ataupun *value management*, kelewatan dalam pemasangan infrastruktur serta liputan yang tidak mencukupi. Menurut kontrak YTL telah diberi masa sehingga 30 Mac 2013 untuk memasang internet jalur lebar 4G ini dalam semua sekolah di serata negara. Walau bagaimanapun, menjelang tarikh akhir itu hanya 6,000 lebih sekolah yang telah disambungkan dan setahun selepas itu belum lagi 100%, hanya 88.9% mengikut Laporan Audit.

Hasil daripada kelewatan ini YTL telah didenda sebanyak RM2.4 juta oleh Kementerian Pendidikan. Antara penyelewengan lain yang didapati dalam Laporan Audit termasuk kegagalan kontraktor untuk mendapatkan kelulusan teknikal, kegagalan untuk menjalankan penilaian dan keperluan sekolah dan sebagainya dan di samping itu saya rasa rakan-rakan Yang Berhormat yang lain juga telah membangkitkan kelajuan jalur lebar yang sangat menghampakan.

Oleh yang demikian, selain daripada denda RM2.4 juta yang dikenakan ke atas YTL atas kelewatan pemasangan infrastruktur 1BestariNet, apakah tindakan-tindakan lain yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi penyelewengan kontrak yang disebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, lebih teruk lagi Laporan Audit juga mendedahkan bahawa kelemahan kontrak yang bukan sahaja merugikan kerajaan tetapi membawa keuntungan besar kepada YTL. Salah satu contoh yang jelas adalah pemasangan menara pemancar *1BestariNet Receiver Integrated System* ataupun 1BRIS yang dipasang di premis sekolah untuk menerima dan menyampaikan isyarat tanpa wayar.

Menurut penemuan audit, Kementerian telah mendapatkan input dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) berkenaan dengan kadar sewa yang sesuai untuk penggunaan premis sekolah sebagai tapak menara pemancar tersebut. Justeru JPPH telah mengesyorkan sewa bulanan sebanyak RM1,200 bagi setiap tapak. Walau bagaimanapun, YTL enggan membayar jumlah ini sebaliknya menyatakan bahawa syarat-syarat kontrak membenarkan mereka untuk memasang menara pemancar secara percuma, pun begitu Kementerian telah memutuskan untuk mengenakan sewa token sebanyak RM1,000 setahun bagi setiap tapak 1BRIS.

Tuan Pengerusi, RM1,000 setahun ini ialah satu angka yang jauh berbeza dengan syor JPPH iaitu RM1,200 sebulan. Malah Laporan Ketua Audit Negara menyatakan kadar yang dikenakan ini adalah tidak munasabah. Dengan sebanyak 3,203 menara pemancar yang dipasang di seluruh negara jumlah pendapatan sewa pada harga RM1,200 sebulan ialah RM46.12 juta setahun. Malangnya YTL hanya perlu membayar RM3.2 juta setahun. Ini bersamaan dengan kerugian pendapatan sebanyak RM42.92 juta setahun bagi Kementerian.

Jadi Tuan Pengerusi, ini ialah suatu kecuaihan yang serius. Tambahan kepada itu caj utiliti juga untuk menara pemancar terpaksa ditanggung oleh kerajaan sebab dalam kontrak bersama antara Kementerian dengan YTL tidak disebut di mana kontraktor hanya bertanggungjawab untuk kos berkaitan dengan pemasangan, penyelenggaraan dan pengurusan 1BRIS tersebut dan kerana ini Kementerian ataupun sekolah-sekolah terpaksa menanggung kos caj elektrik ataupun bil utiliti akibat dari menara pemancar.

Jadi akibat daripada kelemahan-kelemahan dalam kontrak 1BestariNet ini yang jelas berat sebelah, YTL akan memperoleh keuntungan atas angin hampir RM50 juta setahun ataupun RM700 juta sepanjang tempoh 15 tahun projek 1BestariNet. Dalam konteks ini Tuan Pengerusi, denda yang...

Datuk Mohd Idris bin Jusri [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat bangun, Yang Berhormat.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Okey, baik.

Datuk Mohd Idris bin Jusri [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Selepas mendengar huraian daripada Yang Berhormat Bukit Bendera dan sebagai guru saya melihat profesion pendidikan ini adalah suatu *human*

enterprise, satu usaha manusia membangun manusia. Akan tetapi selepas saya dengar ataupun satu manusia membangun manusia, oleh kerana itu yang harus ditegaskan adalah pembangunan profesionalisme.

Akan tetapi bila saya dengar huraian daripada Yang Berhormat Bukit Bendera, ini entah sudah sekian kalinya Kementerian Pendidikan ataupun Kementerian Pelajaran sebelum itu satu ketika pernah dinamakan, dia punya fokusnya ialah kepada buat duit untuk kroni-kroninya. Jadi apakah salah kalau saya sebutkan fokus kementerian sekarang sudah silap, bukan usaha membangun pendidik untuk membangun manusia, membangun guru, untuk membangun murid kerana kalau dilihat dalam komponen pendidikan *in service* itu sudah menurun. Banyak turunnya tetapi yang meningkat banyak adalah dalam bidang ICT tadi. Terima kasih. Pandangan daripada Yang Berhormat?

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Terima kasih saya sangat setuju dengan ulasan daripada Yang Berhormat Batu Pahat. Seperti saya kata tadi, kontrak 1BestariNet ini jelas berat sebelah dan denda yang dikenakan ke atas YTL tidak bermakna langsung berbanding ratusan juta keuntungan yang bakal diperoleh oleh YTL akibat kelemahan kontrak serta pendapatan daripada penggunaan komersial menara pemancar 1BRIS di samping apa-apa keuntungan daripada projek tersebut.

Jadi hanya ada dua penjelasan pada kontrak yang amat berat sebelah ini sama ada kerajaan berlaku cuai kerana bersetuju dengan perjanjian yang penuh kelemahan ini ataupun perjanjian ini sengaja dibentuk sedemikian rupa bagi menguntungkan syarikat kroni. Walau apa pun jawapannya, kementerian harus bertanggungjawab dan menjelaskan kepada rakyat bagaimana kerugian ini akan diatasi.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh sekarang ini mengenai latihan guru.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat 10 minit sahaja.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Baik, baik isu terakhir. Seperti mana Yang Berhormat Batu Pahat mengatakan tadi, latihan guru merupakan satu perkara yang sangat penting. Umum bersetuju bahawa faktor yang paling penting dalam pembangunan murid ialah kualiti tenaga pengajar yakni guru.

■2250

Malah pelbagai kajian menunjukkan bahawa kualiti guru adalah lebih penting berbanding faktor-faktor lain seperti infrastruktur sekolah ataupun bahan pembelajaran. Perkara ini juga benar dalam penggunaan apa teknologi termasuk VLE yang disebutkan tadi. Misalnya di United Kingdom, badan rasmi pemantauan sekolah iaitu *Office for Standards and Education, Children's Services and Skills* (OfSTED) telah membuat kesimpulan yang sama dalam sebuah laporan tahun 2009 yang bertajuk *Virtual Learning Environments: An Evaluation of Their Development In A Sample of Educational Settings*. Dalam laporan tersebut didapati bahawa sekolah hanya berjaya menunjukkan kemajuan dalam penggunaan VLE apabila guru dapat menggunakan

sistem itu dengan efektif dan penuh motivasi. Sebaliknya apabila guru tidak dapat memaksimumkan potensi sistem tersebut, murid tidak akan dapat sebarang faedah.

Dalam erti kata lain, kejayaan atau kegagalan sistem VLE adalah amat bergantung kepada keyakinan dan kreativiti guru dalam menghasilkan bahan untuk murid mereka. Malangnya Kementerian Pendidikan seolah-olah gagal untuk memahami perkara ini. Daripada anggaran perbelanjaan persekutuan, saya mendapati bahawa jumlah peruntukan untuk pembangunan profesionalisme guru telah dikurangkan daripada RM1.54 bilion pada tahun ini kepada RM961 juta pada tahun depan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskan ya.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Ini bersamaan dengan pengurangan besar sebanyak RM600 juta dan apabila dirungkaikan peruntukan untuk pembangunan profesionalisme bagi latihan pra perkhidmatan, peruntukan telah dikurangkan daripada RM948 juta kepada RM851 juta tahun depan. Latihan kepimpinan pula dipotong daripada RM181 juta kepada RM62 juta sahaja.

Penurunan yang paling mendadak pula ialah latihan dalam perkhidmatan yang hanya mendapat RM48 juta pada tahun depan berbanding RM410 juta sebelumnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Tuan Pengerusi, jadi dengan pemotongan peruntukan pembangunan guru yang drastik ini adalah sangat mengejutkan ya memandangkan Kementerian Pendidikan sebenarnya bajet keseluruhan telah naik daripada RM54 bilion kepada RM56 bilion.

Saya melihat bahawa ada satu butiran baru dalam anggaran tersebut yang dipanggil transformasi pegawai perkhidmatan pendidikan dan program ini bakal menerima peruntukan RM250 juta bagi tahun 2015. Tidak jelas sama ada program ini melibatkan latihan guru.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Akan tetapi jika benar sekalipun Tuan Pengerusi, ia hanya akan membawa jumlah peruntukan untuk pembangunan guru kepada RM1.21 bilion yang masih kurang berbanding RM1.54 bilion yang diperuntukkan dahulu. Jadi kementerian harus menjelaskan perkara ini. Jika benar kerajaan bercadang untuk mengorbankan pembangunan guru demi memulihkan lebih banyak pelaburan dalam teknologi maklumat sebagai contoh peruntukan itu telah naik, maka mereka jelas hilang arah. Sebagaimana contoh di UK telah membuktikan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat habiskan.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: ...Hasil pembelajaran tidak akan dipertingkatkan dengan teknologi terbaik sekiranya guru tidak bermotivasi dan berkeupayaan. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri nanti dapat memberikan penjelasan yang baik agar kita tatapi. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

10.53 mlm.

Menteri Pendidikan II [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Tuan Pengerusi, dalam kesempatan ini saya hendak mengucapkan tahniah kepada 18 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2015 di peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Pendidikan di bawah Kepala Bekalan dan Pembangunan B.63/P63 Sektor Pelajaran dan B.64/P64 Sektor Pengajian Tinggi. Kementerian Pendidikan telah diperuntukkan sebanyak RM56.6 bilion ataupun 20.11% daripada keseluruhan peruntukan bajet tersebut iaitu peningkatan saya hendak katakan di sini peningkatan 2% berbanding dengan bajet tahun 2014. Daripada peruntukan tersebut sebanyak RM40.8 bilion telah diperuntukkan untuk sektor pelajaran dan RM39.2 bilion untuk belanja mengurus dan RM1.1 bilion untuk tujuan pembangunan sektor pengajian tinggi yang dikatakan oleh ramai Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi.

Begitu juga peruntukan RM15.8 bilion yang merangkumi RM13.2 bilion untuk belanja mengurus dan RM2.6 bilion untuk pembangunan. Ini menunjukkan kerajaan amat komited. Walaupun ada yang mengatakan tadi bahawa banyak pengurangan sebenarnya tidak benar kerana mungkin cara pengolahannya agak berbeza. Sukacita saya ingin, ada ramai Ahli Yang Berhormat yang bercakap tentang PT3 tadi. Bagaimana PT3 itu dilaksanakan. Saya ingin mengambil masa ini untuk memberi penerangan tentang pelaksanaan PT3 yang telah dilaksanakan di banyak sekolah-sekolah baru-baru ini ada mengatakan bahawa kita tidak bersedia, kita tidak membuat perancangan dalam pelaksanaan PT3.

Sebenarnya kita telah melihat bahawa dalam pelaksanaan PT3 ini, kalau kita lihat sendiri, kalau ada anak-anak kita yang mengambil peperiksaan PT3 dia ada empat pelaporan semuanya iaitu pelaporan PT3 iaitu gred yang didapati oleh pelajar-pelajar tersebut di samping pentafsiran sekolah yang memberi markah terhadap yang didapati oleh pelajar-pelajar sama ada katakanlah dalam bidang geografinya, tentang muka buminya. Apakah kefahamannya tentang negara-negara. Apakah tahap kefahamannya juga Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kurikulum (PAJSK) tentang peranan mereka dalam sukan dan juga ko kurikulum dan juga pentaksiran psikometri.

Ini memberi penjelasan bahawa banyak perkara-perkara yang telah ditambah baik dan juga untuk memastikan ada yang mengatakan tentang peluang-peluang dan juga memastikan pelajar-pelajar kita mampu untuk berfikir aras tinggi. Ini jelas dapat kita lihat dalam peperiksaan penilaian mata pelajaran geografi dan juga sejarah baru-baru ini di mana pelajar-pelajar perlu mengadakan *case study* untuk mereka menjawab soalan-soalan tersebut.

Saya ingin mungkin tidak teratur mengikut jawapan-jawapan yang telah dikemukakan tapi Yang Berhormat Kuala Selangor tadi ada mengatakan tentang di mana guru telah dinilai hanya menggunakan *time based assessment*. Akan tetapi juga sebenarnya guru ada mempunyai laluan-laluan iaitu laluan pengajaran pembelajaran untuk mereka kekal mengajar. Laluan kepimpinan untuk mereka boleh menjadi guru besar dan juga pengetua dan juga laluan pakar

bidang khusus ataupun pakar dalam bidang masing-masing. Di kampung saya ada seorang guru JUSA C di Parlimen saya sendiri ada seorang guru JUSA C yang mana telah dipilih untuk mengikut laluan pakar mereka.

Yang Berhormat Tuaran ada memohon data-data tentang enrolmen pelajar aktif IPG untuk sarjana muda, ijazah pengurusan iaitu di IPG Kent ada PPISMP Kadazan Dusun ambilan Jun 2014 hingga Jun 2015 seramai 9 orang. Di IPG Rajang, PPISMP Bahasa Iban ambilan Jun 2014 seramai 19 orang. IPG Sarawak ada pengambilan sebanyak untuk bahasa Iban seramai 15 orang. Sebenarnya kerajaan tidak mengetepikan dan ada pengambilan-pengambilan yang telah dibuat untuk mata-mata pelajaran tersebut.

Yang Berhormat dari Hulu Rajang juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tuaran bangun Yang Berhormat.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang saya ingin tahu sebenarnya status DPLI di UPSI yang dikatakan sudah dihentikan.

■2300

Saya ingin tahu kenapa ia dihentikan dan apakah kekangan? Saya telah mencadangkan supaya ditawarkan balik DPLI ini. Baru-baru ini secara prinsipnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun bersetuju kalau ia dihidupkan balik sebab tujuan DPLI ini adalah untuk melahirkan guru-guru yang mengajar bahasa ini di peringkat sekolah menengah. Apa yang tadi itu yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri adalah untuk di sekolah rendah sebenarnya. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: *Insyallah* kita akan kaji semula tentang peranan di Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk guru-guru sekolah menengah. Ini yang saya katakan – ini data mengatakan memang ada program-program tersebut di IPGK Kent, Rajang dan juga IPGK Sarawak. Yang Berhormat dari Hulu Rajang juga ada memberi – ingin memohon jawapan tentang *genset* sebenarnya. Penyelenggaraan *genset* dibuat setiap bulan untuk *schedule maintenance* dan kementerian tidak menetapkan jadual untuk penghantaran diesel. Itu yang mungkin yang jadi masalah. Apa yang menjadi masalah ialah mungkin penghantaran diesel.

Sebenarnya kontraktor diminta untuk membekal elektrik ke sekolah tanpa gangguan. Akan tetapi kita sedia menilai dan melihat kembali apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat Kuala Selangor juga bertanya tentang pembinaan hospital pengajar UiTM Puncak Alam. Pembinaan hospital pengajar UiTM Puncak Alam akan dilaksanakan mengikut – melalui inisiatif pembiayaan swasta ataupun PFI, kini dalam proses memuktamadkan perjanjian konsesi.

Berbalik kepada – oleh kerana ini merupakan banyak perkara-perkara yang - saya berbalik kepada Yang Berhormat Hulu Rajang tentang pembinaan asrama atau kuarters yang dapat tampung kediaman guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Belaga. Keperluan untuk membina kuarters ataupun asrama di satu-satu sekolah contohnya seperti di Sekolah Menengah

Kebangsaan Belaga telah diambil kira dalam komponen pembinaan sekolah secara keseluruhannya. Dalam hubungan ini KPM akan sedaya upaya menyediakan kemudahan yang terbaik dan selesa untuk para guru dan pelajar terutama dari segi kemudahan kediaman dan juga tempat tinggal.

Untuk Yang Berhormat dari Taiping yang mengatakan tentang perbelanjaan mengurus tadi, saya ingin menjelaskan bahawa perbelanjaan mengurus tahun 2015 yang diluluskan ialah RM39.21 bilion meningkat sebanyak 2.7% berbanding dengan 2014 dan yang telah diluluskan sebanyak RM38.185 bilion sahaja. Perbelanjaan pembangunan tahun 2015 telah diluluskan ialah RM1.63 bilion meningkat sebanyak 6.5% berbanding dengan peruntukan yang telah diluluskan pada tahun ini iaitu sebanyak RM1.53 bilion.

Berbalik juga kepada soalan daripada Yang Berhormat Kuala Selangor tadi di mana untuk makluman Yang Berhormat projek Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Utama telah dimohon dalam *Rolling Plan* Keempat Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi pelaksanaan tahun 2015 akan tetapi belum dapat dipertimbangkan pada masa kini dan kementerian akan mengemukakan sekali lagi permohonan ini untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Yang Berhormat Sungai Petani ada mengatakan tentang kuarters guru tadi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Sungai Petani sebelum pembinaan kuarters, dibuat kajian dan perancangan telah dibuat berdasarkan kepada situasi dan keperluan semasa. Perancangan penempatan dibuat peringkat JPN juga adalah berdasarkan kepada keperluan pada ketika itu. Kuarters yang tidak didiami sememangnya sedia untuk disewakan kepada orang awam atau pihak yang berminat. Maknanya ada ruang untuk orang awam dan juga untuk menyewa kuarters tersebut. Cadangan untuk menjual perlu dikaji semula kerana melibatkan hak milik Pesuruhjaya Persekutuan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Penjelasan sikit boleh Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Ya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Saya ingin tahu apakah punca kenapa guru-guru ini tidak berminat tinggal di kuarters? Dari segi pemantauan kementerian, berapa sebenarnya kuarters yang tidak digunakan dalam pemantauan dan sebenarnya keperluan kuarters setakat ini yang sekolah yang ada yang tidak cukup, asrama tidak cukup, adakah perkara ini ada dalam pemantauan ataupun dalam *database* kementerian. Minta penjelasan.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Saya katakan tadi bahawa pembinaan kuarters adalah merupakan kajian dan perancangan yang telah dibuat berdasarkan situasi dan keperluan semasa yang telah dibuat melalui JPN berdasarkan keperluan pada masa itu. Mungkin ada perubahan, ada migrasi, ada perubahan-perubahan demografi yang berlaku di tempat-tempat mungkin ia menyebabkan kekosongan dan kelebihan keperluan mengikut tempat-tempat tertentu.

Yang Berhormat Hulu Rajang juga tadi bertanya tentang Sekolah Menengah Kebangsaan Belaga. Pada tahun 2015, kementerian telah memperuntukkan peruntukan *one-off* sebanyak RM100 juta bagi menyelenggarakan kuarters-kuarters di kementerian di seluruh Malaysia. Oleh yang demikian keperluan bagi menyelenggarakan kuarters Sekolah Menengah Kebangsaan Belaga akan diberi perhatian sewajarnya oleh kementerian untuk dilaksanakan dalam tahun 2015.

Ini berhubung dengan beban guru yang juga banyak diungkit oleh mula-mula tadi oleh Yang Berhormat Jerlun dan juga oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Sebenarnya kementerian melalui kerjasama JPA sedang melaksanakan program pelaksanaan Rintis melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan, Program Pemantapan Profesional Guru di mana penempatan seramai 445 orang pentadbir (PT) dan juga 229 orang Juruteknik Komputer (JK) untuk membantu tugas-tugas khas iaitu data guru, guru perpustakaan dan media dan juga guru penyelaras Bestari di 313 buah sekolah di Melaka mulai tahun 2013.

Pada tahun 2014 telah dimulakan di Kota Setar, Kulim-Bandar Baharu, Langkawi di negeri Kedah dan *insya-Allah* pada tahun 2015 ia akan meliputi Pahang, Johor dan Sabah. Saya setuju dengan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan guru tidak perlu dibebankan. Memang ada sedikit penyelarasan yang lebih perlu dilaksanakan di kementerian agar beban guru ini dapat dikurangkan. Untuk projek sekolah PMC yang di...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Bukit Gantang. Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan maksud yang dimaksudkan ialah untuk kita hendak supaya setiap ada polisi daripada kementerian. Misal kita katakan setiap 20 orang guru ada seorang pembantu yang bersifat perkeranian yang gajinya yang diambil mungkin kelulusan SPM pun sudah memadai. Tadi disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi mungkin melibatkan percubaan Rintis sekolah-sekolah tertentu dari segi guru-guru data dan sebagainya. Apa yang kita hendak supaya ada guru yang kita membuat satu polisi setiap sekolah kalau ada 100 orang makna mungkin ada dua orang atau tiga orang yang bersifat untuk mengerjakan kerja-kerja perkeranian bagi guru dan guru hanya menumpukan dari segi PMP sahaja. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Yang Berhormat Menteri, minta mencelah sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Parit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini dari segi untuk mengurangkan beban guru ini, guru ini sebenarnya tugasnya mengajar, akan tetapi pada masa yang sama guru sukan itu sukan ini dan sebagainya. Ini menyebabkan guru tidak ada masuk kelas, tidak ada mengajar. Jadi kerana itu

apa kata kalau saya cadangkan supaya untuk tujuan sukan kementerian melantik pegawai-pegawai sukan khas khusus. Jadi dengan cara itu dapat menempatkan graduan-graduan sukan yang banyak di negara kita pada hari ini. Itu yang pertama.

Kedua Yang Berhormat Menteri dari segi warden tadi. Apa salahnya kementerian melantik warden yang khas, bukan guru. Guru banyak kerja, banyak benda yang hendak dibuat.

■2310

Jadi, kalau kita lantik warden yang khas, maka sekali lagi kita bagi peluang kepada orang ramai untuk bekerja, dapat pendapatan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. [*Disampuk*] Kita pun sedang berusaha untuk memastikan lebih ramai lagi lulusan SPM akan dapat 'bekeroje'. Demo memang faham ya? Dalam bentuk pembantu tadbir tetapi kita melihat cara kita akan menerima pandangan Yang Berhormat tadi dan kita akan menilai semula cara-cara pelantikan macam saya kata tadi pembantu tadbir, juruteknik komputer. Ini kerana mungkin tugas mereka yang berbeza. Kementerian juga telah menilai pelantikan warden yang berbeza, kerana warden sekarang ini merupakan guru-guru biasa yang dilantik dan tidak diberi imbuhan yang sewajarnya, insentif yang sepatutnya. Itu juga setelah kita nilai baru-baru ini dalam mesyuarat, Yang Berhormat Menteri telah mengarahkan agar ia dapat dinilai keseluruhannya.

Yang Berhormat daripada Sungai Petani juga bertanya tadi tentang sekolah PMC. Untuk maklumat Dewan yang mulia, sebarang projek-projek pembinaan sekolah akan melalui proses *testing and commissioning* yang ketat bagi memastikan bangunan selamat diduduki oleh pelajar, proses T&C ini akan dipatuhi oleh barisan perunding profesional setiap disiplin. Seperti arkitek, jurutera, juruukur bahan dan juga jabatan bomba. Kita peka dengan pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun kita akan pastikan ia dapat diselesaikan dengan masa yang paling singkat.

Timbul ada isu yang berbeza tadi diungkitkan oleh Yang Berhormat Taiping tentang peruntukan sekolah kerajaan termasuk sekolah SJK(C), 409 buah SJK(C). Di mana dibayar bil elektrik dan air seperti SK dan SJK(T) kerajaan yang lain. Sebenarnya dalam bajet baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kewangan telah meningkatkan pembayaran bil daripada RM2,000 kepada RM5,000 untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah tersebut. Juga sekolah bantuan kerajaan termasuk 8,085 SJK(C) bantuan kerajaan telah dapat kemudahan kenaikan bayaran, seperti saya katakan tadi daripada RM2,000 hingga RM5,000.

Di sini memang kerajaan memastikan keadilan berlaku kerana kalau kita lihat tadi dikatakan tentang kemudahan-kemudahan SJK(C), kalau kita lihat kemudahan-kemudahan sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak, sebenarnya lagi teruk. Itulah dalam pengagihan ini, kita melihat keadilan itu jika kita bercakap tentang *wasatiyyah* dan sebagainya. Kalau kita melihat tentang keadilan, memang perlu kita melihat bagaimana sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak itu perlu didahulukan kalau dibandingkan dengan sekolah-sekolah di bandar. Jadi, penekanan harus diberi kepada mereka, bukan hanya melihat kepada peruntukan kepada sekolah-sekolah tersebut sahaja.

Sebenarnya, untuk makluman Yang Berhormat Taiping juga bahawa Sekolah Jenis Kebangsaan Hua Lian 2, Taiping telah diturunkan peruntukan sejumlah RM100,000 bagi menampung skop sebahagian kos pembinaan bangunan baru sekolah berkenaan. Apabila Yang Berhormat Temerloh juga ada— dia sudah keluar tetapi dia hantar nota kepada saya, supaya saya menjawab soalan beliau tentang pendidikan Islam. Sebenarnya, pendidikan Islam sedang dinaik taraf melalui dokumen standard KSSR dan KSSM.

Selain daripada itu, pendidikan Islam dinaik taraf melalui kurikulum bersepadu dini di kementerian dan kurikulum bersepadu tahfiz di kementerian yang dilaksanakan pada tahun ini dan akan terus berkembang pada tahun hadapan. Tahfiz model Ulul Albab telah dilaksanakan di Kedah, di Wilayah dan juga di Pahang dan akan dilaksanakan pada tahun selepas pada ini diperluaskan pada 15 buah sekolah sehingga tahun 2017. *Insyaa-Allah*, usaha-usaha menaik taraf pendidikan Islam ini akan diteruskan. Ramai juga yang...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin penjelasan iaitu berkaitan dengan penaik taraf pendidikan Islam ini. Adakah kerajaan ada bercadang untuk menambahkan lagi bilangan sekolah jenis kebangsaan agama, makna sekolah menengah kebangsaan agama di seluruh negara? Oleh sebab permintaan yang terlalu tinggi daripada ibu-bapa. Jadi, suasana dan keadaan yang— keperluan inilah menyebabkan ibu-bapa sanggup menghantar dengan yuran yang mahal ke sekolah-sekolah swasta kerana inginkan pendidikan agama yang terbaik. Sedangkan keperluan ini tidak mencukupi yang disediakan oleh sekolah arus perdana di bawah Kementerian Pendidikan. Jadi, saya ingin penjelasan, adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi bilangan sekolah-sekolah kebangsaan agama ini?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Apa juga penambahan yang akan dibuat oleh kementerian akan dikaji mengikut keperluan-keperluan dan perimbangan-perimbangan yang harus dilaksanakan sehingga kini. Walau bagaimanapun usaha-usaha untuk menaik taraf itu akan diteruskan oleh kementerian.

Ramai juga yang bercakap tentang isu buli. Yang Berhormat Sekijang, bercakap tentang isu buli. Sebenarnya, isu buli ini berfokus kepada aktiviti-aktiviti program yang dijalankan dan sebab itulah di kementerian kita sedang memperkukuhkan amalan guru penyayang. Di mana guru dimohon untuk menjadikan pelajar-pelajar yang berpotensi, yang bermasalah ini sebagai anak angkat mereka.

Menguatkan Program Mentor Mentee, melaksanakan Kempen Anti Buli, meningkatkan kerjasama dengan komuniti, NGO dan juga melalui pegawai perhubungan, polis dan juga di sekolah. Antara yang saya katakan tadi adalah untuk memastikan wujudnya seorang warden yang mampu untuk memastikan mereka menjadi warden sepenuh masa, untuk dapat mengawal asrama-asrama yang mana pelajar-pelajar itu menginap.

Yang Berhormat Pengerang juga bertanya tentang pendidikan vokasional. Sebenarnya, sehingga kini terdapat tiga kolej vokasional yang dalam pembinaan di Johor iaitu Kolej Vokasional Pagoh, Kolej Vokasional Tanjong Piai dan Kolej Vokasional Pasir Gudang. Ketiga-tiga

kolej vokasional ini dijangka mampu menampung pelajar dari Parlimen Pengerang. Pihak kementerian akan mengkaji keperluan menaik taraf sekolah menengah kepada kolej vokasional di kawasan Parlimen Pengerang sebagaimana yang dicadangkan tadi pada masa akan datang berdasarkan kepada keperluan semasa.

Berhubung dengan penggunaan vitamin daripada Yang Berhormat Pengerang juga. Terdapat cadangan untuk membekalkan vitamin kepada murid sekolah tetapi bukan sebagai ganti kepada Program Susu 1Malaysia. Kementerian telah menerima permohonan untuk melanjutkan tempoh pelaksanaan Program Vitamin 1Malaysia di bawah pembiayaan kementerian sepenuhnya untuk tempoh enam tahun mulai tahun 2015 hingga 2020. Buat masa ini, permohonan ini sedang dikaji semula untuk melihat kesan dan kesesuaian program. Untuk makluman, program yang sama pernah dilaksanakan pada tahun 2011 hingga 2012 di bawah pembiayaan 1MDB.

Apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengerang juga bahawa kementerian sentiasa memastikan semua permohonan pembelian perabot yang diterima diproses sewajarnya berdasarkan sumber peruntukan yang disediakan. Peruntukan ini diturunkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri untuk pelaksanaan. Bagi keperluan perabot di sekolah baru, keperluan-keputusan ini telah dimasukkan sekali dalam peruntukan pembangunan projek. Bilangan perolehan meja dan kerusi ini adalah bergantung kepada emolumen dan bilangan sebenar pelajar di sekolah.

Untuk kursus-kursus yang dikatakan tentang kebolehpasaran graduan-graduan ini, memang kebelakangan ini kita akan pastikan agar kolaborasi dengan industri akan dapat ditingkatkan. Ini Yang Berhormat Sekijang ada bertanya tadi dan inilah usaha-usaha yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan dengan kerjasama dengan Bank Dunia untuk memastikan ia dapat dilaksanakan. Juga kerjasama dengan industri-industri agar semua kursus-kursus yang ditawarkan oleh kementerian itu akan selaras dengan apa yang diperlukan oleh industri.

■2320

Memang kebelakangan ini kita lihat banyak universiti yang telah ada juga politeknik, kolej vokasional dan juga kolej komuniti yang pastinya kerjasama mereka dengan industri itu akan ditingkatkan dari semasa ke semasa. Tadi ada tuduhan sebenarnya tentang seorang pensyarah yang dikatakan melakukan plagiat tesis PhD. Saya ingin mengatakan bahawa kita jangan sewenang-wenang menuduh. Oleh kerana ada SMS, dalam kita menerima *WhatsApp*, kita menerima telegram, kita menerima SMS, terus kita mengatakan bahawa ia ada unsur plagiat. Di sini saya hendak mengatakan pihak UMK telah menghubungi universiti di mana pensyarah tersebut mendapat PhD nya iaitu bukannya sebuah universiti kecil tetapi merupakan Universiti Vienna yang telah mengeluarkan 12 *Nobel Laureates*, mereka mengambil serius tentang perkara ini. Profesor Thomas Voyer daripada universiti Vienna juga telah datang dan telah membuat perbincangan dengan UMK.

Walau bagaimanapun, oleh kerana sudah wujud tuduhan-tuduhan tersebut, Universiti Vienna telah mewujudkan satu jawatankuasa bebas untuk terus menyelidik. Akan tetapi saya

hendak mengingatkan kepada kita semua, oleh kerana kita menerima SMS kita terus mempercayai SMS tersebut dan mengatakan yang plagiat itu benar-benar berlaku. Jadi saya mohonlah...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Perkara ini bukan tuduhan, perkara ini ada bukti dan kita dimaklumkan lebih daripada 100 muka surat daripada tesis yang dibuat itu adalah *copy and paste* lah, macam itulah lebih kurang. Jadi perkara ini – saya mengira bukan individu yang dimaksudkan untuk UMK sahaja, apa lagi imej IPTA kita perlu kita jaga. Begitu juga di universiti-universiti yang lain. Jadi, saya harap dan saya kira sebelum ini juga pernah dibangkitkan, Yang Berhormat Seputeh telah bangkit dalam Dewan yang mulia ini isu yang sama berkaitan dengan seorang profesor yang *copy and paste* tesis mereka.

Jadi, saya pun mengharapkan supaya apa jua laporan yang boleh menjatuhkan kredibiliti kita, sistem pengajian kita seharusnya dipandang berat oleh pihak universiti, tidak kita menyalahkan orang yang memberi laporan tanpa kita buat kajian yang bersungguh-sungguh. Perkara ini bukan satu fitnah sebab perkara ini ada bukti. Jadi, saya harap perkara ini diberi perhatian yang serius untuk kebaikan masa depan pendidikan dalam negara kita, terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Akan tetapi tadi masa membuat hujah seolah-olah Yang Berhormat mengatakan memang wujud plagiat. Bukan lagi tuduhan, seolah-olah wujud, terlalu yakin bahawa wujudnya plagiat. Tidak ada orang yang boleh mengatakan berlakunya plagiat atau *plagiarism* selain daripada universiti yang memberi ijazah tersebut. Kita ini semena-mena oleh sebab kita mendapat beberapa bukti, memang empat muka pertama itu ada sedikit persamaan. Itu merupakan permulaan tesis dan bukan *content* tesis tersebut. Jadi, saya mohonlah kalau kita mendapat apa-apa juga maklumat daripada SMS atau pun apa juga e-mel ini kita perlu melihat, jangan kita tuduh sewenang-wenangnyanya.

Kita di kementerian, memang kita tidak ada toleransi tentang plagiat ini. Akan tetapi saya juga memohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ini kalau kita tidak mempunyai – oleh kerana kita rasa kita sudah – saya pun itulah mula-mula diberi pandangan tersebut, saya menghubungi dan pihak universiti telah menghubungi *University of Vienna*. Jadi ini ialah satu tamparan hebat kepada sebuah universiti yang telah mengeluarkan 12 *Nobel Laureates* dan mereka tidak akan *tolerate accusation* tuduhan-tuduhan tersebut. Memang kita pastikan ia tidak berlaku, kita mengambil serius tentang perkara ini tetapi saya harap kita tidak akan buat tuduhan-tuduhan liar tanpa kita mengetahui apa perkara yang sebenarnya.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Sibu, Yang Berhormat Sibu sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sibu di belakang bangun.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: [Bangun]

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang bagaimana dengan kesimpulan siasatan terhadap Info Didik?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak berkaitan Yang Berhormat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Info Didik ini. boleh Yang Berhormat Menteri beri sedikit penjelasan tentang buku rujukan Info Didik. Ia ada unsur kandungan mengatakan bahawa skop..

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat telah bahas ini di peringkat dasar.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Tahu, tahu. SJK ialah punca pemisahan kaum dan juga mengatakan bahawa ada unsur-unsur permusuhan antara kaum juga. Jadi boleh Yang Berhormat Menteri memberi sedikit penjelasan? Laporan polis sudah dibuat tiga minggu lalu. Akan tetapi sampai sekarang buku ini masih boleh dijual di kedai-kedai buku. Tidak ada tindakan yang diambil oleh kementerian pendidikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Mungkin Yang Berhormat silap kementerian. Banyak tadi saya mendengar mungkin tentang isu 1BestariNet ini sebenarnya. Ini kerana ada banyak tuduhan-tuduhan yang dikatakan tentang keberkesanan 1BestariNet. Sebenarnya pelaksanaan 1BestariNet ini ialah mengikut kajian impak yang telah dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) bersama-sama dengan Jawatankuasa Teknikal Spesifikasi Perkhidmatan 1BestariNet. Bukannya ia dilaksanakan sewenang-wenangnya tanpa kajian-kajian yang terperinci.

Tender terbuka telah dibuka kepada 16 buah syarikat pada 15 Mei 2011. Daripada tender terbuka tersebut, YTL Communications Sdn. Bhd. telah mendapat tawaran tersebut. Sehingga kini pencapaiannya bukan kata tidak ada langsung yang capai, sebanyak 8,886 buah sekolah telah dirangkaikan daripada 9,899 buah sekolah. Hanya 1,003 yang belum dirangkaikan. Ini telah diberi alternatif perkhidmatan internet interim oleh pembekal lain. Kita juga memastikan ada wujudnya isu-isu penambahbaikan. Kelewatan ini antaranya kerana ada beberapa buah negeri yang tidak beri kerjasama. Antaranya ialah negeri Sarawak, Pulau Pinang dan Kelantan yang mana walaupun kita telah mendapat kebenaran dari Pulau Pinang dan Kelantan tetapi ia lewat 12 hingga 16 bulan menyebabkan beberapa perkara tadi tidak dapat dilaksanakan dengan sewajarnya.

Memang untuk isu penambahbaikan ini, kementerian memastikan adanya penggunaan *Very Small Aperture Terminal (VSAT)* untuk beberapa buah sekolah di Sabah dan Sarawak dan juga mengekalkan "dongles" untuk digunakan agar ia dapat dilaksanakan, *connectivity* itu akan bertambah baik. Kita faham bahawa tahap penggunaan pada tiga tahun pertama ini agak rendah, kurang daripada 5% dan ini merupakan peringkat permulaan penggunaan integrasi yang sedang dilaksanakan di kementerian. Kementerian mengatakan bahawa kita akan meningkatkan penggunaan pada tahun 2015 ini ke peringkat 25% hingga 40%. Itu komitmen kementerian.

Memang dalam apa juga perkara-perkara baru yang memerlukan integrasi sistem. Memang kita menghadapi *S-curve* di mana di peringkat permulaannya memang agak perlahan

tetapi kita jangka *insya-Allah* selepas daripada ini dengan langkah-langkah yang sedang dilaksanakan kita akan pastikan ia akan dapat mencapai penggunaan 25% hingga 40% di peringkat sekolah-sekolah. Kita menjamin kualitinya kerana kualitinya dijamin oleh *International Telecommunication Union Standard* ataupun ITU Standard sebenarnya. Ia telah diaudit oleh MAMPU dan juga Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM), bukan tidak pernah diaudit.

Untuk memastikan kelajuan jalur lebar ataupun *bandwidth*, kependaman ataupun *latency*, penurunan paket ataupun *packet drop* dan juga naik *opelet (jitter)* itu akan dapat kita capai dengan sebaik-baiknya. Walau bagaimanapun, kesemua ini Jabatan Audit Negara sedang melaksanakan satu proses audit telah dilaksanakan, siasatan khas dilaksanakan di bawah JPA untuk memastikan ia dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Ada beberapa lagi bandar tentang bandar estet yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai tadi. Kita memahami memang ada beberapa kelemahan dalam pelaksanaan tetapi kementerian akan pastikan ia dapat diatasi.

■2330

Berhubung tindakan tatatertib kepada mereka-mereka yang terlibat tentang keputusan kebocoran UPSR kita melihat bahawa tiga telah dihadapkan ke mahkamah dan didakwa mengikut seksyen 8, Akta Rasmi 1972. Ini membawa hukuman penjara minimum setahun dan maksimum tujuh tahun. Kementerian sentiasa memandang serius kebocoran soalan peperiksaan dan telah membuat langkah-langkah untuk pastikan penggunaan CCTV yang sepenuhnya, penggunaan karung guni dan juga karung plastik sepenuhnya, pengawasan polis sehingga ke tempat destinasi...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: ...Memastikan kunci dan kombinasi kunci akan dipegang oleh dua orang yang berlainan, pastikan telah melaksanakan rombakan pegawai dan juga memastikan semua pegawai melalui tapisan keselamatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Okey.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri sini. Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga kepada Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut berkaitan dengan isu tiga orang guru yang telah didakwa di mahkamah kerana pembocoran kertas UPSR. Akan tetapi saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri, adakah kertas ini boleh bocor sebab tiga orang guru yang terlibat? Saya rasa ada pihak-pihak yang lain juga turut terlibat. Mana boleh hanya tiga orang guru yang boleh menyebabkan kertas ini bocor.

Saya rasa ini ada pihak yang lebih berjawatan tinggi dalam kementerian terlibat dalam isu ini. Saya nampak memang ada usaha-usaha untuk menutup hanya dengan menangkap hanya tiga orang guru dan bawa ke mahkamah, mendakwa mereka dan tutup kes. Saya rasa tidak patut macam itu. Bagi penjelasan.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Yang Berhormat jangan sekali lagi menuduh bukan-bukan kerana kita telah beri polis untuk menyiasat perkara tersebut. Kalau Yang Berhormat ada maklumat berilah kepada kementerian, kita sanggup mendengar.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Menteri, Menteri...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Akan tetapi Yang Berhormat datang ini seolah-olah polis itu tidak pandai sangat buat kerja.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Masalahnya...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Jadi berilah masa kepada mereka.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Menteri, masalahnya...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Nanti sekejap, Yang Berhormat nanti sekejap duduk kechap. Bangun dengan tuduh menuduh orang ini tidak bagus Yang Berhormat. Kita dalam Parlimen kita patut lebih berakhlaklah. Kalau betul saya kata betul sebab itu kita...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Menteri, Menteri saya bukan tidak berakhlak...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: ...Terbuka dan kita beri ruang kepada polis untuk menyiasat sepenuhnya.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Sampai bila hendak menyiasat?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Tuduh menuduh mengata ini orang...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Menteri, Menteri sampai bila hendak menyiasat? Kalau tiga orang boleh bawa ke mahkamah dan betul di mahkamah, kenapa yang lain masih belum disiasat lagi? Sampai bila kita hendak tunggu untuk siasat? Saya rasa benda ini tidak betullah Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Bukan, bukan tiga orang sahaja yang disiasat Yang Berhormat. Yang Berhormat, ramai telah disiasat tetapi yang boleh didakwa hanya tiga sahaja kerana bukti-bukti yang lengkap. Itulah dikatakan kita datang sini kita mahu keadilan...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Menteri, perkara ini memang tidak boleh diterima akal Menteri. Yang kena tangkap itu...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Nanti kechap Yang Berhormat ...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Menteri yang kena tangkap itu...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Kechap Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk kechap.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Menteri yang kena tangkap itu adalah guru, adakah guru ini yang membocorkan?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Bagaimana guru ini boleh dapat kertas itu Menteri?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Eh! Duduk kechap, duduk kechap.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya hendak tahu macam mana guru ini boleh dapat jawapan kertas-kertas soalan kalau bukan daripada...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Duduk kechap. Duduk. Itu cara dia. Pihak polis buat siasatan, dia tidak boleh membuat dakwaan tanpa bukti-bukti yang lengkap. Kalau tidak ada bukti-bukti yang lengkap, makna tidak ada keadilan. Yang Berhormat sahaja bersyarah tiap-tiap malam cakap fasal keadilan. Bila kes ini, tidak mahu keadilan. Macam mana Yang Berhormat?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Menteri boleh saya cakap? Yang Berhormat Menteri, akhirnya yang kena tangkap itu ikan bilis, jerung semua sudah lepas. Itu masalahnya.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Tangkap jerung Menteri, tangkap jerung.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Itu sudah saya katakan bahawa itulah yang sedang dilaksanakan di mana isu ini *insya-Allah* akan dapat ditangani dengan baik. Saya jangka- sebab itu saya telah beri keyakinan bahawa ini *insya-Allah* tidak akan ada kebocoran SPM lagi dan *insya-Allah* kita akan dapat mengatasi. Satu lagi kaedah yang digunakan ialah menggunakan kaedah RFID di mana pengesanan soalan-soalan itu akan dapat sampai ke tempat di mana ia berada. Jika ada kebocoran berlaku, RFID akan memberi *alarm* kepada sistem yang ada pada masa tersebut.

Isu Yang Berhormat Bukit Katil ada mengemukakan tentang Dewan Bahasa tadi. Sabotaj tuduhan Yang Berhormat ini sebab...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih. Tidak saya...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Okey. Saya sudah dengar tadi, saya sudah dengar tadi Yang Berhormat kata ada ini sebab itu kajian siasatan dijalankan. Siasatan itu akan memberitahulah sama ada, ada tidak ada. Jadi tidak boleh jawab sinilah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, tidak sebab itu saya...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Kalau ada saya akan beritahu ada, kalau tidak ada, tidak adalah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tanya tadi adakah...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Kalau ada, adalah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Jawatankuasa itu mengambil rakaman percakapan daripada Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan sebab yang mendakwa mengatakan sabotaj kebocoran itu adalah sabotaj pada diri dia dan juga kementerian adalah Timbalan Perdana Menteri sendiri. Jadi adakah mengambil rakaman percakapan itu? Ini sebab bagi saya bahawa kenyataan itu serius itu. Timbalan Perdana Menteri yang bertanggungjawab.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Polis sudah buat siasatan, macam tadi juga dan akan mengemukakan siasatan itu jika ada, jika ada, tidak ada, tidak adalah. Polis akan membuat, dalam itu penyiasatan untuk polis. Okeylah dalam siasatan polis.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi adakah Menteri Pendidikan...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Tidak, kalau polis kata ada, adalah, kalau polis kata tidak ada, tidak adalah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Adakah Menteri Pendidikan bersedia memberikan rakaman percakapan kepada pihak polis?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Polis yang akan menentukan, polis yang akan membuat siasatan. Kalau perlu tidak perlu atas polis bukan atas...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan macam ini Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yalah sepatutnya saya fikir Tuan Pengerusi bila Menteri Pendidikan yang membuat dakwaan sepatutnya dia kena kemuka kepada pihak polis tentang laporan secara *detail*.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Okey, polis akan menentukan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sepatutnya Menteri Pendidikan kena kemukakan laporan kepada polis kata bahawa ini adalah sabotaj terhadap diri dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini sebab malam ini pun dia berucap rasmi Pemuda UMNO dengan Wanita UMNO pun dia memberikan gambaran yang...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Itu cerita lain pula sudah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Menimbulkan kegelisahan.
[Disampuk] Dia gelisah.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Duduklah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia takut nanti UMNO jatuh apa semua.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Dia tidak takut UMNO jatuh. Di kampung saya baru ini satu keluarga sepupu 32 tahun tidak bertegur sapa kerana PAS mengharamkan mereka. Selama 32 tahun Yang Berhormat, sepupu satu kampung, Kampung Air Terjun Besut Terengganu dekat kampung saya. Ini kerana PAS, ajaran PAS ini.

Okey, isu berhubung dengan Yang Berhormat Bukit Katil tadi tentang isu Dawama sebenarnya sejak diambil alih oleh Dewan Bahasa dan Pustaka *alhamdulillah* penjualan buku-buku dan penerbitan Dewan Bahasa telah bertambah begitu mendadak hampir dua tiga kali ganda.

Banyak lagi telah saya terima tetapi saya mengatakan bahawa kerajaan kementerian akan mengambil tindakan-tindakan di mana pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat pada malam ini. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan bajet kita pada malam ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Menteri, Menteri satu isu Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Satu isu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya habis Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM39,211,432,000 untuk Maksud B.63 dan RM13,147,617,100 untuk Maksud B.64 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM39,211,432,000 untuk Maksud B.63 dan RM13,147,617,100 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,636,895,200 untuk Maksud P. 63 dan RM2,637,231,600 untuk Maksud P.64 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,636,895,200 untuk Maksud P.62 dan RM2,637,231,600 untuk Maksud P.64 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

[Rang Undang-undang Perbekalan 2015 dan Usul Anggaran Pembangunan 2015 dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

■2340

Bacaan Kali Yang Ketiga

Menteri Kewangan II [Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2015 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

USUL

Menteri Kewangan II [Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh bilion empat ratus sembilan puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh empat ribu ringgit (RM50,499,994,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2015, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2015, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2014, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh bilion empat ratus sembilan puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh empat ribu ringgit (RM50,499,994,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2015, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2015, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2014, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 26 November 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.45 malam]